



**INTERNATIONAL CONFERENCE ON  
COMMUNICATION, MANAGEMENT AND  
HUMANITIES 2022**

**(ICCOMAH III)**

**26 MAY 2022**

**E-PROCEEDING**

**EDITORS:**

**REZKI PERDANI SAWAI**

**JOKI PERDANI SAWAI**

**QUAH WEI BOON**



e ISBN 978-967-2882-06-0



Copyright ©2022 AID Conference

Cover design ©2022 AID Conference

All rights reserved.

No part of this book may be reproduced in any form or by any electronic or mechanical means – except in the case of brief quotations embodied in articles or reviews – without written permission from its publisher.

Copyright ©2022 AID Conference Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

## PREFACE

We would like to congratulate all for the success in organising the International Conference on Communication, Management and Humanities 2022 (ICCOMAH III). Starting in 2016, the first ICCOMAH was organized by the AID Academy (formerly known as the AID Conference) where we welcome all experts in the field of communication, management and humanities to share research findings and new insights related to their fields.

We open opportunities to all academics, practitioners, professionals, policy makers, graduate students and even undergraduate students to participate in this conference. In addition to presentation, we also publish the findings in the form of e-proceeding with at least two forms of writings—full papers and extended abstracts.

This e-Proceeding has successfully published. This e-proceeding contains 42 papers which include full papers and extended abstracts. Papers covering a wide range of topics from various fields in the sciences, humanities and social sciences. This paper has gone through a level of detailed screening and has been reviewed by a certified evaluator. The extended abstracts are those write ups with 900-1200 words. The full papers are the longer version with more elaboration about the topic discussed.

Millions of thanks to all ICCOMAH III committee members who were involved in making this conference a success and ensuring the publication of this e-proceeding. Not forgetting also to all the writers who contributed their papers in this ICCOMAH III proceeding.

We also would like to take this opportunity to thank all the presenters for participating in this conference. Without your participation, this conference would not have been possible. A word of appreciation to all committee members in ensuring the smooth running of this conference. See you again in the upcoming conference!

Thank you.

Dr Rezki Perdani Sawai  
Joki Perdani Sawai  
Quah Wei Boon

## TABLE OF CONTENTS

No.	Title and Authors	Page
1.	KONSEP KEJAHILAN UNDANG-UNDANG BUKAN SUATU ALASAN  Ramalinggam Rajamanickam	1-5
2.	LARANGAN PENJUALAN ALKOHOL PADA HARI TERTENTU: KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA  Ramalinggam Rajamanickam	6-10
3.	MAMPUKAH KANAK-KANAK MEROGOL MENGIKUT UNDANG-UNDANG MALAYSIA?  Ramalinggam Rajamanickam	11-20
4.	PEMARTABATAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN DALAM KERANGKA UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN DI MALAYSIA  Ramalinggam Rajamanickam	21-26
5.	GAMBARAN UMUM BERKAITAN EUTANASIA DALAM KONTEKS PERUNDANGAN DAN ETIKA  Mohd Zamre Mohd Zahir, Ramalinggam Rajamanickam, & Al-leslah Badrul Hisham	27-41
6.	PUNCA TEKANAN EMOSI GURU SEMASA PANDEMIK COVID-19 DAN APLIKASI TEORI KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI RYFF 1989 SEBAGAI CADANGAN PENYELESAIAN  Hanita Ladjaharun, Anuar Ahmad	42-67
7.	ANALISIS SEMIOTIKA PADA KEBUDAYAAN FILM TARUNG SARUNG  Silpia Nursapitri & Ahmad Fatoni	68-72
8.	SATU KAJIAN BAHASA SEKSIS DALAM PERIBAHASA MELAYU  Sharmin Kutty Sivaraman & Mohd Firdaus Che Yaacob	73-97

9.	KONSEP DIRI PELAKU COSTUME PLAY CROSSDRESS  Chika Lukmina Kusumawardhani, Nuriyati Samatan, Sendi Eka Nanda & Lenie Okviana	98-103
10.	KAJIAN TERHADAP PENGGUNAAN WAKAF SOLAR SEBAGAI HUB PENGEKASAN TELEFON PINTAR  Siti Sara binti Yaacob Zubir, Fitriyah Binti Mohd Roslan, Marshitah Binti Muhamad, Abineshwary A/P Subramaniam	104-109
11.	Jari JARI PECAHAN MASA DALAM MENINGKATKAN PENCAPAIAN MATEMATIK MURID SEKOLAH RENDAH  Chwee Hoon, Khoo, Yoon Fah, Lay	110-115
12.	PENGGUNAAN APLIKASI <i>e</i> -BMCP SEBAGAI ALAT PENGURUSAN STRATEGIK KEUSAHAWANAN DI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  Shameira Binti Md Apanidi, Hadijah Binti Kodiron & Masayu Binti Ismail	117-126
13.	PERSEPSI PENGGUNA TERHADAP PEMILIHAN JENAMA TEMPATAN  Rafedah Binti Husain, Siti Fatimah Binti Md Azali & Nor Aziah Binti Azizan	127-138
14.	KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP ULASAN ATAS TALIAN  Rafedah Binti Husain	139-153
15.	PEMUPUKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ALGEBRA PELAJAR MELALUI KAEDAH MODEL BAR DALAM PDPR MATEMATIK  Janet Jahudin, Nyet Moi Siew	154-172
15.	AKAL BUDI MELAYU DALAM CERITA RAKYAT KANAK-KANAK  Mohd Firdaus Che Yaacob, Sharmin Kutty Sivaraman	173-187
16.	MURIDKU <i>YOUTUBER</i> : MELIBATKAN MURID 5 SAINS DALAM PENGHASILAN VIDEO PEMBELAJARAN BAGI MENINGKATKAN PENCAPAIAN DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH SPM  Hanita binti Ladjaharun	188-203

17.	POLA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN KHALAYAK DI MALAYSIA KETIKA BERHADAPAN KRISIS PANDEMIK COVID-19  Aisah Meri, Syahrudin Awg Ahmad, Sitinurbayu Mohd Yusoff	204-211
18.	PENGURUSAN SET INDUKSI OLEH GURU PRAKTIKUM BAHASA MELAYU  Mohd Haidi Mohd Kasran, Ph.D & Rozeha Harun	212-226
19.	TINJAUAN TERHADAP MOTIVASI PENCAPAIAN DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI  Abdul Rashid Abdul Aziz, Mohd Faizal Kasmani, Mohamad Isa Amat, Muhammad Asyraf Che Amat, Shahirah Sulaiman	227-240
20.	STRATEGI DAYA TINDAK TERHADAP KRISIS RUMAHTANGGA DALAM MEMACU KESEJAHTERAAN HOLISTIK  Abdul Rashid Abdul Aziz, Nurun Najihah Musa, Rezki Perdani Sawai, Husin Sungkar, Joki Perdani Sawai	241-250
21.	KESAN PANDEMIK COVID-19 KEPADA SOSIAL DAN KOMUNITI: SATU KAJIAN KUALITATIF TERHADAP AKTIVITI KEAGAMAAN  Peter Voo, Ismail Bin Maakip, Sharon Kwan Sam Mee, Mohd Nor Azan Bin Abdullah	251-259
22.	KADAR PREVALENS KETIDAKSELESAAN MUSKULOSKELETAL DALAM KALANGAN ANGGOTA POLIS TRAFIK  Bernadette Thien, Getrude C. Ah Gang @ Grace, Peter Voo, Ismail Maakip	260-264
23.	LIMITASI KEBEBASAN BERSUARA DALAM FACEBOOK, INSTAGRAM DAN WHATSAPP  Keshava Rao Tharma Raja & Hazlina Shaik Md Noor Alam	265-268
24.	KAJIAN REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN MASK SENSOR SEBAGAI MEKANISMA KAWALAN PENULARAN WABAK COVID-19  Nurzaliza Binti Ghazali, Khaizilah Binti Ahmad, Muhd Azril Fahmi Bin Azri	269-275

25.	AWARENESS ABOUT DATA JOURNALISM IN MALAYSIA AMONG STUDENTS AT UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM): A PRELIMINARY STUDY  Siti Suriani Othman	276-281
26.	TOURISM AND ALTERNATIVE DISPUTE RESOLUTION  Nur Khalidah Dahlan	282-291
27.	SASAMPE RITUAL COMMUNICATION AS A FORM OF GRATEFULNESS TO THE TEMENENO AND THE UNIFIER OF BANGGAI COMMUNITY  Nuriyati Samatan, Desi Pujiati, Sendi Eka Nanda, & Robingah	292-297
28.	BREAKING THE BARRIER - ONLINE READER'S THEATRE AS A TOOL FOR LANGUAGE PRACTICE AND LITERARY REFLECTION  Erda Wati Bakar	298-304
29.	STUDY OF CHILDREN'S TESTIMONY IN THE CHINA'S LEGAL SYSTEM  Cao Zhaoxun & Ramalinggam Rajamanickam	305-329
30.	SOCIAL LIFE: A STUDY IN THE TEACHING OF REALISTIC SUBJECT PAINTING  Cao Wenjing	330-339
31.	A STUDY ON THE SOCIALIZATION OF BYSTANDER EFFECT: TAKING THE XIAO YUEYUE INCIDENT AS AN EXAMPLE  Ai Yueyue & Rozmi Bin Ismail	340-355
32.	TEACHING INTEGRATION: A STUDY OF INTEGRATING INTELLECTUAL PROPERTY INTO MUSIC CLASSROOM TEACHING  Li Yongcong & Cao Zhaoxun	356-362
33.	MANAGEMENT FIELD IN LEADERSHIP THEORIES  Mohd Haizra Hashim & Mohd Ali Mohamad	363-374

34.	THE SIGNIFICANT OF PERFORMANCE MANAGEMENT TO INFLUENCE TRUST IN LEADER  Irene Tiurma Siagian, Cosward Jack & Caroline Dame Siagian	375-385
35.	THE ECONOMIC WELL-BEING O THE DISABLED IN THE KLANG VALLEY DURING MCO AND ALTERNATIE MEHODS OF ECONOMIC SUPPORT  Fatihah Alias, Norailis Ab. Wahab, Umi Waheeda I'zaaz Zulkifly & Nur Mustaqim Jamalludin	386
36.	PASAR BORNEO AND THE MANIFESTATION OF IBAN AS AN ETHNIC IDENTITY  Audrey anak John, Sultana M. Alam & Chin Yee Mun	387-398
37.	DETERMINANTS OF GREEN PURCHASING BEHAVIOR OF YOUNG CONSUMER  Amirah Othman, Siti Hajar Khazali	399-406
38.	THE EFFECTS OF ADVERTISING JINGLES ON BRAND RECALL IN FAST FOOD INDUSTRY  Jan Lee Yi Xuan, Chew Wan Fang, Lam Su Yee, & Nur Afni Binti Halil	407-418
39.	FINAL YEAR PROJECT EXPERIENCE SURVEY FOR DIPLOMA STUDENTS, DEPARTMENT OF INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY, POLITEKNIK UNGKU OMAR  Mazlina Binti Md Mustaffa	419-429
40.	COPING WITH MENTAL HEALTH AMONG CYCLING ATHLETES IN TERENGGANU DURING COVID – 19 PANDEMIC  Yasmin Syauqina Mohd Yusoff, Azlina Zid, Mohd Noorazlan Ab Aziz, Hajar Asmidar Samat, Siti Fadhilah Abd Hamid, Mustakim Hashim	430-434



41.	THE IMPACT OF WORK-FROM-HOME PERFORMANCE AMONG MALAYSIAN FOOTBALL LEAGUE (MFL) EMPLOYEES DURING THE COVID-19 PANDEMIC IN MALAYSIA  Muhammad Marzuqi Mazlan, Azlina Zid, Fadli Fizari Abu Hassan Asari, Siti Aishah Wahab, Mohammad Adzly Rajli, Rozita Abd Latif	435-439
42.	WHISTLEBLOWING AND SYARIAH OBLIGATIONS IN CORPORATE GOVERNANCE  Hazlina Shaik Md Noor Alam	440-442

# KONSEP KEJAHILAN UNDANG-UNDANG BUKAN SUATU ALASAN

Ramalinggam Rajamanickam  
*Fakulti Undang-Undang*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*  
*Email: [rama@ukm.edu.my](mailto:rama@ukm.edu.my)*

## Abstrak

Undang-undang merupakan set peraturan yang mengawal selia segala aspek kehidupan manusia dan berperanan untuk memastikan keharmonian kehidupan bermasyarakat dan bernegara sentiasa terpelihara. Peranan undang-undang juga penting dalam menentukan sama ada sesuatu tindakan atau perbuatan adalah betul atau salah di sisi undang-undang. Jika sesuatu tindakan atau perbuatan didapati sebagai bertentangan dengan undang-undang yang dikanunkan, maka tindakan undang-undang yang relevan boleh diambil terhadap pihak yang melanggar undang-undang tersebut. Isu yang mungkin dibangkitkan ialah bolehkah seseorang membela diri dengan mengatakan bahawa dia tidak tahu kewujudan undang-undang tersebut? Adakah ketidaktahuan undang-undang dapat dibangkitkan sebagai suatu alasan untuk membela diri di mahkamah? Persoalan ini perlu dirungkai di sisi undang-undang bagi memberikan kefahaman tentang konsep kejahilan undang-undang (*ignorance of law*) di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep kejahilan undang-undang dengan memfokuskan kepada takrifan konsep tersebut dan kesannya di sisi undang-undang. Bagi mencapai tujuan ini, pendekatan kualitatif dengan kaedah penerokaan dan penerangan (*exploratory and explanatory methods*) digunakan. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah analitis dan kritis. Kajian ini mendapati bahawa kejahilan atau ketidaktahuan undang-undang tidak boleh digunakan oleh mana-mana orang sebagai pembelaan apabila dia melanggar undang-undang di sesebuah negara. Hal ini sekali gus menunjukkan keperluan rakyat untuk mempunyai literasi tentang undang-undang di sesebuah negara. Literasi undang-undang dapat mengelakkan seseorang daripada melanggar undang-undang disebabkan oleh ketidaktahuannya.

**Kata kunci:** *kejahilan undang-undang, literasi undang-undang, pembelaan, alasan*

## 1. PENDAHULUAN

Undang-undang amat penting kerana undang-undang boleh menjadikan seseorang lebih sistematik dan strategik. Undang-undang juga membantu dalam menentukan cara manusia harus bertindak untuk mencapai kehidupan masyarakat yang aman sambil menikmati kebebasan individu. Kunci kepada sebuah negara yang berjaya ialah undang-undang yang tegas, kukuh dan adil yang memberikan kebebasan yang sama rata dan saksama kepada semua rakyat negara.

Undang-undang yang sah mengikat masyarakat di sesebuah negara. Hal ini bermakna bahawa undang-undang tersebut mestilah dipatuhi oleh rakyat. Kegagalan mematuhi undang-undang tersebut akan mengakibatkan tindakan undang-undang diambil terhadap orang yang melanggarnya. Jika seseorang mematuhi undang-undang yang ditetapkan, maka orang tersebut akan mendapat perlindungan yang sewajarnya di sisi undang-undang. Pematuhan undang-undang membolehkan seseorang mengetahui dan membezakan antara yang baik dengan yang buruk.

Persoalan yang berbangkit di sini ialah bagaimanakah pula kedudukan di sisi undang-undang apabila seseorang menyatakan bahawa dia tidak mengetahui undang-undang yang dikuatkuasakan di sesebuah negara? Bolehkah orang tersebut menggunakan ketidaktahuan undang-undang sebagai alasan untuk membela diri setelah dia melakukan jenayah? Persoalan inilah yang akan dirungkai dalam kajian ini.

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Bagi mencapai objektif kajian, pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini. Secara khususnya, kajian ini menggunakan kaedah penerokaan dan penerangan (*exploratory and explanatory methods*) untuk meneroka dan menjelaskan konsep kejahilan undang-undang. Kajian ini turut menerangkan kepentingan literasi undang-undang kepada seseorang. Data bagi kajian ini dikumpulkan melalui literatur-literatur terhad yang ada ruang lingkup kajian ini. Data yang dikumpulkan dianalisis secara kritis untuk memperoleh dapatan yang relevan.

## **3. DAPATAN KAJIAN**

### **3.1 Konsep kejahilan undang-undang**

Dalam undang-undang, terdapat suatu maksim yang berasal daripada bahasa Latin yang disebut sebagai *lex ignorantia juris non excusat*. Maksim ini dapat diterjemahkan sebagai “kejahilan undang-undang bukan suatu alasan” dalam bahasa Melayu, manakala dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *ignorance of law is no excuse*. Maksim ini menjadi konsep asas yang perlu dihayati oleh seluruh rakyat. Maksim ini telah dijadikan sebagai suatu prinsip mantap yang diterima dalam bidang undang-undang. Prinsip ini secara amnya berlandaskan prinsip bahawa semua orang dianggap mengetahui undang-undang (Rollin M. Perkins, 1939).

Kejahilan undang-undang merujuk hal keadaan seseorang yang tidak mempunyai pengetahuan tentang kewujudan sesuatu undang-undang atau tidak mengetahui bahawa terdapat larangan undang-undang terhadap sesuatu perkara. Seseorang yang didakwa melakukan kesalahan tidak boleh

menggunakan alasan bahawa dia tidak tahu akan undang-undang sedemikian (Paul Rosenzweig, 2013) kerana setiap orang dianggap untuk mengetahui undang-undang yang telah dikuatkuasakan. Sekiranya kejahilan undang-undang ini diterima sebagai satu alasan, maka setiap individu boleh berselindung di sebalik prinsip ini untuk melepaskan diri daripada tanggungan kesalahan yang dilakukannya.

Undang-undang bertujuan untuk menjaga ketenteraman, mencapai keadilan, menyelesaikan pertikaian serta melindungi hak dan kebebasan individu. Jika undang-undang tidak dipatuhi oleh rakyat, maka negara tidak akan aman dan damai. Tambahan pula, ketidakpatuhan undang-undang dapat menimbulkan konflik dan huru hara dalam masyarakat. Oleh itu, adalah sangat penting bagi rakyat untuk mematuhi undang-undang negara (David A. Funk, 1972).

Konsep “kejahilan undang-undang bukan suatu alasan” menunjukkan betapa pentingnya literasi undang-undang kepada semua. Ketidaktahuan undang-undang tidak boleh dibangkitkan sebagai suatu alasan atau pembelaan di mahkamah (Mark D. Yochum, 1989; Mark D. Yochum, 1999). Dalam kes *Derek Victor Cawton & Anor v Fatimah Mohd Hashim* [2015] 5 CLJ 788, Mahkamah menyatakan bahawa:

*It is a basic principle of the English common law inherited here that ignorance of the law is not a defence or excuse be it for locals or foreigners, and of equity that the party seeking equity had done due diligence.*

Hal ini bermakna, apabila suatu pelanggaran undang-undang telah berlaku, seseorang tidak boleh membela diri dengan mengatakan bahawa dia tidak tahu akan kewujudan undang-undang tersebut. Undang-undang tidak akan mengambil kira pengetahuan seseorang tentang kewujudan undang-undang sebelum menghukum atau membuat keputusan. Yang penting ialah perbuatan yang salah di sisi undang-undang akan tetap menjadi salah walaupun pihak yang melakukannya tidak tahu bahawa perbuatan yang dilakukannya itu ialah suatu kesalahan di sisi undang-undang. Oleh itu, literasi undang-undang perlu diberikan kepada semua agar tidak berlaku pencabulan undang-undang atas alasan kejahilan undang-undang.

### **3.2 Kepentingan literasi undang-undang**

Kesedaran tentang kewujudan undang-undang amat penting supaya kita sentiasa berwaspada dengan perbuatan yang dilakukan dan sentiasa menurut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Literasi undang-undang bermaksud kebolehan atau keupayaan seseorang untuk mengetahui dan memahami kewujudan undang-undang dan mematuhi undang-undang tersebut dalam kehidupan seharian mereka.

Literasi undang-undang juga dapat ditarifkan sebagai penguasaan wacana undang-undang pada peringkat yang perlu bagi menjalani kehidupan yang bermakna dan aktif dalam dunia yang dikelilingi budaya undang-undang (Yaniv Roznai dan Nadiv Mordechay, 2015). Selain itu, literasi undang-undang dapat dirumuskan sebagai kemampuan untuk mengambil tindakan yang wajar ketika berhadapan dengan masalah yang berkaitan dengan undang-undang (Archie Zariski, 2014). Literasi undang-undang tidaklah bermakna setiap orang diajar dan dibekalkan dengan pengetahuan undang-undang yang lengkap seolah-olah mereka dilatih untuk menjadi peguam tetapi untuk memastikan bahawa mereka memiliki pengetahuan asas berkenaan dengan sistem perundangan, hak undang-undang mereka serta tanggungan kewajipan termasuklah pengetahuan untuk mendapatkan bantuan sekiranya terlibat dengan hal atau urusan berkaitan undang-undang (Freudenberg 2017).

Sesungguhnya, literasi undang-undang kepada semua orang amat penting bagi memastikan pematuhan undang-undang yang berkesan. Antara sebab masyarakat perlu mempunyai literasi undang-undang adalah supaya masyarakat mengetahui hak-hak sebagai rakyat di sesebuah negara di samping mengelakkan pelanggaran undang-undang akibat ketidaktahuan undang-undang. Hak ini tidak terhad kepada hak yang besar, seperti dalam proses pindah milik tanah, namun ia juga melibatkan hak-hak dalam urusan yang dianggap remeh oleh segelintir masyarakat, seperti urus niaga barangan seharian di kedai runcit. Apabila masyarakat mengetahui hak mereka dalam sesuatu perkara, secara tidak langsung mereka juga akan dapat membezakan perkara yang betul dan salah.

#### 4. PENUTUP

Literasi undang-undang merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam masyarakat kerana ia adalah sebahagian daripada kehidupan manusia. Tanpa disedari, undang-undang memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan seharian seseorang manusia memandangkan kehidupan seseorang manusia berkisar tentang undang-undang tanpa mengira agama, tahap pendidikan mahupun negara yang diduduki.

Sehubungan dengan itu, kerajaan selaku pemerintah negara seharusnya memainkan peranannya dengan memastikan literasi undang-undang diberikan kepada masyarakat. Pengetahuan tentang undang-undang asas yang berkaitan dengan kehidupan manusia perlu diterapkan kepada masyarakat dalam memastikan kedaulatan undang-undang. Pematuhan undang-undang sangat penting agar undang-undang yang digubal dapat dikuatkuasakan dengan sewajarnya. Tambahan pula, kejahilan undang-undang tidak boleh dijadikan sebagai suatu alasan untuk membela diri.

#### RUJUKAN

- [1] Archie Zariski, 2014, *Legal Literacy: An Introduction to Legal Studies*, AU Press, Athabasca University, Canada.
- [2] David A. Funk, 1972, Major Functions of Law in Modern Society Featured, 23 *Case W. Rsrv. L. Rev.* 257 (1972).
- [3] Derek Victor Cawton & Anor v Fatimah Mohd Hashim [2015] 5 CLJ 788
- [4] Freudenberg, B. 2017. Beyond Lawyers: Legal literacy for the future. *Australian Business Law Review*, 45(5): 387-404.
- [5] Mark D. Yochum, Ignorance of the Law is No Excuse Except for Tax Crimes, 27 *Duq. L. Rev.* 221 (1989).
- [6] Mark D. Yochum, The Death of a Maxim: Ignorance of Law is no Excuse (Killed by Money, Guns and a Little Sex), *Journal of Civil Rights and Economic Development* [Vol. 13:6350], 1999.
- [7] Paul Rosenzweig, Ignorance of the Law Is No Excuse, But It Is Reality, *Backgrounder*, June 17, 2013.
- [8] Rollin M. Perkins, Ignorance and Mistake in Criminal Law, *University of Pennsylvania Law Review*, November 1939, 35 – 70.
- [9] Yaniv Roznai and Nadiv Mordechay. 2015. Access to Justice 2.0: Access to legislation and beyond. *Hebrew Universtiy of Jerusalem Legal Studies Research Paper Series No.16-12*: 25.

# LARANGAN PENJUALAN ALKOHOL PADA HARI TERTENTU: KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

*Ramalinggam Rajamanickam*  
*Fakulti Undang-Undang*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*  
*E-mel: [rama@ukm.edu.my](mailto:rama@ukm.edu.my)*

## Abstrak

Alkohol lazimnya dikenali sebagai minuman keras merupakan bahan yang memabukkan. Pengambilan alkohol mampu memberikan kesan negatif yang besar kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Individu yang mengambil minuman beralkohol akan hilang pertimbangan akal dan tidak dapat mengawal dirinya. Hal ini dikatakan demikian kerana minuman beralkohol mengandungi etanol yang menjejaskan fungsi fizikal dan mental orang yang mengambilnya. Walaupun alkohol terbukti dapat memberikan impak negatif yang besar kepada individu khususnya and negara amnya, namun minuman beralkohol mudah diperoleh di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa sahaja di negara Malaysia. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis undang-undang Malaysia tentang penjualan alkohol. Peruntukan undang-undang yang relevan diteliti bagi merungkai sejauh manakah undang-undang Malaysia mengawal penjualan alkohol di Malaysia, khususnya larangan penjualan alkohol pada hari-hari tertentu. Bagi mencapai objektif ini, kaedah analisis kandungan dan pendekatan perbandingan digunakan. Undang-undang di negara India berhubung dengan larangan penjualan alkohol pada hari-hari tertentu dirujuk dan dibandingkan dengan Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa Malaysia mempunyai undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dalam hal keadaan tertentu. Sungguhpun demikian, undang-undang yang sedia ada tidak mempunyai apa-apa larangan tentang penjualan alkohol pada hari tertentu, seperti pada Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia, sedangkan undang-undang sebegini wujud di bidang kuasa India. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar Malaysia memperkenalkan peruntukan undang-undang yang melarang penjualan alkohol pada hari-hari tertentu yang dianggap hari bermakna dan bersejarah bagi Malaysia. Pengenalanan undang-undang sebegini penting dalam memastikan penghormatan dan penghayatan hari-hari tertentu di Malaysia.

**Kata kunci:** *alkohol, larangan undang-undang, Malaysia, India, Amerika Syarikat*

## 1. PENDAHULUAN

Alkohol merupakan perkataan yang lazim didengar, sama ada dalam media massa mahupun di media sosial. Alkohol bererti cecair yang mudah terbakar dan juga memabukkan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Alkohol boleh diklasifikasikan dengan pelbagai perkataan yang sama maksudnya seperti arak. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), arak bermaksud sejenis minuman yang mengandungi alkohol dan memabukkan. Arak juga merupakan sejenis minuman keras.

Secara umum, meminum alkohol ialah suatu perbuatan yang dilarang oleh semua agama, seperti agama Islam, Hindu, Buddha dan Kristian. Hal ini kerana perbuatan meminum alkohol dapat memberikan pelbagai jenis impak yang negatif kepada kesihatan seseorang. Selain itu, perbuatan meminum alkohol juga menyebabkan pelbagai kesan buruk kepada masyarakat dan negara di samping boleh menjejaskan imej negara Malaysia sebagai negara Islam. Oleh itu, undang-undang tentang larangan dan kawalan alkohol amat penting dalam memastikan rakyat dan negara terpelihara.

Lataran ini, kajian ini bertujuan untuk menganalisis undang-undang di Malaysia tentang larangan penjualan alkohol pada hari-hari tertentu. Persoalan tentang wujud atau tidak undang-undang sedemikian di Malaysia akan dijawab dalam kajian ini. Bagi tujuan ini, kajian perbandingan dengan bidang kuasa India akan dibuat dengan meneliti undang-undang yang relevan.

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif. Secara khususnya, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan kaedah perbandingan dalam mengkaji isu tentang larangan penjualan alkohol pada hari-hari tertentu. Bagi tujuan ini, undang-undang di negara Malaysia diteliti dan dibandingkan dengan negara India. Data dikumpulkan dengan menganalisis undang-undang tentang larangan penjualan alkohol di Malaysia dan di India. Data-data yang diperoleh dianalisis secara kritis bagi mencapai objektif kajian yang telah disasarkan.

## **3. DAPATAN KAJIAN**

### **3.1 Kedudukan di Negara Malaysia**

Di negara Malaysia, kajian mendapati bahawa tiada undang-undang khusus yang wujud tentang alkohol. Walaupun Malaysia mempunyai Pelan Tindakan Alkohol 2013-2020 (PeTA 2013-2020) yang menjadi dasar menyeluruh berkenaan dengan penggunaan alkohol dalam negara, namun Pelan ini juga masih tidak mampu mengekang penjualan alkohol pada hari-hari tertentu di Malaysia kerana isu ini tidak disentuh dan dinyatakan.



Buat masa ini, hanya terdapat peruntukan dalam undang-undang tentang jenayah yang berlaku akibat meminum alkohol di Malaysia. Contohnya, seksyen 510 Kanun keseksaan memperuntukkan tentang kesalahan berhubungan dengan sesiapa yang dalam keadaan mabuk muncul di mana-mana tempat awam dan menyebabkan kegusaran. Begitu juga dengan seksyen 21 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 yang memperuntukan kesalahan yang seumpama dengannya.

Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa terdapatnya lakuna atau kekurangan dalam undang-undang di Malaysia kerana tiada ada peruntukan yang menyentuh aspek larangan penjualan alkohol pada hari-hari tertentu di negara ini.

### **3.2 Kedudukan di Negara India**

Dalam konteks larangan alkohol pada hari-hari tertentu, negara India merupakan negara contoh yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana di negara India, terdapat beberapa hari khusus yang penjualan alkohol dilarang sama sekali. Hampir semua negeri di negara India mengharamkan penjualan minuman beralkohol pada hari-hari yang sangat penting, seperti Hari Republik, Hari Kemerdekaan dan *Gandhi Jayanthi* (Henry Poduthase dan Alex J. Vellappally, 2016). Hari Republik disambut pada 26 Januari, Hari Kemerdekaan disambut pada 15 Ogos dan *Gandhi Jayanti* adalah pada 2 Oktober (Henry Poduthase dan Alex J. Vellappally, 2016). Secara amnya, di seluruh negara India, mereka menganggap hari-hari ini sebagai Cuti Kebangsaan kerana setiap negeri terikat untuk menyambut hari itu sebagai *Dry Days*. *Dry Days* bermaksud seseorang individu dilarang meminum alkohol sepanjang hari tersebut (Bhavneet Vohra, 2016).

Selain itu, terdapat beberapa negeri yang dikenali sebagai *Dry States*, iaitu penjualan alkohol dalam apa-apa jua bentuk dilarang atau diharamkan sepenuhnya kepada penduduk yang tinggal di negeri tersebut. Antara negeri tersebut ialah Gujarat, Bihar, Nagaland, Lakshwadeep dan Manipur (Bhavneet Vohra, 2016). Gujarat mempunyai *Gujarat Amendment Bill 2009* yang diluluskan pada tahun 2011 untuk mengawal selia larangan penggunaan alkohol. Di samping itu, *Bihar Excise (Amendment) Bill 2016* pula menyatakan bahawa penjualan dan pemilikan alkohol adalah dilarang. Pada masa ini, akta yang berkuat kuasa ialah *Bombay Prohibition (Gujarat Amendment) Act, 2009* dan *Bihar Excise (Amendment) Act, 2016* untuk mengawal selia larangan penggunaan alkohol. Penjualan dan penggunaan alkohol diharamkan

menurut *Nagaland Liquor Total Prohibition Act (NLTP)* pada tahun 1989. Manipur mengenakan larangan terhadap penjualan dan penggunaan alkohol dengan meluluskan *Manipur Liquor Prohibition Act of 1991*.

Berdasarkan penjelasan di atas, penjualan dan penggunaan alkohol dilarang di lokasi lebih daripada enam buah negeri di India. Larangan yang dikuatkuasakan oleh negeri-negeri di India ini sejajar dengan peruntukan Perkara 47 Perlembagaan India yang menyatakan bahawa negeri hendaklah berusaha untuk mengharamkan penggunaan alkohol dan ubat yang memudaratkan kesihatan, kecuali untuk tujuan perubatan.

#### **4 PENUTUP**

Intihanya, kajian ini dengan jelas menunjukkan bahawa negara India telah melarang penjualan alkohol pada hari-hari tertentu. Tambahan pula, ada juga negeri di India yang telah mengawal penjualan alkohol dengan mengklasifikasi zon, kawasan atau negeri di negara tersebut sebagai *dry state* yang bebas daripada alkohol. Bukan sahaja negara India, malahan negara-negara lain, seperti Amerika Syarikat juga mengawal penjualan dan penggunaan alkohol. Sebagai contoh, menurut *National Alcohol Beverage Control Association (NABCA)*, terdapat tiga buah negeri yang semuanya dikenali sebagai *dry state* di Amerika Syarikat yang bermaksud bahawa pembuatan, pengedaran, pengimportan, dan penjualan minuman beralkohol dilarang atau dibatasi dengan ketat. Negeri-negeri itu ialah Kansas, Mississippi dan Tennessee. Tiga buah negeri ini dianggap mempunyai undang-undang alkohol yang paling ketat.

Tambahan pula, sejumlah negeri di negara Amerika Syarikat mempunyai daerah-daerah yang dikenali sebagai *dry state*, iaitu penjualan alkohol adalah amat kurang dan penguatkuasaan undang-undang adalah lebih tegas. Berdasarkan maklumat yang disediakan oleh NABCA, terdapat juga banyak negeri yang mempunyai *Dry City Council* yang mengisytiharkan diri mereka sebagai Majlis Perbandaran yang melarang alkohol. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Amerika Syarikat turut mengawal penjualan alkohol di negaranya.

Negara Malaysia seharusnya mencontohi amalan terbaik di negara-negara lain dalam melarang dan mengawal penjualan dan penggunaan alkohol di negara ini. Malaysia seharusnya mewujudkan undang-undang berkaitan dengan larangan penjualan alkohol pada hari-hari tertentu, seperti Hari Kebangsaan dan Hari Kemerdekaan. Pada hari-hari sebegini, tidak boleh ada mana-mana kedai alkohol

yang beroperasi. Hal ini bermakna bahawa tidak boleh ada penjualan dan pembelian alkohol pada hari-hari tersebut. Hal ini penting sebagai tanda menghormati dan menghayati hari-hari berkenaan.

## **RUJUKAN**

- [1] Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955
- [2] Alexander C Wagenaar. 2000. *Alcohol Policies in the United States: Highlights from the 50 States*. 3-19.
- [2] Bhavneet Vohra. 2016. *Alcohol Laws in India*. 5-17.
- [3] Bihar Excise (Amendment) Bill 2016
- [4] Bombay Prohibition (Gujarat Amendment) Act, 2009
- [5] Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus Dewan* (Edisi keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [6] Gujarat Amendment Bill 2009
- [7] Henry Poduthase & Alex J. Vellappally. 2016. *Alcohol Policies in India and United States: A Comparative Policy Analysis*. 26 October. 68-69.
- [8] Kanun Keseksaan
- [9] Manipur Liquor Prohibition Act of 1991
- [10] Nagaland Liquor Total Prohibition Act (NLTP) 1989
- [11] Pelan Tindakan Alkohol 2013-2020 (PeTA 2013-2020)
- [12] Perlembagaan India

# MAMPUKAH KANAK-KANAK MEROGOL MENGIKUT UNDANG-UNDANG MALAYSIA?

*Ramalinggam Rajamanickam*  
*Fakulti Undang-Undang*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*  
*E-mel: rama@ukm.edu.my*

## Abstrak

Rogol merupakan suatu perbuatan jenayah yang dilarang oleh undang-undang di Malaysia. Rogol sebagai suatu jenayah diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan (Penal Code) yang merupakan undang-undang induk yang mengawal selia kesalahan jenayah di Malaysia. Dalam konteks jenayah rogol, kanak-kanak merupakan golongan yang mudah menjadi mangsa jenayah ini. Banyak kes mahkamah yang menunjukkan bahawa kanak-kanak sering menjadi mangsa rogol. Di sebalik menjadi mangsa rogol, adakah kanak-kanak mampu menjadi perogol mengikut undang-undang Malaysia? Artikel ini bertujuan untuk menganalisis undang-undang di Malaysia bagi menilai sejauh manakah kanak-kanak boleh dituduh dan dihukum sebagai perogol. Bagi mencapai objektif yang digariskan, pendekatan kualitatif bersifat analisis kandungan digunakan dalam artikel ini. Rujukan kepada perundangan dan kes menjadi sumber primer dalam artikel ini. Data yang dikumpulkan dianalisis secara rinci bagi menjawab persoalan yang telah dibangkitkan. Artikel ini mendapati bahawa kanak-kanak lelaki sahaja boleh menjadi perogol mengikut undang-undang Malaysia, iaitu Kanun Keseksaan. Hal ini bermakna bahawa kanak-kanak lelaki boleh dituduh dan dihukum mengikut peruntukan dalam Kanun Keseksaan. Walau bagaimanapun, kanak-kanak lelaki yang berumur bawah 13 tahun tidak boleh dituduh dan dihukum atas kesalahan merogol. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat anggapan undang-undang yang menyatakan bahawa kanak-kanak yang berumur bawah 13 tahun tidak berupaya untuk merogol dan anggapan ini ialah anggapan undang-undang yang tidak boleh dipatahkan. Artikel ini penting untuk mengetahui takat liabiliti jenayah di sisi undang-undang yang dikenakan terhadap seseorang kanak-kanak lelaki bagi kesalahan rogol. Menerusi artikel ini, batasan dalam undang-undang sedia ada dapat di kenal pasti dan seterusnya langkah untuk menambah baik peruntukan undang-undang tersebut dapat diambil.

**Kata kunci:** *kanak-kanak, jenayah rogol, anggapan undang-undang, Malaysia*

## 1. PENGENALAN

Jenayah seksual merupakan jenayah yang serius. Jenayah ini melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dan pebagai kategori umur. Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 6,897 kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan remaja berlaku bagi tempoh tiga tahun, iaitu antara tahun 2018 hingga tahun 2020. Daripada jumlah itu, sebanyak 3,324 kes membabitkan jenayah rogol (Harian Metro, 2021). Dalam jenayah rogol, ada kalanya pelaku jenayah tersebut ialah kanak-kanak. Persoalannya di sini ialah sejauh manakah kanak-kanak boleh dikenakan liabiliti undang-undang kerana jenayah rogol?

Kanak-kanak ialah golongan rentan yang mendapat perlindungan, bukan sahaja di peringkat tempatan malahan juga di mimbar dunia. Prinsip doli incapax (tidak berupaya untuk melakukan jenayah) dalam undang-undang telah melahirkan pelbagai bentuk perlindungan undang-undang kepada kanak-kanak kerana ketidakupayaan golongan ini untuk melakukan jenayah. Prinsip doli incapax juga telah diterapkan dalam undang-undang Malaysia.

Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk menilai sejauh manakah kanak-kanak mampu menjadi perogol mengikut undang-undang di Malaysia dengan menganalisis undang-undang yang relevan. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat analisis kandungan bagi mencapai objektif artikel ini.

## **2. TAKRIFAN KANAK-KANAK**

Dari segi bahasa, kanak-kanak bermaksud anak lelaki atau perempuan yang masih kecil, biasanya yang belum berumur lebih daripada tujuh atau lapan tahun (Kamus Dewan, 2005). Takrifan dari sudut bahasa ini tidak semestinya sama dengan takrifan di sisi undang-undang. Takrifan di sisi undang-undanglah yang akan menentukan secara sah maksud kanak-kanak di Malaysia. Sehubungan dengan itu, takrifan kanak-kanak daripada sumber undang-undang akan dipetik untuk menjelaskan maksud kanak-kanak di Malaysia.

Malaysia merupakan Negara Pihak kepada Konvensyen tentang Hak Kanak-Kanak (Covention on the Rights of the Child [CRC]) yang merupakan instrumen antarabangsa yang memperuntukkan tentang kebajikan kanak-kanak dalam pelbagai aspek, iaitu kehidupan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan supaya kanak-kanak sentiasa dilindungi (Norhuda Salleh dan Dzurizah Ibrahim, 2015). Perkara 1 CRC menyatakan bahawa kanak-kanak ialah individu yang berumur bawah 18 tahun. Takrifan kanak-kanak sebagai individu yang berumur bawah 18 tahun turut diperuntukkan dalam undang-undang yang dikanunkan di Malaysia. Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2002 mentakrifkan kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun. Hal ini jelas dalam peruntukan seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001.

Takrifan kanak-kanak yang diperuntukkan oleh Akta Kanak-Kanak 2001 telah digunakan oleh mahkamah di Malaysia dalam pelbagai kes. Antaranya, dalam kes *Pendakwa Raya v Thevesh a/l Sashikumar dan Satu Lagi* [2020] 12 MLJ 603, Mahkamah menggunakan takrifan kanak-kanak yang diperuntukkan dalam

seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 dengan menyatakan bahawa responden pertama yang berumur kurang daripada 18 tahun merupakan seorang kanak-kanak bagi maksud Akta Kanak-Kanak 2001. Di samping itu, takrifan kanak-kanak dalam seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 telah dirujuk dan dipetik oleh mahkamah dalam kes Zuraimi Bachok v Pendakwa Raya [2013] 8 MLJ 512. Mahkamah mengesahkan bahawa seseorang yang berumur bawah 18 tahun ialah kanak-kanak. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa di Malaysia, kanak-kanak ialah individu yang berumur bawah 18 tahun.

### **3. TAKRIFAN ROGOL DI SISI UNDANG-UNDANG JENAYAH**

Istilah “rogol” mempunyai pelbagai tafsiran mengikut agama, budaya, fahaman dan juga latar belakang seseorang individu. Walau bagaimanapun, undang-undang mempunyai tafsirannya yang tersendiri dan ia perlu difahami kerana hanya apabila definisi tersebut dipenuhi, sesuatu perbuatan itu akan dianggap sebagai rogol. Perlakuan rogol menjadi suatu kesalahan yang dikawal selia oleh Kanun Keseksaan. Mengikut Kanun Keseksaan, jenayah rogol ialah jenayah yang serius (Nur Aina Abdulah dan Sayed Sikandar Shah Haneef, 2017). Terdapat peruntukan khusus tentang kesalahan rogol dan hukumannya dalam Kanun Keseksaan.

Dalam hal ini, seksyen 375 Kanun Keseksaan merupakan peruntukan yang berkaitan dengan takrifan jenayah rogol. Rogol ialah persetubuhan haram (adanya kemasukan) oleh seorang lelaki dengan seorang perempuan dalam hal keadaan yang diperuntukkan dalam seksyen 375 Kanun Keseksaan. Seksyen 375 memperuntukkan tujuh hal keadaan yang boleh terjumlah sebagai rogol. Terdapat syarat-syarat yang perlu dipenuhi mengikut undang-undang bagi menuduh seseorang bagi jenayah rogol.

Persetubuhan amat penting bagi kesalahan rogol. Tanpa persetubuhan, rogol tidak boleh berlaku menurut undang-undang. Oleh itu, undang-undang menetapkan persetubuhan sebagai satu elemen penting untuk kesalahan rogol. Bagi elemen “persetubuhan,” “kemasukan” (penetration) adalah memadai sebagai persetubuhan bagi kesalahan rogol (Huraian, seksyen 375 Kanun Keseksaan). Dalam kes R v Gaston (1981) Crim LR 406, Mahkamah memutuskan bahawa:

*Vaginal penetration by the penis alone constitutes sexual intercourse which is required to be proved for a crime of rape.*

Kemasukan yang dimaksudkan di sini ialah kemasukan alat kelamin lelaki ke dalam alat kelamin perempuan. Hal ini juga disahkan dalam kes *Syed Abu Tahir a/l Mohamed Esmail v PP* [1988] 3 MLJ 485. Kemasukan oleh apa-apa objek selain alat kelamin lelaki tidak dikategorikan sebagai rogol. Begitu juga dengan kemasukan di mana-mana bahagian selain alat kelamin perempuan, tidak boleh dianggap sebagai rogol menurut undang-undang.

Secara amnya, mana-mana lelaki yang bersetubuh dengan mana-mana perempuan dalam tujuh hal keadaan yang diperuntukkan dalam seksyen 375 Kanun Keseksaan boleh dikatakan sebagai telah melakukan jenayah rogol melainkan jika perbuatan tersebut tergolong dalam kecualian seksyen 375. Seksyen 375 hanya memperuntukkan satu kecualian, iaitu persetubuhan oleh seseorang lelaki dengan isterinya dalam perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa itu, atau diiktiraf dalam Persekutuan sebagai sah, bukanlah rogol.

Hukuman bagi jenayah rogol pula diperuntukkan dalam seksyen 376 Kanun Keseksaan. Seksyen 376 memperuntukkan empat jenis hukuman yang berbeza kepada jenayah rogol dalam subseksyen (1) hingga subseksyen (4) berdasarkan jenis kesalahan rogol yang dilakukan. Jika dilihat kepada hukuman yang dikenakan terhadap pesalah dalam kes rogol, selain melihat kepada keseriusan kesalahan jenayah rogol itu sendiri, mahkamah akan mempertimbangkan faktor-faktor lain yang berkaitan. Lebih-lebih lagi, sekiranya tertuduh merayu kepada pihak mahkamah untuk meringankan hukuman yang dikenakan terhadapnya. Antara alasan ataupun hujah yang sering digunakan oleh tertuduh dalam kes rogol adalah seperti tertuduh telah bertaubat dan menyesal dengan perbuatannya serta ini merupakan kesalahan pertama yang dilakukan oleh tertuduh.

Sungguhpun demikian, mahkamah menekankan aspek kepentingan awam (public interest) dan hukuman yang setimpal dalam memberikan pengajaran dan hukuman yang sewajarnya kepada pesalah dalam kes rogol. Penekanan mahkamah terhadap kepentingan awam perlulah ditonjolkan menerusi hukuman yang dikenakan kepada pesalah rogol. Banyak keputusan mahkamah yang telah membincangkan kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman ke atas pesalah rogo. Dalam kes *PP v. Tan Aik Leong* [2016] 1 LNS 260, Mahkamah menyatakan bahawa kepentingan awam menjadi perkara utama yang mengatasi pertimbangan faktor-faktor yang lain dalam menjatuhkan hukuman ke atas pesalah. Begitu dalam kes *Malek Ridzuan bin Isroll v Public Prosecutor* [2015] 9 MLJ 674. Dalam kes ini, mahkamah mengambil kira faktor kepentingan awam untuk mengatasi kepentingan pesalah dalam menjatuhkan hukuman yang

setimpal bagi memberikan pengajaran kepada perogol di samping mencegah semua orang daripada melakukan jenayah.

#### **4. KEUPAYAAN KANAK-KANAK MELAKUKAN ROGOL: PENELITIAN UNDANG-UNDANG**

Bagi tujuan meneliti sama ada kanak-kanak berupaya untuk melakukan jenayah rogol ataupun tidak, peruntukan dalam undang-undang akan dianalisis, iaitu Kanun Keseksaan dan Akta Keterangan 1950. Dalam Kanun Keseksaan, dua peruntukan undang-undang relevan untuk dibincangkan, iaitu seksyen 82 dan seksyen 83. Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua peruntukan ini menjelaskan tentang liabiliti jenayah seseorang kanak-kanak di Malaysia. Seksyen 82 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa:

*Nothing is an offence which is done by a child under ten years of age.*

Berlandaskan peruntukan seksyen 82 di atas, adalah jelas bahawa apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur bawah 10 tahun bukanlah suatu jenayah mengikut Kanun Keseksaan. Peruntukan ini sebenarnya ialah suatu anggapan undang-undang (presumption of law). Anggapan ini merupakan suatu anggapan undang-undang yang tidak boleh dipatahkan (irrebuttable presumption of law). Hal ini bermakna bahawa kanak-kanak di bawah umur 10 tahun dianggap sebagai tidak berkeupayaan untuk melakukan apa-apa jenayah. Anggapan ini ialah anggapan mutlak yang bermaksud bahawa kanak-kanak bawah 10 tahun diberi imuniti kekal daripada tuduhan dan liabiliti jenayah.

Dalam konteks jenayah rogol, sekiranya terdapat seorang budak lelaki yang berumur bawah 10 tahun yang dikatakan merogol seorang budak perempuan, maka budak lelaki itu tidak boleh dituduh bagi jenayah rogol. Hal ini dikatakan demikian kerana seksyen 82 Kanun Keseksaan memberikan perlindungan mutlak kepada budak lelaki tersebut.

Sebagai tambahan kepada seksyen 82 Kanun Keseksaan, terdapat pula seksyen 83 Kanun Keseksaan yang memberikan juga perlindungan kepada kanak-kanak lelaki daripada liabiliti jenayah. Seksyen 83 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa:



*Nothing is an offence which is done by a child above ten years of age and under twelve, who has not attained sufficient maturity of understanding to judge of the nature and consequence of his conduct on that occasion.*

Berdasarkan peruntukan di atas, kanak-kanak yang berumur antara 10 tahun hingga 12 tahun boleh dipertanggungjawabkan terhadap suatu kesalahan jenayah jika kanak-kanak itu mempunyai kematangan yang mencukupi untuk memahami sifat dan kesan perlakuannya pada masa melakukan jenayah berkenaan. Oleh itu, kanak-kanak yang berumur antara 10 hingga 12 tahun juga dianggap doli incapax melainkan jika keterangan boleh diberikan untuk menyangkalnya. Dalam kes C (A minor) v DPP [1994] 3 WLR 88, Hakim Laws menyatakan bahawa:

*... there is a rebuttable presumption that he does not know that his act is seriously wrong as opposed to merely naughty. The presumption must be rebutted by positive proof adduced by the prosecution that in fact he knew full well that what he did was seriously wrong.*

Berpandukan petikan dalam kes di atas, seksyen 83 ialah anggapan undang-undang yang boleh dipatahkan (rebuttable presumption of law). Beban pembuktian beralih kepada kanak-kanak tersebut untuk membuktikan bahawa dia tidak berupaya untuk memahami sifat dan kesan perlakuannya pada masa dia melakukan perbuatan jenayah yang dituduh. Jika dia faham akan sifat dan kesan perbuatannya, maka anggapan mengikut seksyen 83 Kanun Keseksaan tidak boleh dibangkitkan.

Selain dua peruntukan dalam Kanun Keseksaan, iaitu seksyen 82 dan seksyen 83, terdapat satu peruntukan penting dalam Akta Keterangan 1950 yang berkaitan dengan jenayah rogol yang dilakukan oleh kanak-kanak, iaitu seksyen 113. Seksyen 113 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan tentang anggapan bahawa budak lelaki yang berumur di bawah 13 tahun tidak berupaya untuk melakukan rogol. Secara khususnya, seksyen 113 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Hendaklah menjadi suatu anggapan undang-undang yang tidak boleh patah bahawa seseorang budak lelaki yang berumur di bawah tiga belas tahun tidak berupaya melakukan rogol.”

Berdasarkan peruntukan di atas, adalah jelas bahawa undang-undang menganggap kanak-kanak lelaki yang berusia bawah 13 tahun tidak berupaya untuk melakukan rogol dan anggapan tersebut ialah

anggapan yang tidak boleh dipatahkan. Isu yang berbangkit daripada kewujudan seksyen 113 Akta Keterangan 1950 ialah peruntukan tersebut memberikan imuniti atau kekebalan kepada kanak-kanak lelaki yang berusia bawah 13 tahun daripada tuduhan dan sabitan kesalahan rogol.

Persoalannya, sejauh manakah peruntukan ini relevan pada masa ini dengan mengambil kira pelbagai faktor, seperti perkembangan kanak-kanak, perlindungan undang-undang lain yang wujud dan keseriusan kerajaan dalam membendung gejala seksual. Bagaimanakah kanak-kanak perempuan yang dirogol oleh kanak-kanak lelaki yang berusia bawah 13 tahun boleh mendapatkan keadilan di sisi undang-undang di negara kita disebabkan oleh kewujudan seksyen 113 Akta Keterangan 1950? Kewujudan seksyen 113 Akta Keterangan 1950 dalam perundangan di negara ini menunjukkan halangan perundangan yang jelas kepada mangsa rogol dalam menuntut keadilan. Wajarkah undang-undang melindungi pelaku kesalahan rogol daripada daripada tuduhan, dakwaan dan sabitan?

Terdapat laporan bahawa kanak-kanak lelaki yang berusia bawah 13 tahun merogol kanak-kanak perempuan. Laporan akhbar pada bulan Julai 2017 menyatakan bahawa seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun dirogol oleh seorang kanak-kanak lelaki yang berusia tujuh tahun (Astro Awani, 2017). Tambahan pula, pada September 2017, akhbar juga melaporkan bahawa kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun dan 11 tahun disyaki kerana merogol seorang kanak-kanak perempuan yang berusia sembilan tahun (Berita Harian, 2017).

Rentetan itu, seksyen 113 Akta Keterangan 1950 dilihat sebagai tidak sesuai dan tidak relevan dengan peredaran zaman. Hal ini dikatakan demikian kerana seksyen 113 Akta Keterangan 1950 menjadi satu peruntukan yang menghalang secara total tuduhan dan sabitan jenayah terhadap kanak-kanak lelaki yang berumur bawah 13 tahun di Malaysia.

## **5. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DAN JUSTIFIKASI**

Artikel ini mencadangkan agar peruntukan seksyen 113 Akta Keterangan 1950 dimansuhkan. Peruntukan ini tidak lagi relevan untuk dikekalkan dalam perundangan negara. Peruntukan seumpama ini akan menjejaskan pentadbiran keadilan atau menyebabkan salah laksana keadilan (miscarriage of justice) di negara ini. Cadangan pamasuhan seksyen 113 Akta Keterangan ini dibuat berdasarkan beberapa justifikasi.

Antaranya ialah kesalahan rogol tidak bergantung pada kedewasaan seseorang. Kemasukan alat kemaluan lelaki (zakar) ke dalam alat kemaluan perempuan (faraj) memadai untuk terjumlah sebagai rogol mengikut undang-undang jenayah di Malaysia, iaitu seksyen 375 Kanun keseksaan. Hal ini bermakna bahawa inti pati penting bagi kesalahan rogol ialah kemasukan (penetration) sahaja. Ereksi dan/atau ejakulasi tidak diperlukan untuk pembuktian rogol. Oleh itu, kanak-kanak lelaki berupaya untuk melakukan jenayah rogol dengan melakukan kemasukan.

Tambahan pula, seksyen 133 Akta Keterangan 1950 tidak membenarkan apa-apa keterangan atau bukti dikemukakan untuk mematahkan anggapan yang wujud terhadap ketidakupayaan kanak-kanak lelaki yang berumur bawah 13 tahun untuk melakukan rogol. Kesannya, walaupun kanak-kanak lelaki melakukan rogol di hadapan khalayak ramai, dia tidak boleh dituduh untuk merogol kerana anggapan yang dibangkitkan oleh seksyen 113 tidak boleh dipatahkan langsung. Kanak-kanak itu hanya boleh dituduh dengan kesalahan seksual yang lain. Hal ini mewujudkan batasan undang-undang dalam menuduh dan mensabitkan kanak-kanak lelaki yang berumur bawah 13 tahun.

Selain itu, perlindungan yang mencukupi kepada kanak-kanak di sisi undang-undang telah pun diberikan di bawah seksyen 82 dan seksyen 83 Kanun Keseksaan. Perlindungan tambahan di bawah seksyen 113 Akta Keterangan 1950 hanyalah menjadi suatu kelewahan (redundancy) di sisi undang-undang. Pelbagai bidang kuasa di dunia tidak lagi mengekalkan anggapan seumpama ini dalam undang-undang mereka, termasuk England dan Wales, Singapura, Afrika dan Hong Kong. Lebih-lebih lagi, Akta Keterangan India 1872 yang merupakan perundangan yang dirujuk dalam menggubal Akta Keterangan 1950 tidak mempunyai peruntukan seksyen 113 ini.

Kewujudan seksyen 113 Akta Keterangan 1950 menjejaskan semangat dan niat murni yang dipaparkan melalui pengenalan perundangan yang melindungi kanak-kanak perempuan, seperti Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017. Tambahan pula, terdapat bukti-bukti saintifik bahawa kanak-kanak lelaki menjadi matang pada usia yang lebih awal daripada 13 tahun. Oleh itu, mereka berupaya untuk mengadakan hubungan seksual, termasuk merogol.

## 6. KESIMPULAN

Sesungguhnya, berdasarkan justifikasi atau alasan yang disebutkan di atas, adalah jelas bahawa peruntukan seksyen 113 Akta Keterangan 1950 tidak lagi relevan pada masa ini dan ia menjadi halangan keadilan yang jelas kepada mangsa rogol. Peruntukan seksyen 113 Akta Keterangan 1950 perlu dikaji semula dan dimansuhkan demi kemaslahatan rakyat di negara ini secara holistik. Kewujudan peruntukan seperti seksyen 113 Akta Keterangan 1950 menjadi batu penghalang dalam pentadbiran keadilan di negara ini.

Jenayah rogol merupakan suatu jenayah yang serius dan berat, lebih-lebih lagi apabila mangsanya ialah kanak-kanak. Tidak kiralah siapa pelaku jenayah tersebut, dia seharusnya dihadapkan ke muka pengadilan untuk melindungi hak dan kebajikan mangsa. Dalam konteks ini, apabila pelaku jenayah tersebut ialah kanak-kanak (perogol itu ialah kanak-kanak lelaki), maka dia juga seharusnya dituduh di mahkamah, bukan untuk menghukumnya, tetapi untuk mengambil langkah pemulihan (rehabilitation) terhadap kanak-kanak tersebut. Langkah ini penting untuk memastikan kanak-kanak lelaki tersebut telah dipulihkan akhlaknya sebelum dia dikembalikan dalam masyarakat.

## RUJUKAN

[1] Akta Kanak-Kanak 2001

[2] Akta Keterangan 1950

[3] Astro Awani, Polis Melaka siasat laporan budak 7 tahun didakwa rogol murid tadika, 27 Julai, 2017, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-melaka-siasat-laporan-budak-7-tahun-didakwa-rogol-murid-tadika-150586> (diakses pada 15 Mei 2022)

[4] Astro Awani, Kes rogol melibatkan remaja bawah umur di Kelantan membimbangkan – Polis, 5 September 2021, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-rogol-libatkan-remaja-bawah-umur-di-kelantan-membimbangkan-polis-318077> (diakses pada 15 Mei 2022)

[5] Berita Harian, Budak 10, 11 tahun disyaki merogol, 11 September 2017, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/09/324259/budak-10-11-tahun-disyaki-merogol> (diakses pada 15 Mei 2022)

- [6] Harian metro, 6 mangsa jenayah seksual sehari, 28 Julai 2021, <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/07/735771/6-mangsa-jenayah-seksual-sehari> (diakses pada 15 Mei 2022)
- [7] Kanun Keseksaan
- [8] Konvensyen tentang Hak Kanak-Kanak
- [9] Malek Ridzuan bin Isroll v Public Prosecutor [2015] 9 MLJ 674
- [10] Norhuda Salleh & Dzurizah Ibrahim. 2015. Teori Penentuan Agenda dan Pemilihan Berita Buruh Kanak-Kanak: Satu Kajian Rintis dalam Akhbar Terpilih di Malaysia. 13-14.
- [11] Nur Aina Abdulah dan Sayed Sikandar Shah Haneef, The Statutory Rape Law in Malaysia: An Analysis from Shariah Perspective, International Journal of Business, Economics and Law, 2017, Vol. 14, Issue 5 (December), 9 – 14.
- [12] Pendakwa Raya v Thevesh a/l Sashikumar dan Satu Lagi [2020] 12 MLJ 603
- [13] PP v Tan Aik Leong [2016] 1 LNS 260
- [14] R v Gaston (1981) Crim LR 406
- [15] Syed Abu Tahir a/l Mohamed Esmail v PP [1988] 3 MLJ 485
- [16] Zuraimi Bachok v Pendakwa Raya [2013] 8 MLJ 512

# PEMARTABATAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN DALAM KERANGKA UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN DI MALAYSIA

*Ramalinggam Rajamanickam*  
*Fakulti Undang-Undang*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*  
*E-mel: [rama@ukm.edu.my](mailto:rama@ukm.edu.my)*

## Abstrak

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara Malaysia. Kedudukan ini secara jelas diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menerusi Perkara 152. Tambahan pula, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 telah digubal untuk mengukuhkan lagi kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini. Bagi tujuan memastikan pemartabatan bahasa Melayu dalam segala bidang, maka peruntukan undang-undang khusus diperkenalkan dalam akta-akta tertentu. Begitu juga dalam bidang pendidikan. Peruntukan undang-undang khusus dimasukkan dalam undang-undang pendidikan bagi tujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam bidang pendidikan dengan meneliti undang-undang pendidikan di Malaysia. Bagi tujuan ini, dua undang-undang utama yang berkaitan dengan bidang pendidikan, iaitu Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dijadikan sumber rujukan primer. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat analisis kandungan dalam menilai peruntukan undang-undang secara analitis dan kritis. Artikel ini mendapati bahawa sememangnya terdapat peruntukan undang-undang yang khusus dalam Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 yang mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Walau bagaimanapun, penulis berpendapat bahawa semangat yang terkandung dalam peruntukan undang-undang tersebut tidak direalisasikan dari segi amalan. Lantaran itu, artikel ini mencadangkan agar Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 perlu dikuatkuasakan dengan sewajarnya bagi memastikan pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara Malaysia.

**Kata kunci:** *bahasa Melayu, bahasa kebangsaan, undang-undang pendidikan, Malaysia*

## 1. PENDAHULUAN

Bahasa memainkan peranan yang penting dalam sistem pendidikan sesebuah negara. Oleh sebab itulah, kerajaan di sesebuah negara menetapkan bahasa yang seharusnya menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan. Pada lazimnya, setiap negara menjadikan bahasa kebangsaan negaranya sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikannya. Begitu juga halnya di negara Malaysia. Undang-undang di negara Malaysia telah memperuntukkan tentang bahasa yang seharusnya digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara.

Sehubungan dengan itu, artikel ini membincangkan kedudukan bahasa kebangsaan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Persoalan tentang sejauh manakah bahasa kebangsaan dimartabatkan sebagai bahasa pendidikan di Malaysia akan dirungkai dengan meneliti kerangka undang-undang, khususnya dari sudut undang-undang pendidikan.

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat analisis kandungan dalam menilai peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan di Malaysia. Secara khususnya, artikel ini merupakan hasil kajian perundangan tulen (pure-legal research) kerana fokus kajian ialah perundangan.

Data bagi kajian ini dikumpulkan daripada sumber utama undang-undang, iaitu statut. Undang-undang yang relevan dikenal pasti dan dianalisis kandungannya bagi memperoleh dapatan yang relevan. Oleh itu, kaedah analitis dan kritis menjadi kaedah penganalisan data yang penting bagi kajian ini (Ramalinggam Rajamanickam et al. 2015; Ahmad Azam Mohd Shariff et al., 2019). Metodologi yang digunakan bagi kajian ini adalah sesuai dan sejajar dengan kaedah yang diiktiraf dalam bidang kajian undang-undang.

## **3. DAPATAN KAJIAN**

Hasil kajian telah menemukan beberapa dapatan penting. Dapatan-dapatan utama bagi artikel ini dapat dijelaskan seperti yang berikut:

### **3.1 Takrifan Bahasa Kebangsaan**

Undang-undang tertinggi di negara Malaysia ialah Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan ialah Perkara 152. Secara khususnya, Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

“Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen.”

Oleh itu, jelaslah bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan di negara Malaysia. Takrifan tentang bahasa kebangsaan tidak diperuntukkan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32). Bagaimanakah pula kedudukannya dalam undang-undang pendidikan? Seksyen 2 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menyatakan bahawa:

“bahasa kebangsaan” ertinya bahasa Melayu sebagaimana yang ditentukan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

Tafsiran yang sama tentang bahasa kebangsaan turut diberikan dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Hal ini jelas dalam peruntukan seksyen 2 Akta 555. Rentetan itu, adalah jelas bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan yang diperuntukkan dalam undang-undang tertinggi negara (Perlembagaan Persekutuan) dan undang-undang pendidikan.

### **3.2 Peruntukan tentang bahasa kebangsaan dalam Akta Pendidikan 1966**

Peruntukan tentang bahasa kebangsaan dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dapat dilihat dalam seksyen 17 yang memperuntukkan tentang bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara. Seksyen 17 memperuntukkan bahawa:

“(1) Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini.

(2) Jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan adalah selain daripada bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu.”

Berlandaskan seksyen 17 (1), bahasa Melayu hendaklah digunakan sebagai bahasa pengantar di semua institusi pendidikan, termasuk institusi pendidikan tinggi awam. Walau bagaimanapun, peruntukan ini memberikan pengecualian kepada sekolah vernakular dan mana-mana institusi pendidikan lain yang diberi pengecualian oleh Menteri untuk menggunakan bahasa pengantar selain bahasa Melayu. Persoalannya ialah bagaimanakah Menteri memberikan pengecualian tersebut. Apakah kriteria yang



diambil kira oleh Menteri dalam mengecualikan institusi tersebut daripada memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu?

Sebenarnya, terdapat institusi pengajian tinggi awam yang telah pun menggunakan bahasa Melayu dalam kurikulumnya sejak sekian lama (Salleh Abdul Rashid dan Shuhairimi Abdullah, 2015; Salmah Jan Noor Muhammad, 2022). Sehingga kini, masih ada institusi pengajian tinggi awam yang terus menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Namun, kewujudan budi bicara sebegini dapat menggugat kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara kita.

### **3.3 Peruntukan tentang bahasa kebangsaan dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996**

Peruntukan tentang bahasa kebangsaan turut dapat dikesan dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Seksyen 41 Akta 555 ialah peruntukan yang berkaitan dengan bahasa pengantar dalam institusi pendidikan tinggi swasta. Seksyen 41 memperuntukkan bahawa:

“(1) Semua institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah mengendalikan kursus pengajiannya dalam bahasa kebangsaan.

(2) ...

(3) Walau apa pun subseksyen (1), institusi pendidikan tinggi swasta boleh, dengan kelulusan Menteri—

(a) mengendalikan suatu kursus pengajian atau sebahagian yang substansial suatu kursus pengajian dalam bahasa Inggeris;

(b) ...

(4)...

(5) ...”

Walaupun seksyen 41 (1) menyatakan bahawa semua institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah mengendalikan kursus pengajiannya dalam bahasa kebangsaan, namun peruntukan ini tidak terpakai

apabila Menteri menggunakan budi bicaranya yang diperuntukkan dalam seksyen 41 (3) dengan memberikan kebenaran untuk menggunakan bahasa Inggeris. Persoalan yang berbangkit di sini ialah persoalan yang sama seperti Akta 550, iaitu apakah perkara yang diambil kita oleh Menteri dalam memberikan pengecualian ini? Sekali lagi, kuasa budi bicara sebegini tanpa apa-apa panduan yang jelas akan menjejaskan usaha pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

#### **4. PENUTUP**

Sesungguhnya, bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan di negara Malaysia jelas diperuntukkan dalam undang-undang pendidikan. Bahasa Melayu seharusnya digunakan sebagai bahasa ilmu yang memandaikan bangsa kita (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021). Bahasa Melayu perlu dijadikan sebagai bahasa yang menjadi teras pendidikan di negara ini (Berita Harian, 2020). Pemartabatan bahasa Melayu dalam aspek pengajaran dan pembelajaran univerviti dapat menjamin bahasa kebangsaan tidak terpinggir (Astro Awani, 2019).

Sehubungan dengan itu, langkah yang tekal dan pragmatik harus diambil untuk memastikan pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam bidang pendidikan. Dalam hal ini, pemerkasaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Akta DBP) dapat memartabatkan bahasa Melayu di samping menjadikan bahasa melayu sebagai bahasa ilmu (Kosmo, 2020). Semua pihak harus berganding bahu, bersatu tenaga dalam mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di bumi Malaysia.

#### **RUJUKAN**

- [1] Ahmad Azam Mohd Shariff et al. (2019). Relevancy and Admissibility of Medical Expert Witness in Illicit Intercourse under Shari'ah Law. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 8(3), 271.
- [2] Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67
- [3] Akta Pendidikan 1996
- [4] Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996
- [5] Astro Awani, 16 September 2019, Martabatkan Bahasa Melayu di universiti - Awang Sariyan, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/martabatkan-bahasa-melayu-di-universiti-awang-sariyan-222786> (diakses pada 10 Mei 2022)

- [6] Berita Harian, Pastikan bahasa Melayu jadi teras pendidikan Negara, 9 September 2020, <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/09/729342/pastikan-bahasa-melayu-jadi-teras-pendidikan-negara> (diakses pada 10 Mei 2022)
- [7] Dewan Bahasa dan Pustaka, Bahasa Melayu sebagai Bahasa ilmu yang Memandaikan Bangsa, 29 Julai 2021, <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2021/07/29/bahasa-melayu-sebagai-bahasa-ilmu-yang-memandaikan-bangsa/> (diakses pada 10 Mei 2022)
- [8] Kosmo, Bahasa Melayu, bahasa ilmu, 19 Mac 2022, <https://www.kosmo.com.my/2022/03/19/bahasa-melayu-bahasa-ilmu/> (diakses pada 10 Mei 2022)
- [9] Ramalinggam Rajamanickam et al. (2015). The position of similar fact evidence in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(4), 539.
- [10] Salmah Jan Noor Muhammad, Menuai Hasil Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA, 1 April 2022, <https://fbmk.upm.edu.my/article/menuai-hasil-bahasa-melayu-sebagai-bahasa-ilmu-di-ipta-66355> (diakses pada 10 Mei 2022)
- [11] Salleh Abdul Rashid dan Shuhairimi Abdullah, Mendaulatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Analisis, *Journal of Human Development and Communication* Volume 4, 2015 [125–134]

# GAMBARAN UMUM BERKAITAN EUTANASIA DALAM KONTEKS PERUNDANGAN DAN ETIKA

Mohd Zamre Mohd Zahir, Ramalinggam Rajamanickam, & Al-Ieslah Badrul Hisham  
*Fakulti Undang-Undang*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*  
*E-mel: [rama@ukm.edu.my](mailto:rama@ukm.edu.my)*

## ABSTRAK

Kehidupan dan kematian manusia boleh dilihat dari kaca mata ilmu, sains dan teknologi. Jika dilihat kepada penemuan sains dan teknologi tersebut, perkembangan teknologi dalam bidang perubatan dan kesihatan sangat memberangsangkan. Antara kemajuan ilmu, sains dan teknologi dalam bidang perubatan yang dilihat ialah teknologi-teknologi yang direka seperti mesin Magnetic Resonance Imaging (MRI), radiografi, pembedahan yang menggunakan kaedah laser, dan lain-lain bertujuan meningkatkan taraf kesihatan manusia. Di samping itu, kewujudan mesin bantuan pernafasan atau dikenali sebagai ventilator dipercayai dapat melanjutkan hayat seseorang pesakit. Kemajuan teknologi turut memberi kesan kepada isu eutanasia. Eutanasia bermaksud suatu perbuatan mematikan atau menamatkan hayat seseorang individu. Eutanasia juga mungkin boleh berlaku sekiranya mesin ventilator dimatikan lalu pesakit meninggal dunia kesan daripada itu. Eutanasia boleh dilihat dalam konteks eutanasia aktif dan eutanasia pasif. Permasalahan kajian dilihat berkait rapat dengan isu perkembangan teknologi dalam bidang perubatan ini, iaitu sama ada ia mendatangkan kebaikan atau keburukan kepada seseorang pesakit. Maka, wujud dua persoalan daripada permasalahan ini. Pertama, adakah teknologi dalam bidang perubatan memberikan kebaikan? Kedua, adakah eutanasia dibenarkan menurut perundangan dan etika perubatan? Objektif penulisan ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis sejauh manakah eutanasia dari sudut perundangan dan etika perubatan dibenarkan. Selain itu, eutanasia aktif dan eutanasia pasif dibincangkan bagi meneliti fungsi dan tujuannya secara tuntas. Kaedah kualitatif digunakan dengan menyoroti literatur dari dalam dan luar negara berpandukan sumber primer dan sekunder yang membincangkan isu eutanasia. Hasil dapatan daripada penulisan ini menunjukkan wujud kekaburan dari segi perundangan dan etika perubatan di Malaysia. Kesimpulannya, penulisan ini mencadangkan terdapat keperluan berkaitan mekanisme yang lebih jelas dalam konteks perundangan dan etika perubatan berkaitan eutanasia di Malaysia.

**Kata kunci:** *doktor-pesakit; etika perubatan; eutanasia; teknologi perubatan; undang-undang.*

## 1. PENGENALAN

Teknologi dan sains telah memberi perubahan yang besar kepada ekonomi dunia. Dunia hari ini dilihat berkembang pesat dengan kehadiran teknologi moden. Teknologi dalam bidang perubatan juga dilihat semakin memberangsangkan hari demi hari yang telah memberikan manfaat kepada masyarakat (Farahwahida Mohd Yusof et al. 2013). Namun, tidak dinafikan dengan kemajuan teknologi juga telah menimbulkan beberapa isu. Dari sudut undang-undang perubatan, hal berkaitan dengan kematian yang

dikaitkan dengan eutanasia, bukan suatu hal yang asing lagi. Terdapat persoalan mengenai moral dan etika dalam hal berkaitan eutanasia (Farahwahida Mohd Yusof et al. 2013). Hal ini kerana penyokong amalan eutanasia berpendapat bahawa perbuatan mematikan seseorang yang menghidap sakit teruk merupakan suatu perbuatan yang bermoral kerana pesakit tersebut tidak perlu merasa sakit lagi manakala mereka yang menentang amalan ini menganggap bahawa eutanasia merupakan suatu perbuatan membunuh. Walau bagaimanapun, terdapat permasalahan berkaitan kelompangan dari sudut undang-undang di Malaysia dalam konteks pengaplikasian bagi membolehkan tindakan diambil terhadap pihak penyebab eutanasia. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan mekanisme peruntukan yang jelas dan menyeluruh yang mengatur kesahan eutanasia di Malaysia. Justeru penulisan ini akan menganalisis isu berkaitan eutanasia dari sudut undang-undang dan etika perubatan.

## **2. METODOLOGI**

Metodologi kajian merupakan aspek penting dalam memastikan objektif kajian dapat dicapai. Metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas satu subjek kajian yang tertentu (Salmianti Mutalib 2013). Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menyoroti literatur dari dalam dan luar negara berpandukan sumber primer dan sekunder yang membincangkan isu eutanasia. Menurut Nirwana dan Zulkifley (2016), data primer adalah data asli atau data mentah yang diperoleh daripada sumber pertama misalnya melalui kajian lapangan. Data sekunder pula adalah data yang telah diolah dan bukan terhasil daripada kajian lapangan. Data ini biasanya diperoleh melalui kajian kepustakaan. Penulisan ini menggunakan data-data yang diperolehi daripada sumber primer dan sekunder iaitu melalui pemerhatian dan penyelidikan iaitu melalui pembacaan di internet seperti artikel, blog, akhbar online, makalah, jurnal, risalah, majalah dan sebagainya. Selain itu, kes-kes dalam penulisan ini juga telah dirujuk dan diambil daripada pembacaan di Lexis Nexis serta beberapa laman web di internet.

## **MAKSUD EUTANASIA**

Perkataan ‘eutanasia’ berasal daripada bahasa Yunani kuno. ‘Eu’ bermaksud baik dan ‘thanatos’ pula bermaksud kematian, dan kemudian digabungkan keduanya menjadi kematian yang baik (Rospita A. Siregar 2015). Eutanasia turut dikenali sebagai mercy killing yang bererti ‘pembunuhan tanpa penderitaan’ iaitu tindakan ini biasanya dilakukan terhadap derita yang dialami oleh pesakit yang menghidapi penyakit yang tidak boleh lagi diubati dan telah disahkan oleh doktor (Rindi Ramadhini

2009). Eutanasia atau mercy killing dilakukan ke atas pesakit sama ada dengan menghentikan sebarang bentuk rawatan atau memberikan rawatan dengan niat memendekkan hayatnya.

Menurut kamus Oxford, eutanasia merupakan pembunuhan tanpa rasa sakit ke atas pesakit yang menderita penyakit yang tidak dapat disembuhkan atau dalam keadaan koma yang tidak dapat dipulihkan (Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Edisi Keenam 2008). Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka pula, eutanasia adalah perbuatan mematikan seseorang yang menanggung kesakitan penyakit yang tidak dapat disembuhkan lagi atas dasar perikemanusiaan supaya pesakit tersebut tidak berpanjangan menanggung kesakitan (Kamus Online DBP 2017).

Oleh hal yang demikian, eutanasia boleh disimpulkan sebagai kematian secara belas kasihan terhadap orang yang menghidap penyakit yang tidak dapat diubati dan perbuatan mematikan seseorang yang menanggung kesakitan penyakit yang tidak dapat disembuhkan lagi atas dasar perikemanusiaan supaya pesakit tersebut tidak menanggung derita kesakitan berpanjangan. Dari beberapa kategori definisi di atas, dapat disimpulkan lagi bahawa unsur-unsur eutanasia adalah seperti mengakhiri hidup, mempercepat kematian, atau tidak memperpanjangkan nyawa pesakit.

## **Sejarah Eutanasia**

Merujuk kertas kerja Rospita A. Siregar yang berjudul 'Euthanasia dan Hak Asasi Manusia', sejarah penentangan eutanasia bermula melalui sumpah hippokratik oleh ahli perubatan Greek, Hippocrates atau dikenali sebagai bapa perubatan, yang menyatakan, "Saya tidak akan memberi ubat yang menyebabkan kematian kepada sesiapa pun jika diminta mahupun dicadangkan" (Rospita A. Siregar 2015). Melalui sumpah tersebut, dapat dilihat bahawa pernyataan tersebut merupakan penolakan terhadap amalan memberi ubat yang boleh menyebabkan kematian. Hal ini terkait dengan isu eutanasia dalam aspek pemberian ubat yang menyebabkan kematian. Walau bagaimanapun menurut Moustapha Abbas, pada zaman dahulu, perbuatan tersebut tidak dilarang sekiranya ia memberikan kelegaan kepada pesakit (Moustapha Abbas 2017).

Setakat hari ini, antara negara yang membenarkan amalan eutanasia adalah Belanda, Belgium, Luxembourg, dan Kanada, Manakala, Switzerland, Germany, dan sebahagian negeri di Amerika Syarikat seperti Oregon dan Washington hanya membenarkan physician assisted suicide (Kevin Adrian 2020).

Pada 1 April 2002, Belanda menjadi negara pertama di dunia yang membenarkan amalan eutanasia. Pesakit yang mengalami sakit terminal diberi hak untuk mengakhiri penderitaannya. Tetapi perlu ditekankan bahawa amalan mengakhiri hidup seseorang masih dianggap sebagai perbuatan jenayah di Belanda. Di dalam sebuah karya berjudul “The Slippery Slope of Dutch Euthanasia” melaporkan bahawa sejak tahun 1994, setiap doktor di Belanda dibenarkan melakukan eutanasia dan tidak akan dituntut di mahkamah asalkan mengikuti beberapa prosedur yang telah ditetapkan (Rospita A. Siregar 2015).

Sejarah eutanasia dilihat telah menjadi perdebatan semenjak tahun 1800 lagi dan mula berkembang di Amerika Syarikat sekitar tahun 1894. Hal ini memberikan pengajaran kepada masyarakat supaya pesakit dan doktor lebih berhati-hati dalam membuat keputusan berkaitan eutanasia. Pada hari ini juga, wujud beberapa negara yang telah menerima amalan eutanasia ini dan terdapat juga negara-negara yang tidak membenarkan eutanasia untuk diamalkan di negara-negara tersebut. Terdapat juga negara-negara yang mula membentuk rang undang-undang mengenai eutanasia di negara mereka supaya isu eutanasia ini dapat diselesaikan dengan baik. Secara umumnya, berdasarkan literatur-literatur yang disoroti, beberapa literatur dikaji dan dianalisis dalam konteks eutanasia dengan melihat aspek perkembangan dan sejarahnya.

### **Jenis-jenis Eutanasia**

Dalam hal tertentu, misalnya apabila pesakit menghidap penyakit terminal atau penyakit yang tidak dapat disembuhkan atau pesakit yang merasakan kesakitan dan keadaannya tidak dapat diubah lagi, timbul isu berkaitan eutanasia. Permintaan untuk dilaksanakan eutanasia dilakukan oleh pesakit sendiri atau melibatkan keluarga pesakit. Selain melibatkan keputusan pesakit, keluarga pesakit dan perbincangan bersama-sama doktor, terdapat beberapa aspek yang dipertimbangkan dalam situasi melibatkan eutanasia, seperti keadaan pesakit serta undang-undang berkaitan amalan eutanasia di sesebuah negara. Eutanasia boleh dilihat dari berbagai jenis. Menurut literatur, eutanasia terbahagi kepada beberapa jenis. Terdapat lima jenis eutanasia iaitu eutanasia aktif atau active euthanasia; eutanasia pasif atau passive euthanasia; eutanasia secara sukarela atau voluntary euthanasia; eutanasia bukan sukarela atau non-voluntary euthanasia; dan akhir sekali, eutanasia secara tidak sukarela atau involuntary euthanasia.

“Eutanasia sukarela” berlaku apabila pesakit meminta agar ditamatkan hayatnya secara sukarela dan ia merupakan permintaan pesakit itu sendiri sebelum pesakit tersebut mati (Tjandra Sridjaja

Pradjonggo 2016). Contohnya, seseorang yang dipercepatkan kematiannya kerana permintaannya sendiri secara sukarela sama ada secara lisan atau bertulis kerana tidak tahan lagi menanggung kesakitan. “Eutanasia bukan sukarela” berlaku apabila seseorang itu tidak sedar sewaktu ingin membuat keputusan untuk dirinya sendiri selain wujud campur tangan pihak lain seperti keluarga individu tersebut yang membuat keputusan bagi dirinya. Contohnya, dalam keadaan seseorang individu yang tidak sedar atau berada dalam keadaan koma, kebiasaanya ahli keluarga mereka yang akan membuat permohonan untuk membuat keputusan sehingga ia boleh mempercepatkan kematian individu tersebut (Farahwahida Mohd Yusof et al. 2013). “Eutanasia secara tidak sukarela” pula terjadi apabila eutanasia dilaksanakan bertentangan dengan kerelaan pesakit. Ia juga terjadi tanpa keizinan pesakit yang berkeupayaan. Contohnya, apabila seseorang meminta supaya dia tidak dipercepatkan kematiannya sebelum dia dibunuh.

Eutanasia aktif ialah suatu perbuatan secara langsung dengan niat membunuh pesakit. Ia berlaku apabila doktor atau pengamal perubatan secara langsung mengakhiri hidup seseorang pesakit secara aktif. Sebagai contoh, doktor di sebuah hospital dengan sengaja memberikan ubat yang boleh mematikan pesakitnya (Kimberly Holland 2019). Misalnya, pada tahun 1992, Dr. Nigel Cox yang merupakan seorang pakar perunding rheumatologi, telah disabitkan atas kesalahan membunuh Puan Lillian Boyes yang merupakan salah seorang pesakitnya. Puan Boyes merupakan pesakit rheumatoid arthritis dan menderita septicemia yang merebak ke anggota badannya. Hati dan peparu pesakit juga tidak berfungsi dengan baik. Dia juga mengalami patah tulang belakang dan menghadapi sakit yang luar biasa. Oleh sebab itu, Dr. Cox telah memberikan heroin dalam usaha untuk mengurangkan penderitaannya, tetapi tidak berhasil. Setelah itu, Dr. Cox menyuntiknya lagi, tetapi kali ini dengan kalium klorida. Puan Boyes meninggal dunia tidak lama kemudian. Berdasarkan literatur yang dirujuk, orang ramai memuji tindakan Dr. Cox yang dianggap berperikemanusiaan (Pamela R Ferguson 1997). Orang ramai turut berpendapat yang mereka mungkin akan meminta bantuan doktor mereka untuk melakukan tindakan yang seumpama dengannya sekiranya mereka mengalami kesakitan yang sama pada tahap terminal. Namun begitu, dari sudut undang-undang jenayah, tindakan tersebut merupakan suatu perbuatan yang salah. Dr. Cox telah disabitkan dengan kesalahan cubaan membunuh. Kesannya, Dr. Cox telah digantung kerja dan dihukum oleh mahkamah (Pamela R Ferguson 1997).

Eutanasia pasif adalah perbuatan menghentikan perubatan atau tindakan memanjangkan hayat seseorang individu (Tjandra Sridjaja Pradjonggo 2016). Contohnya, dalam keadaan apabila seseorang



doktor membiarkan seseorang pesakit itu mati. Hal ini boleh berlaku apabila wujud aktiviti, menghentikan atau menolak sesuatu rawatan perubatan. Melalui laman web berita online BBC United Kingdom yang bertajuk forms of euthanasia, perbuatan menghentikan rawatan adalah seperti perbuatan mematikan suis mesin bantuan pernafasan ke atas pesakit yang masih hidup, dan pesakit tersebut mati kerana penyakit yang telah dihidapinya itu. Manakala, contoh bagi menolak rawatan perubatan adalah tindakan tidak menjalankan rawatan yang mungkin akan memanjangkan umur pesakit tersebut tetapi tidak menyembuhkannya (UK BBC news 2014). Menurut laman web tersebut, secara tradisinya eutanasia pasif dianggap kurang buruk daripada eutanasia aktif. Tetapi sebilangan masyarakat berpendapat eutanasia pasif adalah lebih baik dari segi moralnya.

Dalam kes *Rodriguez v. British Columbia (Attorney General)* [1993] 3 S.C.R. 519, perayu merupakan seorang ibu berusia 42 tahun yang menderita penyakit sklerosis lateral amyotrophic iaitu penyakit yang menyerang sel-sel saraf otot. Keadaannya kelihatan semakin merosot dan akan kehilangan keupayaan untuk menelan makanan, bercakap, berjalan dan menggerakkan tubuh badannya. Selain itu, dia juga bakal kehilangan keupayaan untuk bernafas tanpa bantuan alat pernafasan. Jangka hayatnya adalah di antara 2 hingga 14 bulan. Perayu dalam kes ini mahukan hak yang sah di sisi undang undang bagi mendapatkan pengamal perubatan yang berkeelayakan untuk menamatkan hayatnya. Walau bagaimanapun, menurut laman web The Canadian Encyclopedia yang bertajuk Assisted Suicide in Canada, assisted suicide adalah tidak dibenarkan di Kanada dan boleh dihukum penjara sehingga 14 tahun. Oleh itu, beliau telah meminta mahkamah supaya membenarkan pengamal perubatan dalam membantu menamatkan hayatnya. Akhirnya, pihak mahkamah telah menolak permohonannya dan sebahagian besar hakim Mahkamah Rayuan mengesahkan keputusan tersebut ditolak (Gérald A. Beaudoin 2006).

Dalam setiap kes yang pernah berlaku di seluruh pelosok dunia, masyarakat dapat mengambil iktibar dan mempelajari setiap yang berlaku. Menurut laman berita Berita Harian, Edmund Burke dan George Santayana berkata “seseorang yang tidak belajar daripada sejarah akan ditakdirkan mengulangi kesilapan lalu” (Ibrahim Ahmad 2018). Justeru, setiap kes yang pernah berlaku sebelum ini seharusnya dijadikan pengajaran oleh masyarakat untuk mengelakkan daripada kesilapan yang sama berlaku.

## **HAK UNTUK HIDUP DAN MATI**

Hak kemanusiaan merujuk hak yang dimiliki oleh semua insan. Dari segi perundangan, hak ini merupakan satu bentuk hak yang dinikmati oleh seorang warganegara seperti apa yang telah termaktub dalam undang-undang negara berkenaan. Contohnya, dalam Perlembagaan Malaysia terdapat penerangan mengenai hak kemanusiaan yang terlindung di bawah perlembagaan. Percabulan hak kemanusiaan yang berkenaan mungkin akan membawa kepada tindakan undang-undang yang sewajarnya. Penakrifan hak kemanusiaan dari segi undang-undang adalah berbeza dari satu negara ke satu negara yang lain.

Salah satu contoh hak asasi manusia yang akan dibincangkan adalah hak untuk hidup dan mati. Kebebasan asasi adalah hak dan kebebasan yang kita miliki sebagai manusia. Sesetengah kebebasan asasi ini diperuntukkan dalam Perlembagaan. Oleh itu, hak dan kebebasan ini dikatakan 'dijamin' dan tidak boleh diambil melainkan Perlembagaan membenarkannya. Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan "Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang." Perkara 5(1) ini membincangkan bahawa setiap orang mempunyai hak kehidupan dan kebebasan diri. Nyawa atau kebebasan diri tidak boleh dilucutkan melainkan ia mengikut undang-undang.

Namun begitu, Perlembagaan Persekutuan tidak menyebut apa-apa peruntukan mengenai hak untuk mati. Seiring dengan kebebasan manusia untuk melakukan sesuatu atas dirinya, muncul suatu tuntutan untuk mengakui eutanasia sebagai sebahagian dari hak asasi manusia. Dalam hal ini, eutanasia dianggap sebagai hak untuk mati (Nur Hayati 2004).

Kehadiran eutaanasia sebagai hak asasi manusia yang merupakan hak untuk mati, dianggap sebagai sebuah kesinambungan dari adanya hak untuk hidup. Oleh kerana setiap orang berhak untuk hidup, maka setiap orang juga berhak untuk memilih kematian yang dianggap menyenangkan bagi dirinya. Kematian yang menyenangkan inilah yang kemudian memunculkan istilah eutanasia (Nur Hayati 2004).

Tetapi, jika dikaji lebih dalam, manusia tidak memiliki hak untuk hidup kerana manusia tidak memiliki hidup itu sendiri. Kehadiran manusia sepenuhnya merupakan kehendak Tuhan Yang Maha Esa. Jika hak untuk hidup itu dimiliki oleh manusia, maka ia akan dapat menentukan bila dia akan hidup, bagaimana dia akan hidup, ataupun dari rahim siapa dia akan lahir. Namun, manusia tidak memiliki hak tersebut. Manusia hanya mengetahui bahawa ia telah terlahir dan telah dikurniakan kehidupan.

Dari huraian di atas, kehidupan sepenuhnya merupakan hak Tuhan Yang Maha Esa. Dalam hal ini, manusia telah dikurniakan kehidupan oleh Tuhan, sehingga ia memiliki hak untuk mempertahankan hidupnya. Jadi lebih tepat jika dikatakan bahwa manusia tidak memiliki hak hidup, tetapi memiliki hak untuk mempertahankan hidupnya. Apabila ditinjau bahwa hak atas hidup manusia berada pada kehendak Tuhan, maka dapat dikatakan bahawa manusia tidak memiliki hak untuk mati kerana pada dasarnya manusia tidak memiliki hak untuk hidup. Apabila manusia itu sendiri tidak memiliki hak untuk hidup, bagaimana pula ia memiliki hak untuk mati. Dalam hal ini, dengan tidak memiliki hak hidup oleh manusia, maka manusia juga tidak memiliki hak untuk mati. Dengan demikian, setiap tindakan eutanasia dianggap melawan anugerah Tuhan

Namun begitu, pada masa kini telah wujud suatu cara bagi pesakit yang ingin mati secara bermaruah (*die with dignity*). Dalam keadaan ini, pesakit tersebut boleh memberi panduan kepada doktor yang merawatnya tentang bagaimana hasrat mereka boleh ditunaikan oleh doktor tersebut. Panduan atau arahan ini disebut sebagai Arahan Perubatan Awal (APA) (dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *Advance Medical Directive (AMD)* (Azizan Baharuddin 2015). APA ini turut dikaitkan dengan eutanasia pasif iaitu pesakit memberikan keizinan dengan membuat keputusan semasa dia berkeupayaan untuk membuat keputusan menolak atau menghentikan rawatan perubatan kerana telah disahkan tiada prospek penyembuhan selain usaha rawatan itu dianggap sia-sia. Keputusan pesakit tersebut boleh menyebabkan kematian. *Consent for Treatment of Patients by Registered Medical Practitioners* yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) telah menyatakan tentang APA yang boleh dilakukan oleh seseorang individu.

APA menyediakan satu dokumen khusus bagi menyatakan kehendak pesakit yang berkeupayaan sama ada ingin meneruskan atau meninggalkan rawatan perubatan tentang pelan perubatan masa hadapannya sekiranya beliau menjadi tidak berkeupayaan (Zahir, M. Z. M., et. al 2019a). APA adalah dokumen yang mengandungi arahan oleh pesakit menyatakan jenis-jenis rawatan yang beliau benarkan atau tidak benarkan untuk diberikan kepadanya setelah pesakit tersebut hilang keupayaan pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, di Malaysia, perkembangan undang-undang mengenai APA masih perlahan. Malah, belum ada lagi kes tempatan dilaporkan berhubung kait dengan APA. Walaupun Perkara 17 dan 18, *Consent for Treatment of Patients by Registered Medical Practitioners* yang dikeluarkan oleh

Majlis Perubatan Malaysia (MMC) menyediakan garis panduan umum yang menyebut tentang APA, tetapi ia masih belum cukup jelas (Zahir, M. Z. M., et. al 2019a).

APA dianggap penting kerana ia dapat mengelakkan keputusan yang dibuat oleh kaum keluarga berlawanan dengan kehendak pesakit itu sendiri. Secara tidak langsung, ia dapat mengelakkan konflik sesama ahli keluarga, dapat melindungi doktor dan perawat daripada tindakan undang-undang dan ia boleh membantu pesakit membuat ikrar menjadi penderma organ apabila dia meninggal (Azizan Baharuddin 2015).

Pesakit berhak untuk memberikan keizinan terhadap rawatan perubatan mengikut kehendak pesakit dengan adanya APA atau dokumen khusus bagi pesakit yang berkeupayaan memilih rawatan yang akan dijalankan ke atas dirinya. APA dilihat meninggalkan kesan yang positif terhadap pesakit itu sendiri kerana ia memberikan manfaat ke atas diri pesakit itu sendiri dan seterusnya dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang konflik.

Di samping itu, teknologi dalam bidang perubatan jelas telah memberikan manfaat seperti yang telah dibincangkan. Seperti yang kita maklum, kemunculan teknologi dapat menjimatkan masa serta mampu memberi rawatan yang lebih efektif dan cekap kepada para pesakit. Penyakit yang serius dapat diubati dengan perkembangan teknologi. Seiring dengan perkembangan teknologi, sesetengah pesakit kanser dapat juga dapat diubati contohnya dengan melalui sesi kemoterapi yang ternyata menggunakan teknologi moden. Maka jelaslah teknologi lebih memberikan manfaat daripada mudarat.

Pesakit juga berhak untuk memberi keizinan terhadap rawatan perubatan mereka. APA dilihat memberikan manfaat kepada autonomi pesakit dalam menentukan apa yang mereka rasakan yang terbaik bagi diri mereka. APA juga dapat mengurangkan sebarang isu yang bakal mendatang kerana APA adalah permintaan daripada pesakit itu sendiri.

Dalam konteks ini, eutanasia aktif boleh dikaitkan. Hal ini kerana menurut seksyen 300 apabila tindakan mematikan seseorang individu dengan salah dan dengan niat. Contohnya, apabila seseorang doktor dengan niat mematikan seseorang individu dengan salah, maka beliau boleh disabitkan dengan seksyen ini. Namun, kekecualian dalam seksyen ini ada menyebut bahawa: “Mematikan orang dengan salah tidak menjadi kesalahan membunuh orang apabila orang yang kematiannya disebabkan itu, yang

berumur lebih daripada lapan belas tahun, mati, atau sanggup menempoh bahaya mati dengan kerelaannya sendiri.” Jadi, jika terdapat kerelaan daripada pesakit itu sendiri, berkemungkinan dapat mengurangkan liabiliti pertuduhan doktor tersebut.

Hukuman bagi kesalahan membunuh orang dapat dilihat di bawah seksyen 302, di mana *“barang siapa melakukan kesalahan membunuh orang hendaklah diseksa dengan bunuh.”* Seksyen 299 pula memperuntukkan kesalahan bagi cubaan untuk membunuh.

Bagi kesalahan ini, seseorang pesalah boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 304 Kanun Keseksaan iaitu penjara sehingga dua puluh tahun dan boleh dikenakan denda jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian, atau penjara selama tempoh sehingga sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya, jika perbuatan itu dilakukan dengan mengetahui bahawa perbuatan itu mungkin menyebabkan kematian.

Selain itu, seksyen 304A pula adalah kesalahan melakukan yang menyebabkan kematian dengan cuai. Seksyen ini memperuntukkan:

*“Barang siapa menyebabkan kematian seseorang, dengan melakukan apa-apa perbuatan gopoh atau cuai yang tidak terjumlah kepada mematikan orang dengan salah, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.”*

Seterusnya, menurut seksyen 306, sekiranya seseorang doktor membantu pesakit terminal menamatkan hayat mereka, berkemungkinan juga boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen ini, iaitu menyubahati kesalahan membunuh diri. Seksyen 307 pula terpakai jika terdapat percubaan untuk membunuh orang. Seterusnya, seksyen 308 Kanun Keseksaan menyebut, dimana doktor mempunyai niat dan mempunyai suatu percubaan, walaupun tidak berjaya, dengan sengaja mengakhiri nyawa pesakit mereka yang sakit, boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen ini. Manakala, seksyen 309 pula memperuntukkan bagi mencuba melakukan kesalahan membunuh diri. Seksyen 309 memperuntukkan bahawa: *“Barang siapa mencuba melakukan kesalahan membunuh diri, dan melakukan apa-apa perbuatan pada melakukan kesalahan itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai setahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.”* Seksyen ini mungkin boleh terpakai bagi kes-kes eutanasia secara sukarela kerana perbuatan tersebut bersamaan dengan perbuatan membunuh diri (Puteri Nemie Jahn Kassim 2019).

Kanun Keseksaan telah memberikan panduan bagi kes-kes pembunuhan di Malaysia. Walaupun Kanun Keseksaan tidak menyebut istilah eutanasia, tetapi perbuatan eutanasia itu sendiri merujuk suatu tindakan menamatkan hayat atau perbuatan mematikan seseorang individu. Justeru itu, berdasarkan panduan daripada Kanun Keseksaan, hal ini dapat dilihat bahawa terdapat peruntukan berkaitan kesalahan yang melibatkan nyawa seseorang individu dan tindakan bersalahan dengan peruntukan dalam Kanun Keseksaan boleh menyebabkan pesalah didakwa dan/atau disabitkan di bawah peruntukan tersebut.

Melihat kepada undang-undang di Malaysia, peraturan yang mengatur secara khusus mengenai eutanasia masih belum ada. Bagi mengelakkan dari tercetusnya isu dan kontroversi, negara perlu mewujudkan rangka perundangan dan peraturan khusus yang mengatur tentang eutanasia dengan jelas. Peruntukan dalam perundangan wajar dibuat sama ada membenarkan atau tidak membenarkan amalan eutanasia ini. Dalam konteks membenarkan eutanasia, seksyen 312 Kanun Keseksaan boleh dijadikan panduan dalam merangka undang-undang di negara ini. Sebagai contoh, di dalam seksyen 312 Kanun Keseksaan yang menyebut tentang keguguran iaitu barang siapa dengan sengaja menyebabkan seorang perempuan yang hamil gugur adalah tidak dibenarkan dan bakal dikenakan hukuman kecuali jika pengamal perubatan tersebut berpendapat dengan suci hati, bahawa penerusan kehamilan itu akan menyebabkan risiko kepada nyawa perempuan yang hamil itu. Oleh itu, kecualian seperti seksyen pengguguran bayi ini boleh dijadikan panduan bagi merangka undang-undang mengenai eutanasia. Sekiranya doktor membenarkan eutanasia dengan suci hati, iaitu demi kebaikan bagi seseorang pesakit, dan setelah berbincang dengan para pengamal perubatan yang lain, dan pesakit tersebut memberikan keizinan bagi melaksanakan eutanasia ke atas dirinya, atau keputusan daripada keluarganya jika pesakit sudah tidak menyedarkan diri, dan pengamal perubatan tersebut telah mengambil segala perkara perkara yang munasabah yang harus diambil, maka ia mungkin dibolehkan. Walau bagaimanapun, dalam aspek ini eutanasia pasif sahaja yang dilihat lebih memberikan kebaikan sekiranya ia dibuat secara sukarela. Selain itu, pengesahan daripada pihak doktor dan pakar perubatan tentang keizinan pesakit ketika membuat keputusan semasa dia berkeupayaan untuk membuat keputusan menolak atau menghentikan rawatan perubatan kerana telah disahkan tiada prospek penyembuhan selain usaha rawatan itu dianggap sia-sia adalah sangat signifikan sebelum eutanasia itu dilakukan.

Cadangan seterusnya adalah dengan menambah baik seksyen yang menyebut tentang keizinan terhadap rawatan perubatan. Sebagai contoh, peruntukan di Malaysia menetapkan bahawa sekiranya

terdapat individu yang menyuruh kita untuk membunuh dirinya bagi pihaknya, kita masih dianggap melakukan jenayah bunuh walaupun kita mempunyai keizinannya. Jadi, seksyen yang menyentuh mengenai keizinan ini mungkin boleh diperbaiki dan disemak semula. Contohnya, jika terdapat kes mengenai eutanasia di Malaysia, apabila doktor telah mendapat keizinan daripada pesakit atau keluarga pesakit tersebut untuk melaksanakan eutanasia, dan pesakit tersebut adalah pesakit terminal dan penyakitnya tidak boleh sembuh, maka doktor tersebut tidak perlu dikenakan hukuman kerana telah mendapatkan keizinan daripada pesakit itu sendiri. Contohnya, seperti yang terjadi dalam kes *Rodriguez v. British Columbia (Attorney General)* [1993] 3 S.C.R. 519 yang telah dibincangkan. Walau bagaimanapun, kebenaran dan perintah mahkamah dalam konteks eutanasia adalah sangat penting dan perlu dititikberatkan juga. Hal ini penting kerana bagi menunjukkan bahawa mahkamah sentiasa ada kuasa dan budi bicaranya yang tersendiri dalam konteks memberikan keadilan.

Cadangan yang terakhir adalah dalam konteks sekiranya eutanasia membenarkan atau tidak di Malaysia. Satu peruntukan mengenai eutanasia boleh dilaksanakan sama ada di dalam Kanun Keseksaan atau di dalam akta khas supaya para doktor dan pesakit, peguam, penggubal undang-undang, hakim dan masyarakat umum jelas dengan peruntukan yang membenarkan atau tidak membenarkan amalan eutanasia ini. Contoh yang terbaik adalah dengan merujuk seksyen 299 dan 300 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan kesalahan bagi memamatkan orang dengan salah dan kesalahan membunuh, dan diberikan hukuman yang sewajarnya seperti di dalam seksyen 302 dan 304, iaitu, jika pengamal perubatan tersebut didapati bersalah, maka hukuman bunuh harus dilaksanakan terhadapnya kerana perbuatan eutanasia aktif itu mungkin secara umum merupakan suatu perbuatan bunuh.

Undang-undang yang jelas mengenai eutanasia adalah penting di setiap negara. Harus diingati bahawa teknologi perubatan bukan sahaja dapat meningkatkan mutu hidup, tetapi pelbagai isu, kontroversi, konflik bakal berlaku jika tiada peruntukan yang mengawal kehidupan masyarakat. Isu eutanasia ini bukanlah suatu isu yang baharu dan penulis percaya bahawa kes kes eutanasia ini bakal banyak berlaku lagi pada masa yang akan datang. Justeru, dengan undang-undang yang sedia ada di setiap negara, ia dapat memberikan panduan dan rujukan kepada para doktor dan pesakit, peguam, penggubal undang-undang, hakim dan masyarakat umum.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, persoalan mengenai adakah eutanasia ini suatu perbuatan yang bermoral atau tidak, perlu dilihat kepada setiap konteks eutanasia itu sendiri termasuklah jenis-jenisnya. Terdapat banyak negara yang melarang eutanasia tetapi ada juga negara yang mengiktiraf kedudukan eutanasia. Apa yang penting adalah walaupun negara itu membenarkan eutanasia, jadi perbuatan itu tidaklah dianggap membunuh walaupun secara moralnya ia dilihat sebegitu. Isu eutanasia ini bukanlah suatu permasalahan yang baharu, masalah ini sudah sering diangkat dalam berbagai forum diskusi. Namun begitu, pandangan daripada pakar perubatan, pendokong undang-undang, kerajaan, dan agamawan masih mengundang titik pro dan kontra, baik di Malaysia mahupun di negara-negara lain. Diharapkan pada masa yang akan hadapan, Malaysia mempunyai suatu mekanisme perundangan dan peruntukan yang lebih jelas mengenai eutanasia bagi mengelakkan sebarang isu dan kekeliruan timbul.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (Malaysia) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah menyediakan dana penyelidikan di bawah GGPM-2021-041, DPB-2021-229, dan penghargaan khas kepada ahli kumpulan penyelidikan dan pelajar Fakulti Undang-Undang UKM yang terlibat atas kepakaran dan kerjasama anda semua.



## RUJUKAN

- [1] Abdul Wahid & Ismail. 2019. Terapi berasaskan sel untuk penyakit “amyotrophic lateral sclerosis/motor neuron” (ALS/MND). [https://www.cochrane.org/ms/CD011742/NEUROMUSC\\_terapi-berasaskan-sel-untuk-penyakit-amyotrophic-lateral-sclerosismotor-neuron-als-mnd](https://www.cochrane.org/ms/CD011742/NEUROMUSC_terapi-berasaskan-sel-untuk-penyakit-amyotrophic-lateral-sclerosismotor-neuron-als-mnd)
- [2]Azizan Baharuddin. 2015. Wujudkah Pilihan Mati Dengan Cara Terhormat? <https://www.ikim.gov.my/index.php/2015/02/24/wujudkah-pilihan-mati-dengan-cara-terhormat/> [24 Februari 2015].
- [3] Dito Anurogo. 2019. Telaah Memahami Euthanasia. <https://www.antaraneews.com/berita/885258/memahami-euthanasia> [24 Mei 2019].
- [4] Farahwahida Mohd Yusofa, Tamar Jaya Nizar, Siti Norlina Muhammad & Nurain Mohd Nazir, 2013. Euthanasia: Melanggar Etika dan Hak Asasi Manusia. *Jurnal Teknologi (Sciences & Engineering)* 64(1): 33–41.
- [5] Gérald A. Beaudoin. 2006. Assisted Suicide in Canada: The Rodriguez Case (1993). <https://www.thecanadianencyclopedia.ca/en/article/rodriguez-case-1993> [Februari 2006].
- [6] Kamus Dewan. 2017. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [7] Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Edisi Keenam. 2006.
- [8] Kanun Keseksaan (Malaysia).
- [9] Kevin Adrian. 2020. Euthanasia, Ketika Mengakhiri Hidup Dianggap sebagai Jalan Keluar. 18 Nov. <https://www.alodokter.com/euthanasia-ketika-mengakhiri-hidup-dianggap-sebagai-jalan-keluar>
- [10] Kimberly Holland. 2019. Medically reviewed by Timothy J. Legg, Ph.D., CRNP. <https://www.healthline.com/health/what-is-euthanasia> [31 Mei 2019].
- [11] Moira M. McQueen & James L. Walsh. 2017. The House of Lords and the Discontinuation of Artificial Nutrition and Hydration: An Ethical Analysis of the Tony Bland Case. *Number 4 Vol 35*.
- [12] Muhammad Soulhiey Zeckry. 2017. Apa Itu Euthanasia? Oct 4. <https://zeckry.net/2017/10/04/apa-itu-euthanasia-pernah-dengar-tak-etika-profesional/>
- [13] Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. 2016. Pantun Melayu sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu Bil.* 15(2): 146-159.
- [14] Nur Hayati. 2004. Euthanasia dalam Perspektif Hak Asasi Manusia dan Kaitannya dengan Hukum Pidana. Vol 1, No 2. Indonesia: Fakultas Hukum Universitas Indonusa Esa Unggul.
- [15] Pamela R Ferguson. 1997. Causing death or allowing to die? Developments in the law. *Journal of Medical Ethics.* 23(6): 368-372.
- [16] Perlembagaan Persekutuan

- [17] Rindi Ramadhini. 2009. Euthanasia Ditinjau Dari Aspek Hukum Pidana Dan Hak Asasi Manusia. Indonesia: Universitas Negeri Semarang.
- [18] Robert D. McFadden. 1985. Karen Ann Quinlan, 31, Dies; Focus of '76 Right to Die Case. <https://www.nytimes.com/1985/06/12/nyregion/karen-ann-quinlan-31-dies-focus-of-76-right-to-die-case.html> [June 12, 1985].
- [19] Rospita A. Siregar. 2015. Euthanasia dan Hak Asasi Manusia. Jurnal Hukum, Hukum Untuk Mengatur dan Melindungi Masyarakat. Jilid 1 (3).
- [20] Salmianti Mutalib. 2013. Tinjauan Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Jurnal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). 4: 38-50.
- [21] Suryadi Hermawan. 2017. Bab III Kasus Permohonan Euthanasia dari Pihak Keluarga Agian Isna Nauli dan Kasus Permohonan Euthanasia dari Pihak Keluarga Siti Julaeha. Hlm 83. <http://repository.unpas.ac.id/28620/5/G.BAB%20III%20PENELITIAN.pdf>
- [22] Tjandra Sridjaja Pradjonggo. 2016. Suntik Mati (Euthanasia) Ditinjau dari Aspek Hukum Pidana dan Hak Asasi Manusia di Indonesia. Jurnal Elektronik Universitas Negeri Malang. 56-63.
- [23] Zahir, M. Z. M., Zainudin, T. N. A. T., Yaakob, H., Rajamanickam, R., Harunarashid, H., Shariff, A. A. M., Rahman, Z. A. & Hatta, M. 2019a. Hak pesakit bagi melaksanakan arahan awal perubatan: Suatu gambaran umum. (The patient's right to implement advance medical directive: an overview). Sains Malaysiana. 48(2), 353-359.
- [24] Zahir, M. Z. M., Zainudin, T. N. A. T., Rajamanickam, R. & Rahman, Z. A. 2019b. Arahan Do Not Resuscitate (DNR) dalam sektor kesihatan dari perspektif undang-undang. (Do Not Resuscitate Instructions (DNR) order in the health sector from a legal perspective). Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities (Akademika), Malaysia, 89(2), 143-154.

# **PUNCA TEKANAN EMOSI GURU SEMASA PANDEMIK COVID-19 DAN APLIKASI TEORI KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI RYFF 1989 SEBAGAI CADANGAN PENYELESAIAN**

*Hanita Ladjaharun, Anuar Ahmad  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **Abstrak**

Situasi pandemik akibat penularan virus covid 19 di seluruh dunia memberi kesan ke atas kehidupan manusia. Amalan norma baharu dilaksanakan bagi membendung penularan virus yang boleh memberi kesan buruk seperti kematian. Amalan norma baharu memerlukan manusia mengubahsuai rutin harian bagi meneruskan kehidupan. Dalam profesion perguruan, amalan norma baharu semasa pandemik COVID-19 telah memberikan kesan terhadap emosi guru. Oleh itu, kertas kajian ini akan mengupas punca-punca tekanan emosi yang dialami oleh guru. Seterusnya cadangan penyelesaian diketengahkan berdasarkan Teori Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff 1989. Kertas Konsep ini penting sebagai rujukan kepada guru-guru untuk mengetahui punca tekanan emosi yang dihadapi ketika pandemik COVID-19 dan dapat mengetahui penyelesaiannya. Selain itu, teori yang diketengahkan boleh menjadi panduan kepada guru atau bukan guru untuk berdepan dengan situasi yang mencabar pada bila-bila masa. Oleh itu, dengan mengetahui punca tekanan emosi dan cara menghadapinya dapat menjamin kesejahteraan psikologi seterusnya membolehkan guru lebih tenang, fokus, yakin dan berkeupayaan tinggi dalam melaksanakan tugas walaupun berdepan dengan situasi sukar.

**Kata Kunci:** *Tekanan emosi guru, COVID-19, Teori Kesejahteraan Psikologi Ryff 1989*

## **1. PENGENALAN**

Penularan virus COVID-19 yang begitu cepat sejak sekitar bulan Mac 2020 telah membawa kepada tindakan kerajaan Malaysia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengumuman rasmi telah dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Tan Sri Muhyiddin bin Yassin pada 18 Mac 2020. Ekoran itu sesi persekolahan juga turut ditangguhkan dan bermula sesi Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah (PdPR). Menurut Losius Goliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny dan Nazarius G. Yulip (2020) pelaksanaan PdPR ini dilaksanakan sebagai alternatif kerana sistem pembelajaran secara konvensional yang diamalkan selama ini tidak dapat memenuhi tuntutan pendidikan sepanjang penguatkuasaan PKP. Ketika itu, guru menggunakan pelbagai pendekatan seperti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian, PdP di luar talian atau gabungan kedua-duanya. Sesi persekolahan telah dibuka semula apabila berlaku penurunan kes yang ketara. Namun, bermula pada Mac 2021 kes harian COVID-19 semakin meningkat. Lantaran itu, kerajaan telah memutuskan mengambil langkah-langkah yang lebih tegas dan ketat mengekang penularan wabak COVID-19 dalam masyarakat dan menghalang kenaikan kes secara

mendadak. Oleh itu, sekali lagi KPM bertindak menangguhkan sesi persekolahan. Susulan daripada itu, guru-guru terus melaksanakan PdPR bagi memastikan murid tetap belajar walaupun berlaku krisis disebabkan oleh pandemik COVID-19.

## 2. DEFINISI

### Emosi

Menurut Strongman (2018), emosi dikatakan berasal dari istilah Latin iaitu “*emovere*” yang bermaksud pengacau, pengaduk, atau penggerak untuk keluar. Beliau berpendapat bahawa emosi adalah perangsang yang menyebabkan seseorang individu melakukan sesuatu tindakan bagi memenuhi kepuasan diri. Berbeza dengan Michael Cabanac (2002) di dalam kajiannya berpendapat bahawa emosi itu merupakan suatu perkara yang berlaku secara tiba-tiba disebabkan oleh pengalaman seseorang individu seperti ketakutan, kejutan, kegembiraan dan sebagainya atau suatu perasaan kasih sayang seperti rasa sakit, keinginan dan harapan. Rainer Reisenzein (2007) juga mengatakan bahawa emosi itu adalah suatu proses dari segi mental seperti penilaian, kecenderungan tindakan, pengalaman subjektif dan juga tingkah laku seperti tindak balas fisiologi, ekspresi wajah dan juga suara. Akhir sekali, Fakhir ‘Akil (1985) turut mentakrifkan emosi sebagai *infi’al* iaitu keadaan dalaman yang menunjukkan pengalaman dan perbuatan yang dizahirkan dalam sesuatu peristiwa yang berlaku seperti perasaan takut, marah dan gembira dan boleh menyebabkan aktiviti-aktiviti harian terganggu. Oleh itu, emosi adalah segala yang dialami atau pengalaman oleh seseorang seperti gembira, bahagia, tenang, syukur, redha, kecewa, sedih, marah dan terkejut yang dipamerkan melalui raut wajah, suara dan tindakan.

Emosi merupakan elemen yang sangat penting dalam diri seseorang (Zarina Samin KB PA, 2013). Goleman (1998) menyatakan kecerdasan emosi sebagai keupayaan diri untuk menyedari perasaan diri sendiri dan orang lain, di samping boleh memotivasikan diri sendiri, menguruskan emosi serta menjalinkan perhubungan yang baik dengan orang lain. Seterusnya, menurut Habibah (2017) kecerdasan emosi sebagai satu kebolehan untuk mempengaruhi serta mengawal emosi yang pelbagai, mendiskriminasikan emosi, serta menginterpretasikan emosi sebelum melaksanakan sesuatu tindakan. Strongman (2018) berpendapat bahawa individu yang mampu mengawal emosi mereka adalah individu yang cerdas serta mampu mengawal segala tindakan dalam kehidupan seharian. Kesimpulannya, kecerdasan emosi akan memberi pengaruh terhadap tindakan yang bakal dilakukan oleh seseorang

individu. Individu yang mempunyai kecerdasan emosi jelas dengan kekuatan dan kelemahan diri sendiri, berupaya menilai persekitaran dan melakukan tindakan yang sewajarnya.

### **Tekanan Emosi**

Perkataan tekanan berasal daripada perkataan Latin iaitu “*Stringer*” yang bermaksud “untuk menegakkan” atau “*to draw tigh*” dan ia telah digunakan sejak abad ke-17 untuk menerangkan kesusahan dan penderitaan (Zawanah Md Rahani, 2015). Tekanan didefinisikan dalam bentuk toleransi yang menyatakan bahawa persekitaran yang tekanan boleh dianggap berada di luar batasan toleransi yang normal dalam kehidupan seharian seseorang dan rangsangan tersebut boleh ditafsirkan sebagai kesakitan pada peringkat tertinggi. Seterusnya, sesuatu yang kelihatan tekanan pada seseorang berkemungkinan menjadi cabaran dan keseronokan kepada seseorang yang lain (McGrath, 1974). Hans Salye (1993) telah mencipta Teori dan Model Stres yang dinamakan Teori Sindrom Adaptasi Am (*General Adaptation Syndrome Theory*) menegaskan perubahan yang berlaku kepada diri seseorang sama ada ke atas fizikal atau mental yang disebabkan oleh sesuatu tekanan atau paksaan yang boleh menyebabkan seseorang itu berusaha dengan lebih kuat atau membuat pengubahsuaian hasil daripada kesakitan, ketegangan dan ketakutan yang dialaminya (Noor Izzati Mohd Zawawi, Fariza Md. Sham & A’dawiyah Ismail, 2019).

### **Tekanan Emosi Guru**

Menurut Kyricaou dan Sutcliffe (1978) tekanan guru ditakrifkan sebagai pengalaman kurang disenangi oleh seorang guru dari segi emosi, seperti tension, tertekan, kebimbangan, kemarahan, dan segala sesuatu yang berkaitan dengan aspek pekerjaan sebagai seorang guru. Tekanan kerja guru ialah emosi negatif yang dialami oleh seorang guru semasa menjalankan tugas. Emosi negatif berkenaan umpamanya kemarahan, keresahan, ketegangan, kekecewaan dan kemurungan yang dialami oleh seseorang guru itu. Keadaan ini dipersepsikan sebagai ancaman terhadap kebahagiaan/kesejahteraan psikologi dan fizikal. Menurut Goleman (1999), kecerdasan emosi diperlukan oleh seseorang untuk berjaya dalam kerjaya. Ianya juga berkait rapat dengan nilai kerja yang dipegang oleh seseorang dan boleh memberikan kesan ke atas prestasi kerja individu tersebut. Tugas guru merupakan tugas yang kompleks dan mencabar. Mereka bukan sahaja perlu mengajar, malah perlu melakukan kerja-kerja pengkeranian dan pentadbiran, menjalankan aktiviti kokurikulum dan juga melibatkan diri secara aktif dalam Persatuan Ibu-Bapa dan Guru (Noriah Mohd. Ishak, Ramlee Mustapha, Siti Rahayah Ariffin & Syed Najmuddin Syed Hassan,

2003). Oleh itu, tekanan emosi guru dikaitkan dengan tekanan daripada cabaran atau kesukaran yang dialami guru ketika melaksanakan tugas rutin seorang guru.

### **Manual Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah (PdPR)**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) menetapkan setiap murid mendapat akses kepada pendidikan untuk mencapai potensi diri bagi menghadapi kehidupan masa hadapan (PPPM, 2013). Oleh itu, murid berhak mendapat peluang mengikuti pendidikan, meskipun mereka tidak dapat hadir ke sekolah. KPM komited dalam memastikan PdP tetap berlaku walaupun krisis melanda negara. Bagi memastikan PdP dapat dilaksanakan dengan sistematik maka kerajaan telah mengeluarkan manual yang menjadi rujukan untuk pentadbir sekolah, pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Manual PdPR dibangunkan bertujuan untuk membantu guru melaksanakan PdPR semasa norma baharu. PdPR dilaksanakan apabila murid tidak dapat hadir ke sekolah dalam satu tempoh yang tertentu atas sebab bencana atau wabak atau sebab-sebab lain dengan kelulusan pendaftar negeri. PdPR ialah PdP yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan/ atau luar talian dan/ atau off-site dengan berstruktur dan terancang. PdPR secara dalam talian berlaku apabila terdapat capaian Internet dan penggunaan peranti yang membolehkan murid belajar secara *real time*. PdPR secara luar talian berlaku apabila murid belajar menggunakan peranti seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar tanpa capaian internet. Pembelajaran juga boleh berlaku apabila murid belajar menggunakan buku teks atau bahan pembelajaran lain (KPM, 2020).

Seterusnya, PdPR perlu dirancang mengikut keupayaan murid dan kesediaan sumber yang ada. Antara peranan guru yang ditetapkan dalam Manual PdPR ialah:

1. Menyusun semula Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan takwim persekolahan yang berkuat kuasa.
2. Merancang RPH dan jadual waktu PdPR supaya kandungan kurikulum dapat disampaikan secara optimum.
3. Menentukan kaedah penyampaian yang fleksibel mengikut situasi semasa dengan mengambil kira sumber yang ada pada murid.
4. Menyediakan bahan PdPR yang mudah didapati, diakses dan bersesuaian dengan kaedah PdPR yang digunakan.
5. Memastikan murid mendapat tugas/latihan yang dirancang oleh guru.

6. Mengadakan perbincangan antara guru untuk mengelakkan murid menerima tugas/kerja rumah yang banyak pada satusatu masa.
  7. Menetapkan masa perbincangan dengan murid selain waktu PdPR.
  8. Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti kuiz, tugas/latihan dan projek untuk menentukan pencapaian murid.
  9. Merekodkan pelibatan murid dalam PdPR menggunakan kaedah yang bersesuaian.
  10. Melaporkan pelaksanaan PdPR di dalam templat pelaporan yang disediakan.
  11. Mengadakan perbincangan dengan ibu bapa/penjaga untuk menyokong pembelajaran murid di rumah.
  12. Memaklumkan ibu bapa/penjaga jika kelas tidak dapat dijalankan seperti yang dijadualkan.
- (KPM, 2020)

Oleh itu, Manual PdPR memberi panduan jelas dan menyeluruh kepada guru untuk melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran secara optimum. Namun, pendekatan baru dalam melaksanakan PdP tanpa bersemuka, berasaskan teknologi dengan mengambilkira pelbagai kesediaan murid telah menyebabkan perubahan drastik terhadap suasana dan rutin tugas harian seorang guru. Perubahan ini memerlukan guru mempersiapkan diri dengan pelbagai bahan, kemahiran teknologi dan kreativiti mengajar tanpa bersemuka bagi memastikan PdP lancar dan berkesan. Perubahan mendadak yang berlaku telah menyebabkan guru mengalami kesukaran dalam membuat pengubahsuaian dan mempersiapkan diri seterusnya mengundang tekanan emosi.

## **TEORI KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI**

Manusia memerlukan panduan ketika berdepan dan menangani cabaran dalam kehidupan seharian. Sehubungan itu, Teori Kesejahteraan Psikologi atau Psychological Well-being (PWB) telah diperkenalkan oleh Carol Ryff pada tahun 1989. Teori ini begitu signifikan ketika manusia berdepan dengan suasana mencabar semasa pandemik COVID-19. Terdapat enam dimensi yang diketengahkan dalam teori tersebut iaitu autonomi (*autonomy*), penguasaan persekitaran (*enviromental mastery*), pertumbuhan sendiri (*personal growth*), hubungan positif dengan orang lain (*positive relations with others*), tujuan hidup (*purpose in life*) dan penerimaan diri (*self-acceptance*) (Carol Ryff, 1989). Berikut adalah penjelasan bagi setiap dimensi berkaitan dengan Teori Kesejahteraan Ryff 1989:

- i. Autonomi (*Autonomy*)

Autonomi merujuk kepada kemampuan individu untuk mengatur kehidupan dan tingkah laku serta berupaya membuat mempertimbangkan yang melibatkan pilihan negatif atau positif. Individu yang memiliki autonomi yang tinggi mampu menentukan hala tuju diri sendiri (*self-determination*). Individu berkaitan juga berupaya berdikari, menahan diri dari tekanan sosial, dapat menilai diri sendiri dan membuat keputusan tanpa bantuan orang lain. Sebaliknya, individu yang rendah dalam dimensi autonomi akan meletakkan harapan dan bergantung kepada orang lain untuk membuat keputusan penting. Individu berkenaan juga mudah dipengaruhi oleh tekanan sosial untuk berfikir dan melakukan sesuatu tindakan.

ii. Penguasaan Persekitaran (*Environmental Mastery*)

Penguasaan persekitaran dikaitkan dengan keupayaan individu untuk mengatur lingkungan persekitarannya agar sesuai dengan keperluan mereka. Selain itu, disebabkan keupayaan penguasaan terhadap persekitaran membolehkan individu mencipta peluang merealisasikan potensinya dan memenuhi keperluannya. Individu yang mempunyai penguasaan persekitaran yang tinggi berupaya menggunakan peluang dan mencipta peluang untuk mengembangkan atau memajukan dirinya dan memberi manfaat kepada orang lain. Sebaliknya, individu yang tidak dapat mengawal persekitarannya akan kehilangan peluang yang menyebabkan potensinya tidak dapat berkembang.

iii. Pertumbuhan Kendiri (*Personal Growth*)

Pertumbuhan sendiri dikaitkan dengan keupayaan individu mengembangkan potensi diri agar menjadi individu yang dapat memainkan peranan sepatutnya. Individu yang memiliki nilai yang tinggi dalam dimensi ini mempunyai hasrat, perasaan dan keinginan yang terus berkembang dan suka akan pengalaman baru. Individu ini juga menyedari kelebihan dirinya dan sentiasa melakukan penambahbaikan. Sebaliknya individu yang mempunyai nilai yang rendah dalam dimensi ini merasakan diri mereka lemah, tidak melihat peningkatan dan perkembangan diri, merasa bosan dan kehilangan minat dalam kehidupan mereka, serta merasa tidak dapat mengembangkan sikap dan tingkah laku yang baik.

iv. Hubungan Positif dengan Orang Lain (*Positive Relations with Others*)

Hubungan positif dikaitkan dengan kemampuan individu menjalin hubungan baik dengan orang lain di sekelilingnya. Individu yang tinggi dalam dimensi ini mempunyai hubungan mesra dan baik dengan persekitarannya, memilih untuk mengeratkan hubungan baik dan mempercayai orang lain. Selain itu, individu ini juga mementingkan kesejahteraan orang lain, dapat menunjukkan rasa empati, kasih sayang dan memahami prinsip-prinsip memberi dan menerima dalam hubungan interpersonal. Sebaliknya, individu yang rendah dalam dimensi hubungan positif dengan orang lain dilihat melalui pengasingan diri, terpencil dan merasa kecewa dalam menjalinkan hubungan interpersonal serta tidak mahu berkompromi dalam menjaga hubungan dengan orang lain.



v. Tujuan hidup (*purpose of life*)

Tujuan hidup bermaksud individu mencari makna dan tujuan dalam kehidupan mereka sendiri untuk mencapai kesihatan mental dan juga proses perkembangan yang matang. Individu yang mempunyai pemahaman yang jelas mengenai tujuan dan arah hidupnya akan berasa yakin dan merasakan bahawa pengalaman masa lalu dan masa kini yang dilalui adalah bermakna. Individu yang tinggi dalam dimensi ini adalah individu yang mempunyai tujuan dan hala tuju dalam hidup, merasakan makna dalam kehidupan mereka sekarang dan juga apa yang telah mereka jalani, mempunyai kepercayaan dalam mencapai objektif hidup mereka. Sebaliknya, individu yang rendah dalam dimensi tujuan hidup akan kehilangan arah dan makna dalam kehidupan, hala tuju dan aspirasi yang tidak jelas, tidak mengambil iktibar dari peristiwa lepas dan tidak mempunyai harapan atau kepercayaan dalam kehidupan. Ringkasnya, individu tanpa tujuan hidup akan sering gagal dan kecewa dalam menjalani kehidupan seharian.

vi. Penerimaan Diri (*Self-Acceptance*)

Penerimaan diri adalah kemampuan seseorang untuk positif dan menerima diri sendiri secara keseluruhannya. Individu yang menilai diri mereka secara positif akan memahami dan menerima pelbagai aspek diri mereka termasuk sifat baik dan buruk, berfungsi dengan optimum dan mempunyai sikap positif terhadap kehidupan yang mereka jalani. Sebaliknya, individu yang menilai diri mereka secara negatif menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap keadaan mereka dan merasa kecewa dengan pengalaman kehidupan mereka yang lalu.

Berdasarkan penjelasan tentang enam dimensi di atas, kesejahteraan psikologi dikaitkan dengan keupayaan individu dalam mengatur kehidupan, mendorong manusia agar dapat mengenali kualiti dan keupayaan diri sendiri seterusnya berusaha membangunkan potensi diri dalam persekitaran yang dihadapi. Penerimaan positif terhadap diri sendiri dan membina hubungan positif sesama insan akan mempermudah perjalanan kehidupan seharian. Selain itu, individu yang mempunyai kesejahteraan psikologi berupaya mengatur kehidupan dan mempunyai arah jelas untuk dicapai. Dengan bersikap positif terhadap diri sendiri, golongan ini akan dapat menjalani kehidupan yang tenang walaupun penuh dengan pelbagai cabaran. Tuntasnya, teori ini signifikan dengan guru-guru dalam situasi mencabar seperti pandemik COVID-19 bagi meredakan rasa tegang dengan pelbagai perubahan dan tuntutan, agar sentiasa yakin dengan kebolehan dan kemampuan diri seterusnya menghadapi persekitaran yang sentiasa berubah-ubah. (Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al Haadi Shafie, Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee dan Raja Nur Syafiqah Raja Ashaari, 2020).

## **PUNCA TEKANAN EMOSI GURU**

Masyarakat di seluruh dunia terkesan dan terjejas dengan pandemik COVID-19. PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi membendung penularan virus memberikan tekanan kepada seluruh masyarakat apabila terdapat golongan yang hilang pekerjaan mahu pun terpaksa duduk di rumah dan melaksanakan tugas harian mengikut norma baharu dari rumah. Golongan pendidik atau guru merupakan golongan yang turut melaksanakan tugas harian mengikut norma baharu. Pandemik COVID-19 dan amalan norma baharu dalam rutin seharian telah membawa kepada cabaran dan kesukaran yang mencetus tekanan emosi dalam kalangan guru. Berikut adalah punca-punca yang menyebabkan tekanan emosi guru.

### **i. Perubahan secara mendadak terhadap tugas seharian**

Perubahan mendadak dalam melaksanakan tugas harian khususnya pengajaran dan pembelajaran menjadi punca tekanan emosi guru. Menurut Rohani Ab Ghani (2020) guru dan pensyarah mengalami tekanan emosi disebabkan oleh mereka tidak mempunyai persediaan mental dan fizikal. Seterusnya, Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini Sulaiman, Suhana Mohamed Lip, Norshilawani Shahidan, Natasha Ariffin, Mohamad Fuad Ishak dan Sapie Sabilan (2020) menyatakan bahawa peralihan situasi yang drastik dan keupayaan individu yang terbatas juga menyukarkan proses penyesuaian diri dan mengakibatkan tekanan yang bermula sebagai positif bertukar menjadi negatif. Oleh itu, tekanan yang mewujudkan perasaan cemas, gemuruh serta sedih akan menimbulkan masalah jika berpanjangan atau menjejaskan fungsi harian seseorang individu. Perubahan drastik berlaku dalam kerjaya guru apabila tugas seharian perlu dilaksanakan berasaskan teknologi tanpa bersemuka dengan rakan sejawat dan murid-murid. Noorazman Abd Samad, Nizamuddin Razali & Wan Mohd Rashid Wan Ahmad (2018) menyatakan, tahap penggunaan (ICT) dalam kalangan guru terhadap adalah sederhana bagi aspek kemahiran, amalan dan sikap. Rohani Abd Ghani (2020) guru-guru dan pensyarah dari kumpulan yang berusia tidak mempunyai kemahiran dalam teknologi maklumat kerana begitu lama menggunakan kaedah konvensional. Oleh itu, guru-guru akan berdepan dengan kesukaran dalam melaksanakan tugas seharian mahupun berkomunikasi menggunakan teknologi.

Seterusnya, Losius et. al (2020) menyatakan perubahan secara mendadak kaedah pembelajaran ekoran penutupan sekolah bagi menyekat penyebaran virus COVID-19 sedikit sebanyak mengundang rasa “tergemam” seketika dalam kalangan guru-guru dan mengambil masa menyesuaikan diri dengan norma baharu dalam melaksanakan pengajaran. Guru yang masih belum mahir dalam penggunaan teknologi ICT maka wujud cabaran-cabaran lain yang menjadi halangan guru-guru melaksanakan

pengajaran secara dalam talian. Antara cabaran tersebut ialah memuat naik bahan atau tugas, memuat turun bahan dan tugas, menyampaikan isi pelajaran, menyemak tugas murid, membuat pentaksiran dan sebagainya. Cabaran-cabaran ini akan menyebabkan guru berasa sukar dan terbeban melaksanakan tugas seharian dan memberikan kesan terhadap emosi. Sebagai contoh, dalam melaksanakan pengajaran subjek tasmik menyebabkan guru tertekan akibat daripada kesukaran untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dengan lancar (Ashraf Ismail, Khazri Osman dan Nurul Huda Hassan, 2020). Losius et. al (2020) turut menyatakan perkara yang sama dalam kajian beliau iaitu PdPR turut menyukarkan guru untuk membimbing dan berkomunikasi dengan murid. Oleh itu, guru-guru berada dalam keadaan yang sukar atau mencabar apabila menghadapi norma baharu yang menyebabkan perubahan secara mendadak terhadap pelaksanaan tugas seharian. Bagi guru yang berjaya menyesuaikan diri dengan persekitaran atau keadaan semasa akan mengatasi cabaran dan mampu beradaptasi dengan norma baharu. Namun, bagi guru yang tidak berupaya menyesuaikan diri akan terus mengalami kesukaran dan menyebabkan tekanan dalam melaksanakan tugas seharian.

## **ii. Tugas guru bertambah dan berbeza dari amalan biasa**

Tekan emosi yang dialami oleh guru berpunca daripada tugas yang bertambah dan berbeza. Menurut Losius et. al 2020, guru merasa terbeban kerana banyak *evidence* pembelajaran yang dimuat naik, sukar memeriksa kerja murid secara *online*, sukar berkomunikasi dengan murid, tidak mahir menyediakan pembelajaran secara *online* dan guru merasa penat memberi maklum balas kepada murid menggunakan telefon pintar. Dalam manual PdPR yang disediakan oleh KPM menjelaskan tiga kaedah yang perlu diaplikasikan oleh guru dalam menjayakan pengajaran iaitu secara dalam talian berlaku apabila terdapat capaian Internet dan penggunaan peranti yang membolehkan murid belajar secara *real time*. PdPR secara luar talian berlaku apabila murid belajar menggunakan peranti seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar tanpa capaian Internet. Pembelajaran juga boleh berlaku apabila murid belajar menggunakan buku teks atau bahan pembelajaran lain (KPM 2020). Ekoran itu, guru perlu merancang dan menyediakan pelbagai bahan pembelajaran murid berdasarkan kesediaan murid. Guru terbeban dengan perancangan dan persiapan yang melibatkan pelbagai tahap dan kesediaan. Bagi guru yang mengajar di sekolah besar melibatkan jumlah murid yang ramai, mengajar pelbagai mata pelajaran atau mengajar murid dari tingkatan atau tahun yang berbeza akan berdepan dengan beban tugas yang lebih berat. Oleh itu guru terbeban kerana perlu melaksanakan tugas sebelum sempat membuat persiapan atau melengkapkan diri dengan kemahiran yang sepatutnya.

Sehubungan itu, dalam memastikan murid dapat mengikuti pembelajaran semasa PdPR guru perlu menyediakan bahan pembelajaran mengikut tahap dan kesediaan murid. Perkara ini adalah prinsip asas yang perlu dipertimbangkan terdapat dalam Manual PdPR iaitu tiada murid tercicir dalam pembelajaran. Sekolah perlu memastikan semua murid dapat mengikuti PdPR berdasarkan keperluan dan kesediaan mereka. Guru perlu mengenal pasti kaedah PdPR yang sesuai supaya murid dapat menguasai kandungan mata pelajaran yang ditetapkan. Guru hendaklah meneroka cara yang berbeza dan bersesuaian untuk kelangsungan dan peningkatan pelibatan murid dalam PdPR. Dalam aspek ini guru akan memikirkah bahan yang sesuai dengan murid, menyediakan atau menghasilkan bahan, membuat persiapan menghantar atau menyampaikan bahan seterusnya menghantar atau menyampaikan bahan. Proses ini memperlihatkan tugas guru ketika pandemik COVID-19 bukannya mudah. Sehubungan itu, bagi memastikan bahan-bahan yang disediakan sampai kepada murid terdapat guru yang merentas daerah dan buka sistem transit (Losius et al. 2020). Situasi yang lebih sukar bagi negeri-negeri yang besar dengan kemudahan sistem pengangkutan yang masih serba kekurangan. Terdapat juga guru yang mengharugi laluan yang sukar seperti melalui jalan sungai. Contohnya, melalui rencana oleh Rohana Nasrah yang bertajuk PdPR: Guru Sabah Redah Sungai Kinabatangan Hantar Modul, Dekati Murid Tercicir di Pedalaman yang mengisahkan sekumpulan guru bersama bahan-bahan pembelajaran mendekati murid mereka. (Bernama.com 23.2.2021) Seterusnya, Roselen Ab Malek menulis rencana Redah Sungai Demi PdPR yang mengisahkan usaha guru di SK Ulu Tembeling mendekati murid mereka yang jauh di pedalaman (rencana@hmetro.com.my, Roselan Ab Malek, 26 Julai 2021). Berdasarkan rencana-rencana tersebut, guru menghadapi cabaran dan kesukaran dalam memastikan bahan pembelajaran dapat disampaikan kepada murid.

Emosi guru terjejas kerana guru perlu memberi respon tanpa had masa kepada murid-murid. Keupayaan murid mengikuti PdPR adalah berbeza-beza. Terdapat murid yang memberi respon pada waktu petang atau malam atau tidak mengikut jadual sepatutnya. Keadaan ini berlaku disebabkan terdapat murid yang berkongsi peranti dengan ibu bapa atau adik beradik atau meminjam dengan rakan serta jiran. Selain itu, terdapat juga murid yang tidak dapat mengikuti PdPR dan memberikan respon mengikut ketetapan kerana bekerja pada waktu siang disebabkan pendapatan keluarga terjejas (Losius et al. 2020). Seterusnya, Syazmir Hariz Noorazalan menyatakan sejak beralih daripada bekerja di sekolah menjadi bekerja dirumah, kita dapati tugas guru sudah tidak mengambil kira waktu lagi, sepanjang 24 jam mereka ditekan bertalu-talu dengan pelbagai arahan dan tugasan. Memandangkan mereka tidak boleh bersemuka, tekanan untuk menyiapkan tugasan dalam tempoh masa yang ditetapkan menjadi maksima. (Guru Era

Pandemik, Malaysia Dateline, 12 Julai 2021). Nilavani A/P Mahalingam dan Khairul Azhar Jamaludin (2021) menyatakan bahawa tugas seorang guru adalah pelbagai dan perlu difahami dan dihayati. Guru merupakan manusia biasa yang mempunyai kehidupan sendiri yang perlu diuruskan tidak terlepas daripada menahadapi pelbagai dugaan dalam kehidupan. Situasi bekerja dari rumah yang kurang kondusif juga sedikit sebanyak telah meningkatkan tekanan kepada guru kerana terpaksa menguruskan kerja dan rutin keluarga dalam satu masa yang sama (Norzi Mohd Yusoff & Mohd Isa Hamzah, 2021). Oleh itu, masa kerja guru yang panjang dan tidak menentu serta keperluan menguruskan keluarga turut menyebabkan tekanan kepada guru.

Selain itu, guru perlu membuat penyediaan pelbagai dokumentasi. Semasa pelaksanaan PdPR guru-guru di seluruh negara perlu membuat laporan pelaksanaan pengajaran dan kehadiran murid secara atas talian. Laporan secara atas talian perlu dibuat di peringkat sekolah dan negeri. Pelbagai maklumat diperlukan semasa mengisi pelaporan *online* (Losius et. al, 2020). Seterusnya, KPM telah membangunkan satu pelaporan yang standard iaitu Sistem Pelaporan PdPR (SPDPR). Sistem ini dibangunkan bagi mengumpul maklumat pelaksanaan PdPR, pemantauan, pelaporan dan pelaksanaan tindak susul di peringkat sekolah, PPD, JPN dan KPM. Sistem ini perlu diisi setiap hari mengikut kelas yang diajar termasuk menanda nama setiap murid yang hadir. Selain itu, guru perlu membuat e-Rancangan Pengajaran Harian (e-RPH) dan memuat naik ke platform yang disediakan setiap awal minggu. Pada penghujung minggu sekali lagi guru akan membuat refleksi dalam e-RPH yang sama dan memuat naik semula. Terdapat pemimpin sekolah yang menaikkan nama guru kerana lewat memuat naik e-RPH. Guru juga diminta membuat justifikasi atau tunjuk sebab atas kelewatan tersebut yang membawa kepada rasa kurang selesa terhadap guru yang berkenaan dan menyebabkan emosi terjejas. Semasa pandemik COVID-19, ujian dan peperiksaan tetap dijalankan bagi menguji pencapaian murid. Disebabkan kesediaan murid yang pelbagai dalam menghadapi PdPR maka guru perlu menyediakan soalan ujian dalam pelbagai platform dan memastikan semua murid menjawab. Oleh itu, guru perlu menyediakan soalan dalam bertuk *softcopy* dan *hardcopy*. Bagi soalan *softcopy* guru akan kongsi kepada murid melalui *Google Classroom* atau kumpulan pembelajaran seperti *Telegram* atau *Watsapp*. Bagi murid yang tidak mencapai soalan dalam bentuk *softcopy* guru perlu hantar ke pejabat untuk cetakan, menyusun dan membuat pertemuan dengan murid untuk memastikan soalan sampai. Guru juga akan menerima jawapan murid dalam dua kaedah tersebut. Guru juga akan berdepan lebih lama dengan komputer riba untuk menyemak jawapan murid yang dihantar secara atas talian. Oleh itu, perubahan dan kesediaan murid yang pelbagai telah menyebabkan tugas rutin guru semakin mencabar mental dan fizikal.

Selain itu, rutin guru ditambah dengan pelbagai lagi tugas-tugas tambahan disebabkan oleh amalan norma baharu. Beban tugas yang bertambah meningkatkan risiko pensyarah mengalami tekanan emosi. (Shazarina Zdainal Abidin et. al, 2020). Antara tugas-tugas tambahan guru ialah mengambil suhu murid, memantau tahap kesihatan murid, menghubungi ibu bapa jika anak tidak sihat, membuat pengumuman tentang Prosedur Operasi Standard (SOP) sebanyak tiga kali sehari, menyediakan dan menampal poster SOP dan lain-lain. Seterusnya guru perlu berada di kelas sepanjang waktu rehat bagi memastikan murid mematuhi SOP yang menyebabkan guru tiada rehat. Apabila sesi pembelajaran secara bergilir dilaksanakan, guru perlu melaksanakan pengajaran secara bersemuka dan PdPR. Pada masa yang sama, masa mengajar guru secara bersemuka kerana jumlah kelas yang bertamabah ekoran mematuhi SOP iaitu hanya 20 orang murid dalam satu bilik darjah. Keadaan begini biasanya berlaku di sekolah yang mempunyai murid yang ramai. Malah guru terpaksa membuat persiapan menyusun kerusi meja murid mengikut jumlah murid yang baru ditetapkan. Oleh itu, guru sendiri akan mengangkat kerusi meja keluar dari kelas jika lebih atau menambah jika kurang. Guru yang memegang jawatan sebagai warden lebih terbeban dan terjejas emosi kerana perlu berdepan dan menguruskan murid sepanjang masa. Kesatuan Kebangsaan Guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia Pulau Pinang mencadangkan KPM mewujudkan jawatan warden asrama sepenuh masa bagi menyelesaikan isu bebanan tugas warden asrama. beban tugas yang dipikul di sekolah ditambah tanggungjawab mengawal selia penghuni asrama selepas waktu kerja hingga lewat malam memberi tekanan kepada mereka sedangkan elaun yang diterima dilihat tidak setimpal. (Mohamad Iskandar Othman, 31 Disember 2021, Sinar Harian)

### **iii. Guru menghadapi masalah talian internet dan kekurangan prasarana**

Dalam melaksanakan tugas rutin, guru juga berdepan dengan masalah talian internet yang tidak stabil dan kekurangan prasarana. Masalah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian disebabkan masalah internet (Rohani Ab Ghani, 2020). Capaian internet di lokasi guru berada kurang stabil atau sering kali mendapat gangguan. Gangguan yang timbul semasa menyampaikan isi pelajaran menyebabkan isi pelajaran tidak dapat disampaikan secara lancar dan boleh menjejaskan keselesaan dan motivasi murid untuk belajar (Losius et. al, 2020). Berlaku situasi guru terkeluar dari platform pembelajaran dan boleh mengundang rasa kurang gembira kerana pengajaran dan pembelajaran kurang lancar. Situasi ini juga menyebabkan murid tidak fokus dan keluar dari platform pembelajaran yang boleh menyebabkan guru terkilang. Sehubungan itu, gangguan talian internet akan menyebabkan guru mengalami kesukaran dalam penyelesaian silibus mengikut perancangan tahunan (Nor Halina Binti Noordin, Norlizawati Binti Hashim & Norhafinas Binti Abd Latib, 2020). Lantaran itu, guru mengalami kerisauan kerana khawatir

murid tidak menguasai isi pelajaran dan kemahiran yang akan menjejaskan pencapaian dalam peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Tekanan lebih tinggi bagi guru-guru yang mengajar mata pelajaran wajib lulus seperti Bahasa Melayu dan Sejarah di peringkat SPM, mata pelajaran Pengajian Am di peringkat STPM.

Seterusnya, perubahan mendadak menyebabkan guru hanya bergantung dengan peralatan sedia ada seperti komputer atau komputer riba dan telefon pintar. Guru perlu mengenal pasti kaedah PdPR yang sesuai supaya murid dapat menguasai kandungan mata pelajaran yang ditetapkan. Guru hendaklah meneroka cara yang berbeza dan bersesuaian untuk kelangsungan dan peningkatan pelibatan murid dalam PdPR. (KPM, 2020). Pendekatan guru juga lebih banyak menyampaikan isi pelajaran secara atas talian. Pembelajaran atas talian selama sehari tanpa kegiatan fizikal yang aktif telah mendatangkan rasa kebosanan kepada murid-murid dalam memberi tumpuan terhadap pembelajaran atas talian. Bagi mencegah keadaan tersebut, KPM telah pun memohon para pendidik untuk menggantikan cara pengajaran yang sesuai yang boleh menarik perhatian dan mendorong murid untuk melakukan pembelajarannya (Nilavani A/P Mahalingam dan Khairul Azhar Jamaludin, 2021). Siti Balqis dan Muniroh (2020) menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang tidak menarik perhatian boleh menyebabkan murid-murid mempunyai tanggapan buruk terhadap pembelajaran atas talian. Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berkesan dan menarik terdapat keperluan seperti penggunaan dua *device*, pen, web cam dan lain-lain. Oleh itu, tanpa kelengkapan yang sesuai dan mencukupi pengajaran dan pembelajaran guru kurang berjalan lancar.

Seterusnya, guru melaksanakan pengajaran dalam suasana yang kurang kondusif. Shazarina Zdainal Abidin et al (2021) suasana persekitaran yang bising, tempat yang sempit dan prasarana yang tidak sesuai menjejaskan keberkesanan penyampaian dan pengajaran. Tidak semua guru mempunyai ruang khusus untuk melaksanakan pengajaran. Oleh itu, guru akan menggunakan ruang sedia ada di dalam rumah seperti ruang makan dan ruang tamu untuk melaksanakan pengajaran. Terdapat juga situasi guru yang melaksanakan pengajaran bersama-sama anak-anak yang mengikuti sesi PdPR. Oleh itu, sambil melaksanakan tugas rasmi iaitu mengajar pada masa yang sama guru perlu menguruskan keluarga iaitu memastikan anak dapat mengikuti PdPR sebaiknya. Jelasnya, guru menghadapi kesukaran dalam melalui rutin harian sebagai guru sepanjang pandemik COVID-19 yang memberikan kesan terhadap emosi.

#### **iv. Pelibatan dan sikap murid**

Guru menghadapi cabaran dalam melaksanakan PdPR kerana pelibatan dan sikap murid semasa PdPR. Sehubungan itu, faktor tingkah laku pelajar mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan tekanan kerja dalam kalangan guru (Suhaimi & Muhammad Suhaimi, 2020). Menurut, Nor Musfirah (2021) walaupun pensyarah bersemangat menyediakan pelbagai bahan pengajaran, namun jika tiada penyertaan dari pelajar maka hasil pembelajaran atau objektif yang ingin dicapai tidak dapat disampaikan dengan sempurna. Guru semakin tertekan apabila sukatan pelajaran tidak dapat diselesaikan mengikut perancangan. (Losius et al. 2020) guru perlu memastikan silibus dapat diselesaikan dan ulangkaji perlu dilaksanakan agar murid bersedia menghadapi peperiksaan. Terdapat beberapa kajian yang menjelaskan tentang pelibatan dan sikap murid semasa PdPR. Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Binti Mansor (2021) capaian internet yang rendah di sesetengah lokasi tempat tinggal murid memberi cabaran kepada guru apabila murid 'hilang dari radar' di mana tidak membolehkan murid untuk mengikuti PdPR secara dalam talian manakala murid yang lengkap dengan semua peralatan dan capaian internet tetapi menghadapi cabaran terhadap sikap sambil lewa murid dan kurangnya motivasi menyebabkan murid tidak mahu melibatkan diri dalam PdPR.

Seterusnya, menurut Losius et al (2020), 21.1 peratus murid menghadapi masalah berkomunikasi dengan guru untuk mendapatkan bimbingan. Masalah ini mempunyai kaitan murid-murid tidak mempunyai telefon pintar, dan murid berada di luar daerah atau mengikuti ibu bapa ke kebun menyebabkan sukar berkomunikasi dengan guru berkaitan tugas-tugas pembelajaran setiap hari. Penggunaan peranti yang terhad untuk mengakses bahan-bahan pembelajaran yang dihantar oleh guru menyebabkan gangguan proses pembelajaran di rumah iaitu murid tidak mengambil bahagian dalam pembelajaran *online*, murid tidak menghantar kerja yang dengan lengkap, murid merasa tertekan membuat kerja, murid lambat menghantar tugas dan terdapat murid yang langsung tidak menghantar tugas kepada guru. Guru-guru juga mendapati terdapat murid yang masih tidak mahir merujuk tugas yang dihantar melalui *WhatsApp*, *Telegram* atau *e-mail*. Manakala, murid tidak mempunyai sebarang rujukan untuk membuat tugas di rumah kerana buku-buku teks berada di asrama. Menurut Norzi Mohd Yusoff & Mohd Isa Hamzah (2021) kelengkapan prasarana teknologi atau peranti merupakan cabaran guru Pendidikan Islam melaksanakan pengajaran terhadap murid secara dalam talian. Berdasarkan dapatan dari kaji selidik yang dijalankan oleh KPM, 36.9 peratus pelajar tidak memiliki apa-apa peranti elektronik dirumah (Fareez Azman, 15 April 2020). Oleh itu, pelibatan dan sikap murid mempengaruhi kelancaran proses PdPR yang memberikan kesan terhadap emosi guru.



Sehubungan itu, guru turut mengalami kesukaran dalam membuat pentaksiran sekiranya murid tidak mengikuti PdPR atau tidak berkomunikasi secara dalam talian bersama guru. Terdapat guru sukar untuk mentaksir tahap penguasaan murid yang sebenar (Losius et al. 2020). Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) hendaklah dilaksanakan secara berterusan bagi menentukan tahap penguasaan murid samada secara pemerhatian, lisan atau penulisan (Manual PdPR, 2020). Seterusnya, terdapat guru mempunyai keraguan terhadap tugas yang dihantar oleh murid sama ada tugas tersebut adalah hasil kerja murid sebenar atau dibantu oleh ahli-ahli keluarga. (Losius et al. 2020). Guru-guru perlu memastikan laporan PBD lengkap dan direkodkan mengikut masa ditetapkan walaupun dalam tempoh PdPR seperti yang termaktub dalam Manual PdPR iaitu PBD hendaklah dilaksanakan secara berterusan bagi menentukan tahap penguasaan murid samada secara pemerhatian, lisan atau penulisan (KPM, 2020). Pada masa yang sama guru mengalami pelbagai masalah dengan pelibatan murid. Pelaporan dan rekod yang tidak lengkap serta murid tidak mencapai Tahap Penguasaan (TP) minimum akan menyebabkan guru membuat justifikasi. Cabaran dalam membuat pentaksiran ini sudah tentu memberikan tekanan kepada guru dalam menyelesaikan tugas seharian yang boleh mengundang tekanan emosi.

#### **v. Tohmahan negatif terhadap guru**

Pelaksanaan PdPR menuntut komitmen atau penyertaan ibu bapa dalam memastikan anak-anak dapat mengikuti pembelajaran. Perkara ini ditegaskan dalam beberapa kajian yang lepas seperti Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Binti Mansor (2021) peranan ibu bapa juga perlu penting dalam memastikan anak-anak tidak tercicir dalam mendapatkan akses pendidikan. Muniroh et al. (2020) berpendapat bahawa murid-murid memerlukan motivasi yang tinggi daripada keluarga dan persekitarannya kerana mereka berada dibawah pemerhatian ibu bapa secara keseluruhannya. Nilavani A/P Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin (2021) tanggungjawab dan kerjasama daripada kedua-dua ibu bapa dalam menentukan pembelajaran atas talian berjalan dengan lancar adalah amat penting. Namun begitu, ibu bapa mengalami kesukaran dalam memastikan anak mengikuti PdPR. Losius et. al (2020) menyatakan dapatan kajian menunjukkan 34.1 peratus ibu bapa ialah kurang mahir menggunakan aplikasi-aplikasi dalam telefon pintar untuk mengakses bahan-bahan pembelajaran yang diberikan oleh guru. Sehubungan itu (Zuriani Hanim Zaini Zaleha Damanhuri Mohamad Arif Zaki Ali Ahmad Zulfandi Ibrahim, 2021) ibu bapa hari ini adalah terdiri daripada mereka yang berkerjaya. Dalam situasi pandemik ketika ini, ibu bapa perlu bekerja dari rumah. Hal ini menyebabkan tuntutan kerja hakiki dan peranan ibu bapa untuk menyeliaan melibatkan diri dengan PdPR anak-anak merupakan satu cabaran yang sangat besar. Menurut Zuraini

Hanim at. Al (2021) terdapat sebahagian ibu bapa yang belum bersedia sepenuhnya PdPR ini dijalankan dengan kekurangan pengalaman dan berlaku secara mengejut tanpa persediaan yang lengkap daripada ibu bapa. Oleh itu, peran dan sokongan ibu bapa sangat penting bagi memastikan anak mengikuti PdPR.

Sehubungan itu, ibu bapa juga menghadapi pelbagai cabaran seperti kurang kemahiran dan komitmen bekerja dari rumah. Situasi ini menyebabkan ibu bapa menghadapi kesukaran dan kurang berpuas hati dengan guru kerana menganggap tugas membimbing murid yang sepatutnya dilakukan oleh guru terpaksa ditanggung oleh ibu bapa. Berlaku viral di media sosial yang kurang menyenangkan berkaitan dengan profesion guru seterusnya boleh memberikan tekanan emosi terhadap guru. Antaranya ialah viral berkaitan Guru makan gaji buta". Mereka melabelkan guru tidak mempunyai kerja dan agak tidak berbaloi dengan jumlah gaji yang diterima. Dakwaan yang dilemparkan oleh segelintir individu di media sosial yang menuduh guru hanya makan gaji buta sepanjang tempoh penutupan sekolah berikutan pelaksanaan PKP dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sememangnya sangat berat untuk diterima oleh warga pendidik (Berita Harian, 5 Disember 2020). Lantaran itu, Tuntasnya, kesukaran dan cabaran yang dialami oleh ibu bapa dalam memantau dan membimbing anak mengikuti PdPR dengan komitmen terhadap keluarga dan tugas rasmi di rumah menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap guru. Thoman negatif yang dilontarkan oleh ibu bapa melalui media sosial turut memberikan hambatan kepada guru-guru.

Secara keseluruhannya, terdapat pelbagai punca yang dikenal pasti menyebabkan guru mengalami tekanan emosi semasa pandemik COVID-19. Dalam usaha menangani pelbagai cabaran tersebut, kefahaman, penghayatan dan aplikasi guru terhadap Teori Kesejahteraan Psikologi Ryff 1989 akan memberikan guru ruang untuk membuat refleksi sendiri dan membuat pengubahsuaian atau mengamalkan norma-norma kehidupan yang sepatutnya.

## **CADANGAN PEYELESAIAN MELALUI APLIKASI TEORI KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI RYFF 1989**

Amalan norma baharu ekoran pandemik COVID-19 akan menjejaskan aspek psikologi individu sekiranya tidak ditangani dengan sebaiknya. Rashid (2020) kewujudan norma baharu ini memberi kesan yang buruk terhadap aspek psikologikal sekiranya individu gagal membuat penyesuaian sendiri terhadap perubahan drastik tersebut. Oleh itu, guru yang mengalami tekanan emosi ekoran perubahan mendadak terhadap rutin tugas harian perlu berusaha mengatasi tekanan tersebut untuk mencapai kesejahteraan psikologi. Guru disarankan memahami dan menghayati serta mengaplikasikan Teori Kesejahteraan Psikologi Ryff

1989 dengan membuat perubahan dari segi sikap, kompetensi dan mengamalkan hubungan positif dengan masyarakat sekeliling. Antara tindakan yang boleh dilakukan ialah:

**i. Bersikap positif terhadap perubahan**

Dalam menghadapi norma baharu guru dituntut untuk berubah. Perubahan sikap guru agar sentiasa positif dengan perkembangan semasa akan mempermudah guru beradaptasi dengan keadaan. Melalui dimensi Autonomi dalam Teori Kesejahteraan Psikologi iaitu: Individu yang memiliki autonomi yang tinggi dan tujuan hidup mampu untuk menentukan hala tuju dirinya sendiri (*self-determination*), mengatur tingkah laku sendiri, mempunyai kemampuan untuk berdikari, menahan dari tekanan sosial, dapat menilai diri sendiri, dan dapat membuat keputusan tanpa campur tangan orang lain (Abdul Rashid Abdul Aziz. Et al, 2020). Dalam menghadapi norma baharu semasa pandemik guru perlu menilai semula keupayaan diri dengan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri sendiri. Bersikap dan berfikir positif terhadap keadaan yang berlaku akan mengelakkan guru daripada berada dalam situasi tekanan. Noorazman Abd Samad et. al (2013) apabila guru-guru bersikap positif tahap kemahiran dan tahap amalan dapat dipertingkatkan sekaligus menghasilkan kecekapan dan tingkah laku yang tinggi dalam diri untuk terus memperkembangkan penggunaan instruksional ICT dari semasa ke semasa. Begitu juga setiap pemimpin pendidikan berperanan mengikut kehendak dan keperluan terkini terutamanya pada zaman milenium. (Norehan Binti Mohd Nasir & Mahaliza Binti Mansor, 2021). Menurut Norzi Mohd Yusoff & Mohd Isa Hamzah (2021) melihat penularan wabak COVID 19 **secara positif**, ia mencetuskan satu semangat dan usaha yang luar biasa bagi pendidik khususnya Pendidikan Islam di Malaysia dalam memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam pendidikan. Perkembangan ini selaras dengan Teori Kesejahteraan Psikologi Ryff dimensi Pertumbuhan Kendiri iaitu keupayaan individu untuk terus mengembangkan potensi diri supaya dapat menjadi individu yang berfungsi sepenuhnya. Para pendidik berusaha sedaya upaya menjadi kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran. Mereka tanpa segan silu berguru bagi meningkatkan keupayaan mereka untuk mendidik seiring dengan kemajuan teknologi. Guru-guru juga berusaha mempertingkatkan kemahiran mengadaptasi teknologi dalam pendidikan dengan lebih agresif. Oleh itu, bersikap positif dan membina pertumbuhan sendiri terhadap perubahan akan mempermudah guru untuk berdepan dengan cabaran, mengambil tindakan wajar dan berupaya melaksanakan tugas seharian dengan baik, tenang dan fokus.

## **ii. Bersedia meningkatkan kopetensi diri**

Pandemik COVID-19 menyebabkan rutin guru berubah kerana bekerja berasaskan penggunaan teknologi. Oleh itu guru perlu meningkatkan diri dengan kemahiran teknologi agar dapat melaksanakan tugas mengikut norma baharu. Dimensi Penguasaan Persekitaran: Teori Kesejahteraan Psikologi: Individu yang mempunyai penguasaan persekitaran yang tinggi adalah individu yang mampu menggunakan peluang dan mencipta peluang untuk mengembangkan atau memajukan dirinya. (Abdul Rashid Abdul Aziz et. al, 2020). Guru perlu sentiasa bersedia memperbaiki diri dan mengubah pendekatan pengajaran selari dengan perkembangan teknologi dan keperluan kerjaya semasa. Guru perlu meletakkan dirinya seiring dengan perubahan yang berlaku. Norehan Binti Mohd Nasir & Mahaliza Binti Mansor (2021). Oleh itu, Para pendidik perlu berfikiran terbuka untuk mempelajari teknologi ini. Mereka tidak boleh berasa tertekan atau menganggap ia sebagai suatu beban tugas. Mohd Izham Bin Mohd Hamzah (2020). Potensi diri guru boleh dikembangkan dengan menghadiri kursus pendidikan, latihan dan program pengembangan. Situasi ini juga selaras dengan Teori Kesejahteraan Ryff 1989 iaitu penerimaan diri dan pertumbuhan sendiri. Oleh itu, guru perlu berusaha mencari peluang meningkatkan kemahiran diri agar relevan dengan perubahan yang tidak menentu

Sehubungan itu, Losius et. al (2020) guru perlu bersedia meningkatkan kompetensi dan kemahiran baharu yang sesuai dengan keperluan guru di era Revolusi 4.0. Peranan guru pada masa hadapan akan mengalami transformasi yang besar di mana akan berubah dari tugas rutin sekarang ini kepada peranan sebagai seorang jurutera pendidikan (*education engineer*) di mana fungsi guru beralih kepada meneroka inovasi-inovasi baharu dan menghasilkan aplikasi (*software*) pembelajaran yang boleh diakses oleh murid secara maya. Jika guru tidak bersedia dengan perubahan ini, mungkin peranannya sebagai pendidik tidak relevan lagi dalam konteks sistem pendidikan akan datang. PDPR yang menggunakan medium pembelajaran atas talian, ia sebenarnya merupakan suatu peluang kepada pendidik untuk mengaplikasikan pelbagai bentuk pembelajaran yang berbentuk interaktif dan inovatif (Nilavani A/P Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin, 2021). Pendidik turut menghasilkan bahan-bahan interaktif yang dapat meningkatkan pembelajaran murid. Contohnya semasa pandemik ramai guru yang menjadi *Youtuber* dan menghasilkan bahan-bahan pembelajaran mudah diakses oleh murid walau berada di mana sahaja. Menurut Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail, Wan Mohd Khairul Wan Isa (2021) perkembangan yang positif dapat dilihat apabila ramai guru mampu menyediakan bahan pembelajaran digital mereka sendiri untuk digunakan murid dan dikongsi dengan rakan guru lain. Ini boleh dilihat melalui kewujudan kumpulan tertentu, khusus bagi membantu rakan

sekerja oleh guru yang pakar seperti CikgooTube, kumpulan Telegram, *Google Classroom* Malaysia dan *Facebook* Guru Perpustakaan dan Media. Perkembangan ini menunjukkan guru berupaya menggunakan peluang persekitaran yang mencabar menonjolkan keupayaan diri dan dapat memberikan manfaat kepada orang lain.

Selain itu, terdapat juga dalam kalangan guru yang berupaya mengilap bakat murid dengan menjadikan mereka sebagai *Youtuber* muda. Menurut Hanita Ladjaharun (2021) usaha proaktif guru dan murid berjaya memuat naik video ke saluran *Youtube* yang memberikan manfaat lebih besar kepada murid-murid lain di SMK Bandaraya Kota Kinabalu dan di seluruh negara untuk menonton video yang dihasilkan. Usaha ini dapat meningkatkan kemahiran murid dalam teknologi dan meningkatkan motivasi belajar. Potensi murid menghasilkan bahan pembelajaran kreatif dan ketrampilan dalam komunikasi dapat diasah dengan lebih baik. Pencapaian murid memperlihatkan, walaupun pandemik COVID-19 menyebabkan murid tidak dapat belajar bersemuka namun pembelajaran dapat diteruskan dan pencapaian dapat ditingkatkan. Dalam hal ini, guru dan murid telah berjaya mengharungi cabaran pandemik dan jarak jauh atau tanpa bersemuka dalam pembelajaran. Oleh itu, kesanggupan guru untuk berubah dengan meningkatkan kompetensi akan menjadikan guru relevan dengan perkembangan semasa dan dapat melaksanakan tugas dengan lancar. Sikap guru yang memanfaatkan peluang menambah pengetahuan dan kemahiran akan memberikan ruang kepada guru mencipta kejayaan. Perkembangan ini juga sejajar dengan dimensi penguasaan persekitaran iaitu dengan adanya penguasaan terhadap persekitaran membolehkan individu untuk mencipta peluang merealisasikan potensinya dan memenuhi keperluannya seterusnya mampu menggunakan peluang dan mencipta peluang untuk mengembangkan atau memajukan dirinya. Perkembangan ini juga selaras dengan dimensi memiliki nilai yang tinggi iaitu individu yang mempunyai hasrat, perasaan dan keinginan yang terus berkembang, suka akan pengalaman yang baru, menyedari kelebihan yang ada pada dirinya dan terus meneruskan dalam melakukan penambahbaikan dalam diri.

### **iii. Sentiasa membina hubungan yang positif**

Kehidupan bermasyarakat memerlukan manusia sentiasa membina hubungan yang positif bagi menjamin kesejahteraan hidup. Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Mansor (2021) interaksi dua hala guru dan murid, dan sokongan daripada ibu bapa, pentadbir dan pemimpin merupakan hala tuju dalam memastikan kelangsungan proses pembelajaran dan pengajaran berlaku dengan menggunakan medium secara optimum. Sejalan dengan teori Kesejahteraan Psikologi Ryff 1989, dimensi hubungan positif dengan orang lain menekankan hubungan yang positif antara manusia. Hubungan positif yang dimaksudkan adalah

kemampuan individu menjalin hubungan baik dengan orang lain di sekelilingnya, mementingkan kesejahteraan orang lain, dapat menunjukkan rasa empati, kasih sayang dan memahami prinsip-prinsip memberi dan menerima dalam hubungan interpersonal. Oleh itu, hubungan positif guru dengan semua pihak seperti pemimpin, rakan sejawat, murid, ibu bapa dan masyarakat luar akan membolehkan guru melaksanakan tanggungjawab dengan lebih fokus, tenang dan berkesan.

### **Hubungan positif guru dengan pemimpin atau pentadbir**

Pemimpin atau pentadbir adalah penggerak, utama dalam sesebuah organisasi. Guru perlu empati terhadap peranan dan tugas pemimpin sebagai penentu dan pelaksana sesuatu dasar di peringkat sekolah. Suatu keputusan atau ketetapan dibuat adalah berdasarkan kepentingan umum dan guru perlu mengelak dari hanya bersikap mementingkan diri sendiri. Semasa Pandemik COVID-19 golongan pemimpin juga terkesan dengan perubahan drastik yang diikuti dengan arahan-arahan terkini dari pihak atasan. Dalam situasi ini, pemimpin perlu mempersiapkan diri dalam segala aspek apabila berhadapan dengan dunia yang berubah-ubah agar dapat mengadaptasi apa jua keadaan. Rahayu Ahamad Bahtiar et. al (2020) peranan dan cabaran pemimpin pendidikan dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan dilestari dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19, pemimpin perlu lebih fleksibel dan berkomunikasi dengan berkesan dalam menyampaikan segala informasi-informasi terkini tentang pendidikan bagi meningkatkan motivasi guru untuk bekerja pada tempoh PdPR ini. Oleh itu, hubungan baik, empati dan mementingkan kesejahteraan bersama antara guru dan pentadbir akan memudahkan segala urusan harian dikendalikan, mampu membina kekuatan, mengatasi cabaran seterusnya mencapai matlamat.

### **Hubungan positif dengan Rakan sejawat**

Rakan sejawat atau rakan sekerja adalah orang yang paling hampir dan bersama-sama dalam melaksanakan tugas pengajaran. Hubungan yang positif antara guru terbina dengan sikap empati dan mengambil berat. Rakan sekerja berperanan penting dalam memberikan sokongan bagi membolehkan guru mengekalkan prestasi kerja. Menyedari hakikat ini, pihak KPM telah bekerjasama dengan PADU bagi melaksanakan kursus Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) iaitu memberikan latihan asas kaunseling kepada pentadbir dan guru. Program ini membolehkan pentadbir dan guru menjadi saluran yang baik untuk mendapat sokongan emosi atau bimbingan dari rakan sekerja dan dapat mengekalkan prestasi kerja. Seterusnya, KPM telah mewujudkan talian yang menawarkan khidmat kaunseling di samping bekerjasama dengan semua kaunselor dalam membantu guru-guru yang stress. Dalam hal ini MKN turut mengambil langkah yang sama dengan mewujudkan talian yang menawarkan

khidmat kaunseling. Oleh itu, guru-guru yang tertekan akibat norma baharu semasa apandemik COVID-19 berpeluang mendapat bantuan. Oleh itu, usaha yang dilakukan oleh KPM, PADU dan MKN memperlihatkan kepentingan hubungan positif sesama rakan sejawat agar saling menyokong untuk menghadapi situasi yang mencabar.

### **Hubungan positif guru dengan Ibu bapa atau penjaga**

Semasa pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PdPR ibu bapa atau penjaga adalah orang yang memainkan peranan dalam memastikan pembelajaran murid di rumah. Ibu bapa atau penjaga murid berpeluang mengikuti dan memberikan sokongan pembelajaran anak-anak di rumah. Peluang ini memberikan ruang kepada ibu bapa meninjau perkembangan dan membantu pembelajaran anak mereka yang selama ini diuruskan oleh guru. Ibu bapa mula menerima dan membiasakan diri dengan pendidikan norma baharu ini (Norehan Binti Mohd Nasir & Mahaliza Binti Mansor, 2021). Keterlibatan ibu bapa dalam memastikan pembelajaran anak secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan guru dan ibu bapa. Perkembangan ini disokong oleh kajian Sumitra dan Roshan (2021) menjelaskan ini secara tidak langsung telah menjalin hubungan yang kuat antara guru dan ibu bapa berbanding sebelumnya. Hubungan yang positif antara guru dan ibu bapa dapat mempermudah tugas guru dan pembelajaran murid. Oleh itu, kesejahteraan dapat dicapai antara guru, murid dan ibu bapa.

### **Hubungan positif guru dan Murid**

Menurut Wentzel, K. R. (2009), guru yang berkesan adalah guru yang dapat membina hubungan yang baik dengan pelajarnya dari segi emosi yang intim, selamat, dan boleh dipercayai. Hubungan yang berkualiti, mampu menyokong perkembangan emosi pelajar dengan baik, membina sikap positif, dan motivasi dalam mencapai hasil akademik. Semasa pandemik COVID-19, murid juga adalah golongan yang terjejas dalam menghadapi pembelajaran norma baharu. Guru perlu empati atau memahami situasi murid kerana mereka juga berdepan dengan pelbagai kekangan dan perlu mengubahsuaikan cara pembelajaran mereka. Abdul Rashid Abdul Aziz et. al (2020) tugas pelajar semakin mencabar apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma yang memerlukan proses PdP dilaksanakan secara dalam talian. Mahathir Yahaya & Wardatul Hayat Adnan, 2021) pelajar juga menghadapi cabaran kewangan bagi membeli data internet untuk menghadiri kelas dalam talian, peperiksaan dalam talian dan menghantar tugas. Sesetengah pelajar menghadapi cabaran tiada ataupun terhad terhadap kemudahan komputer atau telefon bimbit. Suasana pembelajaran yang tidak kondusif kerana ibu bapa mereka tidak mampu menyediakan kemudahan untuk pembelajaran mereka seperti meja belajar, kipas angin dan bilik persendirian untuk mereka belajar. Kemampuan ibu bapa dalam menyediakan peranti yang bersesuaian

dan akses internet untuk kegunaan pembelajaran anak menjadi cabaran utama. Norehan Binti Mohd Nasir & Mahaliza Binti Mansor (2021) cabaran-cabaran tersebut akan memberikan kesan terhadap motivasi murid. Kajian Haizvanie Muhamed Ganasan & Norzaini Azman (2021) pelajar didorong oleh motivasi dalaman dan motivasi luaran sepanjang pembelajaran dalam talian semasa pandemik. Oleh itu, sikap empati guru terhadap situasi dan kesediaan murid yang disertai dengan tindakan sewajarnya akan membina hubungan positif seterusnya mampu memberikan sokongan kepada murid agar dapat mengharungi norma baharu.

#### **iv. Peranan pihak berwajib dalam memberikan sokongan kepada guru dan murid**

Bantuan daripada pihak berwajib amat diperlukan dalam menyediakan kemudahan infrastruktur yang diperlukan bagi memastikan pelaksanaan proses PdP secara maya ini dapat diteruskan. Pihak kerajaan perlu mengaktifkan pelaksanaan konsep kampung tanpa wayar secara menyeluruh untuk merapatkan jurang internet antara bandar dengan luar bandar di seluruh negara. Liputan rangkaian internet yang lancar dapat mengelakkan keciciran dalam kalangan murid-murid di luar bandar dan pedalaman sekiranya mereka dapat mengikuti sesi pembelajaran dalam talian walaupun tidak hadir ke sekolah (Losius et. al, 2020). Masyarakat luar bandar sepatutnya menikmati sama peluang dengan masyarakat bandar semasa pelaksanaan pembelajaran dalam talian yang merupakan suatu bentuk pendidikan inovatif (Mohd Noor Salleh (2000). Kemudahan asas yang mencukupi akan memberikan peluang kepada murid dan guru mencapai matlamat dalam PdP.

Sokongan dan kerjasama daripada pihak swasta juga memainkan peranan penting dalam menghadapi situasi krisis COVID-19. Sehubungan itu, jalinan dan jaringan oleh pihak KPM dengan pihak swasta adalah sangat penting bagi menyokong pelbagai inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan. Contohnya, kerjasama dengan pihak *Google* dalam penggunaan *Google Classroom* yang telah meningkat secara mendadak, syarikat telekomunikasi yang menawarkan sejumlah data percuma dan akses ebook secara percuma oleh e-Lib. Situasi ini menunjukkan bahawa banyak pihak swasta yang bersedia untuk membantu dunia pendidikan bagi manfaat bersama. (Rohayu et. al)

Program bantuan yang dijalankan oleh syarikat prsendirinan dalam membatu kejayaan pembelajaran murid sewajarnya diteruskan dan diperluaskan dengan pelbagai inisiatif dari kerajaan. Contohnya, Syarikat-syarikat telekomunikasi seperti Telekom, Digi, Celcom, Maxis telah melancarkan pakej data dan pelan telefon bimbit dalam pandemik ini. Seyterusnya YTL menghadihkan telefon bimbit yang percuma dan juga berlengkapan dengan 12 bulan pelan data sebanyak 120 GB kepada pelajar-pelajar



daripada keluarga B40 (Wong Ai Bing & Khairul Azhar, 2021). Selain itu, Badan Bukan Kerajaan (NGO) juga tampil dan turut memainkan peranan dalam membantu merealisasikan pembelajaran dari rumah. Pelbagai bantuan diberikan kepada golongan sasaran seperti yang dilakukan oleh Persatuan Guru Muda Malaysia. Peranan sayraikat swasta dan NGO sewajarnya diperluaskan bagi membantu dan menyokong pembelajaran murid yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

## **KESIMPULAN**

Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan besar terhadap kehidupan manusia di seluruh dunia. Kehidupan manusia berubah dengan mengikuti norma baharu bagi memastikan kelangsungan hidup dapat diteruskan. Bidang pendidikan turut mengalami kesan yang begitu ketara dan mengalami perubahan berterusan ekoran pandemik COVID-19. Sejajar dengan perkembangan tersebut, profesion keguruan juga perlu berubah selaras dengan keadaan semasa bagi memastikan pembelajarn dapat diteruskjan. Pelbagai kesukaran dihadapi ekoran perubahan yang mendadak dan memberikan kesan terhadap emosi guru. Teori Kesejahteraan Psikologi adalah signifikan dengan situasi yang dialami oleh guru semasa pandemik COVID-19. Dengan menghayati dan mengaplikasikan teori ini guru dapat beradaptasi dengan situasi dan dapat melalui kehidupan yang lebih redha, syukur, tabahan dan positif. Oleh itu, guru dituntut bersikap terbuka dengan segala perubahan dan mengenali kualiti dan kekuatan diri, memperbaiki tahap pengetahuan serta kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan semasa. Hubungan positif dibina dengan bersikap empati dan saling menyokong antara guru dengan masyarakat persekitaran seperti pemmpin pendidikan, rakan sejawat, murid dan ibu bapa akan mempermudah tugas seharian guru dan menghidari guru dari emosi.

## **RUJUKAN**

- [1] Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al Haadi Shafie, Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee dan Raja Nur Syafiqah Raja Ashaari. 2020. Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(12), 16 - 30.
- [2] Ashraf Ismail, Khazri Osman, Nurul Huda binti Hassan. 2020. Cabaran pengajaran dan pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran secara atas talian sewaktu pandemik COVID-19. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*: 110-116.
- [3] Fakhir 'Akil. 1985. *Mu 'jam Ilm al-Nafs*. Beirut. Dar El-Ilm Lil Malayin.

- Fareez Azman.15 April 2020. 36.9 Peratus murid tiada peranti elektronik – Radzi. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/369-peratus-murid-tiada-peranti-elektronik-radzi-jidin-238489>
- [4] Goleman, D. 1999. *Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- [5] Habibah @ Artini Ramlie. 2017. Pembangunan model profesionalisme guru Pendidikan Islam berasaskan ‘Riadhah Ruhiyah’. PhD thesis, University of Malaya.
- [6] Hanita Ladharun. 2021. Muridku *Youtuber*: Melibatkan murid 5 Sains dalam penghasilan video pembelajaran bagi meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah SPM. Prosiding Seminar Kebangsaan Tawau: 358-368.
- [7] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2020. Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah.
- [8] Kyriacou, C., & Sutcliffe, J. (1978). Teacher Stress, Prevalence, Sources and Symptoms. *Journal of Educational Psychology*. Vol. 48: 323-365.
- [9] Losius Goliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny & Nazarius G. 2020. Cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh (PDPCJJ) semasa perintah kawalan pergerakan. Pejabat Pendidikan Daerah. Ranau: 1-15.
- [10] McGrath, J. 1974. *Social and Psychological Factors in Stress*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- [11] Md. Rahani & Zawanah. 2015. Hubungan antara faktor tekanan dengan kesan tekanan dan prestasi kerja guru di sekolah menengah daerah Kota Tinggi, Johor. *Masters thesis*, Universiti Teknologi Malaysia, *Faculty of Management*.
- [12] Micheal Cabanac. 2002. *What Is Emotion?.* *Departement de physiologie Faculte de medicine Universite Laval & Centre de recherches Hopital Laval Quebec. Behavioural Processes*. 60: 69-84.
- [13] Mohamad Iskandar Othaman. 31 Disember 2021. Wujudkan segera Jawatan warden asrama sepenuhmasa. <https://www.sinarharian.com.my/article/177596/BERITA/Semasa/Wujudkan-segera-jawatan-warden-asrama-sepenuh-masa>
- [14] Mohd Izham Mohd Hamzah. 2020. Amalan kepimpinan teknologi guru besar serta cabaran dan cadangan penambahbaikan di sekolah. Prosiding Seminar Nasional FIP: 281-294.
- [15] Nilavani A/P Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin. 2021. Impak dan cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran atas talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 3 (4) 104-115.
- [16] Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Binti Mansor. 2021. Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 6 (7): 416 – 421.

- [17] Nor Halina Noordin, Norlizawati Hashim & Norhafinas Abd Latib. 2020. Cabaran pensyarah Kolej Komuniti dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *e-Proceedings of the Green Technology & Engineering 2020 Virtual Conference*. Kolej Komuniti Gerik: 193-202.
- [18] Nor Musfirah. 2021. Cabaran pedagogi norma baharu Di Kolej Universiti Islam Perlis (Kuips) ketika pandemik wabak Koronavirus. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol. 14: 243-254.
- [19] Norzi Mohd Yusoff & Mohd Isa Hamzah. 2021. Pandemik Covid 19: Cabaran dalam pengajaran guru pendidikan Islam dan pembelajaran murid prasekolah 1. *Education Research and Managment*. Vol. 1 (3):160-1.
- [20] Noorazman Abd Samad, Nizamuddin Razali, Wan Mohd Rashid Wan Ahmad, Fatimah Jaafar, Affero Ismail, Erfy Ismail & Hairuddin Harun. 2018. Penggunaan instruksional Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) terhadap mata pelajaran teras. *Faculty of Technical and Vocational Education*. UTH: 1-11.
- [21] Noor Izzati Mohd Zawawi, Fariza Md. Sham & A'dawiyah Ismail<sup>1</sup>, 2019. Stres menurut sarjana Barat dan Islam. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 16: 2019.
- [22] Noriah Mohd. Ishak, Ramlee Mustapha, Siti Rahayah Ariffin & Syed Najmuddin Syed Hassan. 2003. *Jurnal Teknologi*. Vol. 39(E): 77-84.
- [23] Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail, Wan Mohd Khairul Wan Isa. 2020. Peranan dan cabaran pemimpin pendidikan dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan dilestari dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19. *Jabatan Pembangunan Staf Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia*: 1-23.
- [24] Rainer Reisenzein. 2007. *What is a definition of emotion? And are emotions mental-behavioral processes?*. *Social Science Information*. 46(3): 3.
- [25] Rashid Aziz. 14 Mac 2020. Wabak COVID-19: Penyesuaian sendiri terhadap norma baharu. 14 Mac 2020. <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/wabak-covid-19-penyesuaian-kendiri-terhadap-norma-baharu/>
- [26] Rashila Murni Rosli. 10 Feb 2021. Guru berkorban hantar, ambil bahan pembelajaran di rumah pelajar. <https://www.sinarharian.com.my/article/123254/EDISI/Guru-berkorban-hantar-ambil-bahan-pengajaran-di-rumah-pelajar>
- [27] Rohana Nasrah. 23 Feb 2021. PdPR: Guru Sabah redah sungai Kinabatangan hantar Modul, dekati murid tercicir di pedalaman. <https://bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1934116>
- [28] Rohani Ab Ghani. 2021. Pandemik COVID-19 dan norma baru dalam pendidikan Malaysia. *Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia*,

Sintok, Kedah, Malaysia:1-15.

[29] Roselen Ab Malek. 26 Julai 2021. Redah sungai demi PdPR.

<https://www.hmetro.com.my/akademia/2021/07/734802/redah-sungai-demi-pdpr>

[30] Ryff, C. D. (1989). *Happiness is everything, or is it? Explorations on the meaning of psychological well-being. Journal of Personality and Social Psychology.* 57(6): 1069-1081.

[31] Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini Sulaiman, Suhana Mohamed Lip, Norshilawani Shahidan, Natasha Ariffin, Mohamad Fuad Ishak & Sapie Sabilan. 2020. Tekanan emosi pensyarah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran atas talian di era pandemik Covid-19. Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan. Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS): 290-296.

[32] Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hama. 2020. Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. 14-22. Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM). Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia:14-22.

[33] Strongman, K. T. 2018. *Emotional intelligence and the construction and regulation of feelings. Applied and Preventive Psychology.* 4(3):197-208.

[34] Suhaimi Bin Kamarudin & Muhamad Suhaimi Taat. 2020. Faktor tingkah laku pelajar, kekangan masa, beban tugas dan tekanan kerja dalam kalangan guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH).* VoL. 5 (9):114 – 124.

[35] Syazmir Hariz Noorazalan. 12 Julai 2021. guru era pandemik: Beban yang tidak tertanggung.

<https://malaysiadateline.com/guru-era-pandemik-beban-yang-tak-tertanggung/>

[36] Wentzel, K. R. .2009. *Students' relationships with teachers as motivational contexts. Handbook of Motivation at School:*301-322.

[37] Wong Ai Bing & Khairul Azhar Jamaludin. 2021. Pembelajaran dalam talian (E-Pembelajaran) semasa pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan.* Vol. 3(3): 408-414.

[38] Zarina Samin KB PA. 2013. Kajian Terhadap hubungan antara Model Kecerdasan Emosi Goleman dengan kemahiran keusahawanan pelajar. *Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (CiE-TVET 2013):* 202-218.

[39] Zuriani Hanim Zaini, Zaleha Damanhuri, Mohamad Arif Zaki Ali & Ahmad Zulfandi Ibrahim. 2021. Kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). *Jurnal Kesidang.* Vol. 6: 80-95.

[40] Bernama. 4 Disember 2020. Makan gaji buta, dakwaan berat untuk guru.

[https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/761740/makan-gaji-buta-dakwa-an-berat-untuk-guru.](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/761740/makan-gaji-buta-dakwa-an-berat-untuk-guru)

# ANALISIS SEMIOTIKA PADA KEBUDAYAAN FILM TARUNG SARUNG

Silpia Nursapitri & Ahmad Fatoni  
Program Studi Ilmu Komunikasi, Fakultas Ilmu Komunikasi  
Universitas Gunadarma  
email: [silpianur2@gmail.com](mailto:silpianur2@gmail.com); email: [ahmad\\_fatoni@staff.gunadarma.ac.id](mailto:ahmad_fatoni@staff.gunadarma.ac.id)

## Abstrak

Penelitian ini dilakukan dengan tujuan untuk men-dekripsikan nilai-nilai budaya Makassar yang ditampilkan dalam film Tarung Sarung dan mengungkap-kan serta memahami makna yang terkandung dalam nilai budaya Makassar. Penelitian ini menggunakan metode pendekatan kualitatif dan paradigma Konstruktivisme dengan memadukan model semiotika Roland Barthes yaitu analisis yang mengkaji suatu isyarat dimana isyarat tersebut mempunyai arti denotasi serta konotasi. Metode pengumpulan data dilakukan melalui observasi, dokumentasi, dan wawancara. Teori yang dipakai dalam penelitian ini adalah Teori speech act code. Hasil penelitian ini menjelaskan bahwa Nilai-nilai budaya Makassar dalam film Tarung Sarung direpresentasikan melalui pakaian dan tradisi yang ditampilkan oleh seorang produser melalui adegan-adegan. Film ini dimanfaatkan untuk mengenal lebih jauh adat dan tradisi serta makna yang terkandung, dimana adat dan tradisi Makassar dipandang menjadi jembatan untuk menciptakan sikap tolong menolong, sikap saling melindungi, saling menghargai dan menghormati sesama manusia dalam menjalani ke-hidupan.

**Kata Kunci:** *Budaya, Film, Makassar, Semiotika, Tarung Sarung*

## 1. Pendahuluan

Siaran film mempunyai keahlian dalam mengendalikan pesan dengan metode yang unik. Perihal ini disebabkan terdapatnya kekuatan maupun kemampuan film yang dapat menjangkau totalitas strata sosial serta sanggup menjangkau lebih banyak khalayak ramai yang tidak bisa dijangkau oleh aktivitas komunikasi dengan memakai kontak langsung. Pemakaian ciri dalam film jadi fasilitas komunikasi non-verbal yang menunjang proses penyampaian arti yang tercantum dalam film. Pemakaian isyarat yang muncul dalam film bisa dikaji dengan analisis semiotika.

Film ini mengandung berbagai tanda, dan maknanya dapat dianalisis. Dalam belajar Dalam komunikasi, kita tahu bahwa semiotika adalah alat yang dapat digunakan Sebagai pisau bedah untuk membantu dalam analisis teks termasuk film. Dari segi terminologi, semiotika adalah ilmu yang melibatkan Pelajari simbol dan segala sesuatu yang berhubungan dengan simbol, seperti Tanda dan proses yang berlaku untuk tanda. Semiotika adalah ilmu Pelajari berbagai objek, peristiwa, dan seluruh budaya sebagai tanda.

Melihat kondisi saat ini dunia perfilman sangat jarang membahas tentang budaya yang tidak terlalu orang kenal, Budaya daerah yang unik serta tidak kalah menariknya dari suku Bugis Makassar adalah sijagang laleng lipa atau tarung sarung merupakan salah satu ritual penting pada warga Bugis yang keberadaannya hampir hilang ditelan zaman. Salah satu karya anak bangsa yang berasal dari Indonesia, mendalami kebudayaan masyarakat Indonesia dengan mengangkat persoalan budaya tersebut dalam bentuk film, salah satunya film yang berjudul Tarung sarung. Tarung Sarung disutradari Archie Hekagery. Film yang dibintangi panji zoni, Yayan Ruhian dan Maizura . Film Tarung Sarung ini masuk kedalam salah satu 20 film rekomendasi asosiasi dan meraih 6 nominasi yaitu Nominasi Sutradara Terpuji, Nominasi pemeran pembantu pria terpuji, nominasi penata editing terpuji, nominasi penulis skenario terpuji, nominasi penata musik terpuji, serta nominasi penata kamera terpuji . Dan teaser yang ditayangkan di youtube mencapai 2,9 juta penonton.

Film ini berlatar kebudayaan Indonesia dengan budaya Makassar. Kota Makassar merupakan salah satu kota metropolitan di Indonesia serta sekaligus selaku ibu kota provinsi Sulawesi Selatan, kota Makassar ialah kota terbanyak keempat di Indonesia serta terbanyak di Kawasan Timur Indonesia. Dalam pengambilam film ini berlokasi didaerah dipantai Baloiya Desa Patikarya, kecamatan Bontosikuyu kabupaten kepulauan selayar, menjadi salah satu pantai terindah di Indonesia. Kesenian Sulawesi Selatan diketahui selaku kebudayaan besar dalam konteks kekinian. Sebab pada dasarnya seni tidak hanya memegang sebagian aspek kehidupan namun lebih dari itu dia sanggup membagikan kontribusi yang besar terhadap lingkungan sekitar serta psikologis

## **2. METODOLOGI**

Objek penelitian disini adalah film Tarung Sarung. Lebih khusus lagi, peneliti ini meneliti makna berupa gambar, suara, atau teks nilai budaya pada film Tarung Sarung yang tanyang pada akhir tahun 2020 lalu. Peneliti ini dijalankan atau diteliti dengan cara memilih dan menentukan setiap scene yang didalamnya menampilkan sebuah kalimat atau dialog dan adegan yang mengandung unsur dan makna budaya.

Pendekatan penelitian yang peneliti pakai merupakan pendekatan penelitian kualitatif, yaitu sebuah proses penelitian dan pemahaman yang berdasarkan pada metodologi dan menyelidiki fenomena sosial yang terjadi dan masalah-masalah yang dialami manusia. Paradigma konstruktivisme adalah upaya untuk memahami dan menjelaskan tindakan sosial yang bermakna (Neuman,2015:115. Kajian paradigma

konstruktivisme ini menempatkan posisi penulis setara serta sebisa mungkin masuk dengan objeknya, serta berupaya menguasai dan mengkonstruksikan suatu yang jadi pemahaman objek yang hendak diteliti.

Data yang dikumpulkan dalam sebuah penelitian terbagi menjadi dua, yaitu sumber primer dan sumber sekunder (Sugiyono, 2009:137). Dalam penelitian ini pengumpulan data primer dilakukan dengan cara mengamati seluruh scene pada film Tarung sarung. Data sekunder didapatkan melalui buku, hasil riset, internet, dan wawancara dengan Dosen Ilmu Sejarah Universitas Hassanudin. Pada teknik analisis data, peneliti menggunakan analisis semiotika Roland Barthes dalam menganalisis data yang ada. Bertujuan untuk memberikan sebuah gambaran secara jelas mengenai analisis semiotika pada film Tarung Sarung. Berdasarkan hasil analisis data ini, maka peneliti selanjutnya dapat memberikan sedikit tambahan pengetahuan tentang bagaimana cara “membaca film” dengan menggunakan analisis semiotika.

### **3. DAPATAN KAJIAN**

Film merupakan bentuk lain dari gambaran-gambaran kehidupan manusia, kehidupan manusia penuh dengan simbol yang mempunyai makna dan arti berbeda, melalui simbol-simbol tersebut film memberikan makna tersendiri melalui bahasa visualnya. Tidak heran bahwa film merupakan bidang kajian penerapan semiotika, film dibangun dengan tanda-tanda tersebut termasuk sebagai sistem tanda yang bekerjasama dalam rangka mencapai efek yang diharapkan.

Pada film Tarung sarung menggambarkan bagaimana nilai kebudayaan yang ada pada film Tarung Sarung, didalam hasil mengenai nilai kebudayaan yang terkandung dalam film terdapat 6 scene tentang kebudayaan dan 5 scene tentang adaptasi sang pemeran utama. Dalam penelitian nilai kebudayaan dalam film tarung sarung ini terdapat kaitannya dengan teori yang dikemukakan oleh Roland Barthes, dengan menemukan bagaimana nilai dan makna kebudayaan yang terdapat dalam film Tarung Sarung. Peneliti mengandalkan analisis semiotika dengan menggunakan penganalisisan makna denotasi, konotasi, dan mitos, lalu untuk meneliti kode berbicara atau speech code dalam film ini menggunakan teori speech code, dalam menemukan makna yang terkandung dan tersembunyi dalam sebuah tanda dan kata pada sebuah film.

Budaya Makassar yang disimbolkan dalam Film “Tarung Sarung” didalamnya terdapat nilai-nilai kebudayaan. Simbol kebudayaan Makassar tidak hanya ditampilkan dengan adegan dalam kehidupan sehari-hari, namun menampilkan adegan yang berbau sakral bagi masyarakat Makassar, budaya yang ditampilkan dalam film “Tarung Sarung” merupakan identitas dari masyarakat Makassar. Nilai-Nilai

budaya Makassar dalam film ini direpresentasikan melalui pakaian dan tradisi yang ditampilkan oleh seorang produser .

Dalam film Tarung Sarung, tidak hanya menceritakan kisah cinta Deni dan Tenri tetapi terdapat beberapa adegan yang menampilkan adat dan tradisi masyarakat Makassar. Film ini dimanfaatkan untuk mengenal lebih jauh adat dan tradisi serta makna yang terkandung , dimana adat dan tradisi Makassar dipandang menjadi jembatan untuk menciptakan sikap tolong menolong, sikap saling melindungi, saling menghargai dan menghormati sesama manusia dalam menjalani kehidupan.

Selain menggunakan Semiotika Roland Barthes peneliti juga menganalisis menggunakan teori speech code menurut (Griffin Em, 2006:462) .Tokoh utama pada film Tarung Sarung yaitu Deni merupakan pendatang dari Jakarta ke Makassar. Proses adaptasi speech code meliputi asimilasi, separasi, integritas dan hibriditas budaya.

Hasil penelitian ini dapat disimpulkan bahwa adaptasi speech code yang dialami Deni dalam berinteraksi dengan lingkungan masyarakat Makassar cenderung menggunakan metode asimilasi, integrasi, dan hibriditas budaya. Hibriditas budaya ini sangat cocok bagi Deni sebagai pendatang karena masih mempertahankan speech code aslinya, sehingga Deni masih dapat berbaur dan dapat mengerti apa yang dibicarakan masyarakat Makassar sebagai bentuk negoisasi serta adaptasi untuk menghasilkan persepsi yang memadai dari lingkungan masyarakat Makassar. Deni dalam prosesnya menjadi pendatang, jarang melakukan metode separasi sebagai salah satu adaptasi speech codenya dilingkungan masyarakat Makassar dikarenakan Deni tidak meminimalisir interaksi dengan lingkungan masyarakat Makassar.

#### **4. KESIMPULAN**

Berkembangnya budaya Bugis Makassar secara luas saat ini, dikarenakan banyaknya masyarakat bugis yang merantau keluar daerah dan mengembangkan budayanya dalam berbagai cara. Salah satu cara untuk menyebar luaskan budaya suatu daerah adalah dengan menggunakan media film yang merupakan perkembangan teknologi, film ini juga memiliki peran dalam penyebaran budaya Bugis, dengan menonton film bisa menjadi pintu masuk orang untuk mengenal lebih jauh tentang kebudayaan yang ditunjukkan dalam film tersebut. Nilai-nilai budaya Makassar dalam film Tarung Sarung direpresentasikan melalui pakaian adat, kesenian tradisional, dan adat istiadat yang ditampilkan oleh seorang produser melalui adegan-adegan dalam film. Film ini dimanfaatkan untuk mengenal lebih jauh adat dan tradisi serta makna yang terkandung, dimana adat dan tradisi Makassar dipandang menjadi jembatan untuk menciptakan sikap tolong menolong, sikap saling melindungi, saling menghargai dan menghormati sesama manusia dalam menjalani kehidupan.



## **RUJUKAN**

- [1] Al Mawalia, K., & Sanityastuti, M. S. (2019). Komunikasi Antar Budaya Madura dan Yogyakarta (Studi Etnografi Adaptasi Speech Code Mahasiswa Madura pada Masyarakat Yogyakarta). Panangkaran: Jurnal Penelitian Agama dan Masyarakat, 3(2), 169-179.
- [2] Anwar, R. D., Situmorang, L., & Si, M. (2018). Representasi Budaya Bontang Dalam Film 12 Menit Untuk Selamanya. eJournal Ilmu Komunikasi Universitas Mulawarman, 6(1).
- [3] Creswell, 2014. Research Design: Pendekatan Kualitatif, Kuantitatif, dan Mixed, Yogyakarta: Gadjah Mada University.
- [4] Gustina, P., & Handayani, S. W. E. (2020). KOMUNIKASI ANTAR BUDAYA BATAK DAN JAWA (Studi Etnografi Adaptasi Speech Code pada Masyarakat Etnis Batak di Desa Kebak, Kebakkramat, Kabupaten Karanganyar). SMOOTING, 18(2), 127-133.
- [5] Griffin, Em. 2006. A First Look At Communication Theory Sixth Edition. New York: McGraw-Hill.
- [6] Halik, A. (2013). Komunikasi massa.
- [7] Helandri, J. (2021). Analisis Komunikasi Antar Budaya dalam Film Bumi Manusia. El-Ghiroh: Jurnal Studi Keislaman, 19(1), 47-60.
- [8] Herwendo, R. (2014). Analisis Semiotika Representasi Perilaku Masyarakat Jawa Dalam Film Kala. WACANA: Jurnal Ilmiah Ilmu Komunikasi, 13(3), 230-245.
- [9] John, Little; Stephen W. 2011. Teori Komunikasi (Theories Of Human Communication). Jakarta: Salemba Humanika.
- [10] Koentjaraningrat. 2000. Pengantar Ilmu Antropologi. Jakarta : Rineka Cipta
- [11] Manesah, D. (2017). Aspek Sosial Budaya pada Film Mutiara Dari Toba Sutradara William Atapary. PROPORSI: Jurnal Desain, Multimedia dan Industri Kreatif, 2(2), 177-186.
- [12] Moleong, L.J. (2011). Metodologi Penelitian Kualitatif Edisi Revisi. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya
- [13] Neuman, W.L (2015). Metodologi Penelitian sosial: Pendekatan Kualitatif dan Kuantitatif. Jakarta :PT Indeks
- [14] Nursih, I. (2014). Komunikasi Massa. Yogyakarta: Graha Ilmu..
- [15] Manesah, D. (2017). Aspek Sosial Budaya pada Film Mutiara Dari Toba Sutradara William Atapary. PROPORSI: Jurnal Desain, Multimedia dan Industri Kreatif, 2(2), 177.

# SATU KAJIAN BAHASA SEKSIS DALAM PERIBAHASA MELAYU

Sharmin Kutty Sivaraman & Mohd Firdaus Che Yaacob  
*Lincoln University College & Universiti Malaysia Kelantan*  
*sharmin@lincoln.edu.my; firdaus.cy@umk.edu.my*

## Abstrak

Makalah ini membincangkan tentang kajian bahasa seksis dalam peribahasa melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti peribahasa gabungan imej wanita dan lelaki (maksud positif), mengenal pasti peribahasa gabungan imej wanita dan lelaki (maksud negatif), menganalisis peribahasa yang melambangkan imej lelaki dan wanita (positif) dan menganalisis peribahasa melambangkan imej wanita dan lelaki (negatif). Kajian ini juga menggunakan teori yang dikemukakan oleh Sperber & Wilson (1995) yang bersandarkan wawasan bahawa setiap yang difokuskan dalam ujaran ialah kerelevanannya. Dapatan kajian akan fokus kepada empat cabang yang terdapat dalam objektif kajian iaitu peribahasa yang khususnya terdapat bahasa seksis yang akan dikaji mengikut kepada imej lelaki dan perempuan dari segi positif dan negatif.

**Kata Kunci :** Bahasa Seksis, Peribahasa Melayu, Imej Positif dan Negatif, Teori Relevans

## 1. PENGENALAN

Bahasa merupakan cerminan kepada sesuatu masyarakat melalui bahasa hasilnya penutur dalam bentuk bahasa yang kita ujarakan, kebanyakan daripada ciri-ciri dan latar belakang peribadi kita serta masyarakat yang menuturkan bahasa tersebut dapat dinilai oleh orang yang mendengar atau mengkaji bahasa tersebut. Selain itu, setiap yang kita dituturkan adalah berkaitan dengan bahasa dan bahasa mempunyai pelbagai antonasi dan juga bunyi yang tertentu sewaktu disebut tersebut.

Seksis menjadi bahan perbincangan hebat sejak akhir-akhir ini. Seksis menjadi topik yang sesuai bermula di Barat dan malah turut menjadi bahan perbincangan di rantau ini. Oleh itu, yang dimaksudkan dengan seksis ialah apa sahaja perkataan atau pengucapan yang memang nyata menunjukkan unsur bias terutamanya pada golongan wanita dan juga lelaki dalam konteks peribahasa Melayu. Unsur bias ini amat jelas berdasarkan pemilihan perkataan, sama ada secara eksplisit mahupun implisit.

Unsur seksis dalam bahasa telah banyak dibincangkan oleh para sarjana yang mengkaji bahasa-bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah yang lain seperti di USA, Jerman Amerika Syarikat Norway. Baru-baru ini bahasa Cina juga telah dinilai oleh beberapa sarjana dan didapati terdapat banyak unsur-unsur seksis terdapat dalam bahasa Cina dalam zaman awal dahulu.

Selain itu, unsur seksis dalam bahasa juga bermaksud penggunaan bahasa seperti perkataan, frasa ayat atau peribahasa yang memberi kesan atau konotasi yang negatif atau tidak baik terhadap sesuatu kaum iaitu kaum lelaki dan juga kaum wanita. Penggunaan bahasa sebegini akan mengekalkan stereotaip yang negatif dan nilai sosial yang secara umum merugikan atau merendahkan kaum yang tertentu.

Sarjana seperti Pam Peters (1990) mendefinisikan bahasa seksis sebagai bahasa yang membayangkan keadaan dunia yang sama ada merendahkan sesuatu kaum. Menurut sejarah sosial biasanya merujuk kepada bahasa yang mengetengahkan dunia yang didominasi oleh kaum lelaki, antara kaum lelaki seolah-olah dianggap sebagai manusia sebenar, sedangkan kaum wanita sebagai bayang-bayang dalam kehidupan kaum lelaki.

Oleh kerana sikap “bias” atau berat sebelah ini sering berlaku terhadap kaum wanita, maka definisi bahasa seksis juga menampakkan perbezaan atau perubahan di kalangan pendapat beberapa sarjana. Kristen Gomard (1995) menyenaraikan ciri-ciri bahasa seksis iaitu:

- (i) Bahasa yang memperlakukan atau menganggap kaum wanita dan kaum lelaki tidak sama
- (ii) Bahasa yang mengabaikan wanita.
- (iii) Bahasa yang mengutuk atau mengecam kaum wanita
- (iv) Bahasa yang menstereotaipkan golongan wanita sebagai golongan yang lemah, golongan yang harus berada di dapur atau sebagai surirumah dan sebagainya.

Unsur seksis dalam peribahasa pula bermaksud ayat atau susunan kata yang mempunyai maksud tertentu dan biasanya merujuk kepada maksud berkias, berlapik, atau bersirat. Menurut Zaba (1965) peribahasa boleh mencakupi perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan, dan lidah pendeta. Zaba turut membahagikan peribahasa tersebut kepada dua jenis iaitu peribahasa yang mempunyai erti selapis dan peribahasa yang mempunyai makna dua lapis.

Shellabear merupakan pengakaji dari Barat yang turut berminat mengkaji peribahasa melayu. Dalam bukunya yang bertajuk *Kitab Kiliran Budi* (1961) Shellabear lebih menumpukan kepada usaha penyenaian dan penggolongan terhadap perumpamaan yang telah dilakukan oleh Shellabear ialah berkenaan kaum keluarga dan isi rumah, berkenaan mencari kehidupan, berkenaan kesenangan dan kesusahan dan akhir sekali berkenaan berbagai-bagai kelakuan dan keadaan serta perbandingan. Antara contoh seksis dalam peribahasa melayu ialah "*seperti pinang pulang ke tampuk*" yang maksudnya ialah seorang yang telah bercerai laki isteri kemudian berbaik pula dan "*bagai kucing dengan panggang*" yang bermaksud di antara lelaki dan wanita tiadalah boleh dipercayai berhampiran. Oleh itu, kajian ini akan fokus kepada bahasa seksis yang terdapat dalam wanita dan lelaki mengikut kepada empat objektif yang telah ditetapkan.

## **2. OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian memberi idea untuk melaksanakan kajian dengan lebih lanjut. Antara objektif kajian ialah:

1. Menenal pasti peribahasa gabungan imej wanita dan lelaki (maksud positif)
2. Menenal pasti peribahasa gabungan imej wanita dan lelaki (maksud negatif)
3. Menganalisis peribahasa melambangkan imej lelaki dan wanita (positif)
4. Menganalisis peribahasa melambangkan imej wanita dan lelaki (negatif)

## **3. PERMASALAHAN KAJIAN**

Sebagai pengkaji, Kajian ini terdapat beberapa isu yang menyebabkan kajian ini dijalankan berdasarkan skop kepada bahasa seksis yang terdapat dalam peribahasa melayu. Teori Relevans

diberikan satu penekanan dalam kajian ini kerana teori ini menyangkut komunikasi dan kognisi mampu membantu kita memahami ujaran yang dihasilkan dengan sistematik dan saintifik.

Pengkaji telah memilih untuk mengkaji bahasa seksis untuk dijadikan kajian utama. Bahasa seksis merupakan satu bahasa yang boleh disifatkan sebagai bahasa larangan atau bahasa yang digunakan untuk sifatkan kaum lelaki dan juga perempuan. Bahasa seksis ini kebanyak digunakan dalam menganalisis perempuan dan lelaki dengan perkataan yang tertentu.

Seterusnya ialah peribahasa Melayu. Peribahasa merupakan satu kata hikmah atau pengajaran yang digunakan oleh masyarakat melayu dahulu untuk memberikan pengajaran kepada orang. Sebenarnya kebanyakan bahasa seksis ini terdapat dalam peribahasa melayu. Masyarakat ataupun orang tidak mengetahui dan akan menggunakan untuk menegur seseorang tetapi bahasa yang digunakan sudah lama menggunakan seksis untuk mengategorikan masyarakat tersebut. Secara keseluruhannya, masyarakat Melayu akan menggunakan peribahasa Melayu dalam konteks harian mereka untuk menegur dan bertegur sapa tetapi tanpa sedar dalam bahasa tersebut sudah terkandung seksis yang memisahkan antara lelaki dan juga wanita.

Permasalahan kajian yang pertama ialah ramai tidak memahami unsur seksis dalam bahasa ataupun peribahasa tersebut. Peribahasa Melayu merupakan satu bahasa yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Bahasa seksis yang digunakan dalam peribahasa melayu tersebut kurang difahami oleh masyarakat dan secara tidak langsung terdapat garis pemisahan di dalam peribahasa tersebut yang memisahkan antara lelaki dan perempuan yang kurang difahami dalam golongan masyarakat tersebut.

Selain itu, masyarakat Melayu dari zaman dahulu menggunakan bahasa yang sopan santun, lemah lembut dan juga secara berlapik sewaktu berkomunikasi dengan orang. Kesantunan bahasa diberikan keutamaan sewaktu berkomunikasi dengan masyarakat. Masyarakat Melayu juga mempunyai sifat merendahkan diri dan pengucapan atau percakapan adalah sopan supaya

tidak menguriskan hati maka jika hendak menegur selalunya mereka akan menggunakan bahasa secara berlapik untuk menegur kesalahan seseorang.

Pemilihan teori relevans ini sangat berkait dengan kajian ini kerana teori ini berpendapat bahawa penuturlah punca yang menyebarkan maklumat iaitu dengan mengeluarkan ujaran penutur dengan secara tidak langsung menuntut perhatian daripada pendengar. Ini menjelaskan bahawa teori relevans ini dapat digunakan untuk mengaitkan dalam kajian ini yang dapat memberikan gambaran kepada penkaji mengenai bahasa seksis ini.

#### **4. METODOLOGI**

Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih kaedah kualitatif. Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif menggunakan berdasarkan definisi dan ciri-ciri yang telah dikemukakan oleh sarjana iaitu Strauss & Corbin (1997:17). Menurut Strauss & Corbin (1997:17). Kaedah kualitatif bermaksud sebarang jenis penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau lain-lain jenis pengiraan. Dalam kajian ini, penkaji mendapatkan data yang bukan berbentuk nombor atau statistik yang memerlukan pengiraan.

Selain itu, Berg (2004:7) menyatakan, kaedah kualitatif melibatkan melibatkan proses yang mengandungi pengumpulan data, analisis data, dan penginterpretasian data yang menyeluruh bertujuan untuk memperoleh pemahaman yang mendalam tentang sesuatu fenomena yang dikaji. Kajian kepustakaan, pengambilan bahan rujukan dalam buku ilmiah yang tertentu dan internet juga menjadi salah satu sumber kajian ini. Walaubagaimanapun, kaedah kuantitatif pula melibatkan proses pengumpulan data, analisis data, dan penginterepresian data yang menyeluruh bertujuan untuk memperoleh pemahaman yang mendalam tentang sesuatu fenomena yang dikaji

Justeru, pemilihan kaedah kualitatif sesuai dengan kaedah yang dilakukan oleh penyelidik iaitu penyelidik membuat analisis bahasa seksis yang terdapat dalam peribahasa melayu dalam konteks sosial iaitu penyelidik telah kategorikan kepada beberapa bahagian iaitu peribahasa yang

gabungan imej wanita dan lelaki (maksud positif dan negatif),peribahasa yang melambangkan imej wanita (positif dan negatif), peribahasa perlambagaan imej lelaki (negatif dan positif).

## **KAJIAN LEPAS**

Kajian literature merupakan kajian yang memerlukan rujukan terhadap perbincangan kajian pengkaji-pengkaji terdahulu. Rujukan literatur ini penting kerana bagi menjamin kesahihan sesebuah kajian ilmiah yang ingin dikaji. Pembaca akan lebih percaya dan yakin dengan kajian yang dilakukan ini kerana telah pendapat yang lebih kukuh daripada hasil kajian pengkaji – pengkaji lepas.Semakin banyak rujukan terhadap kajian lepas semakin kukuh dan mantap kajian ilmiah yang sedang dikaji. Hal ini demikian kerana kajian ini secara tidak langsung dapat membantu pengkaji menyelesaikan persoalan yang masih belum terjawab dan masih yang belum diselesaikan.

Kajin pertama tentang unsur seksis ini dijalankan oleh *Ahamad Fuad Mat Hassan (2010)*, “*Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu dari sudut seksis*”. Kajian ini adalah mengenai bagaimana masyarakat berfikir menggunakan peribahasa melayu dari sudut seksis iaitu peribahasa yang menyifatkan kepada lelaki, perempuan dan juga masyarakat, ada juga menyatakan mengenai kebaikan dan kelemahan penggunaan bahasa seksis ini. Selain itu dalam kajian ini,kebaikan yang dapat kita melihat ialah pengkaji telah nyatakan mengenai pemikiran mengenai peribahasa melayu dari sudut seksis tersebut dan kelemahan yang dapat dilihat ialah bahasa seksis ini dilihat secara keseluruhan dan juga penerangan khususnya kepada lelaki dan perempuan hanya dinyatakan secara kasar malah peribahasa melayu adalah luas dalam skopnya.

*Baiti Hanum (2002)*, “*Bahasa pantang larang masyarakat Melayu: Satu analisis berdasarkan teori Relevans*”. Dalam kajian ini menyatakan mengenai bahasa pantang larang yang perlu diketahui oleh masyarakat Melayu sewaktu berkomunikasi dengan orangnya. Dapatan dalam kajian ini menunjukkan bagaimana bahasa pantang larang dapat dikaitkan dengan teori Relevans kerana teori ini berkaitan dengan komunikasi dan pengkaji ini telah menghuraikan

dengan aplikasi teori ini untuk memberikan gambaran kepada masyarakat mengenai bahasa pantang larang tersebut.

*Nor Hashimah Jalaludin (2000), "Seksis atau Sosiolisasi, Satu Interpretasi Makna berdasarkan Peribahasa Melayu".* Dalam jurnal ini telah mengupas mengenai bahasa seksis yang digunakan oleh sosiolisasi masyarakat untuk mengkaitkan dalam peribahasa Melayu telah menerangkan mengenai bahasa seksis digunakan untuk tujuan apa, apakah implikasi penggunaan bahasa seksis dalam kelompok sosial dan bahasa tertentu yang sifatkan seksis untuk menilai lelaki dan juga wanita. Dapatan menerusi kajian ini ialah, bahasa seksis dinyatakan penggunaan bertujuan untuk apa dan bukan setiap masa dapat digunakan bahasa tersebut kerana mungkin akan menguriskan perasaan sesetengah pihak dan pengkaji tersebut nyatakan bahawa penggunaan perlu berlapik dengan ayat-ayat yang tertentu.

*Nor Hashimah Jalaludin (2000), "Seksis atau sosiolisasi: Satu interpretasi makna berdasarkan peribahasa Melayu".* Dalam tajuk ini telah menyatakan mengenai seksis atau sosiolisasi dalam konteks peribahasa melayu. Dapatan yang terdapat dalam kajian ini ialah bahasa seksis telah dikategorikan mengikut kepada kategori yang tertentu dan bagaimana bahasa seksis dapat dikaitkan dengan masyarakat sosial dan terdapat makna yang tertentu dalam peribahasa melayu.

*Noriati A Rashid (2005), "Nilai Kesantunan dalam Konteks sosiobudaya masyarakat Melayu".* Dalam jurnal ini menyatakan mengenai kesantunan dalam bertutur khususnya masyarakat Melayu. Dapatan kajian ialah mengenai bagaimana masyarakat Melayu pada zaman dahulu begitu santun dalam bertutur dan berbicara dalam sesuatu perkara. Kesantunan merupakan kunci yang sangat penting dalam masyarakat Melayu kerana masyarakat Melayu sangat menyanjung tinggi dalam etika pertuturan dengan seseorang.

*Roksana Bibi Abdullah (1998), "Unsur-unsur seksis dalam Bahasa Melayu".* Dalam jurnal ini telah mengupas mengenai bahasa seksis bukan hanya wujud dalam peribahasa Melayu



malah terdapat juga dalam peringkat kata bahasa melayu, peringkat ayat sewaktu komunikasi dan bagaimana untuk menggunakan bahasa ini dengan betul telah dinyatakan secara jelas dalam jurnal ini dan bagaimana bahasa ini seksis ini berfungsi. Dapatan dalam kajian ini ialah bahasa seksis bukan hanya digolongkan kepada lelaki dan perempuan sahaja malah secara keseluruhan terdapat seksis iaitu jika seseorang mengkaji dengan lebih mendalam lagi.

*Marlyna Maros (2011), “ Strategi kesantunan Melayu dalam membuat teguran menggunakan peribahasa Melayu”*. Jurnal ini mengupas mengenai kesantunan yang digunakan untuk membuat teguran. Pada zaman dahulu, masyarakat Melayu menggunakan peribahasa Melayu untuk membuat teguran jika membuat kesalahan tidak kira lelaki ataupun perempuan peribahasa akan digunakan untuk menegur seseorang yang membuat kesalahan. Teguran berupa sindiran digunakan untuk menegur perbuatan masyarakatnya. Dapatan dalam kajian ini ialah, masyarakat melayu menggunakan peribahasa melayu dalam komunikasi seseorang dan kesantunan bahasa diberikan penekanan yang khusus kerana sewaktu seseorang berkomunikasi kesantunan adalah penting.

*Prof Dr Abdul Syukur Ibrahim (2004), “Teori Relevans Komunikasi dan Kongnisi dan Sperber dan Wilson”* . Dalam tesis ini telah menjelaskan mengenai penggunaan teori yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan, Teori Relevans mengangkat komunikasi dan mampu membantu kita memahami ujaran yang dihasilkan dengan sistematik dan saintifik. Dapatan dalam kajian ini ialah bagaimana seseorang boleh menggunakan teori Relavans dalam konteks komunikasi untuk memahami dengan sistematik dari segi cara kita berkomunikasi dengan menggunakan teori tersebut dan yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson.

*Teo Kok Seong (1996), “Adakah Peribahasa Melayu bersifat seksis”* . Dalam buku ini telah menerangkan mengenai peribahasa yang disifatkan sebagai seksis yang digunakan dalam banyak urusan tidak kira dalam pentadbiran, pendidikan dan sebagainya. Dapatan menerusi buku ini ialah bahasa seksis ini memberikan satu skop yang luas kepada pembaca untuk mengetahui

tentang penggunaan bahasa ini ketika hendak kategorikan kepada golongan yang tertentu dan juga bahasa seksis hanya boleh didapati dalam peribahasa melayu.

## **TEORI DAN METODOLOGI**

Teori Relevans ini menyangkat komunikasi dan kongnisi mampu membantu kita memahami ujaran yang dihasilkan dengan sistematik dan saintifik. Teori ini menuntut tanggung jawab yang amat berat di pihak penutur kerana teori ini berpendapat penutur merupakan punca penyebaran maklumat oleh itu dengan secara tidak langsung menuntut perhatian daripada pendengar. Fungsi pendengar disini ialah untuk mendengar dan memberikan perhatian kepada apa yang dicakapkan dan jika ianya berbaloi dengan usaha yang diberikan . Di sini jelas iaitu jika ujaran kita hendak mendapat respons yang baik daripada pendengar dan seterusnya menjadi relevans, maka penutur haruslah memastikan ujarannya memenuhi tuntutan itu. Ini selari dengan prinsip relevans tulisan *Sperber dan Wilson (1995)*

Satu kelebihan teori ini berbanding dengan teori pragmatik lain adalah keupayaan penciptanya menyelesaikan penciptanya menyelesaikan masalah bahasa figuratif, kegagalan Grice (1967) melalui maksimnya menjelaskan masalah bahasa figurative seperti metafora, hiperbola dan sebagainya yang telah diatasi oleh Sperber dan Wilson . Dalam kajian kedua tokoh tersebut membicarakan mengenai bahasa terusrat dan tersirat memandangkan peribahasa Melayu banyak mengandungi mesej yang tersirat, maka teori ini dianggap amat sesuai untuk diterapkan.

Selain daripada itu, mengikut kepada Sperber dan Wilson mereka menyatakan bahawa sesuatu ujaran yang hendak dkomunikasikan itu harus mempunyai sifat-sifat yang jelas dan nyata (*manifest*). Apabila andain daripada ujaran yang dihasilkan mudah ditangkap atau dikesan oleh individu maka ujaran itu dapat dianggap sebagai ujaran yang bermanifestasi. Selalunya dalam komunikasi terdapat pandangan dua hala untuk berkongsi pendapat antara satu sama lain. Selain

daripada ciri manifestasi dan persekitaran kognitif, konsep-konsep utama yang menyokong prinsip relevans seperti konteks, kesan dan usaha memproses maklumat harus diambil kira.

Teori Relevans juga merupakan satu teori komunikasi yang diperkenalkan oleh Sperber & Wilson dlm. Gutt (1991) bagi menggantikan teori yang diasaskan oleh Grice melalui buku mereka iaitu, ‘*Relevance Communication and Cognition*’. Teori ini merupakan tindak balas terhadap maksim kerjasama yang diutarakan oleh Grice dlm. Nor Hashimah Jalaluddin (2003). Matlamat teori ini ialah menjelaskan ciri proses yang terlibat dalam penginterpretasian ujaran atau pun maklumat.

Menurut Sperber & Wilson (dlm Hasmidar Hassan, (2009:504)), dalam penginterpretasian ujaran atau pun maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dengan usaha memproses yang sedikit mungkin. Seseorang penutur itu perlu dapat memastikan perkara yang diperkatakannya itu mempunyai ciri relevan yang optimal iaitu bermaksud setiap ujaran itu perlu mempunyai kesan kognitif yang maksimum. Kesan kognitif yang maksimum bermaksud penutur dapat merumuskan sesuatu makna penyampaian tersebut dalam masa sesingkat mungkin.

### **Prinsip-Prinsip Teori Relevans**

Terdapat dua prinsip yang digagaskan oleh Sperber & Wilson (1995) dalam teori Relevans, iaitu prinsip Relevans kognitif dan prinsip Relevans Komunikatif. Berikut dihuraikan dengan lebih bagi kedua-dua prinsip berikut:

#### **i. Prinsip Relevans Kognitif**

Menurut Sperber & Wilson (1995:260), “*Human Cognition tends to be geared to the maximisation of relevance. It is against this cognitive background that inferential communication take place*”. Hasmidar Hassan (2014:264) menjelaskan bahawa kecenderungan kognitif yang sejagat untuk memaksimumkan kerelevanan menjadikan prinsip

Relevans ini berkemungkinan, dan sekurang-kurangnya untuk menjangkakan dan memanipulasi keadaan pemikiran penutur. Kognisi manusia itu sendiri yang dikatakan cenderung untuk memaksimumkan relevans membuatkan penutur akan bertindak menghasilkan ransangan (input) yang dapat menarik perhatian pendengar. Hal ini demikian kerana pendengar lebih cenderung untuk memilih ransangan yang paling relevan dalam persekitarannya serta akan memproses input-input tersebut bagi mencapai Relevans yang paling maksimum. Di samping itu, ia membantu pendengar menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dihajatkan.

## **ii. Prinsip Relevans Komunikatif**

Menurut Sperber & Wilson (1995:260), "*Every act ostensive communication communicates a presumption of its own optimal relevance*". Prinsip relevans komunikatif berdasarkan hubungannya dengan komunikasi. Setiap tingkah laku komunikasi yang jelas dan nyata atau dalam erti kata lain iaitu Relevans yang optimum dicirikan oleh ransangan ostensif tersebut semudah yang mungkin bagi pendengar memahaminya dan menyediakan bukti yang bukan hanya untuk kesan kognitif yang ingin dicapai, tetapi juga sebagai kesan kognitif dan seterusnya perlu untuk menarik perhatian pendengar memahami matlamatnya. Apabila penutur menghasilkan ransangan ostensif yang paling relevans, yang menimbulkan kesan yang banyak, maka usaha memproses yang diperlukan adalah sedikit (Hasmidar Hassan, 2014:265).

## **iii. Andaian Bagi Relevans yang Optimum**

Menurut Sperber & Wilson (1995:267), "*The presumption of optimal relevance itself was spelled out as the set of assumptions which the communicator intends to make manifest to the addressee is relevant enough to make it worth the addressee's while to process the ostensive stimulus and the ostensive stimulus is the most relevant one the communicator could have used to communicate*"

Relevans yang optimum dicirikan oleh ransangan ostensif yang paling relevans yang disampaikan oleh penutur dalam batas keupayaan dan pilihan penutur. Penutur perlu menjadikan ransangan

ostensif tersebut semudah mungkin bagi pendengar memahaminya dan menyediakan bukti yang bukan hanya untuk kesan kognitif yang dihajati untuk dicapai, tetapi juga sebagai kesan kognitif seterusnya yang perlu untuk menarik perhatian pendengar memahami matlamatnya. Hal ini demikian kerana penghasilan ransangan ostensif yang paling relevans yang menimbulkan kesan yang banyak, maka usaha memproses yang diperlukan adalah sedikit (Hasmidar Hassan, 2014:265).

## **5. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Bahasa seksis ialah apa sahaja perkataan atau pengucapan yang memang nyata menunjukkan unsur bias terutamanya pada wanita, tetapi mengikut kepada peredaran masa yang berlaku bahasa seksis ini telah wujud diantara lelaki dan juga perempuan. Peribahasa Melayu menjadi satu medium utama untuk mengkaji mengenai seksis ini dan pemilihan peribahasa ini dilihat sama ada secara eksplisit mahupun implisit. Peribahasa dipilih sebagai medium dalam kajian ini kerana pada zaman dahulu peribahasa melayu akan digunakan untuk menegur atau memberi pendapat kepada seseorang dengan kata-kata yang tertentu supaya orang dapat memahami dengan mudah dan tidak wujud sebarang perselisifahaman antara satu sama lain. Penggunaan bahasa dalam peribahasa melayu sangat santun berlapik dengan maksud yang tertentu. Ini adalah kerana peribahasa merupakan satu gambaran masyarakat yang paling jelas, terutamanya dalam mengungkapkan falsafah, pemikiran, tingkah laku, tanggapan atau perspesi dan aspek lain yang melibatkan tingkah laku.

Kajian ini dianalisis dalam tiga aspek iaitu perbezaan antara peribahasa gabungan antara imej wanita dan lelaki, peribahasa yang melambangkan imej wanita secara positif, peribahasa yang melambangkan imej lelaki positif dan negatif. Secara kasarnya, mungkin ramai menganggap bahawa peribahasa melayu jika diucapkan hanya begitu sahaja dan jika dikaji dengan lebih mendalam lagi, seksis ini wujud untuk memisahkan antara lelaki dan juga perempuan. Dalam

makalah ini, pengkaji akan menghuraikan setiap satu dengan kaitkan dengan peribahasa yang tertentu untuk menjelaskan dengan terperinci lagi. Tiga aspek tersebut dipilih kerana ia sentiasa diberikan perhatian buat masa sekarang oleh masyarakat

## 6. ANALISIS KAJIAN

Analisis kajian ini bertumpu kepada bahagian analisis yang dibuat dalam kajian ini iaitu fokuskan kepada empat aspek iaitu peribahasa gabungan imej wanita dan lelaki (positif), peribahasa gabungan imej wanita dan lelaki (negatif), peribahasa melambangkan imej lelaki dan wanita (positif) dan akhirnya ialah peribahasa melambangkan imej wanita dan lelaki (negatif) . Kesemua ini adalah dikhaskan dibawah golongan sosial dalam masyarakat.

### **Peribahasa yang melambangkan imej wanita dan lelaki (imej positif dan negatif)**

Data untuk menganalisis kajian ini telah diambil dan dibahagikan kepada bahagian yang tertentu. Antara apa yang bakal dicungkil keluar dari bagaimana peribahasa yang mempunyai makna tersirat dan tidak memilih perkataan yang cenderung seksis mampu dianalisis dan disahkan keseksisannya. Pemilihan perkataan pada peribahasa itu dapat membantu kita dengan makna yang diberikan atau dengan kata yang mudah bagaimanakah masyarakat Melayu boleh mengaitkan pemilihan perkataan tertentu pada peribahasa dengan maksud peribahasa itu sendiri. Pengkaji menganalisis beberap contoh dan bagaimana teori relevans dapat diterapkan dalam peribahasa tersebut. Oleh itu untuk kategori *peribahasa yang gabungan imej wanita dan lelaki (maksud positif )* pengkaji dapat kumpulkan sebanyak sembilan peribahasa dan akan menganalisis empat peribahasa tersebut yang bakinya akan dimasukkan dalam lampiran sebagai rujukan.

Seperti Cincin dengan permata <sup>(GIWL 1)</sup>
Ibarat dakwat dengan kertas bila boleh renggang <sup>(GIWL 2)</sup>
Hendak bersunting bunga yang belum diseri kumbang <sup>(GIWL 3)</sup>
Bunga tidak seekor, bunga tidak sekaki <sup>(GIWL 4)</sup>

**Jadual 1.1 : Peribahasa Gabungan Imej Wanita Lelaki ( positif)**

Peribahasa “*Seperti cincin dengan permata (GIWL 1)*” bermaksud ibaratnya berpatutan lelaki dan perempuan yang sama eloknya. Di dalam peribahasa ini jelas menyatakan bahawa kaum lelaki dan perempuan perlu saling bergantung antara satu sama lain dan bergandeng bahu antara satu sama lain. Maksud peribahasa ini adalah bersifat tersurat. Maksud tersurat peribahasa ini ialah peribahasa ini terus merujuk kepada kedua pasang suami isteri iaitu kaum lelaki dan perempuan. Konteks pemahaman masyarakat mengenai peribahasa ini ialah cincin dapat diibaratkan sebagai lelaki dan permata dapat diibaratkan sebagai perempuan. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggunakan peribahasa ini untuk mengekelaskan golongan lelaki dan perempuan. Berdasarkan konteks sebagai maklumat awal masyarakat Melayu pada zaman dahulu peribahasa sopan ini digunakan untuk kelaskan golongan lelaki dan perempuan mungkin corak cincin bagi pandangan masyarakat adalah rupa lelaki dan permata yang bersinar adalah perempuan maka wujud peribahasa tersebut untuk kaitkan dengan lelaki dan perempuan.

Peribahasa yang seterusnya ialah “*Ibarat dakwat dengan kertas bila boleh renggang*” (GIWL 2). Definisi peribahasa ini ialah peri kedampingan dua orang berkasih-kasihannya terutamanya suami isteri. Dalam konteks masyarakat Melayu, suami isteri perlu hidup secara bersama dan perlu saling berkait antara satu sama lain. Masyarakat Melayu percaya bahawa pada zaman dahulu, penulisan adalah dilakukan dengan menggunakan dakwat tanpa sebarang dakwat tidak dapat menghasilkan sebarang penulisan atas kertas dan juga kertas memainkan peranan yang penting untuk menyampaikan semua mesej yang disampaikan kepada ramai adalah menerusi kertas maka, kertas memainkan peranan yang sangat penting dalam semua konteks, Oleh itu kertas dan dakwat saling berkait dalam banyak aspek begitu juga dengan suami isteri yang perlu memerlukan antara satu sama lain untuk meneruskan kehidupannya.

Peribahasa ketiga ialah “*Hendak bersunting bunga yang belum diseri kumbang*” (GIWL 3). Definisi peribahasa ini ialah hendak beristerikan anak muda dan perawan muda. Dari segi pemahaman ialah gadis perlu dikahwinkan dengan anak lelaki yang muda atau sebaya. Mengikut kepada pemahaman masyarakat Melayu pada zaman dahulu, keluarga wanita muda selalu hendak

kahwinkan perempuan kepada anak lelaki yang muda supaya anak lelaki tersebut dapat menjaganya dengan baik dan sepanjang hayat, keluarga perempuan kurang bersetuju untuk kahwinkan perempuan muda kepada golongan yang berusia kerana mengambil kira faktor yang tertentu iaitu, kesihatan, umur, dan sebagainya. Peribahasa ini selalu dikaitkan sewaktu keluarga tersebut hendak menjalankan majlis perkahwinan untuk pasangan supaya pemilihan pasangan adalah tepat.

Peribahasa seterusnya ialah “ *Bunga tidak seekor, bunga tidak sekaki*”(GIWL 4) membawa maksud lelaki bukan seorang, perempuan pun bukan seorang. Dalam ini, masyarakat Melayu menjelaskan bahawa di dunia ini pilihan untuk menjadi pasangan bukan terhadap kepada satu sahaja, malah boleh memilih untuk dijadikan sebagai pasangannya. Bagi lelaki bukan hanya terikat untuk mengahwini perempuan seorang sahaja dan banyak pilihan mengikut kepada kehendak mereka, manakala bagi perempuan juga sama iaitu pilihan untuk menjadikan lelaki sebagai teman dalam hidup bukan hanya seorang sahaja, malah boleh memilih untuk kesesuaian dan kehendak mereka tetapi hanya memilih yang sesuai untuk dijadikan sebagai teman kehidupan kita. Pemilihan pasangan dalam hidup adalah berdasarkan kepada masing-masing dan boleh membuat pilihan mengikut kepada kehendak mereka. Perbincangan yang seterusnya ialah berkaitan dengan peribahasa gabungan imej wanita dan lelaki dari konsep negatif.

Seperti anjing dengan kucing <sup>(GIWL N1)</sup>
Pantang ayam dengan helang lambat laun disambarnya juga <sup>(GIWL N2)</sup>
Bagaimana tidak kumbang jinak terbang beredar jika tidak kerana bunga kembang di taman itu (GIWL N3)
Ikan gantung kucing tunggu <sup>(GIWL N4)</sup>

**Jadual 1.2 : Peribahasa Gabungan Imej Wanita dan Lelaki (negatif)**

Peribahasa “*Seperti anjing dengan kucing*” <sup>(GIWL N1)</sup> membawa maksud selalu berbantah kerap pada orang laki bini yang tidak bersetuju iaitu selalu bergaduh antara satu sama lain. Dalam



konteks pemahaman yang luas, suami dan isteri adalah insan yang dikurniakan untuk hidup secara bersama tanpa sebarang perselisifahaman antara satu sama lain. Perselisifahaman akan wujud apabila kedua pasangan tidak bersatu dalam membuat keputusan dalam sesuatu perkara dan antara seorang akan mula untuk bergaduh dan masing-masing tidak akan bersua antara satu sama lain. Dalam konteks masyarakat Melayu, pasangan suami isteri merupakan insan yang perlu hidup secara bersatu untuk menjalankan kehidupan dengan aman dan gembira, pemahanan antara satu sama lain akan membawa kepada satu keluarga yang baik.

Peribahasa seterusnya ialah "*Pantang ayam dengan helang lambat laum disambarnya juga*" (GIWL N2) maksudnya ialah perempuan muda dengan lelaki teruna janganlah dicampurkan jika jaga sekalipun kerana bila orang leka adalah khabarnya kelak. Peribahasa ini memberikan satu penegasan kepada kita bahawa lelaki dan perempuan perlu mempunyai jarak sewaktu bergaul antara satu sama lain. Dalam konteks masyarakat Melayu selalu menekankan mengenai perkara ini kerana lelaki dan perempuan mempunyai batas yang tertentu semasa pergaulan dan tidak melampau batas yang tertentu kerana pada usia muda yang lebih senang disebut sebagai teruna pelbagai nafsu akan menanti oleh itu, lelaki dan perempuan perlu berjarak sewaktu bersama untuk mengelakkan daripada berlaku perkara yang tidak dingini.

Peribahasa yang terakhir ialah "*Ikan gantung kucing tunggu*" (GIWL N3) menyatakan bahawa barang dimana ada perawan adalah teruna terhendap-hendap di sana. Secara logiknya jika kita berfikir sejenak, perempuan ataupun pada zaman dahulu lebih dikenali sebagai perawan sudah semestinya terdapat di mana-mana sahaja dan kita perlu rajin dalam melakukan pemilihan. Sekali pemilihan menjadi salah maka, seumur hidup akan menjad salah, pemilihan kedua pasangan antara satu sama lain ialah penting untuk hidup secara bersama tanpa sebarang perselisifahaman antara satu sama lain. Perbincangan yang seterusnya berkaitan dengan peribahasa yang melambangkan imej wanita dan lelaki dari segi positif.

### Peribahasa yang melambangkan imej wanita dan lelaki (positif)

Hasil analisis data mengenai peribahasa yang melambangkan imej kepada individu tertentu iaitu lelaki dan wanita dari segi positif dan data yang dikumpul adalah berdasarkan berikut:

Kalau bunga bukan sekuntum <sup>(IWP 1)</sup>
Jika bunga tak hendak dipersunting, boleh dibuat paksi kain <sup>(IWP 2)</sup>
Bunga tengah kembang dimana baunya merebak ke mana-mana <sup>(IWP 3)</sup>
Sayang Bungan layu di pohon <sup>(IWP 4)</sup>
Jual Sutera beli mastuli <sup>(IWP 5)</sup>

**Jadual 1.3 : Peribahasa yang melambangkan Imej Wanita (positif)**

Peribahasa “*Kalau bunga bukan sekuntum*”<sup>(IWP 1)</sup> yang memberikan maksud perempuan bukan seorang sahaja banyak lagi yang lain. Secara logiknya jika difikir balik, sebagai manusia yang diciptakan oleh Tuhan yang maha berkuasa iaitu manusia diberikan kelainan untuk menilai sama ada lelaki atau perempuan. Menurut Yunus bin Ujong (2000) dalam buku peribahasa yang bertajuk menyatakan “*Peribahasa gambaran falsafah untuk masyarakat*” menjelaskan mengenai bagaimana gambaran falsafah mengenai masyarakat terhadap peribahasa yang sifatkan lelaki dan perempuan, bukan sahaja itu, dalam ini juga menyatakan mengenai bagaimana peribahasa Melayu digunakan iaitu dari segi cara positif ataupun negatif juga diberikan penekanan yang khusus.

Peribahasa “*jika bunga tak hendak dipersunting, boleh dibuat paksi lain*”<sup>(IWP 2)</sup> maksudnya ialah seseorang perempuan yang baik budi pekertinya. Dalam masyarakat Melayu, nilai budi pekerti dipandang tinggi tidak kira dari usia kecil ataupun besar, budi pekerti memainkan peranan dalam diri seseorang tidak kira lelaki atau perempuan budi pekerti yang akan menentukan adab seseorang. Perempuan perlu memberikan penekanan yang khusus dalam ini kerana perempuan akan ke rumah lelaki untuk menjalankan kehidupannya bersama lelaki. Menurut Mohd Najib bin Hisham (2014) dalam buku yang bertajuk *Nilai Akhlak dalam Peribahasa Melayu Satu Analisis Mengenai Budi Pekerti*” menjelaskan berkaitan peribahasa yang berkaitan budi

pekerti yang perlu diamalkan oleh wanita dan budi pekerti adalah kunci kepada penilaian seseorang dalam hidup untuk menentukan sama ada kita dibesarkan dengan nilai yang baik ataupun tidak.

Peribahasa “*Bunga tengah kembang dimana baunya merebak ke mana-mana*”<sup>(IWP3)</sup> maksudnya ialah jika ada orang beranak perempuan yang elok rupanya, pecahlah khabar ke mana-mana. Dalam konteks pemikiran masyarakat Melayu dalam suasana perkampungan zaman dahulu, jika sesiapa yang melahirkan anak perempuan khabar tersebut akan disampaikan kepada penduduk kampungnya jika lahirkan anak perempuan, kerana mengikut kepada kefahaman mereka perempuan merupakan insan permata yang perlu dijaga dengan baik berbanding kepada bayi lelaki tidak akan diberitahu kelahirannya jika perempuan akan diberitahu oleh satu kampung sebagai tanda keistimewaannya.

Seterusnya ialah, “*Sayang bunga layu di pohon*”<sup>(IWP4)</sup> maksudnya kasihan melihat seorang perempuan dara itu sehingga tua tidak bersuami. Perkara ini kebiasanya akan berlaku kerana masyarakat Melayu pada zaman dahulu memberikan penekanan yang khususnya kepada pendidikan sahaja tanpa memberikan laluan kepada perkara yang lain, fokus utama adalah kepada pendidikan kerana masyarakat Melayu pada zaman dahulu selalu dididik dan dibesarkan dengan cara begitu bahawa hanya pendidikan sahaja dapat memberi sesuap nasi, dengan aliran minda tersebut kaum perempuan semua akan fokus untuk belajar bersungguh-sungguh untuk menjejak kaki ke universiti. Oleh itu, perkara mengenai perkahwinan tidak akan diambil kira sebagai satu bab yang penting kerana masyarakat dahulu menganggap perkara tersebut tidak penting untuk masa sekarang dan keadaan ini lama kelamaan akan memberikan kesan kepada wanita tersebut sehingga tidak berkahwin dalam hidupnya.

Peribahasa “*jual sutera beli mastuli*”<sup>(IWP5)</sup> maksudnya hal keuntungan seorang lelaki yang telah bercerai daripada isterinya yang baik kemudian beristeri pula seorang perempuan yang lebih baik. Dalam masyarakat Islam, lelaki diberikan kelebihan atau lebih dikenali sebagai kelonggaran

untuk memilih berkahwin sebanyak 4 kali dalam hidupnya manakala perempuan hanya sekali sahaja dan lelaki boleh memilih untuk bercerai jika pasangannya tidak dapat hidup dengan baik bersama. Ini memberikan kesan yang buruk kepada wanita kerana selalau perlu menjaga suaminya elok supaya suaminya tidak mudah untuk mencari pasangan yang lain. Secara tidak langsung ia juga memberikan kesan yang tidak baik kepada perempuan. Perbincangan yang seterusnya berkaitan peribahasa yang melambangkan imej lelaki (positif)

### **Peribahasa yang melambangkan Imej Lelaki (Positif)**

Terdapat juga peribahasa yang tertentu berkaitan dengan imej lelaki yang dilihat sebagai unsur positif yang dapat memberikan gambaran yang baik. Jumlah sebanyak lapan peribahasa telah dikumpulkan dan hanya akan menjelaskan sebanyak dua peribahasa dan selebihnya akan dimasukkan dalam lampiran.

Hilang pelanduk, berganti kijang <sup>(ILP 1)</sup>
Bagai gelombang dua belas <sup>(ILP 2)</sup>

**Jadual 1.4 : Peribahasa yang melambangkan imej lelaki (positif)**

Peribahasa “*Hilang pelanduk, berganti kijang*”<sup>(ILP 1)</sup> membawa maksud menunjukkan keuntungan seorang perempuan yang telah bercerai mati atau hidup daripada suaminya yang hima dan miskin, kemudian bersuamikan seorang lagi yang mulia. Dalam konteks pemikiran masyarakat Melayu, perempuan tidak dapat menerima sebarang lontaran perkataan yang kasar kerana sifat perempuan adalah lemah lembut berbanding lelaki yang keras dan dalam tutur bicara perempuan juga mudah terguris hati berbanding lelaki yang dapat menerima segala perkataan yang dikeluarkannya. Menurut Tham Seong Chee (1981) dalam bukunya yang bertajuk “*Peribahasa Melayu sebagai suatu gejala budaya dalam masyarakat Melayu*”. Buku ini menerangkan gejala kesemua ini ialah satu unsur yang selalu dititiberatkan dalam masyarakat untuk menilai seseorang.

Peribahasa “*bagai gelombang dua belas*” (ILP2) maksudnya ialah rupa kehebatan langkah pendek seorang hulubalang atau pendekar tatkala menarikan pedang di tengah gelanggang. Dalam konsep masyarakat melayu selalu berpesan bahawa perlu mempunyai sifat rendah diri walaupun sehebat mana kita dalam sesuatu bidang sifat rendah diri perlu sentiasa diterapkan setinggi mana kita pergi supaya semua dapat bersama dalam membuat sesuatu. Jangan pernah sesekali menganggap diri kita hebat dalam membuat sesuatu perkara kerana ada lebih ramai yang lagi berilmu daripada kita. Masyarakat Melayu selalu berpesan mengenai perkara ini supaya tidak menunjukkan kehebatan kita dalam semua perkara dan peribahasa ini perlu dijadikan sebagai teladan untuk kita mengamalkan sifat rendah diri dalam hidup. Perbincangan yang seterusnya ialah peribahasa yang melambangkan imej wanita dari segi negatif.

### **Peribahasa yang melambangkan imej wanita (negatif)**

Terdapat juga peribahasa yang melambangkan imej wanita yang berunsur kepada negatif. Sebanyak 27 peribahasa telah dikumpulkan oleh pengkaji tetapi hanya akan menggunakan lapan peribahasa untuk menerangkan konsep ini dan selain itu pengkaji akan masukan dalam lampiran sebagai bukti.

Bunga yang layu tidak diseri oleh kumbang (IWN 1)
Juadah sudah dijilat cicak (IWN 2)
Lesung mencari lalu (IWN 3)
Kepala rebah mata melayang bantal bangkit main wayang (IWN 4)
Enau sebatang, dua siginya (IWN 5)
Seperti anjing yang sudah biasa makan tahi bagaimana sekalipun diberi makan yang baik hendak juga memakan tahi (IWN 6)

Menghinggut bagai itik pulang <sup>(IWN 7)</sup>
Seperti kuar memekik di puncak gunung <sup>(IWN 8)</sup>

**Jadual 1.5 : Peribahasa yang melambangkan imej wanita (negatif)**

Peribahasa “*Bunga yang layu tidak diseri oleh kumbang*” <sup>(IWN 1)</sup> yang bermaksud anak perempuan yang sudah tua tak hendak dipinang orang. Dalam konteks masyarakat melayu pada zaman dahulu, anak perempuan merupakan aset yang sangat penting dalam sesebuah keluarga dan anak perempuan maruah untuk sesebuah keluarga dan ibu bapa dalam setiap keluarga anak memberikan penekanan yang khusus kepada anak perempuan dan jika perempuan dikahwinkan lambat pelbagai musibah akan ditimpa. Oleh itu, peribahasa ini menerangkan bahawa perempuan yang sudah berusia tak akan dikahwin oleh orang, ini adalah kerana masyarakat Melayu melihat dari konteks kesihatan bila seseorang berusia proses kesihatan juga semakin menjadi uzur dan tidak cergas sewaktu usia dalam 20-an tidak dapat disamakan dengan lelaki yang selalu kuat dalam apa juga keadaan. Maka masyarakat Melayu akan kahwinkan anak perempuan cepat berbanding kepada lelaki dalam keluarga.

Peribahasa “*Juadah sudah dijilat cicak*” <sup>(IWN 2)</sup> mendefinisikan iaitu perempuan yang sudah melakukan kejahatan yang melibatkan persetubuhan. Mengikut kepada pemikiran masyarakat Melayu, selalu akan menjaga keperibadian seseorang tidak kira lelaki atau perempuan. Peribahasa ini memberikan penerangan bahawa perempuan perlu sentiasa menjaga persetubuhan antara lelaki dan jarak antara lelaki adalah sangat penting supaya tidak berlaku sebarang perkara yang tidak dingini antara lelaki dan perempuan. Dalam isu ini, perempuan memainkan peranan penting kerana masyarakat Melayu percaya perempuan merupakan kunci utama dalam sesebuah keluarga dan kesemua maruah terletak di bahu perempuan tersebut untuk mengharumkan nama keluarga atau sebaliknya.

Peribahasa “*Lesung mencari alu*” <sup>(IWN 3)</sup> menjelaskan perempuan mencari lelaki. Masyarakat Melayu selalu ada berpesan dalam bahawa perempuan tidak perlu mencari pasangan

lelaki dan ini akan menjejaskan prestasi seseorang wanita kerana kebanyakan keluarga melayu akan selalu mencarikan pasangan untuk wanita adalah menerusi cara hidup perkampungan mereka dan jika perempuan tersebut mencari dengan hak dia dan orang kampung akan menggunakan sindiran untuk menyindir perempuan tersebut.

Peribahasa "*Kepala rebah mata melayang bantal bangkit main wayang*"<sup>(IWN 4)</sup> mendefinisikan bahawa perempuan yang berbuat kejahatan pada ketika suaminya tidur. Masyarakat Melayu mempercayai bahawa perempuan merupakan pasangan kepada lelaki untuk menjaga dan hidup secara aman dengan suaminya dalam apa jua keadaan supaya perempuan tersebut dapat menggantikan kedua ibu bapanya. Perempuan tidak sesekali dibenarkan untuk membuat kerja dibelakang suaminya dan ini akan memberikan satu kesan yang agak buruk kepada perempuan dan akan dipenuhi dosa pada waktu akhirat nanti diketahui semua. Oleh itu, perempuan perlu sentiasa mendengar arahan dan nasihat yang diberikan oleh kaum lelaki untuk kebaikan bersama.

Peribahasa "*Enau sebatang, dua siginya*"<sup>(IWN 5)</sup> menjelaskan bahawa seorang perempuan yang menduakan lakinya. Dalam masyarakat Melayu menjelaskan bahawa perempuan dan lelaki adalah satu pasangan yang perlu hidup secara bersama dimana kegembiraan, kesedihan segala semua mengenai hidup perlu dikongsi secara bersama tidak kira apa yang ditimpa dan perempuan hanya diberikan keutamaan untuk berkahwin sebanyak sekali dan jika keadaan yang tidak diinginkan berlaku baru dibenarkan untuk berkahwin semula dan keadaan sebaliknya untuk lelaki kerana dibenarkan untuk berkahwin sebanyak empat kali.

Peribahasa "*Seperti anjing yang sudah biasa makan tahi bagaimana sekalipun diberi makan yang baik hendak juga memakan tahi*"<sup>(IWN 6)</sup> maksudnya ialah seseorang perempuan yang biasa membuat kejahatan itu payah hendak menghilangkan tabiatnya itu jika bagaimana pun diajar. Dalam konteks masyarakat Melayu, selalau diajarkan perkara yang baik sahaja dan mengelakan membuat perkara yang jahat dan memburukkan nama sendiri dan juga nama

keluarga. Jika sesekali membuat kejahatan maka akan menjadi susah untuk menghilangkan tabiat tersebut. Sebagai contoh kita ambil konteks yang luas, di Kuala Lumpur pekerjaan sebagai pelacuran amat berluasa dan sekali sudah terjebak walaupun diberi motivasi dan nasihat sebagainya, tetap akan kembali untuk membuat perkara tersebut walaupun itu merupakan perkara yang tidak baik untuk kehidupan, masyarakat Melayu selalu berpesan bahawa jangan mudah untuk melakukan perkara tidak elok dalam kehidupan untuk menjamin kehidupan yang positif .

Peribahasa “*Menghinggut bagai itik pulang*”<sup>(IWN 7)</sup> maksudnya ialah gaya perjalanan seorang yang sangat gemuk terutama perempuan. Dalam pemikiran masyarakat Melayu menjelaskan bahawa rupa perempuan selalunya tidak boleh begitu gemuk supaya tidak dipandang hina atau rendah oleh lelaki ini adalah kerana paras rupa adalah aset yang penting yang akan selalu dilihat dan dinilai oleh lelaki dan seeloknya tubuh badan disimpan kecil supaya dapat dilihat oleh masyarakat sebagai satu tubuh badan yang baik dan tidak mempunyai sebarang kemuskilan. Bukan hanya itu, masyarakat Melayu menekankan benda ini adalah kerana, kesihatan tubuh badan diajar dan diasah dari kecil lagi untuk dijaga pada setiap masa.

Peribahasa “*Seperti kuak memekik di puncak gunung*”<sup>(IWN 8)</sup> yang maksudnya ialah perempuan yang gemar bertutur dengan suara yang kuat. Dalam pemikiran masyarakat melayu menyatakan bahawa sebagai seorang insan yang bergelar sebagai manusia perlu sentiasa menjaga cara bertutur kerana masyarakat melayu mengetahui bahawa sifat perempuan adalah rendah diri, tidak mudah mengalah, tidak mudah berputus asa dan juga mempunyai ciri bertutur yang penuh sopan sewaktu bertutur dengan orang ramai dan perempuan perlu sentiasa mengamalkannya dimana jua berada kerana ini merupakan sifat-sifat utama yang akan dinilai oleh masyarakat.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, peralihan mengenai bahasa seksis dan juga peribahasa melayu perlu difahami secara jelas oleh masyarakat bahawa apakah sebenarnya bahasa seksis tersebut dan bagaimanakah bahasa seksis dapat dilihat dari segi peribahasa melayu, kedua-dua merupakan konteks yang amat



berbeza Fahaman ini mula bercambah seiring dengan peredaran masa dan menjadikan ianya sebagai satu yang berlainan terhadap kehidupan manusia dan masyarakat Melayu sehingga kini . Walaupun bagaimanapun, walaupun masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dengan kesopanan dalam semua keadaan malah terdapat juga seksis iaitu lebih dikenali sebagai bahasa berlapek dalam itu.

Sekiranya dilihat secara terperinci, pengkaji telah mengkategorikan bahasa seksis ini kepada beberapa kategori yang tertentu. Antaranya ialah gabungan imej wanita dan lelaki dari segi positif, gabungan imej wanita dan lelaki dari segi negatif, peribahasa yang melambangkan imej lelaki dan wanita dari segi positif, dan akhirnya ialah peribahasa yang melambangkan imej wanita dan lelaki (negatif). Bahasa seksis telah dikaji berdasarkan empat skop tersebut dan terdapat juga banyak lagi konteks yang kita boleh mengkaji mengenai bahasa seksis ini kerana semua bahasa terdapat seksis yang tertentu. Masyarakat Melayu dikenali sebagai sebuah masyarakat yang tinggi budi bahasa, kesopanan dan lemah lembut dalam pertuturannya dan selalu akan menjaga perasaan sewaktu bertutur supaya tidak menguriskan perasaan seseorang. Bahasa seksis boleh digunakan dalam keadaan tertentu untuk memberikan teguran atau amaran secara berlapak.

## **RUJUKAN**

- [1] Ahmad Fuad Mat Hassan (2010). *Bahasa dalam Pemikiran Peribahasa Melayu dari sudut Pragmatik*. Tesis Sarjana Universiti Putra Malaysia, Serdang,
- [2] Baiti Hanun (2000). *Bahasa Pantang larang masyarakat Melayu: Satu Analisis berdasarkan Teori Relevans*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [3] Clark. B (2013). *Relevance Theory*, New York, Oxford York.
- [4] Francisco York (2003). *Humor and the search fro relevance*. Jurnal of Publication.
- [5] Gomord, Krtistian (1995). *The equal Treatment of Woman in Language: A Comparative study of Danish Language, English and German on Gender of Sexism*. United Sates.
- [6] Mohamad Mansur Abdullah (1993). Konsep Malu dan Segan orang Melayu berdasarkan Hikayat dan Cerita Melayu lama dalam Abdul Halim Othman, Psikologi Melayu, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur.

- [7] Nor Hashimah Jalaludin (1992). *Implikatur: Satu aspek seni berbahasa orang Melayu*. Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- [8] Nor Hashimah Jalaludin (2001). *Seksis atau sosiolasi : Satu Intereptasi makna berdasarkan Peribahasa melayu , Rampak Serantau 7142.161*
- [9] Noraiti A Rashid (2005). *Nilai Kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. Jurnal Pengajian Melayu*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [10] Nor Hashimah Jalaluddin (1995). *Semantik dan Pragmatik : Satu Pengenalan Kuala Lumpur* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- [11] Nor Hashimah Jalaluddin (1995). *Bahasa jual beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Teori Relevans*, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [12] Nor Hashimah Jalaluddin (2007). *Bahasa, Kongnisi dan Sosiolisasi : Satu Pendekatan Teori Relevan*, Jurnal Dewan BAHASA 42(12) Kuala Lumpur.
- [13] Abd Syukur Ibrahim (2004). *Komunikasi dan kongnisi dan Sperber dan Wilson. Universiti Malaya, Kuala Lumpur*.
- [14] Speber D & Wilson (1986). *Relevance communication and cognition* .Oxford Blacwell.
- [15] Shellabear W.G (1951). *Kitab Kiliran Budi Singapura, Malaysia*. Malaysia Publishing House.
- [16] Teo Kok Seong (1996). *Adakah Peribahasa Melayu bersifat Seksis dalam Pelita Bahasa*. Jilid 8, Bil 6. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- [17] Zaitul Azma Zainon Hamzah (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Kalangan remaja sekolah Menengah*, Jurnal Bahasa 321-338.
- [18] Zainal Abidin Ahmad (1965). *Ilmu mengarang Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

# KONSEP DIRI PELAKU *COSTUME PLAY CROSSDRESS*

Chika Lukmina Kusumawardhani<sup>1</sup>, Nuriyati Samatan<sup>2\*</sup>; Sendi Eka Nanda<sup>3</sup>; Lenie Okviana<sup>4</sup>

*chikalukminak97@gmail.com*; *2nuriyatisamatan@gmail.com\**;  
*sendieka@staff.gunadarma.ac.id*; *lenie@staff.gunadarma.ac.id*

## Abstrak

Tujuan penelitian ini adalah untuk mengetahui konsep diri yang terbentuk selama menjadi *cosplayer crossdress*. Seorang *cosplayer* akan menggunakan kostum tertentu saat berada di panggung, dan selama itu, mereka akan memerankan tokoh sesuai pakaian yang mereka gunakan. Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan paradigma interpretif. Dalam penelitian ini, teknik pengumpulan data dilakukan dengan melakukan observasi dan wawancara. Pengambilan subjek penelitian menggunakan *purposive sampling* dengan memilih lima (5) informan yang merupakan *cosplayer crossdress* anggota komunitas *Event Hunter Community*. Penelitian ini menemukan, terbentuk konsep diri yang berbeda dari *gender* asli mereka karena pengaruh dari *anime*, *manga* dan *game*. Pemilihan karakter sesuai *costume* dipilih secara sadar, dan *cosplayer crossdress* merasa sangat menjadi dirinya sendiri ketika mereka berperan dan berkostum seperti karakter yang disukai. *Cosplayer crossdress* mengakui bahwa mereka sadar atas apa yang dilakukannya dan hal tersebut sebagai bentuk respon atas keinginan dirinya sendiri. Selain itu, mereka juga cenderung mengabaikan tanggapan negatif masyarakat atas perilaku yang menurutnya tidak sesuai dengan norma yang ada. Dukungan dari lingkungan sekitar seperti keluarga menentukan konsep diri yang mereka bentuk. Belum ada penelitian yang meneliti subjek *cosplayer crossdress* pada komunitas *Event Hunter Community*.

Kata Kunci: Konsep Diri, *Costume Play*, *Crossdress*, *Event Hunter Community*

## 1. PENDAHULUAN

*Popular culture* atau budaya populer merupakan produk masyarakat industri, yang memproduksi budaya, dalam jumlah besar agar mudah diakses oleh masyarakat umum dengan bantuan teknik produksi massal, distribusi, dan reproduksi (Heryanto, 2012). Salah satu budaya populer yang masuk ke Indonesia, adalah budaya populer dari Jepang, yang sebelumnya sudah menyebar di berbagai negara. Budaya populer Jepang menyebar melalui cerita-cerita fiksi yang dikemas dalam berbagai bentuk seperti *anime*, *manga*, dan *game*. Selain fiksi, Jepang juga menyebarkan budaya populer dalam bentuk fashion ala Harajuku dan fashion seperti *cosplay*.

*Cosplay* atau memainkan kostum merupakan penggabungan dua kata bahasa Inggris, yaitu “costume” (kostum) dan “play” (bermain) atau jika dalam bahasa Jepang disebut wasei-egio. *Cosplay* dapat dikatakan sebagai sebuah hobi bagi remaja Jepang dengan mengenakan pakaian, aksesoris, riasan wajah, hingga tatanan rambut yang diadaptasi dari berbagai sumber. Sumber

tersebut biasanya dilihat dari berbagai macam tokoh dalam serial kartun *anime*, *manga*, *video games*, penyanyi, komik, *film* ataupun dongeng yang kemudian dicontoh dengan mengenakan pakaian serta atribut lainnya supaya menyerupai tokoh tersebut. Penggunaan istilah ini lebih cenderung digunakan untuk sebuah *event* bukan sebagai penggunaan pakaian sehari-hari. *Cosplayer* merupakan sebutan untuk orang yang ikut dalam permainan kostum, terkadang *cosplayer* disebut juga dengan *coser*.

*Crossdress* merupakan gabungan dua buah kata, yaitu “*cross*” yang berarti berbeda, berlawanan, bersilang dan “*dress*” yang berarti pakaian. Sehingga, jika kedua kata tersebut digabungkan akan memiliki arti bahwa *crossdress* adalah pakaian yang berlawanan jenis. Dalam *cosplay* istilah *crossdress* sudah hal yang biasa dilakukan. Pelaku *crossdress* sendiri dapat disebut sebagai *crossdresser* atau *crossplayer*. Selanjutnya, penelitian ini akan menelaah tentang konsep diri pelaku *Costume Play Crossdress* pada *Event Hunter Community*.

## **2. KAJIAN TEORI**

### **Konsep Diri**

William H. Fitts (dalam Agustiani, 2006), mengemukakan bahwa konsep diri merupakan aspek penting dalam diri seseorang, karena konsep diri seseorang merupakan kerangka acuan (*frame of reference*) dalam berinteraksi dengan lingkungan. Ia menjelaskan konsep diri secara fenomenologis, dan mengatakan bahwa ketika individu mempersepsikan dirinya, bereaksi terhadap dirinya, memberikan arti dalam penilaian serta membentuk abstraksi tentang dirinya, berarti ia menunjukkan suatu kesadaran diri (*self awaerness*) dan kemampuan untuk keluar dari dirinya sendiri untuk melihat dirinya seperti yang ia lakukan terhadap dunia di luar dirinya. Diri secara keseluruhan (*total self*) seperti yang dialami individu disebut juga diri fenomenal. Diri fenomenal ini adalah diri yang diamati, dialami, dan dinilai oleh individu sendiri, yaitu yang ia sadari. Keseluruhan kesadaran atau persepsi ini merupakan gambaran tentang diri atau konsep diri individu.

### **Cosplay**

*Cosplay* baru dikenal dunia internasional sebagai salah satu budaya populer Jepang sekitar tahun 2000-an seiring perkembangan internet dan gambar digital. Sekarang ini *cosplay* sudah berkembang dengan pesat di seluruh dunia termasuk dan diakui sebagai budaya populer Jepang, kata *cosplay* diambil dari bahasa Inggris yaitu *costume* dan *play*. Kata *costume* diartikan bahwa seseorang memerlukan pakaian dan aksesoris untuk bisa menjadi karakter tertentu dan kata *play*

diartikan sebagai salah satu jenis kegiatan melakukan suatu hal.

### **Teori Interaksi Simbolik**

Teori interaksi simbolik dicetuskan oleh George Herbert Mead (1938), yang kemudian dikembangkan oleh Herbert Blumer, yang merupakan mahasiswanya, guna mencapai tujuan tertentu. Interaksi simbolik didasarkan pada ide-ide tentang individu dan interaksinya dengan masyarakat.

Menurut Teori Interaksi Simbolik, kehidupan sosial pada dasarnya adalah interaksi manusia yang menggunakan simbol-simbol, mereka tertarik pada cara manusia menggunakan simbol-simbol yang mempresentasikan apa yang dimaksudkan pada saat berkomunikasi dengan individu lain. Begitu pula dengan pengaruh yang ditimbulkan dari penafsiran simbol-simbol tersebut terhadap perilaku pihak-pihak yang terlibat dalam interaksi sosial (Berger, 2004). Terdapat tiga komponen dalam analisis Interaksi Simbolik, yakni: *Mind, Self and Society*.

### **3. METODOLOGI**

Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan paradigma interpretif (Samatan, 2017; Daymon & Holloway, 2008). Dalam penelitian ini, teknik pengumpulan data dilakukan dengan melakukan observasi dan wawancara (Arikunto, 2010). Pengambilan subjek penelitian menggunakan *purposive sampling* (Samatan, 2017; Sugiyono, 2013) dengan memilih lima (5) informan yang merupakan *cosplayer crossdress* anggota komunitas *Event Hunter Community*.

### **4. DAPATAN KAJIAN**

Penelitian dilakukan selama 4 bulan, pada tahun 2021, dengan melakukan observasi, dokumentasi dan wawancara kepada lima orang *Costume Play Crossdress* yang tergabung dalam *Event Hunter Community*. *Event Hunter Community* terbentuk pada saat acara Moshi-Moshi di Summarecon Mall Bekasi tahun 2015. Pada mulanya, komunitas ini bertujuan hanya untuk mencari informasi seputar *event* atau acara *cosplay* dan *jejepangan* saja dan tidak ada anggota komunitas yang menjadi *cosplayer*. Komunitas ini memiliki sebuah motivasi dan kepedulian kecil untuk mengajak setiap orang yang terlihat sendiri pada saat menghadiri sebuah *event* untuk bergabung ke dalam EHC. Hal ini dilakukan bertujuan agar teman-teman *cosplayer* atau teman-teman yang menyukai *jejepangan* tidak lagi sendirian ketika mendatangi sebuah *event* (Dio Rafialdi, *Wawancara*).

Adapun identitas informan, seperti dalam Tabel 1 berikut:

Tabel 1: Identitas Informan

No.	Nama Informan	Tanggal Wawancara	Lama Menjadi Cosplayer
1	Yadika Sinubowati (Mays)	11 Juli 2021	Sejak SMA
2	Sherren Natasha (Hazuki Ren)/Ren	20 Juli 2021	Sejak SMA
3	3. Mellyta Suwarno (Miu Fumiko)/Miu	22 Juli 2021	Sejak SD
4	4. Dio Rafialdi Triansyah (Dio)	29 Juli 2021	Sejak SMA
5	Natasha A.F (Nanase Haruka)/Nanas	2 Agustus 2021	Sejak SMP

Sumber: Data lapang Peneliti

## PEMBAHASAN

Interaksi Simbolik dalam Proses Pembentukan Konsep Diri Pada *Cosplayer Crossdress* di Komunitas *Event Hunter Community*.

### 1) *Mind* (Pikiran)

Kemampuan menggunakan simbol yang mempunyai makna sosial yang sama dan melalui interaksi dengan orang lain, seseorang harus mengembangkan pikirannya. Simbol yang digunakan para *cosplayer crossdress* ini dalam bentuk karakter fiksi. Karakter fiksi yang terlihat menarik baginya akan ia pikirkan atau renungkan, dalam hal ini, mereka telah melakukan interaksi meskipun hanya dengan dirinya sendiri, seperti bagaimana jadinya jika mereka menjadi diri atau sosok dari karakter fiksi tersebut.

### 2) *Self*

Konsep *self* (diri) menjelaskan bahwa seseorang dapat secara tak langsung menempatkan diri mereka dari sudut pandang orang lain dan dari sudut pandang tersebut seseorang memandang dirinya dapat menjadi individu khusus. Dalam penelitian ini, ditemukan fakta bahwa informan peneliti yang merupakan *cosplayer crossdress* merasa bahwa dirinya telah menjadi pribadi yang berbeda ketika mereka lakukan *crossdress* dari karakter-karakter kesukaanya atau dapat dikatakan seperti menjadi diri orang lain. Hal tersebut mereka katakan karena mereka sangat mendalami peran dari karakternya.

### 3) *Society*

Pada konsep *society* (masyarakat) dianggap bahwa masyarakat memiliki peran yang juga penting untuk membentuk pikiran dan diri seseorang. Hal itu karena masyarakat dapat mempengaruhi, memberikan kritik, dan mengendalikan diri seseorang berdasarkan aturan, norma, dan budaya yang berlaku di masyarakat. Dalam penelitian ini, anggota *cosplayer crossdress* yang menjadi informan peneliti bercerita bahwa terdapat banyak tanggapan masyarakat muncul ketika mereka mem-*posting* foto saat *cosplay crossdress* di akun media sosial. Masyarakat awam yang melihat itu lebih beranggapan jika hal tersebut tidak pantas untuk dilakukan, baik oleh perempuan dan laki-laki. Hal ini sesuai dengan asumsi dalam teori ini yaitu orang dan kelompok-kelompok dipengaruhi oleh proses budaya dan sosial, artinya bahwa norma-norma sosial membatasi perilaku individu.

## PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Dr. Nuriyati Samatan yang telah menjadi editor dalam tulisan ini, kepada Sendi Eka Nanda yang telah melengkapi tulisan serta membuat video conference, dan Lenie Ocviana yang telah menjadi penyelaras akhir dalam conference dan paper ini.

## RUJUKAN

- [1] Agustiani, Hendriati. 2006. *Psikologi Perkembangan; Pendekatan Ekologi Kaitannya dengan Konsep Diri Dan Penyesuaian Diri Pada Remaja*. Bandung: PT. Refika Aditama.
- [2] Arikunto, Suharsimi. 2010. *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktik*. Jakarta: Rineka Cipta.
- [3] Berger, Artur Asa. 2004. *Tanda-Tanda Dalam Kebudayaan Kontemporer*, Terj. M. Dwi Mariyantodan Sumarto, Yogyakarta: Tiara Wacana.
- [4] Blumer, Herbert (1969). *Symbolic Interactionism: Perspective and Method*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- [5] Daymon, Christine & Holloway, 2008. *Qualitative Research Methods in Public Relations and Marketing Communications*, Terj. Cahya Wiratama. Yogyakarta: Bentang.
- [6] Mead, George Herbert 1938. *The Philosophy of the Act*. Chicago: University of Chicago Press.
- [7] Samatan, Nuriyati. 2017. *Riset Komunikasi 1*, Jakarta: Gunadarma
- [8] Sugiyono. 2013. *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R&D*, Bandung: Alfabeta.

## DAFTAR WAWANCARA

Dio Rafialdi Triansyah (Dio). Komunitas *Event Hunter Community* (EHC). *Wawancara*, 29 Juli, di Jakarta.

Mellyta Suwarno (Miu Fumiko). 2021. Komunitas *Event Hunter Community* (EHC), *Wawancara*, 22 Juli 2021, di Jakarta.

Natasha A. F (Nanase Haruka). 2021. Komunitas *Event Hunter Community* (EHC), *Wawancara*, 2 Agustus 2021, di Bekasi.

Sherren Natasha (Hazuki Ren). 2021. Komunitas *Event Hunter Community* (EHC), *Wawancara* 20 Juli 2021, di Depok.

Yadika Sinubowati (Mays). 2021. Komunitas *Event Hunter Community* (EHC), *Wawancara* 11 Juli 2021, di Jakarta.



# KAJIAN TERHADAP PENGGUNAAN WAKAF SOLAR SEBAGAI HUB PENGECCASAN TELEFON PINTAR

Siti Sara binti Yaacob Zubir, Fitriyah Binti Mohd Roslan,  
Marshitah Binti Muhamad, Abineshwary A/P Subramaniam  
Jabatan Kejuruteraan Awam.  
Politeknik Sultan Azlan Shah  
email [easylife8296@gmail.com](mailto:easylife8296@gmail.com)

## Abstrak

Kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) menyatakan bahawa keperluan tenaga dunia dijangka akan meningkat menjelang 2030 dengan bahan api fosil kekal menjadi sumber utama walaupun bekalannya semakin berkurangan. Kebergantungan yang tinggi terhadap bahan api fosil kekal ini telah menjadi penyumbang utama kepada kerosakan ketara ke atas alam sekitar. Justeru itu, satu kajian telah dilakukan berkaitan dengan wakaf solar sebagai hub pengecasan telefon pintar yang menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui iaitu cahaya matahari (Sistem Solar) sebagai prospek yang berpotensi tinggi untuk mendapatkan tenaga elektrik dengan lebih cekap. Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap keselamatan panel solar yang digunakan untuk wakaf solar melalui ujian voltan litar terbuka. Selain itu, satu perbandingan tempoh masa pengecasan telah dibuat bagi tiga jenis kabel pengecasan telefon pintar yang berbeza. Multimeter telah digunakan untuk menjalankan ujian voltan litar terbuka dan diuji pada waktu yang efektif iaitu di antara pukul 11am hingga 3pm. Purata nilai voltan yang telah dianalisis adalah 11.0 V dan tidak melebihi nilai voltan yang telah ditetapkan pada spesifikasi panel solar 12.0 V. Ini menunjukkan bahawa penggunaan wakaf solar untuk pengecasan 3 telefon pintar pada masa yang sama berada pada tahap selamat terhadap pengguna. Tiga kabel pengecasan yang berbeza menunjukkan tempoh masa yang konsisten iaitu selama 160 minit bagi pengecasan penuh bagi setiap jenis telefon pintar yang digunakan. Secara kesimpulannya, wakaf solar ini merupakan salah satu inisiatif yang telah diambil untuk menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui sekaligus serba sedikit mampu mengurangkan penggunaan bahan api fosil kekal.

**Kata Kunci:** *wakaf solar, tenaga boleh diperbaharui, hub pengecasan telefon pintar*

## 1. PENGENALAN

Cuaca yang tidak menentu dan bencana alam yang sering terjadi pada masa kini adalah merupakan kesan daripada fenomena pemanasan global yang merujuk kepada pen-ingkatan suhu dunia yang luar biasa (Utusan Malaysia, April, 2011). Hal ini menyebabkan keadaan persekitaran terasa panas walaupun pada waktu malam (Mohd Kham-suldin Abdul Wahab, 2009). Masalah alam sekitar seperti pencemaran, perubahan iklim dan sumber bahan yang terhad merupakan isu sejagat yang membimbangkan. Berikutan hal tersebut, dasar-dasar Teknologi Hijau telah dilancarkan di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bagi memperkasakan penggunaan teknologi hijau di Malaysia. Teknologi hijau juga berperanan sebagai alternatif dalam usaha meningkatkan ekonomi negara tanpa menjejaskan alam. Pada masa kini, di antara sektor utama di dalam teknologi hijau iaitu penggunaan 'tenaga yang lebih mampan' dan 'ku-rang karbon' sedang giat dilaksanakan di seluruh dunia. Justeru itu, Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) telah muncul sebagai salah satu sumber penjanaan tenaga yang paling cepat berkembang dan dijangka menjadi sumber tenaga terbesar pada tahun 2040 (MIDA, 2021). RE merujuk kepada sebarang

bentuk tenaga primer yang berasal daripada sumber yang tidak habis seperti tenaga suria, biojisim, biogas, hidro mini dan tenaga panas bumi. Di Malaysia, penggunaan panel solar adalah RE yang paling meluas digunakan. Panel solar terdiri daripada kit bateri pada sel fotovoltaik yang tujuan utamanya adalah untuk menukar tenaga suria menjadi tenaga elektrik. Kekuatan semasa sistem bergantung pada intensiti cahaya: semakin terang sinarannya, semakin besar arus yang dihasilkan. Tenaga boleh diperbaharui mula menjadi sumber utama penjaanaan tenaga elektrik global menjelang abad ke-21 (Aslam et. ,2013). Justeru itu, kajian ini telah mengambil inisiatif dengan membangunkan sebuah prototaip wakaf solar yang digunakan sebagai hub pengecasan telefon pintar yang menggunakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui (Renewable Energy) iaitu cahaya matahari (Sistem Solar) di dalam pembinaan prototaip tersebut.

## **2. PENYATAAN MASALAH**

Pertubuhan ekonomi perindustrian, kepesatan teknologi yang rancak dan peningkatan populasi menyebabkan bahan fosil semakin berkurangan pada masa akan datang. Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) - menyatakan keperluan tenaga dunia dijangka akan meningkat menjelang 2030 dengan bahan api fosil kekal menjadi sumber utama walaupun bekalannya semakin berkurangan (Hafizan, 2020). Penggunaan sumber-sumber yang tidak dapat diperbaharui ini memberikan beberapa kesan sampingan, salah satunya ialah rumah hijau juga dikenali sebagai pemanasan global. Pada tahun 2025, dijangkakan, sektor komersil bakal menjadi penyumbang utama dalam pelepasan karbon iaitu sebanyak 1 435 ktCO<sub>2</sub>eq dengan peningkatan sebanyak 95.4 peratus daripada tahun 2007 (Karmilah Abdullah,2014). Berikutan dengan permasalahan ini, pengkaji telah mengambil inisiatif dengan membangunkan sebuah prototaip wakaf solar yang digunakan sebagai hub pengecasan telefon pintar yang menggunakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui (Renewable Energy) iaitu cahaya matahari (Sistem Solar) di dalam pembinaan prototaip tersebut. Satu kajian telah dilaksanakan untuk menentukan sejauh mana keberkesanan penggunaan wakaf solar dalam mengurangkan penggunaan tenaga elektrik.

### **1.2 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji sejauh mana keberkesanan penggunaan wakaf solar sebagai hub pengecasan telefon pintar dengan menggunakan system solar (tenaga boleh diperbaharui). Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap keselamatan panel solar yang digunakan untuk wakaf solar melalui ujian voltan litar terbuka., (2) membuat perbandingan tempoh masa pengecasan bagi tiga jenis kabel pengecasan telefon pintar yang berbeza.

### **2. Metodologi Kajian**

Panel solar yang digunakan di dalam pembinaan wakaf solar terdiri daripada kit bateri pada sel fotovoltaiik yang bertujuan untuk menukar tenaga suria menjadi tenaga elektrik. Kekuatan semasa sistem bergantung pada inten-siti cahaya, semakin terang sinarannya, semakin besar arus yang dihasilkan. Pembinaan prototaip wakaf solar perlu dibuat terlebih dahulu, sebelum kajian keberkesanan penggunaan wakaf solar dijalankan.

Bagi mencapai objektif pertama, ujian voltan terbuka telah dilakukan dengan menggunakan alat multimeter. Tujuan utama pengujian ini adalah untuk memastikan operasi pengecasan dan pemasangan panel solar yang betul. Ini adalah untuk memastikan keselamatan sesuatu pemasangan terlaksana mengikut piawaian Jabatan Kerja Raya(JKR) dan Tenaga Nasional Berhad( TNB) agar selamat digunakan.



**Rajah 2: Kabel panel solar disambungkan pada port USB Hub**



**Rajah 4: Telefon pintar disambungkan pada kabel untuk dicas**



**Rajah 5: Multimeter dihidupkan untuk mendapatkan nilai voltan**

Seterusnya bagi mencapai objektif kedua kajian, satu perbandingan tempoh masa pengecasan telah dibuat bagi tiga jenis kabel pengecasan telefon pintar yang berbeza iaitu Type C, Micro USB dan IOS. Ujian masa pengecasan telah dilakukan pada waktu puncak 12.30 tghari.

### **3. Dapatan Kajian**

Ujian Voltan Litar Terbuka telah dilakukan selama sem-inggu iaitu tiga kali sehari. Waktu yang telah ditetapkan untuk menguji panel solar adalah 11 pagi, 1 tengah hari, dan 3 petang disebabkan

jam 11 pagi hingga 3 petang adalah masa yang lebih efektif untuk menguji panel solar dibawah sinaran matahari. Nilai voltan telah direkodkan selama tujuh hari berturut-turut. Nilai yang diperolehi telah dijadualkan untuk mendapatkan nilai voltan.

**Jadual 1 : Nilai voltan panel solar tanpa pengecasan telefon pintar**

Hari \ Jam	11 AM	1 PM	3 PM	PURATA
1	10.4 V	11.8 V	11.4 V	11.2 V
2	11.4 V	10.9 V	10.9 V	11.1 V
3	8.3 V	10.2 V	11.7 V	10.1 V
4	9.2 V	11.8 V	11.3 V	10.8 V
5	10.3 V	11.5 V	11.8 V	11.2 V
6	11.5 V	11.0 V	11.8 V	11.4 V
7	11.8 V	10.7 V	11.6 V	11.4 V
JUMLAH PURATA				11.0 V

**Jadual 2 : Nilai voltan panel solar semasa pengecasan telefon pintar**


Hari \ Jam	11 AM	1 PM	3 PM	PURATA
1	11.0 V	11.8 V	11.4 V	11.4 V
2	10.8 V	11.3 V	11.3 V	11.1 V
3	11.4 V	11.5 V	11.4 V	11.4 V
4	11.4 V	11.5 V	11.5 V	11.5 V
5	10.5 V	11.4 V	11.8 V	11.2 V
6	10.9 V	11.3 V	11.2 V	11.1 V
7	11.2 V	11.7 V	11.2 V	11.3 V
JUMLAH PURATA				11.3 V

Merujuk kepada jadual 1 dan 2, data yang direkodkan menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang ketara bagi nilai voltan yang direkodkan tanpa pengecasan telefon pintar dan semasa pengecasan telefon pintar. Nilai voltan purata pada panel solar semasa pengecasan direkodkan sebanyak 11.3V dan nilai ini tidak melebihi nilai Voltan pada Maksimum Kuasa ( $V_{mp}$ ) yang terdapat pada panel solar yang digunakan iaitu 12V. Ini menunjukkan pemasangan panel solar yang sesuai digunakan untuk wakaf dan operasi pengecasan panel solar yang betul dan selamat.

Ujian pengujian masa pula telah dibuat untuk mem-bandingkan tempoh masa pengecasan penuh bagi tiga jenis kabel pengecasan telefon pintar yang berbeza iaitu Type C, Micro USB, IOS. Ujian masa pengecasan telah dilakukan pada waktu puncak 12.30 tghari. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan masa pengecasan bagi setiap jenis kabel;

**Jadual 3 : Tempoh masa pengecasan bagi tiga jenis kabel pengecasan telefon pintar yang berbeza**

Masa (m) / Jenis cable	IOS	TYPE -C	ANDROID
15	11%	10%	10%
30	20%	19%	19%
45	29%	28%	28%
60	38%	37%	37%
75	46%	45%	45%
90	55%	54%	54%
105	64%	63%	63%
120	73%	72%	72%
135	82%	81%	81%
150	91%	90%	90%
165	100%	99%	99%
166	-	100%	100%



Jadual 3 dan rajah 6 di atas menunjukkan perbandingan tempoh masa pengecasan bagi tiga jenis kabel pengecasan telefon pintar yang berbeza iaitu Type C, Micro USB, IOS. Ujian masa pengecasan telah dilakukan pada waktu pun-cak 12.30 tghari. Data menunjukkan bahawa ketiga-tiga jenis kabel pengecasan mencapai tempoh masa maksimum untuk 100% pengecasan adalah lebih kurang 166 minit iaitu selama 2 jam 50 minit. Boleh disimpulkan juga di sini bahawa masa minimum pengecasan bagi 1% pengecasan adalah 1.5 minit. Secara keseluruhannya, tiada perbezaan yang ketara bagi masa minimum dan maksimum pengecasan bagi setiap jenis kabel pengecasan yang digunakan.

## RUMUSAN

Berdasarkan dapatan kajian, wakaf solar yang menggunakan konsep tenaga yang boleh diperbaharui iaitu cahaya matahari mampu dijadikan sebagai hub pengecasan telefon pintar. Tahap keselamatan panel solar yang digunakan adalah selamat dimana dapatan kajian menunjukkan penggunaan kabel pengecasan yang ter-dapat pada wakaf solar tidak melebihi nilai spesifikasi voltan yang telah ditetapkan pada panel solar. Secara keseluruhannya, tiada perbezaan yang ketara bagi masa minimum dan maksimum pengecasan bagi setiap jenis kabel pengecasan yang digunakan. Minimum tempoh masa untuk mengecap 1% pengecasan adalah

1.5min. Manakala maksimum masa untuk pengecasan penuh adalah 2 jam 50 minit. Lokasi yang sesuai untuk wakaf solar sebagai Hub Pengecasan adalah di Intitusi Pengajian, taman rekreasi, pintu masuk stadium, hab pengangkutan, ruang runcit luar atau di mana sahaja pengguna aktif boleh mengecas telefon pintar dengan cepat.

## RUJUKAN

- [1] Amir Gumarov. (2019). Kenali Sel dan Panel PV Solar Anda. Dicapai daripada [6]<https://greensarawak.com/ms/things-to-knowbefore-going-solar/going-solar-chapter-8-know-your-solar-pv-cells-and-panels/>
- [2] Aslam, M.M,Zulkifli,D.A (2013) , Renewable Energy In Malaysia : Experience from Perlis , *Journal of Energy Technologies Policy* ,Vol.3 ,No.11 ,2013
- [3] Bernama. (2019). Panel solar menjimatkan, rendah karbon –
- [4] TNB. Keratan Akhbar Online. <https://www.sinarharian.com.my/article/61545/BERITA/Nasional/Panel-solar-menjimatkan-rendah-karbon-TNB>
- [5] Bushra Limuna Ismail. (2020). Teknologi Hijau Dalam Arus Pembangunan Negara dan Amalan Masyarakat. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan Jilid III*, 2020(ISSN 2636-9885)
- [6] Hafizan.(2020). Tenaga Solar Bantu Menyelesaikan Masalah Penyusutan Sumber Tenaga Konvensional. News utm online. <https://news.utm.my/ms/2020/07/tenaga-solar-mengurangkan-kebergantungan-masyarakat-terhadap-sumber-tenaga-tidak-boleh-diperbaharui/>
- [7] Hashim, H., & Ho, W. S. (2011). Renewable energy policies and initiatives for a sustainable energy future in Malaysia. *Renewable and Sustainable Energy Reviews*, 15(9), 4780–4787. <http://doi.org/10.1016/j.rser.2011.07.073>
- [8] Hamidah Haneym *et. al.* (2019). Tenaga Boleh Diperbaharui Bagi Penjanaan Tenaga Elektrik di Malaysia: Satu Kajian Literatur. *Journal on Technical and Vocational Education (JTVE)*, Vol 4 No 3: Special Edition NASCO (2019) eISSN: 0128-0821
- [9] Iskandar Hasan.(2015). Teknologi Hijau tingkat kualiti hidup pacu ekonomi negara. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/03/40615/teknologi-hijau-tingkat-kualiti-hidup-pacu-ekonomi-negara>.
- [10] Karmilah Abdullah & Jamilah Ahmad (2014). Impak Pemerkasaan Teknologi Hijau terhadap Amalan Pengamal Perhubungan Awam Hijau di Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia). *Akademika* 84(3) 2014:29-39
- [11] Norshahzura. (2021) IWK tingkat teknologi hijau melalui projek tenaga solar. Sinar Harian Online. <https://www.sinarharian.com.my/article/158892/BISNES/IWK-tingkat-teknologi-hijau-melalui-projek-tenaga-solar>
- [12] Wan Syakirah ,Miszaina,Mohd Zainal Abidin (2019) , Renuga Veriyah ,The Potential and Status of Renewable Energy Development in Malaysia .*energies MDPI*.

# **Jari Pecahan Masa dalam Meningkatkan Pencapaian Matematik Murid Sekolah Rendah**

Chwee Hoon, Khoo<sup>1</sup>, Yoon Fah, Lay<sup>2</sup>

*Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran, Sabah, Malaysia<sup>1</sup>*

*Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia<sup>2</sup>*

*Email: kch@ipkent.edu.my; layyoonfah@yahoo.com.my*

## **Abstract**

Kajian ini bertujuan untuk menentukan keberkesanan Jari Pecahan Masa (JPM) dalam meningkatkan pencapaian matematik dan penjimatan masa menjawab dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan Jari Pecahan Masa (JPM) sebagai bahan intervensi. Sampel kajian dipilih dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah rendah di daerah Tuaran, Sabah. Ujian Pra dan Ujian Pasca digunakan untuk mengukur pencapaian matematik sampel kajian sebelum dan selepas intervensi. Ujian Wilcoxon untuk sampel bersandar digunakan untuk menguji hipotesis nol pada tahap kesignifikanan,  $\alpha = .05$ . Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam min ujian pra dengan ujian pasca bagi sampel kajian ini. Sampel kajian memperoleh min ujian pasca yang lebih tinggi (min = 86 markah) secara signifikan berbanding dengan min ujian pra. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam min masa menjawab dalam ujian pra dengan ujian pasca iaitu dapat menjimatkan 78.9% daripada masa menjawab. Selain itu, persepsi murid terhadap penggunaan JPM juga pada tahap 'sangat setuju' (97.2%). Secara kesimpulan, JPM ini bukan sahaja dapat mengatasi masalah penukaran unit masa dalam kalangan murid sekolah rendah, ia juga dapat menjimatkan masa murid menjawab soalan penukaran unit masa.

**Kata Kunci** *Penukaran Unit Masa, Penukaran Unit Jam ke Unit Minit, Penukaran Unit Minit ke Unit Saat*

## **1. PENGENALAN**

Matematik merupakan satu bidang ilmu asas yang penting kepada pelbagai cabang ilmu terutamanya bidang sains dan teknologi. Penguasaan dalam bidang matematik merupakan prasyarat bagi menguasai bidang ilmu yang lain [6]. Penukaran unit masa dan waktu merupakan salah satu kemahiran yang agak sukar dikuasai oleh murid [8,9]. Unit masa mendatangkan masalah kepada murid-murid kerana penukaran unit masa adalah tidak berdasarkan kuasa sepuluh, atau dalam erti kata lain, masa tidak menggunakan sistem nombor perpuluhan. Penukaran unit ialah proses yang melibatkan operasi pendaraban dan pembahagian sesuatu faktor

numerik [12]. Selain itu, murid-murid turut berasa keliru apabila ingin menentukan operasi yang sepatutnya digunakan dalam penukaran unit ini [3].

Memandangkan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan suatu cara yang berkesan untuk meningkatkan proses pembelajaran [4]. Keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran secara langsung bukan sahaja berkait rapat dengan ciri-ciri atau keadaan-keadaan tertentu yang ada pada guru-guru dan murid, tetapi juga bergantung kepada mana satukah deria murid yang paling banyak dieksploitasikan oleh guru.

Kualiti sesuatu pelajaran yang memusatkan murid amat bergantung kepada keberkesanan guru memilih dan menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai [7]. Kecekapan guru dalam pengetahuan kandungan pedagogikal adalah sangat penting di samping penggunaan bahasa yang tersusun bagi mengelakkan murid daripada membuat andaian atau miskonsepsi terhadap apa yang mereka ajar [14]. Guru sewajarnya menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pendidik dengan mendidik murid dengan sebaik-baiknya supaya murid dapat menguasai pembelajaran yang diajar oleh guru [1]. Guru juga perlu mahir mempelbagai kaedah, teknik dan pendekatan dalam pengajarannya untuk menghasilkan sesuatu pengajaran yang baik dan berkesan [11].

Memandangkan setiap kemahiran Matematik adalah saling berkait rapat antara satu sama lain. Dengan kata lain, kegagalan murid untuk menguasai kemahiran penukaran unit masa akan mempengaruhi kebolehan murid untuk menguasai tajuk yang lain [10]. Oleh itu, penyelidik telah bercadang membantu murid yang sukar mengingat perkaitan antara unit masa dan belajar penukaran antara unit masa melalui projek JPM.

### **1.1 Objektif kajian**

Kajian ini cuba mencapai lima objektif penyelidikan seperti berikut:

1. Mengetahui tahap ujian pra murid sebelum penggunaan JPM.
2. Mengetahui tahap ujian pasca murid selepas penggunaan JPM.
3. Mengetahui persepsi murid terhadap penggunaan JPM dalam menyelesaikan soalan melibatkan penukaran masa
4. Menentukan samada terdapat perbezaan yang signifikan dalam min ujian pra dan ujian pasca antara sebelum penggunaan JPM dan selepas penggunaan JPM dalam kalangan murid sekolah rendah.



5. Menentukan samada terdapat perbezaan yang signifikan dalam min tempoh masa menyelesaikan satu soalan penukaran unit masa antara sebelum penggunaan JPM dan selepas penggunaan JPM dalam kalangan murid sekolah rendah.

## **1.2 Hipotesis kajian**

Hipotesis nol dibentuk berdasarkan objektif kajian (4) dan (5) yang telah dinyatakan.

H1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min ujian pra dan ujian pasca antara sebelum penggunaan JPM dan selepas penggunaan JPM dalam kalangan murid sekolah rendah.

H2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min tempoh masa menyelesaikan satu soalan penukaran masa antara sebelum penggunaan JPM dan selepas penggunaan JPM dalam kalangan murid sekolah rendah.

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian kuasi – eksperimen digunakan dalam kajian ini. JPM digunakan sebagai bahan intervensi. Teknik pensampelan bertujuan digunakan. 30 sampel kajian ini murid Tahun 4 di sebuah sekolah rendah di daerah Tuaran, Sabah dipilih. Ujian Pra dan Ujian Pasca telah digubal oleh penyelidik berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Matematik Tahun 3 [5] untuk mengukur tahap penguasaan murid dalam menyelesaikan soalan berkaitan dengan penukaran antara unit masa. Ujian Wilcoxon untuk sampel bersandar digunakan untuk menguji hipotesis nol pada tahap kesignifikanan,  $\alpha = .05$ .

## **3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Semua data telah dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan perisian IBM statistik '*Statistical Packages for Social Sciences (SPSS-PC) for Windows version 21*'. Instrumen Persepsi Murid Terhadap Penggunaan JPM (PMPJPM) mempunyai pekali kebolehpercayaan alfa Cronbach 0.923 iaitu PMPJPM berkebolehpercayaan yang tinggi dan kesahan yang tinggi [13].

### **3.1 Tahap ujian pra murid sebelum penggunaan JPM dan Tahap ujian pasca murid selepas penggunaan JPM**

Sebelum penggunaan JPM, min Ujian Pra murid ialah 0 markah. Selepas penggunaan JPM, Min Ujian Pasca ialah 86 markah. Ini menunjukkan bahawa penguasaan murid telah meningkat selepas penggunaan JPM (Jadual 1). Dapatan ini disokong oleh Azlina Kosnin dan Siti Hajar (2010),

murid akan dapat menjawab soalan dengan betul dan berjaya dalam peperiksaan sekiranya mereka menguasai teknik menjawab soalan yang berbeza [2].

**Jadual 1: Taburan Kekerapan dan Peratus Ujian Pra Mengikut Tahap Penguasaan Penukaran Unit Masa**

Gred	Tahap Penguasaan	Julat	Ujian	
			Ujian Pra	Pasca
A	CEMERLANG	76 – 100	0 (0.0%)	22 (73.3%)
B	BAIK	51 – 75	0 (0.0%)	7 (23.3%)
C	MEMUASKAN	26 – 50	0 (0.0%)	1 (3.3%)
D	LEMAH	1 – 25	0 (0.0%)	0 (0.0%)
			<b>30</b>	
<b>G</b>	<b>TIADA</b>	0	<b>(100.0%)</b>	0 (0.0%)
JUMLAH			30 (100%)	30 (100%)
<b>Min</b>			<b>0 markah</b>	<b>86 markah</b>

### 3.2 Persepsi Murid terhadap Penggunaan JPM (PMPJPM) dalam menyelesaikan soalan melibatkan penukaran antara unit masa

Secara keseluruhannya, **97.2%** daripada 10 pernyataan dalam PMPJPM telah disetujui oleh sampel kajian. Keputusan cemerlang ini membuktikan bahawa murid berasa **sangat setuju** terhadap penggunaan *JPM* untuk membantu murid menyelesaikan soalan penukaran antara unit masa. Inovasi ini sepadan dengan kata-kata bahawa penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan suatu cara yang berkesan untuk meningkatkan proses pembelajaran [3].

### 3.3 Perbezaan dalam min ujian pra dan ujian pasca antara sebelum penggunaan JPM dan selepas penggunaan JPM dalam kalangan murid sekolah rendah

**Jadual 2: Ujian Wilcoxon untuk sampel bersandar (markah ujian pasaca dan markah ujian pra)**

Test Statistics <sup>a</sup>	
	Markah Ujian Pasca – Markah Ujian Pra
Z	-4.832 <sup>b</sup>
<i>Asymp. Sig. (2-tailed)</i>	<b>.000</b>

*a. Wilcoxon Signed Ranks Test*  
*b. Based on negative ranks.*

Sebagai rumusan, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam min ujian pra dan ujian pasca bagi sampel kajian ( $z = -4.832$ ;  $\text{sig} = .000$ ). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pencapaian skor dalam Ujian Pasca berbanding dengan skor Ujian Pra iaitu sebanyak **86.0 markah**. Justeru, JPM yang diperkenalkan mendatangkan kesan positif atas pencapaian matematik dalam kalangan sampel kajian (Jadual 2).

### 3.4 Perbezaan dalam min tempoh masa menyelesaikan satu soalan penukaran unit masa antara sebelum dan selepas penggunaan JPM dalam kalangan murid sekolah rendah

Sebagai rumusan, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam min tempoh masa menyelesaikan satu soalan Penukaran Unit Masa antara sebelum menggunakan JPM dan selepas menggunakan JPM dalam kalangan murid sekolah rendah ( $z = -4.783$ ;  $\text{sig} = .000$ ) (Jadual 3). Justeru, JPM ini dapat menjimat masa murid menyelesaikan soalan penukaran unit masa iaitu penjimatan sebanyak 78.9% daripada tempoh masa asal. (Jadual 4).

**Jadual 3: Ujian Wilcoxon untuk sampel bersandar (tempoh masa ujian pasca dan tempoh masa ujian pra)**

Test Statistics <sup>a</sup>	
	Tempoh Masa Ujian Pasca 1
	–
	Tempoh Masa Ujian Pra
Z	-4.783 <sup>b</sup>
Asymp. Sig. (2-tailed)	.000

a. Wilcoxon Signed Ranks Test  
b. Based on negative ranks.

**Jadual 4: Taburan min tempoh masa dan sisihan piawai bagi ujian pra dan ujian pasca (N=30)**

Ujian	Min (saat)	Sisihan Piawai
Pra	118.66	7.3212
Pasca	25.13	24.1507

#### 4. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, JPM ini berjaya meningkatkan prestasi pencapaian murid berbanding dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara tradisional (*Chalk and talk*) yang dianggap kurang sesuai dalam era moden ini [9]. Program ini juga berjaya menerapkan tiga domain utama iaitu kognitif, psikomotor, dan afektif di samping membentuk sahsiah dan keperibadian unggul selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan seterusnya menghasilkan modal insan yang cerdas, kreatif, dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke-21 agar negara mampu bersaing di persada dunia. Oleh yang demikian, penyelidik telah mencadangkan penggunaan JPM untuk mengajar kemahiran menyelesaikan soalan Penukaran Unit Masa.

#### RUJUKAN

- [1] Abdul Rahim Hamdan & Hayazi Mohd Yasin (2010). *Penggunaan alat bantu mengajar(ABM) di kalangan guru-guru teknikal di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor*. University Teknologi Malaysia. Diakses daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/11786239.pdf>

- [2] Azlina Mohd Kosnin, Siti Hajar Mohd Khalid. (2010). *Strategi-strategi dalam penyelesaian Masalah Matematik Berperkataaan dalam Kursus Statistik 1*. Universiti Teknologi Malaysia.
- [3] Butcher, K., Crown, L., & Gentry, E.J. (2006). The international system of units (SI) – conversion factors for general use. *Weights and Measures Division, Technology Services, NIST Special Publication, 1038*.  
<https://nvlpubs.nist.gov/nistpubs/Legacy/SP/nistspecialpublication1038.pdf>
- [4] Heinrich, R., Molenda, M., Russell, J.D., & Smaldino, S.E. (1996). *Instructional media and technologies for learning*. Englewood Cliffs, NJ: Merrill.
- [5] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017) *Kurikulum standard sekolah rendah: Matematik dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Tahun 3*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- [6] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard sekolah rendah: Matematik dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tahun 4*. Kuala Lumpur: Bahagian Perkembangan Kurikulum.
- [7] Lai, K. L., Khaw, A. H., & Seah, A. K. (2001). Satu kajian mengenai penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran pembelajaran matematik di sekolah rendah.  
[http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/2001/2001\\_10\\_Laikl.pdf](http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/2001/2001_10_Laikl.pdf)
- [8] Nortipah Shahri. (2011). Meningkatkan kemahiran menukarkan unit-unit masa menggunakan teknik “Kisah Charlie” di Kalangan Murid Tahun 5 Al-Falah.
- [9] Ramlah Jantan & Mahani Razali. (2002). *Psikologi Pendidikan – Pendekatan Kontemporari*. Kuala Lumpur: UPSI.
- [10] Reys, R., Lindquist, M. M., Lambdin, D. V., & Smith, N. L. (2009). *Helping children learn mathematics*. United State of America: John Wiley & Sons, Inc.
- [11] Sinari Mohd Eunus (2003). *Persepsi pelajar terhadap pengajaran guru dalam mata pelajaran KHB KBSM*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda
- [12] Siti Norainul Afiqah Muhamad Anuar & Aziz Omar. (2013). *Penggunaan kaedah Jumpung Box bagi meningkatkan penguasaan kemahiran menukar unit masa hari, jam, minit dan saat dalam kalangan murid 5 Amanah*. Diakses daripada  
[https://www.academia.edu/8454458/SEMINAR\\_KAJIAN\\_TINDAKAN\\_PISMP\\_2013\\_98\\_PENGGUNAAN\\_KAEDAH\\_JUMPUNG\\_BOX\\_BAGI\\_MENINGKATKAN\\_PENGUASAAN\\_KEMAHIRAN\\_MENUKAR\\_UNIT\\_MASA\\_HARI\\_JAM\\_MINIT\\_DAN\\_SAAAT\\_DALAM\\_KALANGAN\\_MURID\\_5\\_AMANAH](https://www.academia.edu/8454458/SEMINAR_KAJIAN_TINDAKAN_PISMP_2013_98_PENGGUNAAN_KAEDAH_JUMPUNG_BOX_BAGI_MENINGKATKAN_PENGUASAAN_KEMAHIRAN_MENUKAR_UNIT_MASA_HARI_JAM_MINIT_DAN_SAAAT_DALAM_KALANGAN_MURID_5_AMANAH)
- [13] Stanley, J.C., & Hopkins, K.D. 1972. *Educational and psychological measurement and evaluation*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- [14] Tikunoff, W. 1985. *Applying significant bilingual instruction in the classroom*. Rosslyn: National Clearinghouse for Bilingual Education.

# PENGGUNAAN APLIKASI *e*-BMCP SEBAGAI ALAT PENGURUSAN STRATEGIK KEUSAHAWANAN DI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Shameira Binti Md Apandi<sup>1</sup>, Hadijah Binti Kodiron<sup>2</sup> & Masayu Binti Ismail<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> *Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau, Melaka*

*Email: [shameira@pmm.edu.my](mailto:shameira@pmm.edu.my); [hadijah@pmm.edu.my](mailto:hadijah@pmm.edu.my); [mas\\_ayu@pmm.edu.my](mailto:mas_ayu@pmm.edu.my)*

## Abstrak

Keusahawanan digital telah meningkatkan pemahaman kita mengenai bidang keusahawanan moden dari segi teori dan praktikal. Dari segi teori keusahawanan digital menawarkan beberapa konsep baru mengenai proses keusahawanan secara dalam talian seperti mengenalpasti idea dan peluang perniagaan baru yang boleh diwujudkan secara digital, mengeksplotasi peluang perniagaan serta kaedah penghasilan pelan perniagaan bagi proses mendapatkan modal tambahan atau modal awal daripada institusi kewangan. Oleh itu, satu kajian dijalankan bagi mendapatkan pandangan pelajar terhadap alat inovasi pengurusan strategik keusahawanan yang dibangunkan untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Soalselidik telah diagihkan kepada 189 orang pelajar yang telah dipilih sebagai sampel dari aspek gambaran keseluruhan produk dan proses pengajaran dan pembelajaran. telah dibangunkan dengan tujuan untuk meningkatkan tahap kefahaman pelajar dalam menghasilkan Business Model Canvas Plan untuk sesebuah perniagaan dan secara tidak langsung mereka boleh menghasilkan pelan perniagaan yang terbaik. Proses pendidikan bukan lagi tertumpu dalam sesebuah platform sahaja seperti dalam bilik kuliah **e-BMCP** lebih bercorakkan pembelajaran sendiri yang hanya memerlukan peralatan mudah alih seperti personel data assistants (PDA), Palm Talk, Smartphone, iPad dan Pocket PC untuk pengaksesannya. Objektif utama kajian ini adalah mendapatkan pandangan pelajar terhadap aspek keseluruhan produk inovasi tersebut dan kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Soalselidik yang dikumpulkan telah dianalisa menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) for Window Version 23.0 dan dapatan kajian dibentangkan dalam pengukuran skor min. Selain itu kebolehpercayaan soal selidik dianalisis dan memperolehi nilai Alpha Cronbach bagi keseluruhan objektif adalah 0.889. Ini menunjukkan soal selidik dalam kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis data menunjukkan pelajar beranggapan bahawa secara keseluruhannya produk inovasi yang dihasilkan telah membantu pelajar dalam membangunkan Rancangan Perniagaan mereka dan membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan tafsiran skor min yang diadaptasi daripada Landell, 1977 dalam [3] secara keseluruhannya kedua-duanya berada pada tahap yang tinggi dan nilai skor min yang diperolehi adalah 4.48 dan 4.38. Oleh yang demikian daripada dapatan kajian ini menunjukkan produk inovasi yang dibangunkan untuk pengurusan strategik keusahawanan telah memberikan input yang positif kepada pelajar dan pensyarah. Usaha berterusan perlu dilakukan bagi memastikan produk inovasi yang dihasilkan dapat membantu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh dan secara elektronik. Ia merupakan kesinambungan yang lebih menawarkan pengguna pembelajaran secara fleksibel dan mudah alih menggunakan platform sistem Android. Peralatan mudah alih ini menjadikan e-pembelajaran berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja berbanding dengan penggunaan buku yang mudah rosak.

**Kata Kunci:** *business model canvas, keusahawanan digital, aplikasi mobile*

## 1. PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran tidak setakat dipraktikkan secara konvensional dimana tenaga pengajar memfokuskan aktiviti ini di bilik kuliah semata-mata malahan sepatutnya selaras dengan arus perkembangan fasiliti teknologi maklumat itu sendiri. Kemungkinan tahap kesedaran tenaga pengajar untuk melaksanakan sebahagian aktiviti penyampaian maklumat di luar bilik kuliah khususnya di Politeknik Merlimau ini amat rendah. Tenaga pengajar mungkin bergantung harap terhadap platform yang disediakan oleh pihak pengurusan politeknik semata-mata tanpa sedar mereka boleh menggunakan pelbagai platform lain didalam urusan penyampaian maklumat pendidikan ini.

Pelbagai kemudahan serta aplikasi telah tersedia ada dipasaran pada masa kini sebagai pilihan kepada pensyarah bagi menghasilkan inovasi bagi ditawarkan kepada para pelajar. Aplikasi ini boleh digunapakai secara percuma ataupun dibeli pada kadar yang murah dan dipelbagaikan kaedah penggunaannya. Faktor penggunaan telefon pintar serta caj penggunaan rangkaian data internet rendah dan semakin luas dipasaran turut menjadi faktor pendorong bagi kami untuk menghasilkan aplikasi mobile ini dan menilai kecenderungan penggunaannya. Berdasarkan pemerhatian langsung didapati hampir keseluruhan pelajar memiliki telefon pintar dan penggunaannya terbatas pada elemen hiburan semata-mata.

Selain itu aplikasi ini dibangunkan bertujuan untuk memenuhi keperluan dalam pengajaran dan pembelajaran di politeknik serta memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas di samping meningkatkan minat pelajar. Pembangunan bahan inovasi *mobile learning* ini juga adalah seiring dengan perkembangan teknologi dalam pendidikan masa kini yang memerlukan teknik pengajaran lebih kreatif, inovatif dan interaktif. Memandangkan kepelbagaian kaedah penyampaian pengajaran perlu diberi keutamaan dalam konsep *Outcomes Based Education* (OBE) maka pensyarah kursus dikehendaki menggunakan kreativiti masing-masing untuk memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan berkesan serta memenuhi kehendak kurikulum. Penghasilan inovasi ini kualiti pengajaran dapat ditingkatkan terutamanya dalam mengharungi era Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi serta selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 untuk melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

## 2. PERNYATAAN MASALAH

Keusahawanan merupakan agenda penting yang menjadi nadi utama dalam membantu meningkatkan ekonomi negara. Persekitaran keusahawanan di Malaysia sentiasa disokong bagi melahirkan usahawan yang berpotensi tinggi. Pelbagai inisiatif kerajaan dibangunkan dalam usaha untuk melengkapkan usahawan-usahawan di Malaysia dengan kemahiran yang diperlukan supaya ianya selari dengan perubahan persekitaran perniagaan dan teknologi yang muncul secara pantas. Negara telah mengorak langkah ke hadapan dengan melaksanakan pelbagai program pembangunan keusahawanan bagi menghadapi cabaran besar dalam melahirkan usahawan tradisional kepada usahawan baru yang dilengkapi dengan kemahiran abad ke 21 melalui pendigitalan operasi perniagaan. Seiring dengan usaha tersebut, Malaysia juga telah mengorak langkah berubah kepada ekonomi baharu. Penjanaan ekonomi di Malaysia secara amnya disumbangkan oleh aktiviti keusahawanan yang meliputi pelbagai jenis aktiviti perusahaan termasuk juga perniagaan atas talian (online) (MEDAC, 2019).

Oleh yang demikian pelaksanaan projek inovasi ini sedikit sebanyak dapat membantu merealisasikan pelaksanaan kursus MPU 22012 kepada semua pelajar politeknik terutama di Politeknik Merlimau. Di mana kursus ini bukan sahaja diwajibkan kepada pelajar Jabatan Perdagangan tetapi telah disebarluaskan kepada pelajar di Jabatan Kejuruteraan dan Hospitaliti. Oleh yang demikian projek inovasi ini sangat membantu pensyarah dan pelajar itu sendiri bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran mereka dalam menghasilkan dokumen yang sangat penting iaitu Business Plan. Selain itu projek inovasi ini boleh juga disebarluaskan kepada peniaga di dalam industri perniagaan untuk projek mendapatkan penajaan kewangan atau pinjaman daripada institusi kewangan. Berikut adalah senarai dapatan yang diperolehi daripada temubual dengan pelajar semasa proses pengumpulan data pada peringkat awal.

## **2. OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian dilaksanakan adalah merekabentuk dan membangunkan aplikasi mudah alih *e-BMCP* dalam pengajaran dan pembelajaran keusahawanan perakaunan di Politeknik Merlimau, Melaka. Selepas aplikasi dihasilkan, kajian dilaksanakan untuk :

3.1 Menilai kebolegunaan *e-BMCP* dalam pengajaran dan pembelajaran keusahawanan

3.2 Menilai impak penggunaan *e-BMCP* dalam Pengajaran dan Pembelajaran keusahawanan



### 3. KAJIAN LITERATUR

Pembangunan bahan inovasi mobile learning ini juga adalah seiring dengan perkembangan teknologi dalam pendidikan masa kini yang memerlukan teknik pengajaran lebih kreatif, inovatif dan interaktif. Memandangkan kepelbagaian kaedah penyampaian pengajaran perlu diberi keutamaan dalam konsep OBE maka pensyarah kursus dikehendaki menggunakan kreativiti masing-masing untuk memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan berkesan serta memenuhi kehendak kurikulum. Menurut [6] menyatakan bahawa telefon pintar merupakan alat yang telah memudahkan proses penyampaian maklumat dan aktiviti perkongsian bahan pembelajaran di antara pelajar.

Pernyataan ini bersesuaian dengan tujuan penghasilan produk inovasi *e-BMCP* adalah untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap penghasilan rancangan perniagaan berpandukan Sembilan blok BMC dalam produk inovasi tersebut. Selain itu juga produk ini dihasilkan untuk membantu pelajar dalam aktiviti perkongsian bahan pembelajaran melalui *button share*. Manakala menurut [8], menyatakan bahawa peralatan mobile merupakan alat yang digunakan bagi membolehkan pelajar dapat berkongsi maklumat, menyelaras tugas-tugas mereka secara lebih luas dan berfungsi dengan lebih berkesan dalam situasi yang memerlukan kerjasama antara ahli. Oleh itu dengan adanya *e-BMCP* ini sedikit sebanyak ianya dapat membantu pelajar menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah bagi kursus keusahawanan dalam menghasilkan rancangan perniagaan. Menurut [4] pula, pengajaran dan pembelajaran yang memadankan penggunaan teknologi dan keperluan generasi pelajar alaf baru ini adalah dikatakan sebagai pengajaran dan pembelajaran industri 4.0 dan kaedah ini dapat memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan bermakna.

### 5. METODOLOGI

Kajian potensi penggunaan aplikasi mudah alih *e-BMCP* dalam pengajaran dan pembelajaran keusahawanan di Politeknik Merlimau, Melaka dilaksanakan terhadap keseluruhan peserta kursus MPU 22012 Keusahawanan yang telah menggunakan *e-BMCP*. Kajian yang dilaksanakan ini berbentuk deskriptif yang merupakan penyelidikan bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku [5]. Dalam kajian potensi ini penyelidik menerangkan fenomena dengan menganalisis data yang didapati daripada soal selidik yang dilaksanakan. Data daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social*

*Science* (SPSS) versi 23.0. Kajian telah dilaksanakan ke atas populasi keseluruhan pengguna *e-BMCP* di Politeknik Merlimau, Melaka yang terdiri daripada 189 orang pelajar semester 3 & 4 Sesi Jun 2020. Instrumen kajian yang digunakan adalah dalam bentuk soal selidik bagi mendapatkan data kajian.


Kajian rintis dijalankan memastikan kebolehpercayaan terhadap soal selidik yang disediakan terhadap 10 orang yang dipilih secara rawak. Hasil kajian rintis yang dilaksanakan oleh pengkaji memperlihatkan skor bagi Alpha Cronbach adalah 0.889 di mana kesemua item mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan kesemua item boleh diterima dalam kajian ini. Nilai skor min yang diperolehi oleh pengkaji akan diinterpretasikan melalui skor min berdasarkan pengkelasan tiga skala iaitu tinggi, sederhana dan rendah (*diadaptasi daripada landell,1077 dalam [3]* sebagaimana Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1: Interpretasi Kecenderungan Nilai Skor Min Bagi Kajian Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih *e-BMCP* dalam keusahawanan di Politeknik Merlimau, Melaka.**

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi Nilian Min</b>
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

**a. MODEL REKABENTUK APLIKASI *e-BMCP***



Model rekabentuk aplikasi *e-BMCP* menggunakan Model ADDIE. Model ADDIE dipilih oleh pengkaji adalah kerana ianya adalah di antara model reka bentuk instruksi yang menjadi asas kepada model-model reka bentuk instruksi yang lain [2]. Manakala menurut [7] pula menyatakan bahawa model reka bentuk merupakan suatu proses yang sistematik yang digunakan semasa pembangunan sumber teknologi dan ianya merangkumi proses analisis pembelajaran dan pencapaian, reka bentuk aplikasi, pembangunan, implementasi, dan penilaian.



**Rajah 1: Proses Pembangunan Berpandukan Model ADDIE [1]**

*e-BMCP* dibangunkan menggunakan perisian Ba4.exe dengan gabungan perisian lain seperti Android SDK.exe, Java dan beberapa sistem operasi yang lain. Produk inovasi ini dihasilkan sebagai pemudahcara pengguna yang menghasilkan rancangan perniagaan dengan merujuk kepada 9 blok dalam BMC yang dimasukkan dalam aplikasi ini. Penggunaannya juga sesuai untuk digunakan bagi peningkatan kefahaman dan memudahkan capaian aplikasi dalam kursus atau bengkel menghasilkan rancangan perniagaan di kalangan pengguna seperti para peniaga, pihak Insken, Tekun atau SMEcorp mahupun pelajar. Fokus utama dalam *e-BMCP* adalah menggunakan dan menggabungkan sembilan (9) blok elemen Business Model Canvas" (BMC) dan dilaksanakan termasuk format Rancangan Perniagaan untuk fungsi 2 dalam 1. *e-BMCP* Ini berfungsi untuk membantu pelajar meningkatkan pemikiran mereka dan kemahiran untuk membina Rancangan Perniagaan yang berkesan. Pelaksanaannya dengan menggunakan sistem yang sistematik akan membantu pelajar mengembangkan Rancangan Perniagaan dengan mudah. Melalui penggabungan teknologi Rancangan *e-BMCP* ke dalam suasana bilik darjah, pelajar dapat memperoleh pengalaman pembelajaran baru yang sah dan bermakna. Ia membantu mengesan kemajuan dalam pelbagai elemen penting dalam perniagaan. Alat ini dapat dibuat setiap kali idea baru muncul dan mengisi canvas. Ini membantu menyempitkan proses pemikiran pelajar dan memberi mereka jalan untuk mencapai matlamat dalam masa yang singkat. Hasilnya, inovasi ini diharapkan dapat menjadi panduan dan pendorong kepada pensyarah untuk membuat dan menginovasi teknik dan pendekatan pengajaran yang ada agar mempunyai persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang menarik untuk kelebihan pelajar. Sejarar dengan kehendak Revolusi Industri 4.0 klasifikasi akaun diterjemahkan dalam bentuk aplikasi mudah alih yang boleh diakses di mana jua melalui rangkaian talian internet.

Berikut adalah paparan antaramuka *e-BMCP*:



## 6. HASIL DAPATAN KAJIAN

Kajian Penggunaan *e-BMCP* dalam pengajaran dan pembelajaran keusahawanan di Politeknik Merlimau, Melaka dilaksanakan terhadap 189 orang pelajar semester 3 & 4 Sesi Jun 2020. Daripada keseluruhan bilangan tersebut terdapat 73 orang pelajar lelaki dan 116 orang pula adalah pelajar perempuan. Dapatan kajian keseluruhannya adalah melihat kepada dua penilaian iaitu terhadap kebolegunaan dan impak penggunaan *e-BMCP* dalam pengajaran dan pembelajaran keusahawanan.

### 6.1 PENILAIAN KEBOLEHGUNAAN APLIKASI *e-BMCP* DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SUBJEK KEUSAHAWANAN

Pada keseluruhannya, penilaian kebolegunaan aplikasi *e-BMCP* dalam pdp subjek keusahawanan telah mencapai tahap yang tinggi iaitu nilai skor min keseluruhan item adalah 4.48. Manakala bagi item yang memperoleh skor min tertinggi adalah item yang ke lima iaitu 4.78 yang menyatakan *e-BMCP* menggunakan fungsi sebagai alat untuk membangunkan Rancangan

Perniagaan. Ini menunjukkan bahawa aplikasi ni sangat membantu pelajar dalam membangunkan rancangan perniagaan yang sebenar dengan mudah.

NO ITEM	BUTIRAN	Nilai Min	afsiran Min
A1	<b>Kebolegunaan Aplikasi</b>		
1	Saya boleh dengan mudah mengeluarkan idea dalam Aplikasi <i>e-BMCP</i> untuk membangunkan Rancangan Perniagaan	4.59	Tinggi
2	Aplikasi <i>e-BMCP</i> meningkatkan kemahiran berfikir saya untuksumbang saran idea	4.26	Tinggi
3	Aplikasi <i>e-BMCP</i> menyediakan saya pendekatan yang mudah untukmembangunkan Rancangan Perniagaan.	4.26	Tinggi
4	Aplikasi <i>e-BMCP</i> adalah salah satu cara terbaik untuk mengajar danbelajar Keusahawanan	4.52	Tinggi
5	Aplikasi <i>e-BMCP</i> menggunakan fungsi sebagai alat untuk membangunkan Rancangan Perniagaan	4.78	Tinggi
<b>Skor min Keseluruhan</b>		<b>4.48</b>	<b>Tinggi</b>

## 6.2 PENILAIAN IMPAK PENGGUNAAN APLIKASI *e-BMCP* DALAMPENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KEUSAHAWANAN

Bagi penilaian kedua adalah ingin melihat kepada impak *e-BMCP* dalam Pengajaran dan Pembelajaran subjek Keusahawanan didapati skor min keseluruhan juga mencapai tahap yang tinggi yang memberikan nilai skor min keseluruhan adalah 4.38. Daripada kelima-lima item yang disediakan untuk dinilai skor min yang diperolehi adalah antara 4.00 hingga 4.90 yang membawa maksud bahawa impak *penggunaan e-BMCP* dalam PdP adalah pada tahap yang tinggi iaitu bukan sahaja pelajar berpuashati dengan penggunaan aplikasi ini tetapi pensyarah juga memberikan respond yang sama.

NO ITEM	BUTIRAN	NilaiMin	afsiranMin
A2	<b>Impak Pengajaran dan Pembelajaran</b>		
1	<i>e-BMCP</i> boleh membantu saya untuk mudah memahami kandungan Pelan Perniagaan	4.90	Tinggi
2	<i>e-BMCP</i> meningkatkan kreativiti dan pembelajaran kolaboratifsaya	4.00	Tinggi
3	<i>e-BMCP</i> membantu saya menguruskan masa tugas saya	4.00	Tinggi
4	<i>e-BMCP</i> bantu saya capai Pelan Perniagaan berkesan dalam subjek Keusahawanan	4.32	Tinggi
5	Saya benar-benar menikmati menggunakan <i>e-BMCP</i> untuk subjek Keusahawanan	4.68	Tinggi
<b>Skor min Keseluruhan</b>		<b>4.38</b>	<b>Tinggi</b>

## 7. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya penghasilan produk inovasi ini sangat memberikan kesan yang positif terhadap keberkesanan penggunaan *electronic learning* melalui *smartfon* kepada proses pengajaran dan pembelajaran pelajar. Aplikasi ini membantu pelajar dalam meningkatkan tahap pemahaman pelajar pada bila-bila masa. Merujuk kepada [9] mengatakan *electronic learning* membolehkan pengajaran dan pembelajaran berlaku tanpa terhad kepada lokasi dan masa. Perkembangan teknologi mudah alih pada masa kini menjadikan proses pembelajaran tidak terhad kepada tembok fizikal bilik darjah sahaja. Dengan adanya pelbagai peralatan mudah alih dan tablet, persekitaran pembelajaran pelajar lebih meluas dan bentuk pembelajaran menjadi lebih bersituasi, personal, bekerjasama dan sepanjang hayat. Oleh itu, aplikasi *electronic learning* sememangnya memberikan impak dan kesan yang positif kepada pelajar dan pensyarah dalam kursus MPU 22012 Keusahawanan dari aspek kebolehgunaannya serta impak penggunaannya kepada pengguna sebagaimana keperluan pendidikan Revolusi Industri 4.0.

## RUJUKAN

- [1] Gagne. M.G., Wager. W. W. & Keller. M. J. 2005. Principles of Instructional Design. 5th Edition. Los Angeles: Thompson Wadsworth.
- [2] Jamalludian Harun, Zaidatun Tasir. (2003). Multimedia dalam pendidikan. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- [3] Ili Atiqah Md.din & Ruslin Amir (2016) Sikap Terhadap Kemahiran Pemikiran Kritikal Dan Hubungannya Dengan Prestasi Akademik Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar UKM. *Jurnal Psikologi Malaysia* 30 (1) (2016): 142-151 ISSN-2289-8174 142
- [4] Mohamad Siri Muslimin, N. M. (2017). Rekabentuk dan Pembangunan Aplikasi Pembelajaran Mudah Alih Bagi Keperluan Modul Mikroekonomi. Seminar Pendidikan Transdisiplin, (pp. 137-163)
- [5] Mohd Majid Konting (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- [6] Norlisa A. Rahim (2013). Penggunaan Mobile Learning (M-Learning) Untuk Tujuan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan UTHM. Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional UTHM
- [7] Reiser, R.A & Dempsey, J.V. (2007). Trends and Issues in Instructional Design and Technology (2nd Edition). Upper Saddle River, New Jersey: Merrill Prentice Hall
- [8] Sharples, M. (2000a). The design of personal mobile technologies for lifelong learning. *Computers and Education*, 34, 177-193.
- [9] Vavoula, G.N., & Sharples, M. (2002). KLeOS: A personal, mobile, Knowledge and Learning Organisation System. In Milrad, M., Hoppe, U. Kinshuk (eds.) Proceedings of the IEEE International Workshop on Mobile and Wireless Technologies in Education (WMTE2002), Aug 29-30, Vaxjo, Sweden, p. 152- 156

# PERSEPSI PENGGUNA TERHADAP PEMILIHAN JENAMA TEMPATAN

Rafedah Binti Husain <sup>1</sup> Siti Fatimah Binti Md Azali <sup>2</sup> Nor Aziah Binti Azizan <sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> *Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah*

*Email: rafedah@polimas.edu.my; sfatimah@polimas.edu.my;*

*noraziahazizan@polimas.edu.my*

## Abstrak

Barangan jenama global terutamanya dari barat lebih diminati daripada jenama tempatan dalam kalangan pengguna di negara membangun, atas sebab bukan sahaja dari aspek kualiti tetapi lebih kepada status sosial. Namun seiring dengan keadaan ekonomi pada masa kini, pemilihan produk jenama tempatan mungkin merupakan alternatif terbaik memandangkan produk buatan tempatan lebih murah berbanding dengan barangan import yang dikenakan cukai tambahan. Ini sekaligus dapat meringankan beban kewangan golongan pelajar dan golongan keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana serta juga kalangan pengguna yang mempunyai masalah kewangan. Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi pengguna terhadap barangan jenama tempatan seperti harga produk, kualiti produk dan kesetiaan jenama. Responden kajian terdiri daripada 59 pensyarah Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah, Jitra Kedah. Kajian ini akan dijalankan secara kajian tinjauan. Pengumpulan data akan dibuat melalui instrumen soal selidik. Hasil kajian mendapati tahap kesedaran pengguna tentang jenama tempatan masih di tahap sederhana namun pelanggan menyukai jenama tempatan dari segi struktur harga dan produk nasional. Oleh yang demikian, syarikat tempatan perlu memberi lebih tumpuan terhadap kualiti, prestasi dan membangunkan nilai jenama syarikat tempatan agar pengguna lebih memihak kepada syarikat tempatan pada masa hadapan. Diharapkan keputusan kajian yang diperolehi dapat memudahkan pihak yang tertentu seperti pengkaji pada masa akan datang, pemasar dan peniaga produk jenama tempatan di Malaysia.

**Kata Kunci:** *persepsi, pemilihan, jenama tempatan*

## 1. PENGENALAN

Jenama tempatan ialah jenama yang mempromosikan dan menyasarkan produk dan perkhidmatannya kepada bilangan pengguna yang terhad. Ianya beroperasi di kawasan geografi yang kecil biasanya, dalam kawasan wilayah, bandar atau negara yang berbeza.

Ia menggunakan teknik promosi dengan meletakkan perniagaan di kawasan geografi tertentu, membentuk hubungan yang kukuh dengan komuniti tempatan, melibatkan pelanggan dan rakan kongsi secara aktif, dan mewujudkan kedudukan yang kukuh dalam pasaran tempatan. Berbanding jenama antarabangsa, jenama tempatan lebih dikaitkan dengan tradisi tempatan dan budaya tempatan, malah yang lebih penting ia membina kepercayaan dan hubungan unik dengan pengguna yang mengambil masa bertahun-tahun untuk membangun.



Jenama tempatan dilihat kurang popular berbanding jenama global terutamanya dalam kalangan anak muda. Mungkin dengan menggunakan produk jenama tempatan ini, perasaan rendah diri' jika dibandingkan ketika menggunakan jenama global yang menggambarkan status dan imej yang tinggi. Ini disokong oleh Holt, Quelch, & Taylor (2004) yang menyatakan apabila menggunakan jenama tempatan ia menunjukkan kepada sosial siapa mereka, berbanding jenama global yang menunjukkan apa yang mereka mahukan dan merasa seperti mempunyai identiti tersendiri.

## **2. PENYATAAN MASALAH**

Ramai pengguna menganggap kualiti barangan jenama tempatan mempunyai kualiti yang rendah bebanding jenama global. Kajian mendapati 60% rakyat Malaysia menganggap barangan buatan tempatan rendah kualiti jika dibandingkan produk diimport, BERITA HARIAN (2020). Kualiti produk jenama tempatan kurang diyakini, begitu juga dengan ketahanannya. Malah, ada yang mengaitkan penggunaan produk jenama tempatan tidak setanding jenama antarabangsa dan tidak membawa imej mewah kepada pengguna.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi pengguna terhadap jenama tempatan dan faktor- faktor yang mempengaruhinya seperti kualiti, harga dan kesetiaan jenama.


## **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini adalah untuk melihat persepsi pengguna terhadap jenama tempatan dan faktor- faktor yang mempengaruhinya seperti kualiti, harga dan kesetiaan jenama. Objektif bagi kajian ini adalah:

- i. Untuk mengenalpasti faktor kualiti mempengaruhi pemilihan jenama tempatan.
- ii. Untuk mengenalpasti faktor harga mempengaruhi pemilihan jenama tempatan.
- iii. Untuk mengenalpasti faktor kesetiaan jenama mempengaruhi pemilihan jenama tempatan

#### 4. RANGKA KERJA TEORITIKAL

Jadual 1.1 di bawah menunjukkan rangka kerja pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar mengenai kepuasan pengguna terhadap ulasan dalam talian.



#### 4. ULASAN LITERATUR

Persepsi jenama ialah apa yang pelanggan percaya yang diwakili oleh produk atau perkhidmatan, bukan apa yang dikatakan oleh syarikat yang memiliki jenama itu. Ianya berkait rapat dengan penampilan diri, pertuturan dan tingkahlaku yang ditunjukkan oleh wakil firma sebagai ciri yang membina personaliti korporat sesuatu jenama. Pernyataan ini disokong oleh Keller dan Richey (2006) yang menjelaskan bagaimana persepsi pelanggan terhadap pekerja tentang jenama mereka mencerminkan keperibadiannya kepada dunia luar.

Nilai jenama tertentu adalah sangat subjektif. dan hanya boleh bernilai jika ia diterima dan dibeli oleh pengguna. Tidak seperti jenama global, jenama tempatan diedarkan dan dipromosikan secara serantau. Ia mempunyai pangkalan pelanggan yang dibahagikan dengan tersusun, beroperasi dalam kawasan yang agak kecil dan memberi perkhidmatan kepada penduduk tempatan. Ini disokong oleh Champniss dan Vila (2012), yang menyatakan perusahaan mampu mengatasi masalah kos memandangkan jarak yang dekat antara perusahaan, pengguna dan produk yang dipasarkan dalam geografi sama di mana ianya merupakan ciri menjadi “tempatan”.

Di pasaran tempatan, pengguna bebas memilih apa yang mereka suka di antara jenama global atau tempatan yang menjadi pilihan mereka (Batra, R., Ramaswamy, V., Alden, D.L.,

Steenkamp, J.B.E. and Ramachander, S. ,2000). Persepsi tentang jenama adalah berkait rapat dengan jumlah perasaan pengguna dan apa yang pengguna percaya tentang sesuatu jenama. Fikiran dan perasaan ini datang daripada penggunaan, pengalaman, fungsi, reputasi dan cadangan dari pengguna yang lain sama ada di saluran media sosial serta secara bersemuka. Pernyataan ini disokong oleh (Kapferer, 2002) yang menyatakan keutamaan jenama tempatan boleh dilihat dalam perasaan kenegaraan pengguna sebagai faktor social, di mana ianya berbalik kepada perasaan sayangkan negara dan semangat jati diri yang ada untuk menyokong barangan jenama tempatan.

Kualiti sesuatu produk tidak dilihat oleh sudut pandangan syarikat, namun ianya perlu dilihat dari perspektif pelanggan, disokong oleh Ehsani (2015) yang menyatakan kualiti sesuatu produk adalah persepsi pelanggan terhadap kualiti keseluruhan produk atau perkhidmatan. Kotler dan Armstrong (2012) pula menganggap kualiti produk merupakan ciri sesuatu produk atau perkhidmatan yang bergantung kepada keupayaannya untuk memenuhi kepuasan, harapan atau keperluan pelanggan yang tersirat. Walaupun ada yang beranggapan semakin tinggi harga sesuatu barang tersebut maka semakin baik kualitinya, namun masih ada segelintir pengguna yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Menurut hasil tinjauan di laman Facebook, 67% orang awam tidak setuju dengan kenyataan bahawa lebih mahal harga sesuatu produk itu maka lebih tinggi dan bermutu kualitinya, Ariffin (2019).

Harga juga memberikan persepsi yang berbeza bagi setiap pelanggan, di mana harga tinggi-rendah sesuatu produk boleh memberi kesan yang ketara ke atas niat pelanggan untuk membeli produk tersebut. Bei dan Chiao (2001) menyatakan bahawa harga boleh didefinisikan sebagai apa yang diserahkan atau dibayar untuk memperoleh sesuatu perkhidmatan atau produk. manakala Kotler dan Armstrong (2012) pula menyatakan bahawa "Harga ialah sejumlah wang dikenakan bayaran untuk produk atau perkhidmatan yang digunakan atau jumlah nilai yang ditukar oleh pelanggan untuk mendapat faedah memiliki atau menggunakan produk atau perkhidmatan ". Oleh yang demikian, pengguna akan merasa puas hati jika mereka membayar harga produk yang setimpal dengan kualiti atau faedah yang mereka dapat.

## **6. METODOLOGI**

### **6.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang bertujuan mengumpul data daripada satu set populasi. Pendekatan kuantitatif melibatkan pengumpulan data yang dilakukan dengan menggunakan soalselidik.

#### **6.1.1 Populasi dan Sampel**

Populasi dan sampel kajian terdiri daripada 59 orang pensyarah Jabatan Perdagangan POLIMAS.

#### **6.1.2 Instrumentasi Kajian**

Instrumen kajian digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik ini diedarkan kepada responden. Menurut Oppenheim (dalam Mohammad Najib, 1999), kaedah memperolehi data melalui soal selidik mampu mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan selain daripada keterangan latar belakang. Kaedah ini dipilih kerana ia merupakan kaedah yang paling mudah dan murah serta dapat menjimatkan masa. Selain itu, Jones (1996) menyatakan bahawa penggunaan soal selidik sebagai instrumen kajian adalah lebih sesuai kerana ianya lebih mudah mendapat kerjasama daripada responden serta kaedah soal selidik amat sesuai digunakan di dalam kajian berbentuk tinjauan.

Soal selidik mengandungi dua bahagian. Bahagian A meninjau maklumat peribadi responden. Manakala Bahagian B mengandungi soalan yang terdiri daripada tiga konstruk iaitu, harga produk, kualiti produk dan kesetiaan jenama. Pecahan dan bilangan soalan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.3 Taburan Item Soal Selidik Mengikut Aspek Kajian

Perkara	Bilangan Item
Bahagian A	
• Maklumat peribadi pensyarah	5
Bahagian B	
• Harga produk	Soalan 1- 6
• Kualiti produk	Soalan 7 - 12
• Kesetiaan jenama	Soalan 13 - 19
Jumlah	24

Bahagian B (soalan) menggunakan Linear Skala Likert seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2

Maklum Balas Responden Mengikut Skala Likert 4 Mata

Skala	Jawapan
Sangat tidak setuju	
Tidak bersetuju	
Bersetuju	
Sangat bersetuju	

## 6.2 Kajian Rintis

Sebelum borang soal selidik diedarkan, satu kajian rintis dibuat bertujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Kajian rintis perlu dijalankan bagi mengurangkan ralat dalam kajian sebenar kerana kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan perlu diuji terlebih dahulu, ini disokong oleh Yunus (2015) iaitu kajian rintis dilakukan untuk mengukur ketekalan ukuran setiap item soalan soal selidik Sebanyak 30 orang responden yang terdiri daripada pensyarah Jabatan Perdagangan di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Jitra Kedah telah dipilih untuk menjawab item-item soal selidik. Menurut Johanson dan Brooks (2010) jumlah responden minimum seramai 30 orang sudah mencukupi untuk dianalisa kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian awal.

Menurut Yusri (2000), kajian rintis dilakukan bagi menentukan aras signifikan item soalan yang dibina sesuai dan diterima. Keesahan dan kebolehpercayaan soal selidik diproses dengan menggunakan Perisian 'Statistical Package For The Social Science' (SPSS) Versi 22.0 untuk menentu nilai kebolehpercayaan. Keputusan menunjukkan kebolehpercayaan (Reliability Coefficient), nilai alpha bagi keseluruhan item yang dibina ialah 0.789. Menurut Mohamad Najib (1998), kajian yang mencapai nilai alpha 0.6 hingga 0.9 adalah mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan soalan yang tinggi. Nilai alpha yang paling tinggi terdapat pada faktor kualiti produk dalam pemilihan jenama tempatan iaitu 0.779, diikuti oleh faktor harga produk dalam pemilihan jenama tempatan iaitu 0.776 dan faktor kesetiaan jenama dalam pemilihan jenama tempatan adalah 0.773. Perbezaan nilai alpha pada setiap faktor yang dikaji adalah sangat kecil.

## **7. Analisis Dapatan Kajian**

Dapatan kajian dianalisis mengikut bahagian. Analisis data bagi Bahagian A dibuat secara kuantitatif mengikut kekerapan dan peratus. Manakala pada Bahagian B pula, data dianalisis secara kuantitatif mengikut kekerapan, peratusan dan min.

### **Bahagian A: Latar Belakang Responden**

Kajian ini melibatkan 59 orang pensyarah Jabatan Perdagangan POLIMAS yang terdiri daripada 49 orang pensyarah perempuan (83%) dan 10 orang pensyarah lelaki (17%). Majoriti umur responden adalah di antara 41 hingga 50 tahun iaitu seramai 37 orang (62.7%), diikuti oleh 15 orang (25.4%) dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun. Manakala hanya lima orang sahaja (8.5%) berumur 51 tahun dan ke atas. Berumur 20 hingga 30 tahun seramai dua orang (3.4%). Keseluruhan responden terdiri daripada bangsa Melayu seramai 59 orang (100%), Majoriti tahap pendidikan responden adalah sarjana seramai 36 orang (61%) manakala sarjana muda adalah seramai 22 orang (37.3%) dan Phd hanya seorang (1.7%). Majoriti gaji responden adalah RM6001 hingga RM7000 seramai 19 orang (32.2%) manakala RM7001 ke atas adalah seramai 17 orang (28.8%), diikuti RM5001 hingga RM6000 seramai 15 orang (25.4%) dan RM4000 hingga RM5000 seramai 8 orang (13.6%).

Bahagian B: Faktor – faktor yang mempengaruhi persepsi pengguna terhadap produk berjenama tempatan

Persepsi pengguna terhadap pemilihan jenama tempatan dikaji dari faktor harga produk, kualiti produk dan kesetiaan jenama.

#### Faktor Harga Produk

Hasil dapatan faktor harga produk, menunjukkan responden paling ramai bersetuju (93.3%) bahawa mereka amat mementingkan harga apabila membeli sesuatu produk dengan min paling tinggi sebanyak 3.61. Nilai min paling rendah sebanyak 3.24 iaitu responden bersetuju (76.3%) hanya membeli sesuatu produk ketika potongan harga murah. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa responden amat mementingkan harga produk untuk pemilihan jenama tempatan, akan tetapi mereka tidak semestinya membuat pembelian walaupun terdapat potongan harga murah. Responden juga bersetuju (93.2%) bahawa harga bagi produk tempatan amat berpatutan berbanding dengan produk luar dengan nilai min sebanyak 3.41 malah mereka juga bersetuju (76.3%) bahawa mereka adalah pelanggan yang sensitif terhadap harga sesuatu produk dengan min adalah 3.37. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan responden bersetuju (96.6%) harga produk jenama tempatan adalah setaraf dengan kualitinya dengan min 3.31. Hanya sebahagian kecil responden (3.4%) sahaja yang tidak bersetuju tentang perkara ini. Ini bermaksud responden mementingkan harga produk yang berpadanan dengan kualiti jenama tersebut. Selain itu, responden juga bersetuju (77.97%) bahawa mereka sering membandingkan harga produk jenama tempatan dengan produk antarabangsa dengan min 3.29 sementara hanya 13 orang responden sahaja (22%) tidak bersetuju dengan keadaan ini. Dapatan ini selari dengan kajian Sangadji dan Sopiah (2013) iaitu harga mempunyai kesan relatif: sesetengah pengguna sensitif terhadap harga, manakala yang lain tidak mengambil kira harga semasa membuat keputusan pembelian. Manakala menurut kajian Muhammad Khalilur (2014), bebanan kenaikan harga terhadap barangan atau perkhidmatan akan menyebabkan pengguna beralih arah kepada jenama lain. Tajdar et al. (2015) mencadangkan bahawa jenama mesti datang bersama-sama dengan harga berpatutan. Hasil dapatan ini turut disokong Al-Mamun dan Rahman (2014), pengguna sangat rasional apabila mereka menilai faedah yang ingin diperolehi daripada pembelian produk atau perkhidmatan yang dibayar. Selain itu, Djatmiko dan Pradana (2015) membuktikan bahawa imej jenama dan harga merupakan faktor kukuh yang menentukan keputusan pembelian.

## Faktor Kualiti Produk

Dapatan bagi faktor kualiti produk, menunjukkan semua responden bersetuju (100%) bahawa kualiti adalah satu kriteria penting apabila membeli sesuatu produk dengan min paling tinggi sebanyak 3.76. Nilai min paling rendah (2.86) diperolehi dari dua item soalan iaitu responden tidak bersetuju (39%) dan bersetuju (61%). Mereka merasakan kualiti produk tempatan adalah lebih baik berbanding produk antarabangsa. Manakala responden tidak bersetuju (37.3%) dan bersetuju (62.7%) bahawa produk berjenama tempatan berkualiti tinggi berbanding jenama antarabangsa. Responden juga bersetuju (96.6%) bahawa mereka tidak kisah untuk membayar harga yang lebih asalkan kualiti produk adalah lebih baik dengan nilai min 3.56 dan hanya dua orang responden (3.4%) sahaja yang tidak bersetuju dengan perkara ini. Ini menunjukkan bahawa responden mementingkan kualiti produk untuk pemilihan jenama tempatan dan mereka merasakan kualiti dan jenama produk tempatan lebih baik berbanding produk antarabangsa. Menurut Kashi (2013) persepsi kualiti adalah pembolehubah penting yang mempunyai kesan ke atas niat membeli. Kualiti memainkan peranan penting untuk pengguna membuat keputusan dalam pemilihan jenama sesuatu produk. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan responden bersetuju (89.8%) bahawa mereka akan membeli barangan tempatan jika barangan tersebut berkualiti sahaja dengan nilai min 3.49 malah responden bersetuju (84.8%) mereka merasakan jenama tempatan adalah lebih berkualiti dengan nilai minnya 3.05. Hanya sembilan orang responden (15.3%) sahaja tidak bersetuju dengan keadaan ini. Hasil dapatan ini selaras dengan kajian Haji (2014) yang menunjukkan kualiti barangan yang rendah akan menyebabkan pengguna beralih arah kepada jenama lain. Terdapat persamaan dalam kajian Munisih dan Soliha (2015), yang menjelaskan bahawa peningkatan dalam nilai pelanggan memerlukan peningkatan dalam kualiti produk juga.

## Faktor Kesetiaan Jenama

Hasil dapatan kajian bagi faktor kesetiaan jenama menunjukkan responden tidak bersetuju (18.6%) dan bersetuju (81.3%) bahawa mereka mencadangkan produk jenama tempatan kepada pengguna lain dengan min paling tinggi sebanyak 2.98. Nilai min paling rendah sebanyak 2.56 iaitu responden tidak bersetuju (45.8%) dan bersetuju (54.3%) bahawa mereka hanya membeli produk jenama tempatan berbanding jenama luar. Responden juga bersetuju (83%) bahawa mereka membuat pembelian ulangan terhadap produk berjenama tempatan dengan min sebanyak 2.97 manakala hanya sepuluh orang responden sahaja (17%) yang tidak



bersetuju dengan hal ini. Dapatan kajian juga menunjukkan responden bersetuju (74.6%) bahawa mereka setia membeli produk berjenama tempatan dengan nilai min 2.93 malah responden bersetuju (64.4%) bahawa mereka sangat berpuas hati dengan produk jenama tempatan dengan min 2.73. Responden juga bersetuju (78%) bahawa mereka percaya terhadap produk berjenama tempatan dengan nilai min 2.88 malah mereka bersetuju (59%) bahawa produk jenama tempatan lebih menarik dengan min 2.68. Selain itu, responden bersetuju (54%) bahawa mereka hanya membeli produk tempatan berbanding jenama luar dengan nilai min adalah 2.56. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mencadangkan produk jenama tempatan kepada pengguna lain malah mereka membuat pembelian ulangan terhadap produk tersebut kerana mereka percaya dan berpuas hati dengan produk jenama tempatan. Hal ini menimbulkan kesetiaan pengguna terhadap pembelian produk berjenama tempatan. Ini selaras dengan kajian Hafeez dan Muhammad (2012) yang mempercayai bahawa kesetiaan dikaitkan dengan pelbagai faktor, iaitu kualiti, harga dan jenama sebagai ciri-ciri pelengkap kepada barangan yang berpotensi sebagai pemacu kepada kesetiaan jenama. Manakala menurut Wiryawan (2015) terhadap pembelian barangan mengikut kepada pembelian yang telah dirancang, di dapati 82 peratus responden sememangnya membuat keputusan pembelian berdasarkan jenama. Ini turut disokong oleh Djatmiko and Pradana (2015) bahawa imej jenama mempengaruhi keputusan pembelian dengan ketara.

## **8. KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada analisis dapatan yang telah dilakukan dapatlah disimpulkan bahawa responden memberikan jawapan yang positif terhadap ketiga-tiga faktor yang mempengaruhi persepsi pengguna terhadap pemilihan jenama tempatan. Kesemua faktor menunjukkan tahap yang sederhana terhadap pemilihan jenama tempatan tetapi faktor harga produk menunjukkan min yang paling tinggi (min 3.37) diikuti dengan faktor kualiti produk (min 3.20) sementara faktor kesetiaan jenama menunjukkan min paling rendah (min 2.82).

Komponen yang memperolehi skor min yang paling tinggi ialah komponen faktor harga iaitu 3.37. Ini mungkin kerana keadaan inflasi pada masa kini, di mana harga barangan meningkat menyebabkan pengguna berhati-hati membuat pembelian dan bertukar membeli jenama tempatan yang mempunyai kualiti setanding jenama global namun harganya jauh lebih murah.

## RUJUKAN

- [1] Al-Mamun, A. and Rahman, M.K. (2014). A critical review of consumers' sensitivity to price: Managerial and theoretical issues. *Journal of International Business and Economics*, 2(2), 01-09.
- [2] Ariffin, A. (24 November 2019, 2019). *astro awani*. Retrieved from astroawani.com: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-mahal-bukan-jaminan-kualiti-mutu-sesuatu-produk-kaji-selidik-223506>
- [3] Batra, R., Ramaswamy, V., Alden, D.L., Steenkamp, J.B.E. and Ramachander, S. (2000), "Effects of brand local and nonlocal origin on consumer attitudes in developing countries", *Journal of Consumer Psychology*, Vol. 9 No. 2, pp. 83-95.
- [4] Bei, L. T and Chiao, Y.C., 2001. An Integrated Model for The Effects of Perceived Product, Perceived Service Quality, and Perceived Price Fairness on Consumer Satisfaction and Loyalty. *Journal of Consumer Satisfaction, Dissatisfaction and Complaining Behavior*. No. 14. pp.125-140
- BERITA HARIAN. (2020, April 25). *sinar harian.com*. Retrieved from [www.sinarharian.com.m](http://www.sinarharian.com.m): <https://www.sinarharian.com.my/article/110736/BISNES/Kualiti-produk-tempatan-setanding-jenama-antarabangsa>
- [5] Champniss G., Vila F.R., (2012), "Değerli Marka: Sosyal Anlamda Değerli Markalar, Sürdürülebilir Bir Geleceğin ve Başarının Anahtarını Nasıl Elinde Tutuyor?", (L. Göktem), Optimist Yayınları, İstanbul.
- [6] Djatmiko, T., & Pradana, R. (2015). Brand image and product price: Its impact for samsung smartphone purchasing decision. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 221-227.
- [7] Ehsani, Z and Ehsani, M. H., 2015. Effect of Quality and Price on Customer Satisfaction and Commitment in Iran Auto Industry. *International Journal of Service Sciences, Management and Engineering*. No.1.Vol 5. pp.52- 56
- [8] Hafeez, S., & Muhammad, B. (2012). The impact of service quality, customer satisfaction and loyalty programs on customer's loyalty: Evidence from banking sector of pakistan. *International Journal of Business and Social Science*, 3(16), 200-209.
- [9] Hajli, M.N. (2014). A study of the impact of social media on consumers. *International Journal of Market Research*, 56(3), 387-404.
- [10] Holt, Douglas, John A. Quelch, and Earl L. Taylor, How Global Brands Compete. *Harvard Business Review* 82(9), 68-75, 136.
- [11] Johanson, G. A., & Brooks, G. P. (2010). Initial scale development: Sample size for pilot studies. *Educational and Psychological Measurement*, 70(3), 394-400.
- [12] Jones, K.H., Womble, M., & Searcy, C.A. (1996). T & I education students: Perceptions of courses. *Journal of Industrial Teacher Education*, 34, 82 – 101.
- [13] Keller, K. L., & Richey, K. (2006). The importance of corporate brand personality traits to a successful 21st century business. *Journal of Brand Management*, 14(1-2), 74-81.
- [14] Kapferer, J.N. (2002), "Is there really no hope for local brands?", *Journal of Brand Management*, Vol. 9 No. 3, pp. 163-170.
- [15] Kotler, P and Armstrong, G. 2012. Principle of Marketing.14th Edition. New Jersey. Published by Prentice Hal
- [16] Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- [17] Muhammad Khalilur, R. (2014). Empirical evaluation of customer loyalty in Malaysian retail outlets. *Journal of Marketing Management*, 2(2), 129-143.
- [18] Munisih, S., & Soliha, E. (2015). *Pengaruh kualitas produk terhadap nilai pelanggan dan kepuasan Pelanggan dan dampaknya pada loyalitas pelanggan apotek dela semarang*. Prosiding Seminar Nasional & Call for Papers. Semarang. Fakultas Ekonomika dan Bisnis Universitas STIKUBANK Semarang
- [19] Nalchi Kashi, A., Rasouliyan, M., & Boujari, H. (2013). The Survey of consumers' buying behavior towards external brands against domestic brands. *Development and Transformation Management*, 8, 47-56, (In Persian).
- [20] Sangadji, E.M., & Sopiah. (2013). Perilaku konsumen: Pendekatan praktis. *Himpunan Jurnal Penelitian*. Yogyakarta: Penerbit Andi.
- [21] Tajdar, S., Ahmad, S., Ahmad, J., & Khan, A. (2015). Customers' prescription of foreign versus local brands in the pharmaceutical industry of peshawar (Pakistan). *Review of Integrative Business & Economics Research*, 4(2), 378-396.
- [22] Yunus, F. amin N. (2015). *Pembangunan model pemindahan pembelajaran sistem latihan kemahiran malaysia berasaskan national occupational skill standard (Noss)*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- [23] Yusri bin Kamin (2000). *Perkembangan profesionalisme graduan kemahiran hidup lulusan UTM di Sekolah-sekolah di Negeri Johor* [Tesis master]. Universiti Teknologi Malaysia.
- [24] Wiryawan, Z.Z. (2015). *Brand loyalty sebagai prediktor repurchase intentions pada produk Levi's di Jakarta Barat*. [Karya Ilmiah]. Dosen Fakultas Ekonomi.

# KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP ULASAN ATAS TALIAN

**Rafedah Binti Husain**

*Jabatan Perdagangan*

*Politeknik Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah*

*rafedah@polimas.edu.my*

## **Abstrak**

Ulasan atas talian adalah bahagian asas pemasaran perniagaan pada abad ke-21. Ulasan atas talian boleh memainkan peranan penting dalam proses membuat keputusan pengguna. Salah satu perkara pertama yang akan dilakukan sebelum membeli produk atau membayar perkhidmatan ialah menyemak ulasan dalam taliannya. Malah ianya merupakan amalan biasa hari ini bagi sesebuah perniagaan untuk menggunakan khidmat ulasan berbayar untuk menyiarkan maklumat tentang produk syarikat dalam rangkaian sosial. Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan pengguna terhadap pemasaran ulasan atas talian seperti kualiti maklumat, kecenderungan emosi dan tahap kebolehppercayaan. Responden terdiri daripada pelajar semester 4 Diploma Pemasaran, Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (POLIMAS) yang berjumlah 69 orang. Kajian ini akan dijalankan secara kajian tinjauan. Pengumpulan data akan dibuat melalui instrumen soal selidik. Kesahan dan kebolehppercayaan data boleh dijamin melalui pengutipan dan penganalisaan data secara serentak dan akan dilaksanakan melalui analisis deskriptif. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap kepuasan pengguna terhadap ulasan atas talian adalah di peringkat sederhana namun mereka mudah terpengaruh dengan ulasan yang dibuat oleh selebriti atau 'influencer' di mana ianya mendorong emosi pengguna untuk membuat keputusan pembelian. Oleh yang demikian diharapkan pihak pemasar, peniaga produk dan perkhidmatan di Malaysia memberi penekanan yang lebih terhadap ulasan-ulasan dalam talian kerana ianya dapat membantu meningkatkan lagi perniagaan mereka dan memberi kepuasan kepada pengguna.

**Kata kunci:** *kepuasan pengguna, ulasan atas talian, pemasaran internet*

## **1. PENGENALAN**

Pembelian atas talian terutamanya di media sosial dan di platform perniagaan semakin menjadi pilihan pengguna dalam era yang semakin moden dan canggih terutamanya semasa dan selepas zaman pandemik Covid-19. Pengguna lebih gemar mendapatkan produk yang diinginkan mereka melalui atas talian kerana ianya cepat, menjimatkan masa dan tenaga di mana mereka tidak perlu beratur panjang, mengambil risiko dijangkiti Covid-19 dengan bersesak-sesak di pasaraya atau keluar masuk kedai bagi mendapatkan barangan yang diperlukan.

Salah satu perkara pertama yang akan dilakukan sebelum membeli produk atau membayar perkhidmatan atas talian ialah menyemak ulasan atas talian atau platform berkenaan. Ulasan atas talian secara sukarela mahupun berbayar pada dasarnya bertujuan untuk

memberi maklum balas dan pengalaman pelanggan yang menggunakan sesuatu produk. Ulasan secara sukarela selalunya menyentuh semua aspek tentang produk tersebut termasuk kelemahan produk tersebut contohnya seperti di platform perniagaan Shopee, Lazada, Agoda, Booking.com dan lain-lain. Namun ianya secara tidak langsung dapat membantu perniagaan membina jenama dalam talian serta kepercayaan dalam kalangan pelanggan mereka kerana ulasan tersebut tidak dipengaruhi oleh bayaran atau desakan dari syarikat perniagaan tersebut. Manakala ulasan yang berbayar pula, syarikat membayar artis atau selebriti berpengaruh untuk memberi maklumbalas yang positif sahaja berkaitan produk mereka. Kajian dalam Asia Pacific Public Relations Journal menunjukkan 70% pengguna akan dipengaruhi oleh ulasan sebelum membuat keputusan untuk membeli produk, Rohan Miller & Natalie Lammas (2011). Ini disokong oleh Charlton (2015), yang menyatakan pengguna boleh menggunakan ulasan atas talian (iaitu penilaian pengguna lain terhadap produk) dan ramai pengguna lebih mempercayai ulasan atas talian daripada cadangan daripada rakan dan keluarga mereka.

## **1.1 PENYATAAN MASALAH**

Pada masa kini kebanyakan pengguna-pengguna di Malaysia terpengaruh dengan ulasan atas talian sama ada secara percuma ataupun berbayar dalam membuat keputusan pembelian. Namun sejauh manakah kepuasan pengguna terhadap ulasan atas talian yang diulas oleh pengguna-pengguna sebelum itu? Terdapat pelbagai artikel yang membincangkan tentang penipuan atau ketidaktelusan terhadap ulasan yang diberikan oleh pengguna terdahulu sebagai contoh dari akhbar harian Metro yang bertajuk “Awas beli produk tiruan, jangan mudah percaya ulasan”. (Harian Metro, 14 Ogos 2021).

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan pengguna terhadap ulasan atas talian seperti kualiti maklumat, kecenderungan emosi dan tahap kebolehpercayaan, sama ada secara berbayar ataupun sukarela di platform perniagaan dan juga di media sosial. Di awal kajian ini akan memberikan tumpuan terhadap pengetahuan kefahaman pelajar-pelajar semester 4 Diploma Pemasaran, Politeknik Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah tentang ulasan atas talian di media sosial dan platform perniagaan.

## **1.2 OBJEKTIF KAJIAN**


Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk mengenalpasti kepuasan pengguna terhadap ulasan atas talian bagi membantu mereka membuat keputusan pembelian.

Manakala objektif khusus kajian adalah:

- i. Untuk mengenalpasti faktor kualiti maklumat terhadap kepuasan ulasan atas talian.
- ii. Untuk mengenalpasti faktor kecenderungan emosi terhadap kepuasan ulasan atas talian.
- iii. Untuk mengenalpasti faktor kebolehppercayaan terhadap kepuasan ulasan atas talian.

### 1.3 RANGKA KERJA TEORITIKAL

Jadual 1 di bawah menunjukkan rangka kerja pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar mengenai kepuasan pengguna terhadap ulasan atas talian.



## **2. KAJIAN LITERATUR**

Terdapat dua jenis ulasan dalam talian yang dibuat oleh pelanggan iaitu ulasan secara sukarela dan juga berbayar. Park dan Lee (2009), menyatakan bahawa ulasan dalam talian ada yang positif dan negatif terhadap produk telah dijual di platform perniagaan dalam talian. Ulasan berbayar atau paid review sebenarnya tidak asing lagi dalam dunia perniagaan atas talian hari ini terumatanya di media sosial. Para peniaga akan membayar artis atau selebriti yang berpengaruh untuk membuat ulasan yang positif tentang produk mereka. Ulasan-ulasan yang baik ditambah dengan selebriti yang popular dan mempunyai ramai pengikut biasanya akan menjadi tular dalam Internet dan ini memberi impak yang sangat positif kepada produk dan perniagaan. Pernyataan ini disokong oleh Ahmad Sufian Che Abdullah (2018) yang menyatakan syarikat perniagaan sanggup membayar harga yang tinggi kepada pengulas yang berpengaruh, bergantung kepada populariti dan kredibiliti pengulas bagi membuat ulasan dalam mempromosikan produk mereka.

Lo & Yao (2019) juga menyatakan ulasan yang ditulis oleh pakar secara konsisten sangat berfaedah dalam memberikan penilaian, dengan persepsi yang lebih tinggi, dan berkredibiliti. Mudambi dan Schuff (2010) pula menyatakan ulasan dalam talian merujuk kepada maklumat penilaian yang dijana oleh pelanggan dan disiarkan di laman web syarikat atau pihak ketiga. Dengan maklumat ini, pelanggan boleh membuat pertimbangan tentang kualiti barangan mengikut ulasan dan pengalaman pengguna yang terdahulu, di samping dapat mengurangkan pembaziran masa mereka dan risiko pembelian.

Kepuasan boleh ditakrifkan sebagai bagaimana pengguna berpuas hati dengan jenama atau pandangan tertentu tentang produk atau perkhidmatan yang sepadan dengan keperluan. Ianya merupakan salah satu kunci kepada sesebuah perniagaan di mana ianya adalah suatu keadaan di mana segala keinginan, kehendak serta harapan seseorang pelanggan itu dapat dipenuhi. Shamsudin M. F., Razak A. A., Salem M. A. (2018) menyatakan organisasi mengutamakan pengguna mereka dengan memenuhi keperluan mereka dan bantuan yang diperlukan bagi memberikan kepuasan. Ini disokong oleh Kotler & Armstrong (2012), yang menyatakan kepuasan dan nilai seseorang pelanggan itu mempunyai kaitan dengan kualiti produk yang mana ianya memberi kesan yang ketara terhadap prestasi perkhidmatan atau produk.

Melalui platform media sosial, pengguna bebas menulis atau mengeluarkan pendapat, berkongsi, dan menggunakan maklumat atau ulasan (Leist, 2013). Sistem media sosial direkabentuk secara mesra pengguna bagi menggalakkan pengguna memberikan komen berdasarkan produk dan perkhidmatan oleh kebanyakan perniagaan. Malah ada firma yang telah merekabentuk bahagian ulasan untuk memudahkan pengguna memberi komen dan pengguna baharu membaca komen tersebut. Demangeot dan Broderick (2007) menyatakan pengalaman dalam mencari maklumat mempengaruhi sikap pengguna terhadap laman web syarikat dan imej syarikat tersebut. Maklumat yang dipaparkan dalam sesebuah laman web juga haruslah berkualiti dan menarik minat pengunjung laman web tersebut. Ini disokong oleh Guoyin Jiang, Fen Liu, Wenping Liu, Shan Liu, Yufeng Chen, Dongming Xu (2021) yang menyatakan kualiti maklumat merujuk kepada pertimbangan subjektif pengguna terhadap ciri-ciri maklumat yang disampaikan sama ada ianya memenuhi keperluan mereka sendiri dan boleh digunakan atau sebaliknya.

Sesetengah individu merasakan emosi ketika membeli-belah secara dalam talian sebagai satu keseronokan, pengalaman yang menarik dan ketenangan jiwa dengan persekitaran yang berbeza-beza dari suasana kedai yang biasa. Tambahan pula mereka boleh membaca atau menonton ulasan tentang produk daripada pengguna terdahulu untuk membantu mereka membuat keputusan pembelian. Pernyataan ini disokong oleh Mohan, Sivakumaran., & Sharma (2013) yang menyatakan ulasan positif atau negatif dan emosi suka atau tidak suka, merupakan hubungan yang wujud dalam media perniagaan digital dan ianya memberikan pengaruh interpersonal yang kuat terhadap tingkah laku keputusan pembelian pengguna.

### **3. METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang bertujuan mengumpul data daripada satu set populasi. Pendekatan kuantitatif melibatkan pengumpulan data yang dilakukan dengan menggunakan soalselidik.

##### **3.1.1 Populasi dan Sampel**

Populasi terdiri daripada 69 orang pelajar semester 4 Diploma Pemasaran, Jabatan Perdagangan POLIMAS



### 3.1.2 Instrumentasi Kajian

Instrumen kajian digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik di mana kaedah soal selidik ini amat sesuai digunakan di dalam kajian berbentuk tinjauan. Borang soal selidik ini diedarkan kepada responden. Menurut Gillham (2000) dan Brown (2021), terdapat beberapa sebab mengapa borang soal selidik menjadi pilihan kebanyakan pengkaji di mana ia merupakan kaedah yang paling mudah dan murah serta dapat menjimatkan masa. Pengkaji boleh memperolehi data atau maklumat dari jumlah responden yang lebih ramai dan cepat.

Malahan mendapat kerjasama daripada responden dan responden boleh memilih tempat dan masa yang mereka mahukan bagi melengkapkan borang soal selidik yang diberikan. Soalan tertutup lebih mudah kerana keseragaman jawapan responden dan ia lebih mudah untuk dianalisis.

Soal selidik mengandungi dua bahagian. Bahagian A meninjau maklumat peribadi responden, Bahagian B mengandungi soalan berkaitan pengetahuan pengalaman responden. Bahagian C pula mengandungi soalan yang terdiri daripada tiga konstruk iaitu, kualiti maklumat, kecenderungan emosi dan faktor kepercayaan. Manakala bahagian D pula mengandungi soalan berkaitan faktor kepuasan.

Bahagian C dan D (soalan) menggunakan Linear Skala Likert seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2

Maklum Balas Responden Mengikut Skala Likert Empat Mata

Skala	Jawapan
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak bersetuju
3	Bersetuju
4	Sangat bersetuju

#### 4. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dianalisis mengikut bahagian. Analisis data bagi Bahagian A dan B dibuat secara kuantitatif mengikut kekerapan dan peratus. Manakala pada Bahagian C dan D pula, data dianalisis secara kuantitatif mengikut peratusan dan min.

##### **Bahagian A: Latar Belakang Responden**

	Frequency	Percent	Valid Percent
LELAKI	19	27.5	27.5
PEREMPUAN	50	72.5	72.5
Total	69	100.0	100.0

Jadual 1.3

Kajian ini melibatkan 69 orang pelajar semester 4 Diploma Pemasaran, Jabatan Perdagangan POLIMAS yang terdiri daripada 50 orang pelajar perempuan (72.5%), dan 19 orang pelajar lelaki (27.5%).

	Frequency	Percent	Valid Percent
MELAYU	60	87.0	87.0
CINA	7	10.1	10.1
INDIA	1	1.4	1.4
LAIN- LAIN	1	1.4	1.4
Total	69	100.0	100.0

Jadual 1.4

Bagi bangsa pula, majoriti responden berbangsa Melayu iaitu 60 orang (87.0%) diikuti bangsa Cina 7 orang (10.1%) manakala bangsa India dan lain-lain masing-masing mempunyai 1 orang sahaja yang membawa kepada (1.4%).

##### **Bahagian B: Pengetahuan Pengalaman Pengguna Tentang Kepuasan Pengguna Terhadap Ulasan Atas Talian**

### Mengetahui dan pernah menonton/membaca ulasan atas talian

	Frequency	Percent	Valid Percent
YA	67	97.1	97.1
TIDAK	2	2.9	2.9
Total	69	100.0	100.0

Jadual 1.5

Merujuk kepada Jadual 1.5 di atas, majoriti responden iaitu 67 orang (97.1%) mengetahui dan pernah membaca atau menonton ulasan atas talian dan hanya 2 orang sahaja (2.9%) yang tidak pernah mengetahui dan pernah membaca atau menonton ulasan atas talian.

### Platform yang digunakan - menonton/membaca ulasan atas talian

PLATFORM	FREKUENSI	PERATUSAN
TIK TOK	38	55.07
INSTAGRAM	46	66.67
FACEBOOK	22	31.88
SHOPEE	30	43.48
LAIN-LAIN	1	1.45

Jadual 1.6

Merujuk kepada Jadual 1.6 di atas, platform yang paling kerap digunakan oleh responden untuk menonton atau membaca ulasan atas talian adalah Instagram iaitu 46 orang (66.67%) diikuti Tik Tok iaitu 38 orang (55.07%). Bagi platform Shopee pula 30 orang (43.48%) manakala Facebook pula adalah 22 orang (31.88%) dan hanya 1 orang (1.45%) yang memilih untuk menonton atau membaca ulasan atas talian di lain-lain platform iaitu Youtube.

### Kategori produk - menonton/membaca ulasan atas talian

KATEGORI	FREKUENSI	PERATUSAN
MAKANAN	44	63.77
PAKAIAN	51	73.91
KOSMETIK	44	63.77
GAJET	26	37.68
LAIN-LAIN	3	4.35

### Jadual 1.7

Merujuk kepada Jadual 1.7 di atas, kategori produk yang paling kerap dilayari oleh responden untuk menonton atau membaca ulasan atas talian adalah kategori pakaian iaitu 51 orang (73.91%) diikuti kategori makanan dan kosmetik yang mempunyai bilangan dan peratusan yang sama iaitu 44 orang (63.77%). Bagi kategori gajet pula 26 orang (37.68%) manakala hanya 3 orang (4.35%) yang memilih untuk menonton atau membaca ulasan atas talian pada lain-lain kategori seperti alat sukan dan kereta.

Bahagian C: Faktor – faktor yang mempengaruhi kepuasan pengguna terhadap ulasan atas talian

Secara keseluruhannya, perbincangan dapatan kajian ini bagi Bahagian C dan D adalah berdasarkan objektif dan soalan kajian yang ditetapkan. Dapatan kajian ini akan berfokus kepada dua aspek iaitu paparan data dan interpretasi data. Paparan data merupakan hasil proses data mentah daripada maklum balas responden terhadap instrumen soal selidik, manakala interpretasi data pula melibatkan proses memberi makna dan kesignifikanan kepada analisis. Skor min yang diperoleh akan diinterpretasikan berdasarkan skala Likert empat mata yang diadaptasi daripada (Riduwan, 2015) seperti dalam Jadual 1.8 di bawah.

### **Interpretasi Skor Min Skala Likert Empat Mata**

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi Min</b>
<b>1.00 – 1.50</b>	Sangat Rendah
<b>1.51 – 2.50</b>	Rendah
<b>2.51 – 3.50</b>	Sederhana
<b>3.51 – 4.00</b>	Tinggi

### Jadual 1.8

Kepuasan pengguna terhadap ulasan atas talian dikaji dari kualiti maklumat, kecenderungan emosi dan faktor kepercayaan.

## Faktor Kualiti Maklumat

Hasil dapatan untuk kualiti maklumat, menunjukkan responden paling ramai bersetuju (89.9%) bahawa maklumat produk diterangkan secara ringkas oleh pengguna yang lain atau selebriti (influencer) dengan min paling tinggi sebanyak 3.25. Nilai min paling rendah sebanyak 2.83 iaitu responden bersetuju (76.8%) maklumat yang disampaikan dalam ulasan dalam talian tidak mengelirukan. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa responden amat memerlukan maklumat yang terperinci mengenai sesuatu produk namun responden namun bersetuju walaupun maklumat yang disampaikan agak ringkas tetapi ianya tidak mengelirukan. Responden juga berpuashati (88.4%) dengan maklumat jujur yang disampaikan melalui ulasan atas talian dengan nilai min sebanyak 3.13 malah mereka juga bersetuju (89.9%) bahawa maklumat yang disampaikan dalam ulasan atas talian adalah jelas dengan min adalah 3.07. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan responden bersetuju (76.8%) maklumat yang disampaikan dalam ulasan atas talian adalah jelas dengan min 2.84.

Dapatan ini selari dengan kajian Salaiun dan Flores (2001) yang menyatakan maklumat menjadi satu keperluan asas untuk membina perkongsian aktif antara peniaga dan pelanggan, tambahan pula jumlah perniagaan yang sedang menjalankan perniagaan atas talian meningkat dengan pesatnya (Hoffman dan Novak, 1996). Menurut DeLone dan McLean (2004) kualiti maklumat secara signifikan mempengaruhi kejayaan firma yang menjalankan perniagaan atas talian kerana ia mempengaruhi keputusan pengguna untuk membuat pembelian atas talian, termasuk kepelbagaian maklumat, kandungan maklumat dan reka bentuk laman web (Huizingh, 2000). Hasil dapatan ini turut disokong oleh Floh dan Treiblmaier (2006), yang menyatakan kualiti maklumat turut mempengaruhi kepercayaan dan kesetiaan pengguna di samping kandungan laman web dan reka bentuknya memberi kesan terhadap kepercayaan dan kesetiaan pengguna (Mithas, S., Ramasubbu, N., Krishnan, M.S. and Fornell, C., 2006).

## Faktor Kecenderungan Emosi

Dapatan bagi faktor kecenderungan emosi, nilai min paling tinggi sebanyak 3.59 untuk kedua-dua item iaitu semua responden bersetuju (98.6%) bahawa mereka lebih yakin untuk membuat keputusan pembelian dengan adanya ulasan atas talian dan mereka juga bersetuju (97.1%) mereka perlu melihat maklumbalas daripada ulasan atas talian sebelum membuat pembelian.

Ini disokong oleh kajian Ba dan Pavlou (2002) menunjukkan bahawa ulasan pengguna atas talian ditambahbaik dan dipertingkatkan kerana pengguna bukan sahaja melihat ulasan ke atas produk namun terhadap kredibiliti penjualnya juga bagi meningkatkan keyakinan pengguna untuk membuat pembelian.

Nilai min paling rendah bagi faktor kecenderungan emosi ialah 3.06 responden bersetuju (88.6%) kesungguhan yang dipamerkan oleh pengguna/ selebriti dalam video ulasan produk mendorong mereka untuk membuat keputusan pembelian. Responden juga bersetuju (88.4%) bahawa mereka perlu melihat video promosi ulasan sebelum membuat keputusan pembelian dengan nilai min 3.36. Ini adalah kerana ulasan yang dibuat oleh selebriti selalunya ulasan yang positif kerana mereka dibayar untuk membuat ulasan. Dapatan ini disokong oleh kajian oleh Cheung dan Lee (2008), yang menyatakan bahawa ulasan pengguna dalam talian yang positif mempunyai kesan yang lebih kuat dengan ketara terhadap hubungan antara kepercayaan dan niat hingga mendorong pengguna untuk membuat pembelian atas talian berbanding ulasan yang negatif. Dengan nilai min sebanyak 3.16, responden bersetuju (75.3%) mereka membeli produk ulasan atas talian dengan jangkaan dan harapan yang tinggi kerana ia tular (viral) di media sosial.

#### Faktor Kebolehpercayaan

Hasil dapatan kajian bagi faktor kepercayaan menunjukkan responden tidak bersetuju (7.2%) dan bersetuju (92.5%) bahawa semakin ramai yang membuat pembelian terhadap produk yang mempunyai ulasan atas talian, maka semakin tinggi kepercayaan responden untuk mencuba produk tersebut dengan min paling tinggi sebanyak 3.42. Nilai min paling rendah sebanyak 2.86 iaitu responden tidak bersetuju (26.1%) dan bersetuju (73.9%) bahawa mereka lebih percaya kepada ulasan yang dibuat atas talian. Ini disokong oleh kajian AC Neilson (2007) mendapati lebih daripada 90 peratus responden dalam Amerika Syarikat mendakwa keputusan mereka untuk membeli produk atau perkhidmatan sebahagian besarnya dipengaruhi oleh cadangan rakan mereka dan kajian itu juga turut mendapati kebanyakan pengguna berpendapat ulasan pengguna atas talian adalah boleh dipercayai. Responden juga bersetuju (79.7%) bahawa semakin tinggi bilangan disukai (likes) dan tontonan (view) ulasan atas talian, maka mereka semakin percaya untuk mereka membuat pembelian dengan min sebanyak 3.19.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden bersetuju (73.9%) bahawa jumlah pengikut akaun penjual di media sosial mempengaruhi kepercayaan mereka untuk membuat pembelian produk dengan nilai min 3.03 malah responden bersetuju (76.8%) bahawa produk yang diulas oleh influencer yang terkenal meningkatkan keyakinan dan kepercayaan mereka untuk membuat pembelian dengan min 3.00. Ini selaras dengan kajian Wong (2014) menyatakan pemasaran menggunakan influencer adalah amalan semakin mendapat tempat dan tular kebelakangan ini, dan boleh ditakrifkan sebagai satu bentuk pemasaran yang bertujuan untuk membina hubungan dan kepercayaan dengan pengguna seterusnya mempengaruhi mereka untuk membuat pembelian.

#### Bahagian D: Faktor kepuasan terhadap ulasan atas talian

##### Faktor Kepuasan

Hasil dapatan kajian bagi faktor kepuasan pengguna menunjukkan responden bersetuju (91.3%) bahawa proses pembelian melalui promosi atas talian sangat mudah dengan nilai min paling tinggi sebanyak 3.22. Nilai min paling rendah sebanyak 3.06 iaitu responden bersetuju (91.3%) bahawa mereka berpuas hati dengan influencer yang melakukan ulasan atas talian dan hanya sebilangan kecil sahaja yang tidak bersetuju (8.7%). Responden juga bersetuju (89.9%) bahawa mereka berpuashati terhadap promosi ulasan atas talian hingga mendorong mereka untuk membuat pembelian ulang dengan min sebanyak 3.19. Dapatan kajian juga menunjukkan responden bersetuju (92.7%) bahawa amat berpuashati dengan produk yang dibeli melalui promosi ulasan atas talian dengan min 3.13. Responden juga bersetuju (89.9%) bahawa mereka berpuashati dengan ketepatan maklumat yang diberikan melalui promosi ulasan atas talian dengan nilai min 3.09.

Dapatan ini selari dengan kajian (Park et al., 2010), yang menyatakan keputusan pembeli secara signifikan mempengaruhi kepuasan mereka terhadap produk atau perkhidmatan dan sekiranya pembeli berpuas hati dengan produk atau perkhidmatan yang mereka beli dalam talian, ianya akan memberi kesan yang ketara terhadap niat pembelian ulang mereka (Butt et al., 2017). Ini turut disokong oleh Bechwati dan Xia (2003) bahawa kepuasan pengguna mempengaruhi tingkah laku mereka untuk membeli semula, manakala Tandon (2021) pula menyatakan bahawa pengguna yang berpuas hati dengan produk atau perkhidmatan yang diperolehi mereka akan berasa gembira.

## 5. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis dapatan yang telah dilakukan dapatlah disimpulkan bahawa responden memberikan jawapan yang positif terhadap ketiga-tiga faktor yang mempengaruhi kepuasan pengguna terhadap ulasan atas talian. Kesemua faktor menunjukkan tahap yang sederhana terhadap kepuasan ulasan atas tetapi faktor kecenderungan emosi menunjukkan min yang paling tinggi (min 3.35) diikuti dengan faktor kebolehpercayaan (min 3.09) sementara faktor kualiti maklumat menunjukkan min paling rendah (min 3.02). Ini mungkin kerana pelajar lebih mudah terpengaruh dengan *influencer* dan video promosi sehingga mendorong emosi mereka untuk membuat pembelian produk.

## RUJUKAN

- [1] ACNielsen (2007), Seek & You Shall Buy. Entertainment and Travel [online]. Available at: <http://www.acnielsen.com/news/20051019.html> [Accessed 3 November 2012]
- [2] Ahmad Sufian Che Abdullah (2018). Isu Viral Marketing dan Paid Review dalam pemasaran Internet: Analisis Perspektif Syariah,1-9. Retrieved From <http://muamalat.my/v6/wp-content/uploads/viralmarketing.pdf>.
- [3] Ba, S. & Pavlou, P.A. (2002). Evidence of the Effect of Trust Building Technology in Electronic Markets: Price Premiums and Buyer Behavior. *MIS Quarterly*, 26(3), 243-268.
- [4] Bechwati, N. N., and Xia, L. (2003). Do computers sweat? the impact of perceived effort of online decision aids on consumers' satisfaction with the decision process. *J. Consum. Psychol.* 13, 139–148. doi: 10.1207/S15327663JCP13-1andamp;2\_12
- [5] Brown, J. D. 2001. Using Surveys In Language Programs. Cambridge: CUP
- [6] Butt, M. M., Rose, S., Wilkins, S., and Haq, J. U. (2017). MNCs and religious influences in global markets: drivers of consumer-based halal brand equity. *Int. Market. Rev.* 12:277. doi: 10.1108/IMR-12-2015-0277
- [7] Charlton, G. 2015. Ecommerce consumer reviews: Why you need them and how to use them. <https://econsultancy.com/blog/9366-ecommerce-consumer-reviews-why-you-need-them-and-how-touse-them>
- [8] Cheung, C. M. K. & Lee, M. K. O. (2006). Understanding Consumer Trust in Internet Shopping : A Multidisciplinary Approach. *Journal of the American Society for Information Science and Technology*, 57(4), 479 – 492.
- [9] DeLone, W.H. and McLean, E.R. (2004) ‘Measuring e-commerce success: applying the DeLone & McLean Information Systems Success Model’, *International Journal of Electronic Commerce*, Vol. 9, No. 1, pp.31–47.
- [10] Demangeot, C. dan Broderick, A.J. 2007. Conceptualising consumer behaviour in online shopping environments. *International Journal of Retail & Distribution Management*. 35 (11): 878-894.
- [11] Floh, A. and Treiblmaier, H. (2006) ‘What keeps the e-banking customer loyal? A multigroup analysis of the moderating role of consumer characteristics on e-loyalty in the financial service industry’, *Journal of Electronic Commerce Research*, Vol. 7, No. 2, pp.97–110.



- [12] Gillham, B. 2000. Developing a Questionnaire. London: Continuum
- [13] Guoyin Jiang, Fen Liu, Wenping Liu, Shan Liu, Yufeng Chen, Dongming Xu (2021). Effects of information quality on information adoption on social media review platforms: moderating role of perceived risk. *Data Science and Management*, Vol.1, Issue 1, 13-22
- [14] Hoffman, D.L. and Novak, T.P. (1996) 'Marketing in hypermedia computer-mediated environments: conceptual foundations', *Journal of Marketing*, Vol. 60, No. 3, pp.50–68.
- [15] Huizingh, E.K.R.E. (2000) 'The content and design of web sites: an empirical study', *Information & Management*, Vol. 37, No. 3, pp.123–134.
- [16] Kotler, P and Armstrong, G. 2012. *Principle of Marketing*.14th Edition. New Jersey. Published by Prentice Hal
- [17] Ling, L. P., & Yazdanifard, R. (2015). What internal and external factors influence impulsive buying behavior in online shopping? *Global Journals Inc*, 15(5), 24-32. <http://www.journalofbusiness.org/index.php/GJMBR/article/view/1703>.
- [18] Leist, AK. Social media use of older adults: a mini-review. *Gerontology* 2013; 59(4): 378-84
- [19] Mithas, S., Ramasubbu, N., Krishnan, M.S. and Fornell, C. (2006) 'Designing web sites for customer loyalty across business domains: a multilevel analysis', *Journal of Management Information Systems*, Vol. 23, No. 3, pp.97–127
- [20] Mohan, G., Sivakumaran, B., & Sharma, P. (2013). Impact of store environment on impulse buying behavior. *European Journal of Marketing*, 47(10), 1711–1732. <https://doi.org/10.1108/EJM-03-2011-0110>.
- [21] Mudambi, S.M. and Schuff, D. (2010) What Makes a Helpful Review? A Study of Customer Reviews on Amazon. com. *MIS Quarterly*, 34, 185-200.
- [22] Park, C. and Lee, T.M. (2009) Information Direction, Website Reputation and eWOM Effect: A Moderating Role of Product Type. *Journal of Business Research*, 62, 61-67. <http://dx.doi.org/10.1016/j.jbusres.2007.11.017>
- [23] Park, D.-H., Lee, J., Han, I., 2007. The Effect of On-Line Consumer Reviews on Consumer Purchasing Intention: The Moderating Role of Involvement. *Int. J. Electron. Commer* 11(4), 125-148
- [24] Park, E. O., Chung, K. H., and Shin, J. I. (2010). The relationship among internal marketing, internal customer satisfaction, organizational commitment and performance. *Product. Rev.* 24, 199–232. doi: 10.15843/kpapr.24.2.201006.199
- [25] Riduwan (2012) *Skala Pengukuran Variable-variable: Penelitian*. Alfabeta, Bandung.
- [26] Rohan Miller & Natalie Lammas (2011), Social media and its implications for viral marketing, *Asia Pacific Public Relations Journal*, Vol. 11, h. 1
- [27] Shamsudin M. F., Razak A. A., Salem M. A. (2018). The role of customer interactions towards customer satisfaction in theme parks experience. *Opcion* 34, 546–558.
- [28] Salaün, Y. and Flores, K. (2001) 'Information quality: meeting the needs of the consumer', *International Journal of Information Management*, Vol. 21, No. 1, pp.21–37.
- [29] Tandon, U., Kiran, R., and Sah, A. N. (2016). Understanding online shopping adoption in India: unified theory of acceptance and use of technology 2 (UTAUT2) with perceived risk application. *Serv. Sci.* 8, 420–437. doi: 10.1287/serv.2016.0154
- [30] Tuckman, Bruce W. (1988). *Conducting Educational Research*. San Diego, California: Harcourt Brace
- [31] Wells, J. D., Parboteeah, D. V., & Valacich, J. S. (2011). Online impulse buying: Understanding the interplay between consumer impulsiveness and website quality.

Journal of the Association for Information Systems, 12(1), 32–56.  
<https://pdfs.semanticscholar.org/475c/842bbdeba78605e777bcce1991b847673c36.pdf>.

- [32] Wong, K. (2014). The Explosive Growth Of Influencer Marketing And What It Means For You. Retrieved September, 21st, 2016, from <http://www.forbes.com/sites/kylewong/2014/09/10/the-explosive-growth-ofinfluencer-marketing-and-what-it-means-for-you/#6618e09595f1>

# PEMUPUKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ALGEBRA PELAJAR MELALUI KAEDAH MODEL BAR DALAM PDPR MATEMATIK

Janet Jahudin, Nyet Moi Siew

*Fakulti Psikologi dan Pendidikan,*

*Universiti Malaysia Sabah*

*[janetjahudin@gmail.com](mailto:janetjahudin@gmail.com) , [sopiah@ums.edu.my](mailto:sopiah@ums.edu.my)*

## Abstrak

Kemahiran berfikir algebra merupakan salah satu elemen yang dititikberatkan dalam penandaarasan PISA (Programme for International Student Assessment) dan TIMSS (Trends in International Mathematics and Science Study). Namun kemahiran berfikir algebra dalam kalangan pelajar Malaysia didapati masih berada dalam tahap penandaarasan yang rendah. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat kesan kaedah model bar terhadap kemahiran berfikir algebra pelajar. Ujian pra serta ujian pasca digunakan sebagai intervensi kajian. Kajian yang berbentuk kajian eksperimental telah dilaksanakan ke atas 90 orang pelajar Tingkatan Satu dari sebuah sekolah di Daerah Tuaran, Sabah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eskperimen ujian pra dan pasca. Sampel kajian dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu kumpulan kaedah pembelajaran i) Model Bar (MB, n=30) , ii) Model Bar dan Pembelajaran Koperatif (MBPK, n= 30) dan konvensional (TR, n = 30). Ujian statistik inferensi ANOVA Sehalu (One-way Analysis of Variances Test) digunakan untuk menganalisis dapatan kajian ini. Hasil analisis ANOVA sehalu menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min ujian pasca antara kumpulan MB, kumpulan MBPK dan kumpulan TR ( $F(2, 87) = 9.316, p < .05$ ). Perbezaan yang signifikan dalam skor min untuk ujian pasca hanya dapat dilihat di antara kumpulan TR dengan kumpulan MB ( $P = 0.019$ ) dan antara kumpulan TR dengan kumpulan MBPK ( $P = 0.000$ ) manakala perbezaan yang tidak signifikan ditunjukkan antara kumpulan MB dan MBPK ( $P = 0.304$ ). Maka, dicadangkan guru matematik menggunakan Model Bar sebagai alat bantu mengajar untuk meningkatkan Kemahiran Berfikir Algebra pelajar.

**Kata Kunci** *Kemahiran berfikir algebra, model bar, pembelajaran koperatif, PdPr*

## Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia mula mengalami beberapa perubahan secara berperingkat impak daripada penularan virus COVID-19 yang melanda seluruh dunia sejak tahun 2019 sehingga kini. Salah satu perubahan yang sangat ketara ialah peralihan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dahulunya dilaksanakan secara bersemuka kepada pelaksanaan atas talian ataupun lebih dikenali sebagai Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPr) bermula dari peringkat sekolah hingga ke peringkat universiti. Perubahan PdPr ini sedikit sebanyak membawa kepada satu perubahan positif namun terdapat juga kesan negatif yang timbul dari pelaksanaan PdPr. Salah satu subjek yang terkesan dalam proses PdPr ialah Matematik. Seperti yang kita tahu Matematik melibatkan banyak cabang kemahiran yang memerlukan kehadiran guru secara fizikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk memudahkan pelajar

memahami isi kandungan pembelajaran. Namun impak PdPr ini telah membataskan proses pembelajaran bersemuka dan menyebabkan limitasi kepada proses pengajaran dan pembelajaran serta penguasaan murid terhadap subjek Matematik. Hal ini bukan sahaja menyebabkan pelajar ketinggalan dalam pembelajaran semasa PdPr terutama bagi pelajar yang lemah, malahan turut menyebabkan pelajar tidak berminat dalam mempelajari subjek Matematik. Salah satu langkah untuk mengatasi masalah ini adalah dengan mengubah suai proses pengajaran dan pembelajaran secara kreatif untuk merangsang minat pelajar serta dalam masa yang sama memupuk kemahiran matematik pelajar terutama sekali dalam aspek kemahiran berfikir. Kajian ini mengutamakan salah satu kemahiran matematik iaitu kemahiran berfikir algebra memandangkan pembelajaran algebra seringkali dianggap sebagai satu pembelajaran yang rumit dan abstrak. Sejak berkurun lamanya kemahiran berfikir algebra telah menjadi tunjang utama dalam pendidikan matematik (Rittle-Johnson, Matthews, Taylor, & McEldoon, 2011; Carraher & Schliemann, 2007; Jacobs, Franke, Carpenter, Levi & Battey, 2007; Blanton & Kaput, 2003). Menurut Othman (2010), algebra merupakan suatu komponen yang harus didedahkan kepada murid sejak dari awal pembelajaran lagi kerana algebra mampu menyediakan jalan untuk berfikir dalam sesuatu situasi. Dalam usaha membudayakan kemahiran berfikir algebra dalam kalangan pelajar khususnya di Malaysia, guru perlu mengambil inisiatif untuk mempelbagaikan strategi pengajaran dalam mana-mana topik algebra (Blanton & Kaput, 2003:10) kerana pembelajaran tradisional dilihat tidak lagi memenuhi keperluan dalam usaha memupuk kemahiran berfikir algebra. Justeru, penyelidikan ini merungkai persoalan sama ada kaedah Model Bar berkesan dalam pemupukan kemahiran berfikir algebra terutama yang melibatkan penyelesaian masalah algebra dalam PdPr.

### **Pernyataan Masalah**

Dalam pembelajaran Matematik di Malaysia samaada kita sedar ataupun tidak, sememangnya tidak wujud satu bentuk pengenalan yang formal dalam kurikulum matematik dalam transformasi ke arah pembelajaran algebra daripada pembelajaran aritmetik. Ini menyebabkan rata-rata pelajar bertanggapan bahawa penglibatan pembolehubah dalam penyelesaian masalah merupakan suatu pembelajaran yang baru dan asing. Adalah sukar bagi pelajar mengadaptasi perubahan ini secara drastik sehinggakan pelajar tidak berupaya dalam mengembangkan kemahiran berfikir algebra kerana terlalu terikat dengan kemahiran asas aritmetik sejak di sekolah rendah. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa dalam peringkat sekolah rendah, penekanan dalam subjek matematik hanya berpusat kepada nombor dan kemahiran mengira (Van den Heuvel-Panhuizen, Kolovou, & Robitzsch, 2013). Disebabkan hal ini, pelajar sukar

untuk memahami simbol, konsep dan kemahiran menaakul dalam pembelajaran algebra apabila mereka berada di sekolah menengah (Spang, 2009). Di Malaysia, bidang algebra mula diajar secara formal semasa pelajar berada di tingkatan satu. Jika dilihat dalam kandungan buku teks sekolah rendah memang terdapat soalan asas yang mendedahkan pelajar secara tidak langsung dengan algebra namun demikian ianya bukanlah satu langkah yang formal dalam mendedahkan pelajar dengan pembelajaran algebra.

Keadaan ini telah menyebabkan wujudnya kekeliruan pemahaman algebra dalam kalangan pelajar yang mengundang kepada kelemahan pelajar dalam menguasai konsep dan pembelajaran algebra. Lebih memburukkan keadaan apabila proses pengajaran dan pembelajaran secara fizikal diubah menjadi PdPr yang menyebabkan guru tidak dapat membimbing pelajar secara fizikal dan terbatas dalam membantu pelajar sehingga pelajar menjadi lemah dalam menguasai topik algebra. Seperti yang dinyatakan oleh Egodowatte (2011), salah satu faktor kelemahan pelajar dalam menguasai konsep dan pembelajaran algebra adalah berpunca daripada pemahaman yang salah terhadap konsep pembolehubah dan persamaan algebra. Terdapat juga ramai penyelidik seperti Stephens (2005 & 2006), Tsamir (2001), Stacey (2000), English dan Warren (1998) dan Stacey (1997) yang membincangkan kelemahan pelajar daripada aspek peranan fungsi pembolehubah dan anu, kefahaman makna simbol kesamaan serta mengenalpasti hubungan dan struktur dalam persamaan. Dindyal (2004) juga menyokong bahawa kekeliruan pelajar dalam konsep pembolehubah algebra membawa kepada kesukaran dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan kefahaman makna simbol kesamaan. Ini kerana dapatan kajian oleh Stephens (2006) mendapati kebanyakan pelajar melihat tanda kesamaan sebagai hasil operasi aritmetik dan memberikan makna kefahaman terhadap tanda kesamaan secara operational iaitu fokus kepada jawapan dan hasil pengiraan aritmetik berbanding relational yang berfokus kepada hubungan dan struktur di kedua-dua belah persamaan. Miskonsepsi telah berlaku di mana pelajar tidak dapat menyatakan dengan jelas dalam bentuk relational yang melambangkan hubungan kesamaan di antara dua kuantiti yang terlibat pada kedua-dua persamaan.

Permasalahan dalam pembelajaran algebra semasa PdPr membawa kepada perbincangan pendekatan yang terbaik agar pelajar mampu memahami konsep dan fungsi penggunaan anu sebagai suatu perwakilan kepada nilai kuantiti yang perlu diselesaikan dalam aplikasi hubungan kesamaan terhadap topik persamaan linear algebra walaupun hanya secara atas talian. Jelas sekali pendekatan pembelajaran tradisional yang menekankan langkah pengiraan

dan operasi aritmetik tidak menggalakkan pelajar menggunakan pemikiran algebra serta tidak memberi makna kepada aktiviti pembelajaran terutama sekali apabila guru tidak dapat memberi bimbingan dan tunjuk ajar secara fizikal. Malahan Stephens (2007) dalam kajiannya turut menyatakan bahawa pelaksanaan pembelajaran algebra secara tradisional hanya berfokus kepada pengiraan dan manipulasi ungkapan algebra. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana kaedah Model Bar mampu memberi kesan terhadap pemupukan kemahiran berfikir algebra pelajar terutama sekali semasa implimentasi PdPr. Terdapat kajian terdahulu yang telah mengaplikasikan kaedah Model Bar dalam topik nisbah, kadar dan pecahan dalam kalangan pelajar sekolah rendah, namun belum terdapat kajian spesifik mengenai aplikasi kaedah Model Bar dalam mana-mana topik algebra khususnya dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar tingkatan satu kerana berdasarkan tahap perkembangan intelektual menurut Piaget, pelajar yang berumur 12 tahun ke atas berada dalam tahap operasional formal di mana pelajar dapat menggunakan operasi-operasi konkritnya untuk membentuk operasi yang lebih kompleks dan abstrak (Matt Jarvis, 2011:111).

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan model bar terhadap pemupukan kemahiran berfikir algebra dalam penyelesaian masalah algebra dalam kalangan pelajar tingkatan satu semasa PdPr.


### **Objektif Kajian**

Kajian ini pada amnya bertujuan untuk menentukan kesan penggunaan model bar melalui penyelesaian masalah algebra terhadap pemupukan kemahiran berfikir algebra bagi topik persamaan linear algebra semasa PdPr. Secara khususnya objektif utama kajian ini adalah i) menentukan sama ada terdapat perbezaan skor min ujian Pra antara pelajar kumpulan rawatan I (MB), kumpulan rawatan II (MBPK) dan kumpulan kawalan (TR) dalam topik persamaan linear, ii) menentukan sama ada terdapat perbezaan skor min Ujian Pasca antara pelajar kumpulan rawatan I (MB), kumpulan rawatan II (MBPK) dan kumpulan kawalan (TR) dalam topik persamaan linear, dan iii) menentukan sama ada terdapat perbezaan antara skor min pra dan skor min Pasca dalam kalangan pelajar tingkatan satu bagi kumpulan rawatan I (MB), kumpulan rawatan II (MBPK) dan kumpulan kawalan (TR) sebelum dan selepas mengikuti PdPr topik persamaan linear.

## Tinjauan Literatur

### Definisi Konseptual

Kaput (2008) mengklasifikasikan pemikiran algebra kepada dua aspek iaitu *generalisation* dan *symbolisation*. Dua aspek ini kemudian dikembangkan kepada tiga cabang utama iaitu *generalised arithmetic*, *modelling* dan *functions*. Dalam kajian ini, komponen Kemahiran Berfikir Algebra Kaput (2008) yang dijadikan fokus kajian ialah “*modelling*” yang dibahagikan kepada kesetaraan, sistem nombor terbuka dan pengiraan yang melibatkan pemboleh ubah. Menyelesaikan suatu ayat nombor terbuka merupakan sesuatu yang sudah biasa dicerapkan dalam pembelajaran matematik sejak diawal persekolahan lagi seperti  $7 \times \dots = 42$ . Aktiviti ini memerlukan pelajar untuk mencari nilai pada tempat kosong dan secara tidak langsung memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pembolehubah yang tidak diketahui nilainya. Ini merupakan platform kepada pelajar untuk menguasai ciri dan hubungan antara operasi aritmetik (Carraher & Schliemann, 2007). Kesamaan merupakan antara elemen yang amat ditekankan oleh ramai pengkaji dalam membudayakan kemahiran berfikir algebra dalam kalangan pelajar (Ralston, 2013; Carpenter, Levi, Berman, & Pligge, 2005; Rittle-Johnson & Alibali, 1999). Kesamaan ataupun simbol ‘sama dengan’ membawa tiga maksud yang tersendiri iaitu a) membawa pengertian bahawa kedua-dua kuantiti adalah sama, b) membawa maksud kepada simbol perhubungan, dan c) memberikan idea mengenai terdapat dua sisi bagi suatu persamaan (Rittle-Johnson & Alibali, 1999, p.177). Namun demikian, pelajar seringkali melihat simbol ‘sama dengan’ sebagai jawapan akhir dan juga sebagai satu arahan untuk melakukan pengiraan. Ini merupakan halangan yang terbesar dalam proses peralihan dari aritmetik kepada algebra, kerana pelajar sering beranggapan bahawa tatatanda sama dengan semestinya diikuti dengan jawapan akhir (Napaphun, 2012).



### **Rajah 1: Kemahiran Berfikir Algebra (Kaput, 2008)**

Kaedah model bar adalah satu program yang spesifik yang dibangunkan serta diaplikasikan secara meluas di Singapura mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Singapura dengan tujuan bagi meningkatkan pemahaman para pelajar dalam mata pelajaran berkaitan (Yeap, 2010). Di Singapura, kaedah model bar didefinisikan sebagai suatu strategi penguasaan matematik yang melibatkan sistem penyelesaian masalah. Kaedah model bar dikatakan mampu membantu pelajar untuk melukis dan menggambarkan konsep matematik untuk menyelesaikan masalah (Domínguez-García et al., 2016). Kaedah model bar juga telah dibangunkan berdasarkan tiga teori pedagogi iaitu Bruner, Dienes dan Bishop. Kaedah model bar adalah satu kaedah *versatile* dalam strategi penyelesaian matematik yang boleh memberikan peluang kepada pelajar untuk menyesuaikan diri dalam menyelesaikan masalah matematik dan boleh digunapakai merentasi pelbagai konsep serta topik dalam sesebuah mata pelajaran (Ismail, 2014). Menurut kajian oleh Ciobanu (2015), kaedah model bar membolehkan pelajar untuk memahami sesuatu konsep pada tahap kompleks dalam matematik terutama sekali yang melibatkan formula matematik rumit seperti algebra. Kaedah ini dikatakan boleh membantu pelajar dengan menggunakan ilustrasi konkrit, bergambar dan pendekatan abstrak bagi meningkatkan pemahaman para pelajar.

Menurut Walker et al. (2006), kaedah model bar menggunakan kaedah pembinaan gambar rajah yang berbentuk bar dan dicipta bagi membantu proses penyelesaian masalah berayat. Kaedah ini turut dikenali sebagai pendekatan model oleh Lin dan Siti (2018). Menurut Yeap (2010), kaedah model bar adalah kaedah yang selalu diaplikasikan oleh para pelajar di Singapura bagi membantu mereka menyelesaikan masalah berayat matematik. Kaedah model bar telah terbukti keberkesanannya dalam membantu para pelajar (Baker, 2011), lebih-lebih lagi untuk mata pelajaran matematik yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi semasa menyelesaikan masalah berayat (Chew, 2014). Berdasarkan kajian oleh Kho et al. (2014), kaedah model bar adalah satu strategi yang sering diaplikasikan dalam proses menyelesaikan masalah dan ianya ditakrifkan sebagai ilustrasi segi empat tepat yang mewakili kuantiti yang diketahui dan mungkin tidak diketahui serta hubungan antara kuantiti yang dinyatakan mengikut kehendak soalan. Selain itu, kaedah model bar wujud dalam bentuk skema yang mewakili hubungan dan kuantiti dan ianya berasaskan objek sebenar yang menggambarkan masalah tersebut (Kho et al., 2014). Hasil kajian oleh Ariffin (2017) turut menyokong kajian-kajian terdahulu terhadap keberkesanan penggunaan kaedah model bar bagi membantu



pemahaman dan penyelesaian masalah matematik dalam kalangan pelajar kerana keadah model bar didapati berbeza daripada kaedah biasa yang digunakan oleh tenaga pengajar bidang matematik sebelum ini. Walaupun di awal pengenalan kaedah model bar, pelajar didapati sukar memahami cara pembinaan model bar, namun begitu kekerapan latihan menggunakan model bar telah membantu para pelajar memahami penggunaan kaedah ini dan seterusnya membantu pelajar menyelesaikan persoalan matematik dengan lebih berkesan dan cekap (Ariffin, 2017).


Kajian ini turut mengetengahkan kaedah pembelajaran koperatif dengan model bar sebagai usaha untuk memaksimumkan proses PdPr disamping memupuk interaksi pelajar walaupun secara atas talian. Banyak bahan yang dibincangkan dalam pembelajaran koperatif mampu memberi sumbangan besar kepada kelas matematik dengan memudahkan komunikasi matematik para pelajar (Zakaria et al., 2013). Komunikasi matematik boleh memainkan peranan penting dalam menghubungkan pembelajaran koperatif dengan pembelajaran matematik (Zakaria et al., 2013). Menurut Davidson dan Kroll (1991), pengaplikasian model pembelajaran koperatif dalam penyelesaian matematik mampu meningkatkan komunikasi dan pemahaman para pelajar dalam matematik khususnya yang melibatkan penyelesaian soalan kompleks seperti algebra. Selain itu, pelajar juga mampu mewujudkan pemahaman yang mendalam dalam kemahiran berfikir algebra dan seterusnya dapat membantu pengajar dalam memahami cara pemikiran dan penyelesaian masalah mereka (Davidson & Kroll, 1991). Menurut Hossain dan Tarmizi (2013), pembelajaran koperatif memberi implikasi yang besar terhadap pemupukan kemahiran berfikir pelajar. Apabila dilaksanakan dengan baik, pembelajaran koperatif menggalakkan pencapaian akademik pelajar, meningkatkan perbincangan pelajar lebih-lebih lagi dalam penyelesaian masalah kompleks, peluang kepada pembelajaran aktif, selain meningkatkan keyakinan pelajar dan motivasi untuk mempelajari algebra (Hossain & Tarmizi, 2013). Kemahiran yang dibangunkan oleh para pelajar semasa bekerjasama dengan orang lain adalah berbeza dengan kemahiran yang dibina oleh pelajar apabila menyelesaikan masalah secara individu (Hossain & Tarmizi, 2013).

Penerapan pembelajaran koperatif dalam PdPr juga dilihat dapat menggalakkan perbincangan secara aktif dalam kalangan pelajar untuk mencapai kemahiran berfikir aras tinggi, memupuk sesi soal jawab sesama mereka di samping menjelaskan apa yang disampaikan oleh rakan mereka melalui sudut pandangan yang berbeza (Herawati, 2015). Terdapat juga pendapat lain yang mengatakan pembelajaran koperatif dapat melatih pelajar untuk bersosialisasi dan berinteraksi dengan baik (Huda, 2013) dalam usaha untuk memupuk

kemahiran berfikir pelajar lebih-lebih lagi dalam meningkatkan kemampuan komunikasi matematik yang melibatkan pembelajaran abstrak seperti algebra (Pamungkas, 2017). Hapsari (2014) juga berpendapat bahawa pembelajaran koperatif menjadi satu bahan bantu yang positif kepada guru-guru dalam meningkatkan keaktifan pelajar dalam mengawal pembelajaran mereka sendiri di samping membentuk pembelajaran yang bermakna kepada pelajar.

### ***Kerangka Konseptual Kajian***

Kerangka konseptual kajian ini telah dibina berdasarkan satu pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kaedah model bar yang diaplikasikan di dalam kajian ini bagi menentukan kesannya terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu kemahiran berfikir algebra dalam kalangan pelajar Tingkatan satu. Rajah 2 di bawah menunjukkan kerangka konseptual yang telah diubahsuai bagi memenuhi objektif kajian ini serta merangkumi pemboleh ubah yang relevan bagi memenuhi kehendak kajian ini.



**Rajah 2: Kerangka Konseptual Kajian**

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eskperimen ujian pra dan pasca untuk mengkaji kesan tiga kaedah pengajaran PdPr yang berbeza terhadap pemupukan kemahiran berfikir algebra dalam penyelesaian masalah algebra. Pemboleh ubah tidak bersandar adalah tiga kaedah pengajaran iaitu MB, MBPK dan TR. Manakala pemboleh ubah bersandar berdasarkan penguasaan kemahiran berfikir algebra dalam penyelesaian masalah algebra bagi topik persamaan linear.

## Subjek Kajian

Sampel kajian adalah pelajar Tingkatan Satu yang mula mengikuti pembelajaran secara formal bagi topik persamaan linear algebra khususnya bagi topik Persamaan Linear yang terdiri daripada 49 lelaki (54.4 %) dan 41 perempuan (45.6%). Kesemua 90 pelajar yang terlibat dalam kajian ini diberi intervensi dalam minggu yang sama tetapi jadual waktu PdPr yang berbeza bagi tempoh selama sembilan minggu.

## Intervensi Model Bar dan Pembelajaran Koperatif

Intervensi penggunaan Model Bar dilaksanakan semasa proses PdPr dalam subjek Matematik secara atas talian mengikut masa yang ditetapkan. Guru Matematik memainkan peranan yang penting untuk merancang pelaksanaan model ini supaya mencapai objektif yang sebenar di mana pelajar dapat menyelesaikan masalah algebra di samping dapat memupuk pemikiran algebra. Kaedah pelaksanaan model ini ditunjukkan dalam fasa proses pengajaran dan pembelajaran seperti dalam Jadual 1. Manakala contoh aplikasi Model Bar dalam soalan penyelesaian algebra pula ditunjukkan dalam Rajah 3.

**Jadual 1: Intervensi berserta Fasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran**

<b>Intervensi</b>	<b>Fasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran</b>
<b>Model Bar</b>	Set Induksi Pernyataan Masalah Algebra Penyelesaian Masalah Secara Individu Respon Pelajar (Pembentangan idea secara atas talian) Penyusunan Respon Pelajar (Penstrukturan semula idea) Refleksi (latihan dan rumusan)
<b>Model Bar dan Pembelajaran Koperatif</b>	Set Induksi Pernyataan Masalah Algebra Penyelesaian Masalah Secara Berkumpulan Aktiviti berkumpulan ( <i>Separate Meeting Room</i> ) Respon Pelajar (Pembentangan idea secara atas talian) Penyusunan Respon Pelajar (Penstrukturan semula idea) Refleksi (latihan dan rumusan)

*Sebuah kerusi dan sebuah meja dijual dengan harga RM 200.00. Lee membeli empat buah kerusi dan sebuah meja dengan harga RM 423.20. Hitung harga, dalam RM, sebuah kerusi.*

*Andaikan  $k$  sebagai kerusi dan  $m$  sebagai meja*

*Maka harga sebuah kerusi ialah RM 74.40*

**Rajah 3: Aplikasi Model Bar Dalam Soalan Penyelesaian Algebra**

**Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan dua jenis instrumen iaitu ujian pra dan ujian pasca yang terdiri daripada soalan kesetaraan, sistem nombor terbuka dan pengiraan yang melibatkan pemboleh ubah dalam penyelesaian masalah algebra berpandukan kepada Revised Bloom' Taxonomy. Aras dan kesukaran bagi kedua-dua ujian pra dan ujian pasca adalah sama tetapi hanya berbeza dari segi cara penyampaian soalan berstruktur menurut piawai Lembaga Peperiksaan Malaysia dan disahkan oleh Ketua Panitia Matematik dan seorang Pakar Matematik. Secara keseluruhannya, ujian pra dan ujian pasca mempunyai kebolehpercayaan yang baik dengan nilai Alpha Cronbach sebanyak 0.803. Item dalam ujian pra dan ujian pasca yang terdiri daripada tujuh soalan penyelesaian masalah berstruktur telah diuji dengan indeks kesukaran (Difficulty Index, F) dan analisis kesemua item dalam instrumen ujian pasca menunjukkan nilai min indeks kesukaran, F adalah 0.585 manakala analisis indeks diskriminasi (Discrimination Index, D) bagi instrumen ujian pasca pula ialah 0.44. Ini menunjukkan bahawa kesemua tujuh soalan penyelesaian berstruktur dapat membezakan dengan ketara jawapan pelajar yang berprestasi tinggi dengan pelajar yang berprestasi rendah.

**Kaedah Pengumpulan Data**

Penyelidik melatih seorang orang guru Matematik yang berpengalaman untuk menyampaikan proses PdPr bagi subjek Matematik dengan menggunakan kaedah Model Bar. Penyelidik juga berbincang dengan guru tersebut untuk membuat Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang selaras dengan Model Bar dan juga Model Bar + Pembelajaran Koperatif bagi kumpulan rawatan. Guru menjalankan proses PdPr dalam satu topik KSSM Tingkatan Satu dan setiap aktiviti dalam pembelajaran ini mengambil masa selama 90 minit. Ujian Pra dijalankan pada

bulan pertama sebelum intervensi dijalankan untuk topik yang dipilih dan seterusnya ujian pasca akan dijalankan pada bulan kedua. Masa untuk menjawab kedua-dua ujian ini adalah selama 45 minit sahaja dan dijalankan pada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

### **Dapatan Kajian**

Keputusan ujian ANOVA Sehalu yang diperolehi bagi ujian pra dengan nilai  $F(2, 87) = 1.023$ ,  $p > .05$ , adalah tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min pra sebelum proses PdPr di antara ketiga-tiga kumpulan pelajar. Selanjutnya keputusan analisis ujian Anova Sehalu bagi ujian pasca menunjukkan nilai  $F(2, 87) = 9.316$ ,  $p < .05$  adalah signifikan dan ini menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min pasca selepas proses PdPr. Di samping itu, analisis perbandingan Post Hoc (Jadual 2) menunjukkan dengan jelas pasangan kumpulan pelajar yang dapat menyebabkan perbezaan yang signifikan. Keputusan menunjukkan perbezaan yang signifikan antara skor min pelajar dalam kumpulan konvensional TR, kumpulan rawatan MB dan juga kumpulan rawatan MBPK dalam ujian pasca. Didapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian antara kumpulan pelajar i) konvensional dan MB dengan nilai  $P = 0.019$ , ii) konvensional dan MBPK dengan nilai signifikan  $p < .05$ , namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian iii) MB dan MBPK dimana nilai  $p = 0.304$ . Tanda negatif pada perbezaan min dengan nilai  $(I - J) = -3.73333$  dan  $-5.73333$  menunjukkan bahawa skor min pelajar dalam kumpulan rawatan yang menggunakan MB dan juga kumpulan rawatan yang menggunakan MBPK adalah lebih tinggi berbanding skor min pelajar yang menggunakan kaedah TR dalam pengajaran dan pembelajaran bagi topik Persamaan Linear.

**Jadual 2: Ringkasan Perbandingan Post Hoc**

Perbandingan Pelbagai						
Markah Ujian Pasca						
Tukey HSD						
(I) Kumpulan	(J) Kumpulan	Perbezaan Min (I-J)	Sisihan Piawai	Sig.	95% Sela Keyakinan	
					Sempadan bawah	Sempadan Atas
<b>TR</b>	<b>MB</b>	-3.73333*	1.34831	.019	-6.9483	-.5183
	<b>MBPK</b>	-5.73333*	1.34831	.000	-8.9483	-2.5183
<b>MB</b>	<b>TR</b>	3.73333*	1.34831	.019	.5183	6.9483
	<b>MBPK</b>	-2.00000	1.34831	.304	-5.2150	1.2150
<b>MBPK</b>	<b>TR</b>	5.73333*	1.34831	.000	2.5183	8.9483
	<b>MB</b>	2.00000	1.34831	.304	-1.2150	5.2150

\*. Perbezaan min adalah signifikan pada tahap 0.05.

Bagi analisis markah responden ujian pra dan pasca dalam topik Persamaan Linear bagi ketiga-tiga kumpulan, dapatan ujian-t sampel berpasangan (Jadual 3) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan I (MB) dengan nilai  $t(29) = -18.703$ ,  $p < .05$ . Selain itu, terdapat juga perbezaan yang signifikan antara markah ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan II (MBPK) dengan nilai  $t(29) = -22.113$ ,  $p < .05$ . Kumpulan kawalan (TR) juga menunjukkan nilai  $t(29) = -10.145$ ,  $p < .05$ . Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min antara ujian pra dan pasca dalam kalangan pelajar tingkatan satu bagi kumpulan kawalan (TR), kumpulan rawatan I (MB) dan kumpulan rawatan II (MBPK) sebelum dan selepas mengikuti PdPr topik persamaan linear.

**Jadual 3: Ringkasan Ujian T-Sampel Berpasangan**

Tahap	Paired Differences					t	df	Sig.(2-tailed)
	Min	Sisihan Piawai	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Differences				
				Lower	Upper			
<b>Pasangan 1-TR Ujian Pra-Ujian Pasca</b>	-10.73	5.7950	1.058	-12.897	-8.569	-10.14	29	.000
<b>Pasangan 2-MB Ujian Pra-Ujian Pasca</b>	-14.73	4.3146	0.788	-16.344	-13.12	-18.70	29	.000
<b>Pasangan 3-MBPK Ujian Pra-Ujian Pasca</b>	-16.83	4.1695	0.761	-18.390	-15.27	-22.11	29	.000

**Perbincangan**

Secara keseluruhan, penemuan kajian ini menunjukkan bahawa peningkatan prestasi secara signifikan dalam kumpulan rawatan I (MB) dan kumpulan rawatan II (MBPK) telah menunjukkan penggunaan kaedah MB dan MBPK mampu memupuk kemahiran berfikir algebra pelajar semasa proses PdPr. Namun begitu, kumpulan kawalan (TR) yang menggunakan kaedah konvensional dalam PdPr tidak menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan kaedah Model Bar mampu membantu pelajar Tingkatan Satu untuk menguasai dan mengaplikasi ketiga-tiga domain kemahiran berfikir algebra dalam *Modelling* iaitu kesetaraan, sistem nombor terbuka dan pengiraan yang melibatkan pemboleh ubah dengan lebih baik berbanding penggunaan kaedah konvensional. Hasil kajian ini disokong oleh Mahoney (2012) yang mendapati bahawa para pelajar yang telah didedahkan dengan kaedah Model Bar mampu menyelesaikan masalah algebra dengan betul dan prestasi mereka juga meningkat dengan ketara sebaik sahaja fasa

intervensi berakhir. Para pelajar yang menggunakan kaedah Model Bar juga mampu menyelesaikan masalah algebra yang kompleks dengan lebih berkesan.

Kumpulan rawatan II (MBPK) mengatasi kumpulan rawatan I (MB) dan kumpulan kawalan (TR) dengan memperoleh peningkatan skor min yang paling tinggi antara ujian pasca dan ujian pra selepas PdPr. Dapatan ini memberi gambaran kepada keberkesanan gabungan penggunaan Model Bar dan pembelajaran koperatif bagi meningkatkan kemahiran berfikir algebra pelajar, berbanding hanya menggunakan kaedah Model Bar di dalam PdPr. Dapatan ini disokong oleh Zakaria et al. (2013) yang menyokong bahawa elemen pembelajaran koperatif melalui pembelajaran berstruktur memudahkan pembelajaran algebra dalam kalangan pelajar dengan memudahkan komunikasi matematik para pelajar. Zakaria et al. (2013) turut menyatakan bahawa pembelajaran koperatif memainkan peranan penting dalam PdP yang menghubungkan penggunaan kaedah pembelajaran dengan teori perkembangan sosial kognitif Lev Vygotsky khususnya dalam memupuk kemahiran berfikir algebra pelajar.

Hasil kajian juga turut menunjukkan bahawa terdapat peningkatan skor min ujian pasca berbanding skor min ujian pra bagi kumpulan rawatan selepas kaedah Model Bar diperkenalkan kepada mereka. Hal ini membuktikan keberkesanan penggunaan kaedah Model Bar bagi memupuk kemahiran berfikir algebra pelajar selepas intervensi diberikan kepada kumpulan rawatan. Keberkesanan di dalam aspek ini merujuk kepada penggunaan sepenuhnya sesuatu kaedah bagi meningkatkan mutu hasil yang dikeluarkan. Dalam kajian ini, ia melibatkan peningkatan prestasi pelajar dalam subjek matematik melalui kemahiran berfikir algebra para pelajar. Impak ini turut diutarakan oleh Ciobanu (2015) yang menyokong hasil dapatan kajian ini dengan menyatakan bahawa kaedah Model Bar mampu membentuk pemahaman pelajar untuk lebih memahami subjek matematik pada tahap kompleks bagi sesuatu konsep dalam matematik khususnya apabila topik tersebut melibatkan pemikiran yang abstrak seperti algebra.

Pelaksanaan kaedah Model Bar dalam kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Tingkatan Satu mempunyai perbezaan yang signifikan sebelum dan selepas kaedah Model Bar dilaksanakan dalam PdPr. Hal ini membuktikan bahawa para pelajar mengalami peningkatan dari aspek pemahaman di dalam topik persamaan linear serta peningkatan dari aspek kemahiran berfikir algebra. Hal ini turut direkodkan di dalam kajian oleh Lin dan Siti (2018) di mana dalam kajian tersebut, pencapaian pelajar beransur-ansur meningkat daripada ujian pra ke ujian pasca satu



dan kemudiannya ujian pasca dua dan pada akhir kajian tersebut, sebanyak 11% daripada populasi responden merekodkan skor yang tinggi dalam menyelesaikan masalah berayat matematik serta tiada pelajar yang gagal di dalam subjek tersebut. Para pelajar yang terlibat juga mampu menjawab soalan rumit selepas intervensi kaedah model bar dijalankan selama enam minggu. Dalam kajian ini kumpulan rawatan II (MBPK) menunjukkan perbezaan skor min tertinggi di dalam ujian pasca selepas PdPr dan hal ini membuktikan bahawa kemahiran berfikir algebra dalam kumpulan rawatan II (MBPK) adalah lebih tinggi berbanding kumpulan rawatan I (MB). Zakaria et al. (2013) menyokong bahawa pembelajaran koperatif mampu menghasilkan penyelesaian dan sudut pandangan yang berbeza terhadap kemahiran algebra dan matematik. Pembelajaran koperatif juga meningkatkan kesediaan pelajar untuk mempertimbangkan semula penyelesaian mereka sendiri dari perspektif yang berbeza dan merangsang kemahiran kognitif yang lebih tinggi. Penerapan pembelajaran koperatif dalam pembelajaran menggalakkan perbincangan secara aktif dalam kalangan pelajar untuk mencapai kemahiran berfikir aras tinggi, memupuk sesi soal jawab sesama mereka di samping menjelaskan apa yang disampaikan oleh rakan mereka melalui sudut pandangan yang berbeza (Herawati, 2015).

### **Rumusan**

Secara keseluruhannya, penggunaan Model Bar dan pembelajaran koperatif telah memberi kesan yang positif dan berkesan terhadap pemupukan kemahiran berfikir algebra pelajar Tingkatan Satu dalam topik persamaan linear semasa PdPr. Kaedah Model Bar dan pembelajaran koperatif dilihat mempunyai keberkesanan dalam memupuk kemahiran berfikir algebra para pelajar dan kaedah ini juga secara langsung memupuk minat para pelajar dalam mempelajari algebra, membina pengetahuan matematik yang lebih mampan dan menggalakkan penglibatan aktif di dalam sesi pembelajaran terutama sekali semasa PdPr. Kajian ini hanya melibatkan pelajar Tingkatan Satu sahaja, maka diharapkan skop subjek kajian diperluaskan kepada pelajar sekolah rendah. Aplikasi kaedah Model Bar dan pembelajaran koperatif dalam subjek matematik di sekolah rendah perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti keberkesanan dan kekangan penggunaan kaedah Model Bar serta pembelajaran koperatif di peringkat sekolah rendah. Dengan usaha ini, pelajar sekolah rendah juga akan didedahkan dengan bahan bantu mengajar yang lebih efektif dan diharapkan mampu membantu pelajar menyelesaikan masalah matematik dan masalah berstruktur disamping memupuk kemahiran berfikir algebra pada yang lebih awal.

## Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang telah membiayai kajian ini di bawah geran FRGS dengan Kod Projek FRGS/1/2021/SSI0/UMS/02/7

## Rujukan

- [1]Alkhateeb, H. M., & Jumaa, M. (2002). Cooperative learning and algebra performance of eighth grade students in United Arab Emirates. *Psychological reports*, 90(1), 91-100.
- [2]Amineh, R. J., & Asl, H. D. (2015). Review of Constructivism and social Constructivism. *Journal of Social Sciences, Literature and Languages*, 1(1), 9-16.
- [3]Ampong, T. A. (2016). Effects Of Cooperative Learning Approach On The Algebra Performance Of Maritime Students Of The Naval State University, Naval, Biliran Province. *International Journal Of Engineering Sciences & Research Technology*, 5(8): 194-208.
- [4]Ariffin, N. E. (2017). Persepsi murid tahun lima terhadap penggunaan kaedah model bar dalam penyelesaian masalah matematik berayat tajauk pecahan. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 287-304.
- [5]Ary, D., Jacobs, L. C., & Sorensen, C. (2010). *Introduction to Research in Education*. Canada: Nelson Education, Ltd.
- [6]Ajai, J. T., Imoko, B. I., & O'kwu, E. I. (2013). Comparison of the learning effectiveness of problem-based learning (PBL) and conventional method of teaching algebra. *Journal of Education and Practice*, 4(1), 131-135.
- [7]Baker, W., Dickieson, J., Wulfeck, W., O' Neil, H. F. (2011). *Assessment of Problem Solving Using Simulations*. New York: Routledge.
- [8]Brodbeck, F. C., & Guillaume, Y. R. (2015). Effective decision making and problem solving in projects. In *Applied Psychology for Project Managers* (pp. 37-52). Springer, Berlin, Heidelberg.
- [9]Cannarelli, G., Kahn, R., & Schneider, S. (2016). E-Learning: How Constructivist Learning Theory Guides Module Learning. The school of Arts and Science: Master's Dissertation.
- [10]Chew C. M., Noraini Idris & Leong K. E.(2014). Secondary Students' Perceptions of Assessments in Science, Technology, Engineering, and Mathematics (STEM). *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education*. 10(3), 209- 227.
- [11]Ciobanu, M. (2015). In the middle: Using Singapore's model-drawing approach for solving word problems. *Gazette-Ontario Association for Mathematics*, 53(4), 17.
- [12]Crain, W. (2010). *Theories of development: Concepts and applications*, 6th ed. Upper Saddle. River, NJ: Prentice Hall.
- [13]Davidson, N. (1990). *Cooperative Learning in Mathematics: A Handbook for Teachers*. Addison-Wesley Publishing Company, Inc., Addison-Wesley Innovative Division, 2725 Sand Hill Rd., Menlo Park, CA 94025 (Order No. 23299, \$25.20).

- [14]Davidson, N., & Kroll, D. L. (1991). An overview of research on cooperative learning related to mathematics. *Journal for Research in Mathematics Education*, 22(5), 362-365.
- [15]Domínguez-García, S., García-Planas, M. I., & Taberna, J. (2016). Mathematical modelling in engineering: an alternative way to teach Linear Algebra. *International Journal of Mathematical Education in Science and Technology*, 47(7), 1076-1086.
- [16]Doolittle, P. E. (2014). Complex Constructivism: A theoretical model of complexity and cognition. *International Journal of teaching and learning in higher education*, 26(3), 485-498.
- [17]Ertmer, P. A., & Newby, T. J. (1993). Behaviorism, cognitivism, constructivism: Comparing critical features from an instructional design perspective. *Performance improvement quarterly*, 6(4), 50-72.
- [18]Ertmer, P. A., & Newby, T. J. (2013). Behaviorism, cognitivism, constructivism: Comparing critical features from an instructional design perspective. *Performance improvement quarterly*, 26(2), 43-71.
- [19]Fiore, S. M., Rosen, M., Salas, E., Burke, S., & Jentsch, F. (2017). Processes in complex team problem-solving: parsing and defining the theoretical problem space. In *Macro cognition in teams* (pp. 143-163). CRC Press.
- [20]Fraenkel, J. R. 1., Hyun, H., & Wallen, N. E. (2012). *How to Design and Evaluate Research in Education* (8th, International ed.). New York: McGraw-Hill Humanities/Social Sciences/Languages.
- [21]Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2009). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications* (9th ed.). Upper Saddle Ridge, NJ: Pearson International Edition.
- [22]Gutiérrez, A. & Boero, P. (2006). *Handbook of Research on the Psychology of mathematics Education, Past Present and Future*. PME. Sense Publishers.
- [23]Higginbottom, G., & Lauridsen, E. I. (2014). The roots and development of constructivist grounded theory. *Nurse Researcher*, 21(5), 8-13.
- [24]Hossain, A., & Tarmizi, R. A. (2013). Effects of cooperative learning on students' achievement and attitudes in secondary mathematics. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 93, 473-477.
- [25]Hsu, J. (2013). *Strengths and Challenges of Applying Singapore Mathematics in United States High School* (Doctoral dissertation, Westminster College).
- [26]Huitt, W. (2011). Bloom et al.'s taxonomy of the cognitive domain. Educational Psychology Interactive. Valdosta, GA: Valdosta State University.
- [27]Hunter, S., Pitt, V., Croce, N., & Roche, J. (2014). Critical thinking skills of undergraduate nursing students: Description and demographic predictors. *Nurse education today*, 34(5), 809-814.
- [28]Ismail, F. (2014). *Keberkesanan Kaedah Model Bar Dalam Menyelesaikan Masalah Matematik Berayat* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

- [29]Johnson, D. W., & Johnson, R. T. (1999). Making cooperative learning work. *Theory into practice*, 38(2), 67-73.
- [30]Kalina, C., & Powell, K. C. (2009). Cognitive and social constructivism: Developing tools for an effective classroom. *Education*, 130(2), 241-250.
- [31]Kho, T. H., Yeo, S. M., & Fan, L. (2014). Model method in Singapore primary mathematics textbooks. In *Conference on Mathematics Textbook Research and Development (ICMT-2014)* (p. 275).
- [32]Krongthong Khairiree, (2011). *Enhancing Students' Understanding in Word Problems Through Bar Model Strategy*. Internationnal College, Suan Sunandha Rajabhat University, Thailand.
- [33]Leikin, R., & Zaslavsky, O. (1997). Facilitating student interactions in mathematics in a cooperative learning setting. *Journal for Research in Mathematics Education*, 331-354.
- [34]Lin, Y. J. & Siti, R. A. (2018). Keberkesanan pendekatan model bar dalam penyelesaian masalah berayat matematik operasi tolak tahun empat, *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 8(2): 35-44.
- [35]Lin, Y. J., & Ali, S. R. (2018). THE EFFECTIVENESS OF BAR MODEL IN SOLVING STANDARD FOUR DESCRIPTIVE MATHEMATICAL PROBLEM (35-44). *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 8(2), 35-44.
- [36]Mahoney, K. (2012). *Effects of Singapore's Model Method on elementary student problemsolving performance: Single subject research* (Doctoral dissertation, Northeastern University).
- [37]Minda, J. P. (2015). *The psychology of thinking: Reasoning, decision-making and problem-solving*. Sage.
- [38]Mohini, M. & Tan Nai Ten. (2004). The use of metacognitive process in learning mathematics. In J. Bahru (Ed.), *Reform, revolution and paradigm shifts in mathematics education*, Nov 25th – Dec 1<sup>st</sup> (pp.159-162), Malaysia.
- [39]Nor Azizah, M. S. & Chong, P. W. (2000). A review of cooperative learning research and its implication for teacher education. *Proceedings of International Conference on Teaching and Learning*, 24-25 November, pg 1266-1289.
- [40]Pallant, J. (2001). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using the SPSS for Windows (Version 10)*. Canberra: Allen & Unwin.
- [41]Raiola, G. (2014). Motor control and learning skills according to cognitive and ecological dynamic approach in a vision on behaviorism, cognitive, Gestalt and phenomenology theories. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(15), 504.
- [42]Schunk, D. H. (1996). *Learning theories*. Printice Hall Inc., New Jersey, 53.
- [43]Tagle, J., Belecina, R. R., & Ocampo Jr, J. M. (2016). Developing Algebraic Thinking Skills among Grade Three Pupils through Pictorial Models. *EDUCARE*, 8(2).
- [44]Thirunavukkarasu, M. & Senthilnathan, S. (2017). Effectiveness Of Bar Model In Teaching Algebra At Secondary Level. *International Journal of Teacher Educational Research (IJTER)*, 6(10): 34-43.

- [45]Thompson, V. A., Therriault, N. H., & Newman, I. R. (2016). 14 Meta-reasoning: Monitoring and Control of Reasoning, Decision Making, and Problem Solving. *Cognitive unconscious and human rationality*, 275.
- [46]Vogel-Walcutt, J. J., Gebrim, J. B., Bowers, C., Carper, T. M., & Nicholson, D. (2011). Cognitive load theory vs. constructivist approaches: which best leads to efficient, deep learning?. *Journal of Computer Assisted Learning*, 27(2), 133-145.
- [47]Walker, W., Bahr, M., Kenneth; Hampton, et al (2006). Creative Problem Solving for General Education Intervention Teams: A Two-Year Evaluation Study Remedial and Special Education, 1, 27-41.
- [48]Yeap, B. H. (2010). Improving Mathematical Thinking Through Assessment. *Journal of Science and Mathematics*, (Vol. 33, No. 2), 187-197.
- [49]Yoders, S. (2014). Constructivism Theory and Use from 21 st Century Perspective. *Journal of Applied Learning Technology*, 4(3).
- [50]Zakaria, E., Solfitri, T., Daud, Y., & Abidin, Z. Z. (2013). Effect of cooperative learning on secondary school students' mathematics achievement. *Creative Education*, 4(02), 98.
- [51]Zakaria, N. N. (2016). Keupayaan Pelajar Dalam Menjana Masalah. *Jurnal Pendidikan Matematik*, 4 (1), 17-32.

# AKAL BUDI MELAYU DALAM CERITA RAKYAT KANAK-KANAK

Mohd Firdaus Che Yaacob, Sharmin Kutty Sivaraman  
Universiti Malaysia Kelantan & Lincoln University College  
*firdaus.cy@umk.edu.my; sharmin@lincoln.edu.my*

## Abstrak

Cerita rakyat kanak-kanak merupakan cerita lisan yang disampaikan oleh ibu bapa kepada kanak-kanak dan mengandungi nilai serta pengajaran. Kajian ini dijalankan kerana pengkaji mendapati bahawa masyarakat masih menganggap cerita rakyat kanak-kanak sebagai bahan yang tidak berfaedah, penuh dengan kepincangan, rekaan semata-mata dan sekadar memaparkan hiburan kepada kepada kanak-kanak. Sehubungan itu, objektif kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi Melayu dalam cerita rakyat kanak-kanak yang terkandung dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Seterusnya, analisis terhadap akal budi Melayu ini turut diaplikasikan dengan pendekatan morak yang terdapat dalam teori pengkaedahan Melayu. Selain itu, kajian ini membataskan cerita rakyat kanak-kanak yang terkandung dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* pada tahun 2015. Tambahan pula, pendekatan analisis kandungan kualitatif dipilih sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan kajian ini. Dalam kajian ini, penerapan teori pengkaedahan Melayu yang diilhamkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dilaksanakan sebagai deduksi dalam pendekatan kajian. Sebagai kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa cerita rakyat kanak-kanak memiliki garapan akal budi yang dapat dijadikan sebagai medium pendidikan kepada kanak-kanak.

**Kata Kunci:** *Cerita Rakyat Kanak-Kanak, Akal Budi Melayu, Kanak-Kanak, Pendekatan Moral, Pengkaedahan Melayu*

## 1. PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan tradisi lisan yang disampaikan secara lisan dan diwarisi oleh masyarakat pada zaman dahulu dan dipanjangkan kepada masyarakat pada hari ini. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) cerita rakyat merupakan suatu khazanah yang bernilai dan disampaikan secara lisan oleh penglipurlara. Oleh itu, cerita rakyat turut dijadikan sebagai medium Pendidikan dan hiburan kepada kanak-kanak. Hal ini kerana cerita rakyat sangat relevan untuk disampaikan kepada kanak-kanak kerana sesebuah cerita rakyat yang disampaikan oleh penglipurlara miudah untuk difahami dan memiliki nilai Pendidikan yang boleh dijadikan pedoman kepada kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, cerita rakyat kanak-kanak merupakan wahana penting sebagai pemangkin kepada pembentukan moral positif dalam kehidupan mereka setiap hari. Sesungguhnya, cerita rakyat kanak-kanak kaya dengan nilai murni, nilai moral, nilai Islam, nilai pendidikan dan sebagainya yang boleh diamalkan dan dipupuk ke dalam mereka agar menjadi modal insan yang berjaya. Lantaran itu, menerusi perbincangan kali ini, pengkaji ini merungkai elemen akal budi yang terkandung dalam cerita

rakyat kanak-kanak sebagai medium yang dapat dijadikan nilai dan pengajaran kepada kanak-kanak demi memastikan kelangsungan kehidupan mereka sentiasa harmoni dan bahagia.

Rentetan daripada itu, akal budi merupakan satu konsep yang berada dalam ruang lingkup sosiobudaya Melayu. Perkataan “akal” dan “budi” dalam konteks Melayu adalah konsep muncul daripada kearifan cara bangsa Melayu berfikir. Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) akal budi membawa maksud bukan sahaja mempunyai akal secara lahiriah tetapi menggunakan akal, fikir yang waras, rasional dalam menuturkan bahasa dan bijak mengungkapkan makna. Oleh hal yang demikian, telah membuktikan bahawa akal budi merupakan deria dalaman manusia yang terdiri daripada daya ingatan berimajinasi, imaginasi kehaiwanan, imaginasi keinsanan, anggapan, memori dan mengingat semula. Bahkan, akal budi turut membuktikan bahawa manusia dapat mengetahui nilai kebenaran dan kebatilan. Lantaran itu, menerusi cerita rakyat kanak-kanak adalah menjadi kewajiban pengkaji untuk membuktikan bahawa akal budi merupakan elemen yang penting untuk dijadikan sebagai wahana pemikiran dalam kalangan kanak-kanak dan penerokaan elemen akal budi sewajarnya dijalankan secara sistematik untuk membuktikan bahawa cerita rakyat kanak-kanak kaya dengan penerapan akal budi yang menjadi lambang falsafah serta pemikiran masyarakat pada zaman dahulu. Justeru, pengkaji dapat membuktikan bahawa elemen akal budi sememangnya terkandung dalam cerita rakyat kanak-kanak sebagai medium untuk menerapkan tentang kepentingan nilai murni, pengajaran, akal budi dan sebagainya.

## **2. SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntaiian 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Beliau menegaskan bahawa pengkajian terhadap teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* masih belum mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik-penyelidik di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam *Seuntaiian 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Seterusnya, kajian ini turut membuktikan bahawa kandungan 16 nilai murni dalam cerita rakyat yang telah dibatasi dan penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dijadikan sebagai deduktif kajian agar perbincangan analisis lebih sistematik. Beliau membataskan teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* pada tahun 2015 sebagai data kajian dan 55 buah cerita rakyat telah dibataskan secara rawak demi membuktikan kesahihan

nilai-nilai murni dalam kajian ini. Justera, kajian ini telah membuktikan bahawa nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat ini sesuai untuk dijadikan sebagai bahan bacaan kepada kanak-kanak kerana kaya dengan falsafah dan pemikiran yang terangkum dalam cerita tersebut.

Seterusnya, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menerusi kajian yang bertajuk *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu*. Oleh itu, kajian ini mengetengahkan berkenaan dengan aspek nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Selain itu, kajian ini berpaksikan kepada dua objektif kajian iaitu, mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif digunakan dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Tambahan lagi, teori Takmilah digunakan sebagai deduktif kajian ini bagi menghasilkan hujah yang sistematik. Hasil kajian mendapati bahawa cerita rakyat Melayu sememangnya mengandungi nilai-nilai Islam yang dapat mempengaruhi pembentukan akhlak masyarakat Melayu dan sebagai wahana pendidikan.

Selain itu, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menerusi kajian mereka yang bertajuk *Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitan Kemasyarakatan*. Kajian ini berorientasikan tentang akal budi yang menggambarkan pemikiran orang Melayu berdasarkan tingkah laku yang dizahirkan oleh manusia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Seterusnya, kajian ini berbentuk kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan sistematik. pendekatan kemasyarakatan yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu pada tahun (1989) dijaidkan sebagai duduktif kajian. Justeru, hasil kajian dapat membuktikan bahawa naratif lisan ini mengandungi unsur akal budi seperti iaitu rasional, berani kerana benar, daya usaha dan ikhlas yang sekali gus menggambarkan pemikiran orang Melayu yang unggul dan hebat. Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Nur Ezatull Fadteheh Hedel (2020) bertajuk *Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. Beliau telah membuktikan bahawa terdapat peristiwa-peristiwa aneh menerusi *Hikayat Nakhoda Muda*. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis peristiwa aneh dalam *Hikayat Nakhoda Muda*. Selain itu, kajian ini berbentuk kualitatif iaitu berfokuskan kepada kaedah kajian kepustakaan dan teks.



Justeru, kajian ini dapat membuktikan bahawa terkandung 10 peristiwa aneh yang digarapkan dalam *Hikayat Nakhoda Muda*.

### **3. PENYATAAN MASALAH**

Merujuk kepada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dan Nur Ezatull Fadteheh Hedel (2020) telah membuktikan bahawa kajian-kajian lepas lebih berfokus kepada pengkajian terhadap nilai-nilai murni, nilai Islam, akal budi dan aspek mitos dalam cerita rakyat. Oleh itu, menerusi kajian yang dijalankan ini, maka penulis ingin membuktikan bahawa aspek akal budi sememangnya terkandung dalam cerita rakyat kanak-kanak yang dapat dijadikan sebagai medium pendidikan dan pengajaran kepada kanak-kanak. Sesungguhnya, aspek akal budi sewajarnya diterokai sebagai asas pemikiran dan pembentukan sahsiah diri dalam diri kanak-kanak dan diharapkan pembaca terhadap cerita rakyat ini akan menjadikan mereka insan yang bermatlamat dan bermodal insan ini.

### **4. BATASAN KAJIAN**

Pengkaji memilih teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia pada tahun 2015 sebagai data kajian. Buku ini diterbitkan oleh Edukid Publication Sdn Bhd dan terkandung 366 buah cerita rakyat Malaysia serta terdapat 220 halaman bercetak. Selain itu, teks ini diselenggarakan oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir. Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia ini telah meletakkan pelbagai cerita rakyat yang mempunyai nilai akal budi yang tersendiri seperti berani, bijaksana, berwawasan, taat pada perintah Allah, kegigihan, kepandaian, pemurah, pemaaf, bersabar, kasih sayang, tidak berputus asa, baik hati, jujur, bertanggungjawab dan tolong menolong dan mengenang jasa. Nilai akal budi yang dipilih ini membuatkan kajian ini masih relevan. Dalam kajian ini, pengkaji memilih teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian yang menyentuh kepada dua bahagian pengkaedahan iaitu Alamiah dan Keagamaan. Hal ini kerana pengkaji melihat aspek akal budi ini mempunyai jalinan yang mantap dan konkrit dengan elemen elemen seperti pendekatan dakwah, pendekatan moral dan pendekatan kemasyarakatan. Penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu ini bersesuaian dengan penyelidikan ini. Tokoh kepada Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Hashim Awang juga begitu dekat dan tidak asing lagi dengan norma norma Melayu. Pemilihan

dalam penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu adalah bersesuaian dengan kajian yang dijalankan dan teori ini amat dekat dengan pengkaji.

## 5. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks. Kaedah kepustakaan merujuk kepada pengumpulan bahan-bahan akademik yang berbentuk buku dan jurnal sebagai bahan sokongan kajian ini agar lebih sistematik dan berkesan. Oleh itu, untuk mendapatkan sumber rujukan ini, pengkaji telah membuat rujukan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok. Selain itu, Teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* pada tahun 2015 telah dijadikan sebagai data utama kajian ini. Menerusi kajian ini, pengkaji telah membataskan beberapa cerita rakyat kanak-kanak yang terkandung dalam teks ini. Antaranyanya, ialah *Badang dan Sang Gedembai, Sang Kancil dengan Buaya, Pelanduk yang Bijak, Mat Jenin, Lebai Malang, Raja Kuyuk, Biawak dan Puteri Raja*. Sesungguhnya, cerita rakyat kanak-kanak ini dipilih secara rawak. Pengkaji telah membaca 5 kajian setiap buah cerita untuk mengenal pasti aspek akal budi yang terkandung dalam cerita kanak-kanak ini. Setelah pengkaji dapat mengenal pasti aspek akal budi dalam cerita rakyat kanak-kanak ini, maka pengkaji telah menganalisis aspek akal budi dan mengaplikasikan dengan Teori Pengkaedahan Melayu.

## 6. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji telah membuat perbincangan berkenaan dengan aspek-aspek akal budi seperti manusia bersifar berani, manusia bijaksana, manusia Taat Kepada Perintah Allah dan manusia berwawasan yang terkandung dalam cerita rakyat kanak-kanak, antaranya ialah *Badang dan Sang Gedembai, Sang Kancil dengan Buaya, Pelanduk yang Bijak, Mat Jenin, Lebai Malang, Raja Kuyuk, Biawak dan Puteri Raja*.

### **Akal Budi Manusia Bersifat Berani**

Berani bermaksud sifat kegagahan seseorang individu mahupun manusia (*Kamus Dewan*, 2015). Menurut Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini Dan (1992), keberanian adalah manusia yang memiliki kesanggupan untuk menghadapi cabaran dan dugaan walaupun menyedari akan risiko

yang akan dihadapi. Selain itu, Jumali Selamat (2001) menyatakan bahawa keberanian merupakan seseorang yang mempunyai kekuatan hati untuk bertindak dengan kebenaran dan sentiasa berfikir dahulu mengenai perkara negatif dan positif sebelum bertindak. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang mengemukakan pendapat bahawa keberanian adalah individu yang mempunyai kecekalan hati untuk menghadapi cabaran dan sentiasa berpegang kebenaran. Oleh hal yang demikian, nilai keberanian wajar diamalkan dalam kalangan masyarakat supaya dapat melahirkan sebuah masyarakat yang berani untuk menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang. Nilai keberanian dalam cerita *Badang dan Sang Gedembai* dapat diperhatikan dalam petikan berikut:

### **Petikan 1**

“Oh rupanya kau yang memakan ikan aku!”

“Aku bunuh kau! Kata Badang,

“Janganlah bunuh aku!”

“Aku boleh jadikan kau gagah,”

“kata lembaga itu ketakutan.”

“Kamu akan menjadi gagah jika kamu makan muntah aku,”

“Akhirnya Badang bersetuju untuk memakan muntah lembaga itu.”

“Selepas itu Badang betul betul menjadi gagah.”

“Dia pergi ke sebuah hutan dan mencabut pokok pokok besar di situ.”

“Sekejap sahaja hutan itu menjadi terang.”

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir, 2015)

### **Petikan 2**

“Tiba tiba muncul Putera Indera Sakti dari negeri Panca Persada”,

“Putera menawarkan dirinya untuk menghapuskan Sang Gedembai”,

“Maka bertemulah Putera Indera Sakti dengan Sang Gedembai”,

“Sang Gedembai menyumpah Putera menjadi batu namun sumpahnya tidak menjadi”,

“Dengan kuasa saktinya, Putera Indera Sakti menukar Sang Gedembai menjadi katak”,

“Cepat! segera tikam Sang Gedembai itu, perintah Putera Indera Sakti”,

“Jalal dan penduduk kampung menikam dan memijak Sang Gedembai

sehingga mati”,

“Tamat lah riwayat Sang Gedembai yang kejam itu”.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir, 2015)

Berdasarkan petikan 1, watak Badang yang begitu berani untuk membunuh lembaga besar yang berbulu itu tanpa rasa gerun akan raksasa yang menakutkan itu. Keberanian seorang yang membawa watak sebagai Badang itu tanpa rasa takut sama sekali untuk memakan muntah yang keluar dari mulut raksasa itu. Watak Badang ini jelas kelihatan begitu berani apabila setelah memakan muntah dari raksasa itu, Badang terus menjadi gagah. Segala pekerjaan menjadi mudah bagi Badang. Tindakan berani Badang memperlihatkan betapa beraninya beliau dalam apa jua keadaan. Akibat keberanian watak Badang ini yang telah dipamerkan di dalam cerita rakyat ini menyebabkan beliau telah dikenali oleh orang ramai akan perlakuannya yang berani dan gagah sehinggakan Raja pun melantik Badang menjadi hulubalangnya

Seterusnya, menerusi petikan 2, tukang cerita telah memperlihatkan tentang watak Putera Indera Sakti yang sangat berani dalam usaha untuk membunuh Sang Gedembai yang menakutkan itu. Putera Indera Sakti sangat berani walaupun Sang Gedembai mempunyai kuasa untuk memberi sumpahan kepadanya. Selain itu, keberanian watak Putera Indera Sakti sanggup menggunakan kuasa saktinya untuk berlawan dengan Sang Gedembai. Oleh kerana keberaniannya, Sang Gedembai menerima sumpahan dari kuasa sakti Putera Indera Sakti dan bertukar menjadi seekor katak.

Sesungguhnya, akal budi berani merupakan aspek penting yang terdapat dalam setiap cerita rakyat. Perwatakan berani yang ditonjolkan di dalam petikan diatas dapat mengajak orang untuk berkelakuan berani seperti yang telah diceritakan. Berani merupakan pelakuan yang dibuat secara terangan supaya kelihatan lebih relevan. Nilai berani juga terkandung dalam pendekatan moral yang mampu menjadi contoh dan pengajaran kepada semua orang. Jelaslah bahawa petikan diatas sememangnya mempunyai kaitan dengan Pendekatan Moral. Pendekatan Moral di sini lebih kepada watak seseorang yang mempunyai nilai akal budi seperti yang telah dikarang oleh penulis cerita rakyat ini. Dapat disimpulkan bahawa petikan-petikan yang terkandung dalam cerita ini sudah semestinya mempunyai kaitan ataupun berhubung kait dengan Pendekatan Moral yang terhasil daripada Pengkaedahan Alamiah yang terdapat daripada Teori Pengkaedahan Melayu

## **Akal Budi Manusia Bersifat Bijaksana**

Seterusnya, akal budi orang Melayu yang terdapat di dalam cerita rakyat *Sang Kancil dengan Buaya dan Pelanduk yang Bijak* nilai Bijaksana. Bijaksana dalam *Kamus Dewan* (2015) membawa maksud berakal budi, arif, pandai dan berhati hati. Bijaksana menunjukkan tindakan yang mengundang kepada perlakuan yang bakal dilakukan mengikut kemampuan yang menjurus kepada tindakan yang bijak. Tindakan yang bijak mampu melahirkan sebuah bentuk pemikiran yang bernas. Melalui nilai akal budi bijaksana dapat dilihat melalui petikan 3 dan 4:

### **Petikan 3**

“Sang Kancil mahu makan buah jambu air itu tetapi tahu untuk menyeberangi sungai,”

“Tiba tiba Sang Kancil melihat seekor buaya, lalu mendapat satu akal,

“Wahai buaya sekalian, aku telah diperintahkan oleh Raja Sulaiman untuk mengira bilangan kamu semua.

“Cepat berbaris dari sebelah sini hingga ke seberang sungai sana! Kata Sang Kancil.”

“Setelah semua buaya siap beratur, Sang Kancil pun melompat ke atas kepala setiap buaya itu,”

“Kemudian Sang Kancil menuju ke pokok jambu air yang merah buahnya dan makan dengan gembira.”

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir, 2015)

### **Petikan 4**

“Ketika pelanduk leka makan, tiba tiba kakinya terpijak seutas tali yang merupakan jerat”,

“Tidak lama kemudian, seorang lelaki pergi ke tempat pelanduk itu sedang tergantung”,

“Pelanduk yang melihat lelaki itu datang, berpura pura memamatkan diri”,

“Dia menahan nafas dan mulutnya berbuih”,

“Lelaki itu yang menyangka pelanduk itu sudah mati, membuka jerat pada kaki pelanduk lalu menghumbankan ke dalam semak”,

“Apabila rasa sudah selamat, pelanduk itu segera melarikan diri”,

“Lelaki itu berasa marah kerana ditipu oleh pelanduk yang bijak”.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir, 2015)

Menerusi petikan 3, tukang cerita menggambarkan tentang watak Sang Kancil menggunakan kebijaksanaannya untuk mempergunakan sekumpulan buaya untuk melepaskan keinginannya untuk memakan buah jambu air yang kemerahan itu. Sang Kancil dengan bijak sekali menggunakan akal fikirannya setelah mendapat idea untuk mendapatkan jambu air di seberang sungai. Kebijaksanaannya terhasil apabila Sang Kancil mendapat akal untuk menjadikan sekumpulan buaya sebagai salah satu cara untuk menyeberangi sungai demi buah jambu yang ingin di makan.

Manakalah, menerusi petikan 4, tukang cerita telah membuktikan bahawa watak pelanduk yang sungguh bijaksana dalam mengenakan seorang lelaki. Kebijaksanaan pelanduk itu dapat dilihat dari segi bagaimana ia cuba melepaskan diri dari daripada jerat. Pelanduk mendapat akal untuk melepaskan diri dengan berpura pura mematikan diri dan mengeluarkan buih di dalam mulutnya. Lelaki yang tertipu dengan kebijaksanaan pelanduk amat marah apabila dirinya ditipu oleh binatang seperti pelanduk.

Rentetan daripada itu, akal budi bijaksana merupakan suatu nilai yang murni yang terdapat di dalam petikan di atas. Bijaksana di sini memperlihatkan watak lebih kepada unsur yang baik. Jikalau kita bijaksana maka ramai akan dekat dengan kita. Menjadi bijaksana mampu mengubah seseorang ataupun binatang untuk berkelakuan baik dan bijak. Bijaksana juga terkandung di dalam Pendekatan moral yang menyatakan jika berkelakuan bijaksana kita akan mampu untuk mengubah keadaan kearah lebih baik. Dapat disimpulkan bahawa petikan diatas sudah semestinya mempunyai kaitan ataupun berhubung kait dengan Pendekatan Moral yang terhasil daripada Pengkaedahan Alamiah yang terdapat daripada Teori Pengkaedahan Melayu.

### **Akal Budi Manusia Berwawasan**

Nilai akal budi orang Melayu yang terdapat di dalam cerita rakyat *Mat Jenin* yang ketiga ialah nilai berwawasan. Berwawasan dalam *Kamus Dewan* (2015) ialah sesuatu kelakuan yang mendorong kearah nilai yang positif. Pembentukan secara berwawasan mampu menjadikan

seseorang itu untuk mengecapi sebuah kejayaan. Berwawasan bagi seseorang individu adalah pandangan secara ke hadapan suapaya dapat merealisasikan sebuah impian. Melalui nilai akal budi berwawasan dapat dilihat melalui petikan 5:

#### **Petikan 5**

“Mat Jenin menghampiri nenek tua itu lalu menegurnya,”

“Nenek nak kelapa? Saya boleh ambilkan. Tetapi apa upah yang akan nenek berikan kepada saya jika saya ambilkan kelapa untuk nenek?”

“Nanti nenek siap masak, kamu boleh la makan sekali! Nenek juga boleh belikan telur ayam.”

“Telur ayam tu nak buat apa? Tanya Mat Jenin.”

“Telur ayam itu apabila dieramkan akan menghasilkan anak ayam,”

“Kamu boleh memelihara ayam.”

“Dia pun mula memanjat pokok kelapa.”

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir, 2015)

Berdasarkan cerita *Mat Jenin* dapat dibuktikan menerusi watak Mat Jenin mempunyai sikap berwawasan dalam melakukan pekerjaan seperti memetik buah kelapa. Watak Mat Jenin dilihat bersungguh sungguh untuk melakukan pekerjaan memetik kelapa demi mendapatkan sesebuah ganjaran dari pihak yang lain iaitu nenek tua itu. Berwawasannya Mat Jenin disini dapat menunjukkan beliau mempunyai pandangan ke hadapan dengan memikirkan apa yang perlu buat dengan telur ayam itu selepas ia menetas. Beliau mengatakan ingin menjual ayam itu dan membeli seekor kambing.

Sehubungan dengan itu, nilai akal budi berwawasan merupakan satu nilai yang menggunakan wawasan itu dengan perkara yang positif. Jika kita meletakkan diri sebagai orang berwawasan akan timbulnya satu kelakuan yang menjurus kepada kebaikan, Berwawasan menjadikan seseorang manusia untuk cekal dalam apa jua keadaan sekalipun. Jika kita tidak mengamalkan prinsip berwawasan kemungkinan kita tak ada hala tuju untuk dicapai. Berwawasan ini juga mempunyai kaitan pendekatan moral kerana ia merupakan nilai murni yang terdapat di dalam petikan di atas. Selain itu, berwawasan merupakan salah satu cara untuk mengapai sesebuah kejayaan. Berwawasan mampu membentuk seseorang untuk menjadi insan yang lebih baik akan peribadiannya. Dapat disimpulkan bahawa petikan diatas sudah

semestinya mempunyai kaitan ataupun berhubung kait dengan Pendekatan Moral yang terhasil daripada Pengkaedahan Alamiah yang terdapat daripada Teori Pengkaedahan Melayu.

### **Akal Budi Manusia Taat Kepada Perintah Allah**

Nilai akal budi orang Melayu yang terdapat di dalam cerita rakyat seperti *Lebai Malang* dan *Raja Kuyuk* yang keempat ialah taat pada perintah Allah. Taat dalam Kamus Dewan (2015) bermaksud menjalankan perintah Allah dengan sesuatu perbuatan yang mulia yang dilakukan oleh orang yang beragama Islam. Orang Islam diwajibkan untuk taat akan perintah Allah supaya hidup di dunia dan akhirat sentiasa di berkati. Orang yang taat kepada perintah Allah akan mendapat kedudukan yang tinggi di sisi Allah swt. Bagi orang yang tidak patuhi akan perintah Allah swt akan mendapat balasan yang setimpal dan tidak dapat keberkatan dalam kehidupan seharian. Melalui nilai akal budi taat pada perintah Allah dapat dilihat melalui petikan 6 dan 7:

#### **Petikan 6**

“Pada zaman dahulu tinggal seorang lebai bersama isterinya di sebuah desa.

Lebai adalah seorang yang pandai mengaji dan taat beribadat.”

“Suatu hari dia mendapat jemputan ke tiga majlis iaitu, majlis khatam Al Quran, majlis pengkebumian, dan juga majlis maulud.”

“Dia tak tahu ke mana dia harus pergi dahulu.”

“Adakah untuk menziarahi orang mati atau ke majlis khatam Al Quran atau kenduri Maulud?”

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir, 2015)

#### **Petikan 7**

“Semasa rombongan negeri Brunei berada di daerah Bukit Selingai, mereka semua tidak pernah meninggalkan sembayang lima waktu”,

“Raja Kuyuk berasa hairan lalu bertanya kepada raja Brunei, apakah yang kamu semua lakukan ini?”

“Sultan Brunei pun menjawab, Kami semua mengerjakan sembahyang lima waktu, kami menyembah Tuhan kami yang Maha Esa Allah SWT”,

“Allah yang mencipta langit dan bumi, mencipta segala makhluk di langit mahupun di bumi, kami semua beragama Islam”,



“Raja Kuyuk tertarik mendengar penjelasan Sultan Brunei lalu menyatakan hasrat untuk menganut agama Islam”,

“Perasan Raja Kuyuk bertambah tenang apabila menganut agama Islam”,

“Rezeki Raja Kuyuk dan rakyat jelatanya melimpah ruah setelah menganut agama Islam”.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir, 2015)

Berdasarkan petikan 6 tukang cerita telah menggambarkan tentang watak Lebai Malang merupakan seseorang yang mementingkan amalan ibadatnya. Buktinya watak Lebai Malang ini pandai mengaji dan taat pada ibadatnya. Kemuliaan hatinya di jalan Allah swt. Selain itu Lebai Malang juga melibatkan diri dalam majlis agama seperti majlis khatam Al Quran dan kenduri Maulud. Majlis kematian juga beliau melibatkan diri dengan orang kampung. Sikap Lebai Malang yang bercampur dengan penduduk kampung menjadikan penduduk kampung amat selesa dengannya. Jelaslah kelihatan disini watak Lebai Malang yang bergerak aktif dalam majlis agama yang dilakukan di dalam kampungnya.

Manakala, berdasarkan petikan 7 tukang cerita memperlihatkan bahawa akal budi manusia yang taat kepada perintah Allah menerusi watak raja Brunei. Beliau dan rakyatnya tidak meninggalkan sembayang lima waktu walaupun bukan berada di negeri sendiri. Watak raja Kuyuk yang mendengar dan melihat perbuatan raja Brunei itu terbuka hati untuk memeluk agama islam. Ketaatan raja Brunei telah membuka hati raja Kuyuk akan nilai agama islam itu sendiri. Raja Kuyuk selepas menganuti agama Islam berasa sungguh tenang dan dilimpahi dengan rezeki yang melimpah ruah.

Oleh hal yang demikian, taat kepada perintah Allah merupakan sifat yang terpuji yang telah dilakukan oleh seseorang manusia. Taat kepada perintah Allah mampu menjadikan seseorang insan yang patuh akan ajaran agama yang diterapkan kepada setiap manusia. Kepatuhan di dalam jalan Allah merupakan satu perlakuan yang murni di samping tidak melupakan Allah Swt merupakan jalan yang telah diaturkan oleh yang Maha Esa. Selain itu, nilai akal budi taat kepada Allah swt yang mempunyai seiring dengan Pendekatan Dakwah yang membawa kepada nilai nilai moral dan nilai yang berseni yang mengangkat martabat dengan berpaksikan melalui pegangan yang membawa ke pada jalan yang benar dan nyata.

## Akal Budi Manusia Gigih

Nilai akal budi orang Melayu yang terdapat di dalam cerita rakyat *Biawak dan Puteri Raja* dan *Rajin Berusaha* yang kelima ialah kegigihan. Kegigihan menurut *Kamus Dewan* (2015) bermaksud kesungguhan atau keteguhan berpegang kepada pendapat atau fikiran sendiri. Kegigihan dalam cubaan untuk mendapatkan sesuatu merupakan tindakan yang perlu diteruskan supaya dapat memperlihatkan keputusan yang memuaskan hati. Seseorang yang mempunyai kegigihan yang tinggi pastinya meletakkan kejayaan sebagai ukuran bagi sesuatu perkara. Sudah semestinya bagi orang yang mempunyai semangat kegigihan dapat mengukir sebuah kejayaan. Melalui nilai akal budi kegigihan dapat dilihat melalui petikan 8 dan 9:

### **Petikan 8**

“Satu hari biawak terdengar khabar yang Puteri Bongsu hendak dicarikan jodoh.”

Biawak sangat tertarik untuk mengahwini Puteri Bongsu, lalu memberitahu ibunya tentang keinginannya.

“Berat sungguh syaratnya anakku. Jika kamu ingin mengahwini Puteri Bongsu kamu mesti membina jambatan dari rumah kita ke istana dalam masa hanya satu malam.”

“Dengan kuasa sakti, biawak berjaya menyiapkan jambatan dari rumahnya ke istana dalam satu malam”,

“Raja dan Puteri berasa sangat terkejut dengan kesaktian biawak.”

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir, 2015)

### **Petikan 9**

“Buyung malas mengaji, berbagai alasan diberi olehnya”,

“Oleh sebab itu apabila semua kawannya tamat mengaji, Buyung masih mengaji ali ba ta”,

“Sedarlah Buyung bahawa jika ia rajin berusaha dan tidak berputus asa, ia juga akan pandai mengaji”,

“Buyung keluar dari gua lalu menuju ke majlis khatam Al Quran kawan kawannya”,

“Buyung berjanji dengan Tok Guru nya yang dia tidak akan malas lagi”,

“Akhirnya Buyung berjaya menamatkan mengaji seluruh Al Quran”,

“Kenduri doa selamat diadakan di rumah Tok Guru nya”,

“Semua kawan kawan Buyung hadir”,

“Mereka turut gembira kerana Buyung kini pandai mengaji seperti mereka”.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir, 2015)

Berdasarkan petikan 8 di atas, tukang cerita membuktikan akal budi manusia yang memiliki sifat kegigihan seekor biawak untuk mengahwini Puteri Raja idamannya walaupun hanya seekor binatang sahaja. Kegigihan yang ditunjukkan oleh watak seekor biawak ini sanggup menyiapkan jambatan dari rumahnya ke istana yang hanya memakan masa selama satu hari sahaja. Walaupun membina jambatan dalam satu hari nampak seperti tidak masuk akal akan tetapi watak seekor biawak berjaya menyiapkan jambatan dalam satu hari dengan kuasa saktinya. Menerusi kegigihan yang ditunjukkan oleh watak seekor biawak, keinginannya untuk berkahwin dengan Puteri Raja telah terlaksana dan ia cukup gembira atas kejayaannya mengahwini wanita idaman.

Manakala, berdasarkan petikan 9, tukang cerita telah membuktikan watak Buyung yang amat malas dalam mengaji Al Quran. Dia sering memberi alasan ketika tiba waktunya untuk mengaji. Walaubagaimanapun, kegigihan watak Buyung terselah apabila dia tekad untuk menghabiskan mengaji bersama tok Gurunya. Kegigihannya dalam mempelajari ilmu agama berhasil apabila Buyung mampu untuk menamatkan pengajiannya dalam bab mengaji Al Quran. Ketekunan dan kegigihan dalam cubaan untuk menghabiskan mengaji Al Quran membuatkan ibu, tok guru dan rakan rakannya berbangga dengan Buyung. Walaupun, pada ketika dahulu Buyung hanya tahu alif ba ta, Buyung tetap gigih berusaha demi menghabiskan pengajiannya dalam Al Quran.

Rentetan daripada itu, nilai akal budi kegigihan merupakan satu nilai yang halus untuk didapati oleh seseorang manusia. Kegigihan adalah merupakan satu perbuatan yang terdapat di dalam seseorang manusia dan bagaimana kegigihan itu disalurkan kearah baik atau sebaliknya. Kegigihan juga termasuk di dalam Pendekatan moral yang menitikberatkan segala usaha untuk mencapai sesebuah kejayaan. Jika kita tidak menerapkan unsur kegigihan di dalam kehidupan seharian, pastinya kita akan terus berada di takuk yang lama dan tiada sebarang perubahan lansung di dalam diri. Dapat disimpulkan bahawa petikan diatas sudah semestinya mempunyai kaitan ataupun berhubung kait dengan Pendekatan Moral yang terhasil daripada Pengkaedahan Alamiah yang terdapat daripada Teori Pengkaedahan Melayu.

## 2. PENUTUP

Natijahnya, menerusi pengkajian terhadap akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat kanak-kanak ini telah membuktikan bahawa, tukang cerita sememangnya memiliki kebijaksanaan untuk menyampaikan sesebuah cerita. Hal ini kerana, jalan cerita yang disampaikan dalam cerita rakyat kanak-kanak ini sangat mudah difahami oleh golongan kanak-kanak. Oleh itu, menerusi pembacaan terhadap cerita rakyat kanak-kanak ini dapat memberi rangsangan positif kepada kanak-kanak untuk mendapat ilmu pengetahuan dan dapat mengamalkan nilai-nilai positif dalam kehidupan mereka sehari-harian. Sesungguhnya, cerita rakyat kanak-kanak sewajarnya didokumentasikan, dipelihara dan dipulihara demi memastikan bahan bacaan yang disampaikan oleh tukang cerita yang berpengalaman ini dapat dibaca dan difahami oleh kanak-kanak serta mendapat impak yang positif. Justeru, adalah menjadi kewajiban pengkaji untuk berusaha menjadikan cerita rakyat kanak-kanak ini sebagai medium pendidikan yang berguna kepada kanak-kanak pada masa kini.

## RUJUKAN

- [1] *Kamus Dewan*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [2] Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- [3] Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- [4] Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 10 (2), 48-56.
- [5] Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet. (2020). Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 147-160.
- [6] Othman Puteh & Aripin Said. (2015). *366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- [7] Tajul Ariffin Noordin & Nor’Aini Dan. (1992). Pendidikan dan Wawasan 2020. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- [8] Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi dalam Naratif Lisan penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu penelitan kemasyarakatan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 126-140.

# **MURIDKU YOUTUBER: MELIBATKAN MURID 5 SAINS DALAM PENGHASILAN VIDEO PEMBELAJARAN BAGI MENINGKATKAN PENCAPAIAN DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH SPM**

Hanita binti Ladjaharun

*SMK Perempuan Likas Kota Kinabalu, SABAH*


## **Abstrak**

*Penularan virus COVID-19 diikuti dengan penangguhan sesi persekolahan dan bermula sesi Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah (PdPR) mendorong guru melaksanakan intervensi yang melibatkan murid menghasilkan video pembelajaran yang dinamakan sebagai Muridku Youtuber. Kajian impak ini melibatkan seramai 22 orang murid 5 Sains. Antara isu kajian ialah sasaran GPMP 1.18 yang tinggi berbanding TOV iaitu GPMP 2.28. Selain itu, pembelajaran yang melibatkan murid menjawab soalan kuiz, Quizzy dan menjawab modul kurang melibatkan murid mengaplikasi kemahiran seperti Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL). Seterusnya, objektif pelaksanaan intervensi ini ialah meningkatkan pencapaian murid secara konsisten agar mencapai GPMP 1.18. Disamping itu, membolehkan murid mengaplikasikan elemen PAK-21, KBAT, KPS dan PBL. Kaedah yang digunakan ialah 'mix method approach' iaitu analisis pencapaian dalam peperiksaan, maklum balas dan pemerhatian. Pelaksanaan 3 fasa penghasilan video membolehkan sebanyak 22 video pembelajaran berjaya dihasilkan. Pencapaian murid dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun mencatatkan GPMP 2.27 iaitu meningkat sebanyak 0.41. Seterusnya, dalam Peperiksaan Percubaan secara online pula berlaku peningkatan sebanyak 0.91 menjadikan GPMP 1.38. Dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pencapaian GPMP ialah 1.41. Maklum balas murid dan guru-guru mata pelajaran sejarah tingkatan 5 mengakui intervensi ini membolehkan murid terlibat menguasai isi pelajaran dan melalui sesi pembelajaran yang bermakna dengan mengaplikasi elemen PAK-21, KBAT, KPS dan PBL. Seterusnya, murid terlibat berjaya menjadi Youtuber yang menjadi kenyataan diluar jangkaan dan memberikan seribu makna kegembiraan. Lebih mengembirakan apabila video yang dihasilkan mendapat tontonan yang tinggi dari dalam dan luar negara. Tuntasnya, guru dan murid berjaya mengharungi norma baharu seterusnya merealisasikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Cadangan seterusnya, intervensi ini diperluaskan dalam kalangan murid lain agar saya boleh menilai keberkesanan melalui pelbagai sample.*

## **1.0 PENGENALAN**

Video ditakrifkan sebagai media yang mempersembahkan audio dan grafik secara serentak. Video dalam pembelajaran merupakan salah satu media yang boleh membantu pendidik dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Memetik hasil kajian Shaples (2000) mendapati bahawa penggunaan video dapat meningkatkan penglibatan dan motivasi murid dalam mempelajari sesuatu. Justeru, pendidik seharusnya perlu mengaplikasi penggunaan teknologi ini dengan lebih berkesan dalam pembelajaran pemudahcaraan. (Syamsulaini Sidek & Mashitoh Hashim, 2016) Semasa proses menghasilkan video, berlaku proses penerokaan maklumat daripada pelbagai sumber, penyusunan dan persembahan maklumat secara kreatif bagi menarik perhatian audiens. Oleh itu, aktiviti yang melibatkan murid menghasilkan video akan dapat melibatkan murid dengan pembelajaran yang lebih berimpak. Melalui aktiviti

menghasilkan video murid akan dilibatkan secara aktif membuat penerokaan maklumat, menyusun dan mempersempahkan maklumat, serta menjana idea mengilhamkan hasil kerja yang menarik. Video yang dihasilkan oleh murid juga sangat bermanfaat untuk diulang tonton dan boleh dikongsikan secara meluas kepada murid lain. Video yang dimuat naik ke saluran *Youtube* juga mampu menjadikan murid sebagai *Youtuber* yang akan menjadikan murid semakin bersemangat seterusnya membolehkan mereka mendalami lebih banyak ilmu berkaitan penghasilan video.



**Rajah: Piramid Pembelajaran**

**Sumber:** [https://www.NTL Institut of Applied Behavioral Science Learning Pyramideducationcorner.com/the-learning-pyramid.html](https://www.NTLInstitutofAppliedBehavioralScienceLearningPyramideducationcorner.com/the-learning-pyramid.html)

Berdasarkan rajah Piramid Pembelajaran di atas, melibatkan murid dalam menghasilkan video pembelajaran berupaya memaksimumkan penguasaan murid. Menonton video hanya membolehkan murid berupaya mengingati isi pelajaran sehingga 20% sahaja. Namun, jika murid menghasilkan video yang melibatkan mereka menggunakan audio dan grafik, mempersembahkan dan menerangkan isi pelajaran secara kreatif akan membolehkan murid mengingati isi pelajaran sehingga 90%. Oleh itu, guru perlu merancang dan melaksanakan tindakan bagi melibatkan murid dengan aktiviti penghasilan video pembelajaran

## 2.0 LITERATUR

Keperluan bagi modal insan berkualiti tinggi menjadi semakin penting. Kebanyakan negara menerima hakikat bahawa kurikulum perlu merangkumi kemahiran dan kompetensi baharu yang terarah kepada keperluan Abad Ke-21 dan seterusnya. Di Finland, matlamat teras Abad Ke-21 adalah ke arah perkembangan diri, identiti, internasional budaya, kemahiran media dan komunikasi, warganegara partisipatori, tanggungjawab terhadap persekitaran, dan memastikan kesejahteraan diri dan masa hadapan yang lestari. Di Malaysia, Kementerian Pendidikan kini berada di titik permulaan perjalanan bagi membangunkan sistem pendidikan

yang mampu melahirkan rakyat Malaysia yang berdayasaing dalam dunia globalisasi Abad Ke-21. Usaha ini memerlukan pertimbangan tentang pembelajaran murid, dan penjelasan semula kemahiran yang perlu diterapkan kepada murid. Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib (2016) memetik Mayer (2014) kaedah pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pelajar secara aktif adalah sangat penting kerana pelajar ini akan lebih banyak mengingati maklumat yang diterimanya. Sehubungan itu, dalam usaha melonjakkan peningkatan sistem, penambahbaikan dibuat iaitu memacu inovasi teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) khususnya untuk pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran terarah sendiri. (PPPM, 2013).

Samsulaini Sidek & Mashitoh Hashim (2016) dalam kajian mereka memetik Maria et al., (2014), pembelajaran berpusatkan murid merupakan suatu istilah yang luas digunakan pada masa kini bagi menghuraikan dan memahami proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang berlaku di dalam dan di luar kelas. Ini kerana strategi pembelajaran berpusatkan murid memerlukan penglibatan aktif daripada murid untuk menjayakan proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Guru menjadi pemimpin yang membimbing murid dan memperuntukkan lebih banyak masa untuk menjalankan aktiviti pembelajaran, sama ada secara berkumpulan atau individu. Persekitaran pembelajaran berpusatkan murid mendorong murid untuk memberi tumpuan dan meningkatkan kesedaran diri dalam proses menerima pembelajaran dan akhir sekali mampu meningkatkan pemahaman murid. Sehubungan itu, berdasarkan hasil analisis dan kajian lepas menunjukkan pengajaran berasaskan klip video adalah sangat berkesan untuk dipraktikkan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan kerana mampu menggalakkan pembelajaran berpusatkan murid. Keberkesanan turut diakui oleh Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Ruhaizah Abd Ghani, Nor Adila Mohd Noor, Azarudin Awang & Noor Hasyimah (2019) iaitu aktiviti pembelajaran yang bersifat interaktif ini diperlukan dalam pendidikan masa kini ini untuk membolehkan murid dapat meningkatkan ilmu pengetahuan bukan sahaja di dalam kelas malah di luar kelas. Ia turut membantu supaya murid dapat mengulangkaji pelajaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja (Zainul, Abdul Malek, & Basharudin, 2017).

Seterusnya, Malini Binti Kamlin dan Tan Choon Keong (2020) dalam kajian mereka ada menyatakan bahawa antara kaedah pembelajaran menggunakan video pada masa kini termasuklah kaedah '*Flipped Classroom*' dan *stream video* secara langsung menerusi aplikasi '*Youtube*'. Elemen lain yang terdapat dalam video seperti suara, pergerakan, warna dan lanskap yang berbeza meningkatkan kebolehan murid untuk mendapatkan bahan pembelajaran

menerusi medium yang menarik. Sumber bahan yang terdapat dalam video mampu membantu dalam peningkatan hasil pembelajaran. Sebagai contohnya menerusi kajian yang dijalankan oleh Buzzetto-More (2015), didapati penerapan video 'Youtube' dalam pembelajaran dapat meningkatkan penglibatan murid disamping persepsi positif dalam penerimaan medium tersebut bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran secara dalam talian. Selain itu, *Youtube* merupakan salah satu platform video yang boleh digunakan secara efektif untuk melibatkan murid dalam aktiviti dalam dan luar kelas, menggalakkan perbincangan dan secara tidak langsung dapat mencapai matlamat pembelajaran. Sehubungan itu, dalam kajian Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Ruhaizah Abd Ghani, Nor Adila Mohd Noor, Azarudin Awang dan Noor Hasyimah (2019) menyatakan *Youtube* ialah laman perkongsian video yang popular untuk memuat naik, menonton dan berkongsi petikan video. *Youtube* kini menjadi satu bentuk media baharu Web 2.0 yang popular. *Youtube* mengajak pengguna untuk menikmati pengalaman menonton video dan terlibat dalam kandungan video sebagai pengulas dan pencipta, iaitu satu aktiviti yang meningkatkan literasi visual pelajar, yang merupakan satu kemahiran penting dalam budaya elektronik masa kini.

Lezah @ Lejah Binti Kiamsin & Rosy Binti Talin (2018) dalam kajian mereka mentik Tan dan Carol (2013) turut mengakui bahawa kemahiran guru dalam mengaplikasikan teknologi seperti video *YouTube* sebagai alat bantu mengajar dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan Sejarah berjaya menarik minat dan meningkatkan kefahaman dan daya ingatan pelajar kerana isi pengajaran disampaikan secara telus. Hamdan Husein Batubara dan Dessy Noor Ariani (2016) menyatakan dalam kajian mereka bahawa cara untuk menghasilkan proses pembelajaran matematik yang menarik adalah dengan memanfaatkan video sebagai sumber dan media pembelajaran. Berbagai hasil penelitian menunjukkan bahawa murid lebih tertarik belajar menggunakan video berbanding teks dan gambar (Fadhli, 2015).

Tuntasnya, penggunaan video dalam pembelajaran adalah medium berkesan yang membolehkan proses pembelajaran lebih interaktif dan penguasaan kandungan. Sekiranya murid dilibatkan dalam menghasilkan video pembelajaran, murid akan dapat memainkan peranan sama seperti guru yang menghasilkan video sebagai bahan pembelajaran. Pendekatan baru ini akan lebih melibatkan murid dalam membuat penerokaan dan mengklasifikasi maklumat, membuat imaginasi mempersembahkan maklumat dalam bentuk audio dan visual, meningkatkan kemahiran komunikasi khususnya membuat penerangan, meningkatkan kemahiran teknologi menggunakan pelbagai *apps* dalam menghasilkan video seperti *power*



*point slaid show, Viva Video, KineMaster, InShot dan Magisto*. Seterusnya murid memuat naik video ke saluran *Youtube* yang menjadikan murid sebagai *Yuotuber* muda. Melibatkan murid sebagai *Youtuber* bukan sahaja menjadikan murid mendalam isi pelajaran malah menjadikan hasil kerja mereka sebagai sumber pembelajaran kepada murid lain di seluruh negara.

### 3.0 ISU KAJIAN

Penularan virus COVID-19 yang begitu cepat sejak sekitar bulan Mac 2020 telah membawa kepada tindakan kerajaan Malaysia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengumuman rasmi telah dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Tan Sri Muhyiddin bin Yassin pada 18 Mac 2020. Ekoran itu sesi persekolahan juga turut ditangguhkan dan bermula sesi Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah (PdPR). Menurut Losius Goliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny dan Nazarius G. Yulip (2020) pelaksanaan PdPR ini dilaksanakan sebagai alternatif kerana sistem pembelajaran secara konvensional yang diamalkan selama ini tidak dapat memenuhi tuntutan pendidikan sepanjang penguatkuasaan PKP. Ketika itu, guru menggunakan pelbagai pendekatan seperti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian, pengajaran dan pembelajaran di luar talian atau gabungan kedua-duanya. Keadaan penularan virus yang semakin meruncing telah membawa kepada penangguhan sesi persekolahan yang lebih lama sehingga pertengahan Julai 2020. Situasi ini telah memberikan kesan kepada guru dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh. Susulan daripada itu, cabaran kepada guru amat tinggi untuk berjuang dalam memastikan kelas tetap dijalankan walaupun berlaku krisis disebabkan oleh pandemik Novel Coronavirus (Covid-19). Bagi memastikan murid-murid tidak keciciran dari mendapatkan pembelajaran dan pendidikan dalam tempoh PKP, guru perlu mengharungi kebiasaan baharu atau lebih dikenali sebagai *the new normal* dalam proses PdPR. (Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin, 2020).


Pelbagai aplikasi atau platform digital digunakan oleh guru-guru dalam melaksanakan PdPR seperti *Whatsapp, Telegram, Google Meet* dan *Google Classroom, Zoom*. Bagi memastikan murid belajar walaupun tan pa bersemuka, pelbagai aktiviti seperti menjawab soalan dalam bentuk *Google Form, Quizzy* dan melengkapkan modul dilaksanakan melalui aplikasi *Telegram* dan *Whatsapp*. Namun berdasarkan refleksi sendiri guru, pendekatan ini masih kurang melibatkan murid secara aktif dan efektif dalam pembelajaran. Murid tidak

terlibat secara aktif untuk meneroka pelbagai maklumat seterusnya membolehkan mereka menguasai isi pelajaran secara optimum. Antara refleksi sendiri yang boleh saya rumuskan setelah tiga minggu melaksanakan PdPR ialah:

1. Murid bakal menduduki SPM dan pembelajaran perlu diteruskan walaupun penangguhan sesi persekolahan bagi memastikan murid mencapai sasaran GPMP 1.82
2. Kuiz *google form*, *Quizzy* dan melengkapkan modul kurang melibatkan murid mendalami topik secara menyeluruh dan berkesan serta menguasai kemahiran.

Oleh itu, pendekatan menghasilkan video pembelajaran akan melibatkan murid secara aktif mengaplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dan elemen Pembelajaran Abad Ke-21 iaitu komunikasi, kolaboratif, kritis dan kreatif. Berdasarkan pengalaman guru dalam menghasilkan video, guru akan meneroka pelbagai maklumat dan cuba mempersembahkan maklumat tersebut dalam bentuk visual yang disertai audio yang menarik. Oleh itu, jika guru melibatkan murid dalam menghasilkan video pembelajaran maka murid juga akan melalui pengalaman seperti guru semasa menghasilkan video pembelajaran untuk murid. Murid secara aktif akan membuat penerokaan lebih mendalam, menggunakan pelbagai bahan, mempersembahkan grafik, menerangkan isi pelajaran, memasukan audio yang menarik seperti instrumental dan sebagainya. Oleh itu, banyak kemahiran yang akan dikuasai oleh murid dan seterusnya mampu memantapkan penguasaan murid terhadap topik sejarah. Pendekatan ini juga akan melibatkan murid secara lebih kreatif dan inovatif dalam pembelajaran dan memberikan pengalaman yang sangat berharga untuk keperluan pada masa akan datang.

**Graf 1: Pencapaian Murid 5 Sains Dalam Mata Pelajaran Sejarah (GPMP)**



#### 4.0 FOKUS KAJIAN

Meningkatkan pencapaian dan melibatkan murid dalam pembelajaran aktif, kreatif dan efektif melalui aplikasi penghasilan video pembelajaran.

#### 5.0 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini ialah:

1. Memastikan murid menguasai isi pelajaran dan seterusnya dapat merealisasikan sasaran GPMP 1.82 dalam Peperiksaan Percubaan SPM.
2. Melibatkan murid dengan pembelajaran yang kreatif, informatif dan bermakna dengan mengaplikasi elemen PAK-21, KBAT, KPS dan pelaksanaan projek.

#### 6.0 PERANCANGAN TINDAKAN

BIL	TARIKH	TINDAKAN
1	1 Mei 2020	Makluman kepada murid berkaitan tugas menghasilkan video pembelajaran
2	1 Mei 2020	Guru kongsikan <i>link</i> yang berkaitan penerangan menghasilkan video
3	1 Mei 2020	Guru kongsikan <i>link</i> berkaitan penerangan cara-cara memuat naik video ke Channel Youtube
4	1 Mei 2020	Murid membentuk kumpulan yang terdiri dari 2 hingga 4 orang setiap kumpulan.
5	1 Mei 2020	Guru menyenaraikan tajuk-tajuk fokus SPM bagi tahun 2020 yang boleh dipilih oleh murid.
6	1 – 5 Mei 2020	Murid menghasilkan video dengan bimbingan guru melalui aplikasi <i>Telegram</i>
7	5 Mei 2020	Murid memuat naik video ke saluran <i>Youtube</i>
8	6 Mei 2020	Guru memberikan penegasan terhadap usaha dan hasil kerja murid
9	17 Mei 2020	Sesi maklum balas oleh murid berkaitan pelaksanaan pendekatan menghasilkan video dengan melengkapkan <i>Google Form</i>

#### 7.0 PELAKSANAAN KAJIAN


- Makluman berkaitan tugas, menonton video cara menghasilkan video dan cara memuat naik video ke Saluran *Youtube*.**

Guru memaklumkan kepada keseluruhan murid berkaitan aktiviti pembelajaran pada minggu berkenaan adalah melibatkan keseluruhan murid menghasilkan video pembelajaran berdasarkan tajuk fokus yang telah disenaraikan. Seterusnya, murid-murid diminta membentuk kumpulan yang terdiri 3 hingga 4 orang. Guru memberikan masa selama sehari kepada murid untuk menonton video berkaitan

cara menghasilkan video dan cara memuat naik video ke saluran *Youtube*. Guru kongsi dua *link* video yang berkaitan dalam kumpulan pembelajaran melalui aplikasi Telegram. Guru juga menggalakkan murid meneroka dan menonton video lain yang boleh membantu kefahaman dan kebolehan menghasilkan video.


**i. Guru membimbing murid menghasilkan video**

Sepanjang tempoh yang diberikan kepada murid untuk meyiapkan video, murid boleh merujuk kepada guru jika terdapat kesukaran yang dialami sehinggalah mereka berjaya memuat naik video tersebut ke saluran *Youtube*. Antara perkara-perkara yang dibincangkan dalam kumpulan pembelajaran ialah berkaitan dengan *copyright*, kandungan, audio dan teknikal. Perbincangan antara guru dan murid dapat memperlihatkan kesungguhan murid dalam menghasilkan video pembelajaran. Percambahan idea turut berlaku apabila terdapat murid-murid yang meneroka lebih banyak maklumat dan membuat perkongsian di dalam kumpulan pembelajara.



**Tangkap layar 1: Perbincangan guru dan murid sepanjang tempoh menghasilkan video**

## ii. Murid memuat naik video ke Youtube



### Tangkap layar 2: Sesi perbincangan guru dalam kumpulan pembelajaran *Telegram*

Perbincangan secara maya diadakan bagi membimbing murid Langkah-langkah memuat naik video ke saluran *Youtube*. Walaupun, murid telah menonton video Langkah-langkah memuat naik video ke saluran *Youtube* namun masih terdapat aspek teknikal yang dibincangkan Memandangkan aktiviti menghasilkan video pembelajaran diaplikasikan buat kali pertama oleh murid makan berbagai cabaran dihadapi. Oleh itu, guru sentiasa memberikan tunjuk ajar sehingga akhirnya murid berjaya memuat naik video masing-masing.

## iii. Peneguhan dan penghargaan terhadap hasil kerja murid

Esok cikgu umum keputusan ya. Tahniah semua ... yang penting dari projek ni kamu akan kuasai kandungan dengan lebih baik. selain itu, mengasah kemahiran membuat video/ kemahiran ict. Cikgu juga kan bagi siiiil penghargaan Pertandingan

Keputusan pertandingan Video  
1. Johan kumpulan Iman : RM 50  
2. Naib Johan Kumpulan Ameera: RM 30  
3. Ketiga Kumpulan Riffioni: RM 20  
3:03 PM ✓

### Tangkap layar 3: Pengumuman pemenang bagi hasil kerja terbaik

Setelah murid selesai memuat naik semua video, guru memulakan sesi menilai hasil kerja murid. Guru memberikan hadiah kepada pemenang tempat pertama hingga tempat ketiga. Hadian diberikan sebagai peneguhan dan dorongan murid akan menghasilkan kerja yang lebih baik pada masa akan datang. Selain itu, bagi kumpulan yang tidak berjaya menduduki tempat pertama hingga ketiga, guru tetap

memberikan pujian terhadap hasil kerja mereka. Pendekatan ini telah berjaya meningkatkan motivasi dan kesungguhan murid kerana murid telah menghasilkan video berikutnya dengan kandungan dan persembahan yang lebih menarik.

**iv. Sesi maklum balas murid melengkapkan maklumat di *Google Form***

Selepas selesai aktiviti menghasilkan video pembelajaran buat kali pertama, guru telah melibatkan murid mengisi borang maklum balas. Maklum balas bertujuan mengetahui kelebihan aktiviti menghasilkan video pembelajaran mengikut perspektif murid. Keseluruhan murid telah mengisi maklum balas dalam bentuk *Google Form*.


**v. Penghasilan video pembelajaran pada fasa II dan Fasa III**

Aktiviti menghasilkan video pembelajaran untuk fasa II dan fasa III diteruskan bagi topik-topik fokus berikutnya. Semasa fasa III kumpulan sedia ada telah dibubarkan. Kumpulan baharu yang dibentuk hanya terdiri dari 2 hingga 3 orang. Oleh itu lebih banyak kumpulan akan dibentuk dan lebih banyak video pembelajaran akan dihasilkan.

**7.0 DAPATAN KAJIAN**

**i. Jumlah video murid**

**Graf 2: Jumlah video dihasilkan oleh murid mengikut fasa**



Sebanyak tiga sesi pembelajaran dan pemudahcaraan murid dilibatkan dengan aktiviti menghasilkan video pembelajaran yang meliputi fasa I, fasa II dan fasa III. Semasa fasa I dan II hanya 5 kumpulan dibentuk yang membolehkan murid berkolaboratif secara maya menjayakan projek penghasilan video ini. Seterusnya, dalam fasa 3, guru menghadkan jumlah maksimum ahli kepada hanya 2 orang yang menyebabkan hasil video murid semakin bertambah. Dapatan berdasarkan pemerhatian guru, walaupun jumlah ahli dalam kumpulan berkurangan namun hasil video murid tetap menunjukkan peningkatan dari segi kualiti dari segi isi, penyampaian dan persembahan. Ini menunjukkan keseluruhan murid sudah mempunyai tahap kemahiran yang sama dalam menghasilkan video.

ii. **Senarai video, jumlah VIEW dan LIKE**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk Video (Sehingga 31 Okt)</b>	<b>Jumlah VIEW</b>	<b>Jumlah LIKE</b>
1	Bab 1: Kemunculan Dan Perkembangan Nasionalisme Di Asia Tenggara (Umum)	988	63
2	Bab 1: Kemunculan Dan Perkembangan Nasionalisme Di Asia Tenggara (Filipina)	55	9
3	Bab 1: Kemunculan Dan Perkembangan Nasionalisme Di Asia Tenggara (Tailand)	179	8
4	Bab 2: Nasionalisme Di Malaysia Sehingga Perang Dunia Kedua	3.22	46
5	Bab 3: Kesedaran Pembinaan Negara Dan Bangsa	1.2K	120
6	Bab 5: Pembinaan Negara Dan Bangsa Yang Merdeka	641	85
7	Bab 6: Pengukuhan Negara Dan Bangsa (Umum)	4K	271
8	Bab 6: Pengukuhan Negara Dan Bangsa (Reaksi Filipina)	67	9
9	Bab 6: Pengukuhan Negara Dan Bangsa (Reaksi Brunei)	209	31
10	Bab 6: Pengukuhan Negara Dan Bangsa (Reaksi Sabah Dan Sarawak)	55	8
11	Bab 9: Malaysia Dalam Kerjasama Antarabangsa (Perang Dunia) Iman	6.6K	255
12	Bab 9: Malaysia Dalam Kerjasama Antarabangsa (Pertubuhan Antarabangsa) Ros	192	33
13	Bab 9: Malaysia Dalam Kerjasama Antarabangsa (Dasar Luar Malaysia)	2.6K	125
14	Bab 9: Malaysia Dalam Kerjasama Antarabangsa (Perang Dunia) Clair	381	40
15	Bab 9: Malaysia Dalam Kerjasama Antarabangsa (Pertubuhan Antarabangsa) Diba	679	36
16	Bab 9: Malaysia Dalam Kerjasama Antarabangsa (Pertubuhan Antarabangsa) Ellisa	202	31
17	Bab 1: Tamadun Awal Dunia (Tamadun Mesopotamia)	1K	51
18	Bab 1: Tamadun Awal Dunia (Tamadun Indus)	1.4k	147





19	Bab 1: Tamadun Awal Dunia (Tamadun Mesir)	291	33
20	Bab 1: Tamadun Awal Dunia (Tamadun Hwang Ho)	499	49
21	Bab 3: Tamadun Awal Asia Tenggara (Kerajaan Maritim)	567	43
22	Bab 3: Tamadun Awal Di Asia Tenggara (Agraria Dan Maritim)	186	26

Hasil video pembelajaran murid menunjukkan murid berjaya menjana idea dan kreativiti, mengaplikasikan KBAT, KPS dan PAK-21 melalui pembelajaran tanpa bersemuka.

### iii. Pencapaian murid

**Graf 3: Pencapaian Murid Mengikut Gred**






Berdasarkan graf di atas, GPMP mengalami peningkatan dalam peperiksaan pertengahan tahun iaitu dari 2.64 kepada 2.27. Murid menduduki peperiksaan sejurus sesi persekolah dibuka semula selepas penutupan bermula 18 Mac 2020 hingga 24 Jun 2020. Ketika penutupan sekolah yang disebabkan oleh pandemic COVID-19 murid telah menghasilkan sebanyak 12 video pembelajaran yang merupakan topik fokus berdasarkan analisis yang telah dibuat oleh guru. Guru telah meneruskan lagi pada fasa ketiga menghasilkan dan memuatnaik video berdasarkan topik fokus SPM. Murid Berjaya menghasilkan 10 lagi video pembelajaran. Pada bulan oktober murid menduduki peperiksaan percubaan SPM dan sekali lagi prestasi mereka menunjukkan pencapaian iaitu dari 2.27 semasa peperiksaan pertengahan tahun meningkat kepada 1.36. Pencapaian sebenar dalam peperiksaan SPM ialah 1.41 dan guru masih berpuas hati.


**iv. Hasil maklum balas murid**

**Garf 5: Maklum Balas Murid**




Berdasarkan maklum balas di atas, keseluruhan 22 orang murid yang terlibat dalam kajian ini bersetuju dan sangat bersetuju bahawa aktiviti menghasilkan video pembelajaran membolehkan mereka terlibat secara aktif dalam aktiviti penerokaan dan membolehkan mereka menguasai isi pelajaran. Selain itu, aktiviti ini diakui membolehkan murid belajar secara kritis mengupas maklumat, lebih imajinatif dan kreatif dalam menyampaikan idea. Berikutnya aktiviti ini juga dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam aspek teknologi khususnya menghasilkan video pembelajaran. Sebahagian besar atau 14 orang murid sangat bersetuju mahu program

sebegini diteruskan pada masa akan datang. Berikut dikongsikan maklum balas peribadi oleh dua orang murid;



**Gambar dan catatan: Maklum balas murid**

**Garf 6: Maklum Balas Guru**



Berdasarkan graf 6 di atas, 100% guru sangat setuju bahawa aktiviti melibatkan murid menghasilkan video pembelajaran membolehkan murid menguasai isi pelajaran, belajar secara kreatif dan membuat imaginasi, mengaplikasikan KBAT, KPS dan meningaktkan kemahiran penggunaan teknologi. Selain itu, semu guru juga bersetuju video pembelajaran yang dihasilkan oleh murid 5 Sains sangat membantu murid-murid lain di SMK Bandaraya Kota

Kinabalu untuk menguasai isi pelajaran khususnya semasa pandemik COVID -19. Semua video tersebut digunakan oleh guru-guru untuk menjayakan PdPR.

## 9.0 RUMUSAN

Pembelajaran secara efektif yang melibatkan murid meneroka, menyusun dan mempersembahkan maklumat yang membolehkan murid empati sejarah dapat diteruskan melalui aktiviti melibatkan murid menghasilkan video. Usaha proaktif guru dan murid berjaya memuat naik video ke saluran *Youtube* yang memberikan manfaat lebih besar kepada murid-murid lain di SMK Bandaraya Kota Kinabalu dan di seluruh negara untuk menonton video yang dihasilkan. Usaha ini dapat meningkatkan kemahiran murid dalam teknologi dan meningkatkan motivasi belajar. Potensi murid menghasilkan bahan pembelajaran kreatif dan ketrampilan dalam komunikasi dapat diasah dengan lebih baik. Pencapaian murid memperlihatkan, walaupun pandemik COVID-19 menyebabkan murid tidak dapat belajar bersemuka namun pembelajaran dapat diteruskan dan pencapaian dapat ditingkatkan. Dalam hal ini, guru dan murid telah berjaya mengharungi cabaran pandemik dan jarak jauh atau tanpa bersemuka dalam pembelajaran. Aplikasi PAK-21, KBAT, KPS dan penggunaan teknologi boleh dijayakan secara PdPR jika guru merancang tindakan dan strategi.

Murid gembira kerana berjaya menjadi *Youtuber* dalam usia yang muda dan langkah ini menjadi printis untuk mereka berjinak dengan lebih serius sebagai *Youtuber*. Selain itu, kemahiran menghasilkan video begitu berguna kerana semasa pandemik dapat dilihat norma baharu penggunaan video dalam sesi temuduga kemasukan universiti dan pekerjaan. Oleh itu, kemahiran dan pengalaman menghasilkan video pembelajaran begitu penting untuk menghadapi situasi akan datang. Penghasilan video pembelajaran akan dijadikan rutin kerana keperluan untuk pembentangan projek atau penyertaan dalam pertandingan secara atas talian yang menjadi norma baharu. Selain itu, cadangan kepada pihak sekolah untuk menjemput pihak berkepakaran seperti Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sabah (BTPN) untuk memberikan bengkel kepada guru dan murid dalam meningkatkan kemahiran membuat video. Selain itu murid dan guru juga perlu didedahkan dengan perkara-perkara yang berkaitan *Youtuber* agar tidak melanggar syarat dan menjadi *Youtuber* yang memberikan bahan tontonan yang berimpak atau berguna dalam kehidupan harian. Seterusnya, dalam melaksanakan kajian kes, guru sering menghadapi situasi kekakangan masa untuk sesi pembentangan murid. Oleh

itu, video merupakan pendekatan yang menjadikan pembentangan lebih fleksible iaitu murid merakam dan memuat naik video. Guru akan menonton apabila ada kelapangan. Oleh itu guru boleh menilai hasil murid pada bila-bila masa sesuai.

## **RUJUKAN**

- Afizal Md Sahir & Ahmad Fauzi Mohd Ayub. 2015. Keberkesanan penggunaan video dalam amali masakan. *International Journal of Education and Training (InjET)*. 1(2): 1-8.
- Lezah @ Lejah Binti Kiamsin & Rosy Binti Talin. 2018. Kaedah pengajaran Sejarah yang diminati pelajar dan justifikasinya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol. 3 (2): 137-145.
- Losius Goliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny & Nazarius G.2020. Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Pejabat Pendidikan Daerah, Ranau*: 1-15.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib. 2016. Penggunaan multimedia dalam Pendidikan Sejarah Pada Abad Ke-21 dan hubungannya dengan minat belajar sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 7: 44–56.
- Malini Binti Kamlin & Tan Choon Keong. 2020. Adaptasi video dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 5.
- Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin. 2020. Pengajaran dan pemudahcaraan dalam alian semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*. Vol. 9:18-28.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).
- Renda Lestari. Penggunaan *Youtube* sebagai media pembelajaran Bahasa Inggris. *Seminar Nasional Kedua Pendidikan Berkemajuan dan Menggembirakan*. 607-612.
- Syamsulaini Sidek & Mashitoh Hashim. 2016. Pengajaran berasaskan video dalam pembelajaran berpusatkan pelajar: analisis dan kajian kritikal. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*. Vol. 3: 24-33.
- Wan Noor Hazlina Wan Jusoh<sup>1</sup>, Ruhaizah Abd Ghani<sup>1</sup>, Nor Adila Mohd Noor<sup>1</sup>, Azarudin Awang<sup>1</sup> dan Noor Hasyimah. 2019. Persepsi pelajar terhadap penggunaan video dan *padlet* (pvdp) dalam pengajaran dan pembelajaran subjek pemikiran dan Tamadun Islam, *e-Academia Journal*. Vol. 8, 1-7.

# **POLA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN KHALAYAK DI MALAYSIA KETIKA BERHADAPAN KRISIS PANDEMIK COVID-19**

Aisah Meri<sup>1</sup>, Syahrudin Awg Ahmad<sup>2</sup>, Sitinurbayu Mohd Yusoff<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>*Program Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah*

*(E-mail: [aisah.meri@ums.edu.my](mailto:aisah.meri@ums.edu.my), [syahag@ums.edu.my](mailto:syahag@ums.edu.my), [bayu.yusoff@ums.edu.my](mailto:bayu.yusoff@ums.edu.my))*

**Kata kunci:** *keperluan, kegunaan, kepuasan, media sosial dan Covid-19.*

## **Pengenalan**

Pada bulan Disember, 2019 dunia dikejutkan dengan pandemik Covid-19 yang berpunca daripada virus yang dikenali sebagai SARS-coV2 yang mampu melumpuhkan sistem pernafasan individu dan boleh mengakibatkan kematian (Zhu et.al., 2020). Malaysia juga turut terkesan dan menjadi salah sebuah negara yang berhadapan dengan ancaman pandemik Covid-19 ini (Jafar et al, 2021). Penularan jangkitan Covid-19 di Malaysia dikesan pada 24 Januari 2020 dalam kalangan pengunjung yang telah pulang ke tanah air setelah balik dari negara-negara yang telah awal dijangkiti (Pertubuhan Kesihatan Sedunia, 2020). Kadar jangkitan yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat di Malaysia menyebabkan kerajaan telah mengambil langkah untuk menguatkuasakan perintah kawalan pergerakan pada 18 Mac 2020 (Kaur, 2020). Langkah ini diambil bagi tujuan mengekang dan memutuskan rangkaian jangkitan Covid-19 yang semakin meningkat dalam kalangan penduduk di Malaysia (Yassin, 2020).

Mediaskap yang semakin berkembang menerusi penggunaan teknologi seperti Internet termasuklah media sosial dilihat sangat penting dalam menyampaikan maklumat lebih-lebih lagi ketika dunia berhadapan dengan pandemik Covid-19 ini. Justeru, persoalan yang menarik perhatian adalah bagaimana penggunaan media sosial dalam kalangan khalayak di Malaysia ketika mereka berhadapan dengan pandemik Covid-19 ini? Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2020) melaporkan bahawa kadar penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat Malaysia ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19 meningkat secara drastik pada tahun 2020. Kadar penggunaan media sosial di Malaysia pula misalnya menunjukkan peningkatan sebanyak 93 peratus dan rata-rata khalayak memperuntukkan masa sebanyak lima

hingga 12 jam sehari dalam penggunaan Internet mereka (SKMM, 2020). Justeru itu, ini memberikan gambaran penting bahawa penggunaan media sosial dalam kalangan khalayak ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19 ini agak aktif dan kajian ini ingin melihat secara lebih terperinci bagaimana aktiviti penggunaan media sosial khalayak di Malaysia dengan menggunakan teori kegunaan dan kepuasan (U&G) sebagai kerangka utama kajian.

## **Objektif**

Objektif kajian ini adalah:

- i. Menenalpasti keperluan yang mendorong khalayak menggunakan media sosial ketika pandemik Covid-19
- ii. Menenalpasti bentuk kegunaan media sosial dalam kalangan khalayak ketika pandemik Covid-19
- iii. Menenalpasti bentuk kepuasan media sosial dalam kalangan khalayak ketika pandemik Covid-19

## **Metodologi**

Makalah ini adalah hasil kajian kuantitatif yang melibatkan tinjauan survei ke atas 424 responden yang terdiri dari beberapa buah negeri di Malaysia iaitu Sabah, Sarawak, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Kelantan, Negeri Sembilan, Terengganu dan Pahang. Pemilihan kaedah ini dilakukan berdasarkan alasan yang kukuh dan diterima pakai malahan Wimmer dan Dominick (1994) pernah membuat ulasan terhadap kajian kegunaan dan kepuasan yang kebanyakannya bergantung kepada kaedah tinjauan. Ini dapat dibuktikan menerusi kajian sarjana terdahulu yang menggunakan kaedah tinjauan bagi menjalankan kajian ke atas tahap kegunaan dan kepuasan khalayak terhadap sesuatu media (Wu *et al.*, 2010; Alhabash & Ma, 2017; Wang, 2021). Kaedah ini dipilih berdasarkan matlamat kajian iaitu untuk menguji perilaku kegunaan dan kepuasan media sosial dalam kalangan khalayak di Malaysia ketika berhadapan dengan krisis pandemik Covid-19. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan Persampelan Bertujuan (*Purposive Sampling*) di mana khalayak yang menggunakan media sosial sahaja yang akan dipilih bagi melihat pola penggunaan media sosial dalam kalangan mereka. Kesemua item yang diuji di dalam kajian ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan

yang tinggi di mana kesemua item yang diukur mencatatkan nilai kebolehpercayaan 0.90 dan ke atas.

## Dapatan Kajian

Hasil daripada dapatan kajian ini dipersembahkan dalam tiga bahagian berdasarkan kepada tiga objektif utama. Sebagai permulaan, dapatan kajian ini akan dimulakan dengan menyentuh demografi responden yang ditanyakan di bahagian permulaan borang soal selidik *Google Form*.

Jadual 1: Demografi Responden

Ciri Demografi	Statistik Peratus
Etnik	
Bumiputera Sabah	69.1
Bumiputera Sarawak	10.7
Melayu	16
Cina	2.1
India	2.1
Jantina	
Lelaki	40
Perempuan	60
Umur	
17 hingga 22 tahun	28.3
23 hingga 28 tahun	9.9
29 hingga 34 tahun	30.4
35 hingga 49 tahun	16
41 tahun dan ke atas.	15.3
N=424	

Secara keseluruhannya, seramai 424 responden terlibat di dalam penyelidikan ini manakala proses mengedarkan borang soal selidik bermula dari 10 Jun 2021 sehingga 25 Jun 2021.

Jadual 2: Penggunaan Media Sosial Ketika Pandemik

Media	M $\mu$	SD $\sigma$
<i>Facebook</i>	3.69	1.234
<i>Instagram</i>	3.20	1.411
<i>Twitter</i>	2.10	1.416
<i>Whastapp</i>	4.64	.703
<i>Youtube</i>	3.86	1.063

N = 424

Soalan pertama kajian ini menanyakan tentang penggunaan jenis media sosial yang menjadi keutamaan penduduk di Malaysia ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19 ini. Ini kerana media sosial mencatatkan penggunaan paling tinggi dalam kalangan khalayak Malaysia pada masa kini. Jadual 3 di atas menunjukkan penggunaan media sosial paling utama dalam kalangan khalayak di Malaysia ketika mendepani pandemik Covid-19 ini. Hasil dapatan kajian mendapati *Whatsapp* merupakan media sosial paling popular ( $\mu=4.64, \sigma = .70$ ) diikuti oleh *Youtube* ( $\mu=3.86, \sigma =1.06$ ), Facebook ( $\mu=3.69, \sigma =1.23$ ) dan *Instagram* ( $\mu=3.20, \sigma =1.41$ ). Walaubagaimanapun, media sosial *Twitter* dilihat kurang mendapat perhatian apabila mencatatkan nilai min yang paling rendah ( $\mu=2.10, \sigma = 1.41$ ).

Jadual 3: Keperluan Penggunaan Media Sosial Ketika Pandemik Covid-19

Keperluan	Min $\mu$	SD $\sigma$
Kognitif	4.46	.618
Afektif	4.25	.753
Pelepasan Diri	4.39	.747
Penyepaduan Sosial	3.82	.877

N = 424

Bagi memahami keperluan yang mendorong penggunaan media sosial dalam kalangan responden, terdapat beberapa item pemboleh ubah yang ditanyakan kepada mereka dan ini disusuli dengan sub item bagi setiap pemboleh ubah utama tersebut. Jadual 3 di atas menunjukkan keperluan yang mendorong penggunaan media sosial dalam kalangan khalayak ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19 di Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa keperluan utama yang mendorong penggunaan media sosial dalam kalangan khalayak di Malaysia adalah keperluan kognitif ( $\mu=4.46, \sigma =.61$ ) diikuti pula oleh keperluan yang lain iaitu keperluan pelepasan diri ( $\mu=4.39, \sigma =.74$ ) dan keperluan afektif ( $\mu=4.25, \sigma =.75$ ). Keperluan penyepaduan sosial dilihat sebagai bukan keperluan utama yang mendorong khalayak menggunakan media sosial ( $\mu=3.82, \sigma =.63$ ).

Jadual 4: Faktor Kegunaan Media Sosial Ketika Pandemik

Kegunaan	Min $\mu$	SD $\sigma$
Pencarian Maklumat	4.34	.758
Tabiat	4.26	.704
Pemesongan	4.30	.807

N=424



Jadual 4 di atas menunjukkan faktor kegunaan media sosial dalam kalangan khalayak di Malaysia ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19. Hasil analisis mendapati daripada tiga faktor kegunaan yang dioperasikan di bawah faktor kegunaan media sosial, faktor pencarian maklumat merupakan faktor paling utama ( $\mu=4.34$ ,  $\sigma =.75$ ) ini diikuti oleh faktor kegunaan pemesongan ( $\mu=4.30$ ,  $\sigma =.80$ ) dan juga faktor kegunaan tabiat ( $\mu=4.26$ ,  $\sigma =.70$ ).

Jadual 5: Kepuasan Penggunaan Media Sosial Ketika Pandemik

Kepuasan	Min $\mu$	SD $\sigma$
<i>Mudah</i>	4.46	.688
<i>Perbincangan Interpersonal</i>	4.18	.810
<i>Pengawasan</i>	4.25	.734

N=424

Hasil analisis keseluruhan terhadap kepuasan penggunaan media sosial ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19 mendapati sifat mudah media sosial itu sendiri sebagai kepuasan paling ketara diperolehi khalayak ( $\mu=4.46$ ,  $\sigma =.68$ ) dan ini diikuti oleh kepuasan pengawasan ( $\mu=4.25$ ,  $\sigma =.73$ ) serta kepuasan perbincangan interpersonal ( $\mu=4.18$ ,  $\sigma =.81$ ).

### **Kesimpulan Kajian**

Secara kesimpulannya, tiga objektif utama dalam usaha melihat penggunaan media dalam Secara kesimpulannya, tiga objektif utama dalam usaha melihat penggunaan media sosial dalam kalangan khalayak di Malaysia berjaya melihat keperluan kognitif, kegunaan pencarian maklumat dan kepuasan mudah merupakan pemboleh ubah yang paling banyak mempengaruhi penggunaan media sosial dalam kalangan khalayak ketika mendepani pandemik Covid-19 di negara ini. Tidak dinafikan faktor teknologi determination turut mempengaruhi kegunaan dan kepuasan media sosial dalam kalangan khalayak di Malaysia. Keunikan media sosial yang disokong oleh telefon pintar mempunyai kelebihan yang tersendiri jika dibandingkan dengan media yang lain. Khalayak mempunyai banyak pilihan saluran maklumat yang memberikan pelbagai bentuk kegunaan dan kepuasan. Dari aspek teori U&G yang digunakan dalam kajian ini, khalayak dilihat menghubungkan keperluan, kegunaan dan kepuasan media sosial dengan saluran media sosial yang pelbagai. Justeru, keadaan ini mewujudkan pola penggunaan yang pelbagai dan berbeza mengikut keperluan, kegunaan dan kepuasan media sosial masing-masing.

## Rujukan

- Akanda, A.K.M.E.A., & Haque, M.A. 2013. Newspaper reading habits of university graduate students in Bangladesh: A case study. *International Journal of Research in Applied, Natural and Social Sciences*, 1(3), 1-8.
- Alhabash, S., & Ma, M. 2017. A tale of four platforms: Motivations and uses of Facebook, Twitter, Instagram and Snapchat among college students. *Social Media + Society*, (3).
- Ambika, M. & Uthirasamy, K. 2018. Newspaper reading habits among postgraduate students of Periyar University, Tamil Nadu. *Journal of Advancements in Library Sciences*, 5(3).
- Apuke, O.D., & Omar, B. 2021. Fake news and Covid-19: Modelling the predictors of fake news sharing among social media users. *Telematics and Informatics*, 50, 101475.
- Cortese, J. & Rubin, A.M. 2010. Uses and gratifications of television home shopping. *Atlantic Journal of Communication*, 18-109.
- Foregger, S. (2009). The uses and gratifications of Facebook.com. Paper presented at the annual meeting of the NCA 95<sup>th</sup> Annual Convention, Chicago Hilton & Towers, Chicago.
- Ghazali, A.M. & Omar, S.Z. 2015. What kind of information needed by the youth. *Journal of Media Critiques*, 1(4): 23-33.
- Ismail, S., Ariffin, H.S., & Abdullah, Z.H. 2020. Media Sosial semasa pandemik. Retrieved at <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/6805/1/MEDIA%20SOSIAL%20SEMASA%20PANDEMIK.pdf>.
- Jafar. A., George, F., Meri, A., Vun, H.C., Mapa, M.T., Sakke, N., Atang., Dollah, R., Joko, E.P. & Baco, Z. (2021). Keberkesanan program imunisasi COVID-19 kebangsaan di Malaysia Timur. *Malaysian Journal of Social Sciences*, (6), 7.
- Katz, E., Gurevitch, M. & Hass, H. 1973. On the uses of mass media for important things. *American Sociology Review*, 38(2), 164-181.
- Kaur, S. (2020). The coronavirus pandemic in Malaysia: A Commentary. *Psychological Trauma: Theory, Research, Practice and Policy*, 12(5), 482-484.
- Kircaburun, K., Alhabash, S., Tosuntas, S.B., & Griffiths, M.D. 2020. Uses and gratifications of problematic social media use among university students: A simultaneous of the big five of personality traits, social media platforms and social media use motives.
- Ku, Y., Chu, T., & Tseng, C. 2013. Gratifications for using CMS technologies: A comparison among SNS IM and E-Mail. *Computers in Human Behaviour*, 29(1): 226-234.
- Lachlan, K.A., Hutter, E., Gilbert, C., & Spence, P.R. 2021. From what I've heard, this is bad: An examination of Americans source preferences and information seeking during the COVID-19 pandemic. *Progress in Disaster Science*, 9, 100145.
- Lee, K.T., Meri, A., Nayan, L.M. & Othman, S.S. 2016. Uses and gratifications news portal among youth in Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 32(2) 2016: 790-816.

- Lin, Y.H., Hsu, C.L., Chen, M.F., & Fang, C.H. 2016. New gratifications for social word-of-mouth spread via mobile SNSs. Uses and gratifications approach with a perspective of media technology. *Telematics and Informatics*, (34). 382-397.
- Liu, B.F., Fraustiono, J.D., & Yin, J. 2015. How disaster information form, source, type and prior disaster exposure affect public outcomes: Jumping on the social media bandwagon?. *Journal of Applied Communication Research*, 43(1), 44-65.
- Lopez, C., Hartmann, P., & Apaolaza, U. 2019. Gratifications on social networking sites: The role of secondary school students individual differences in loneliness. *Journal of Educational Computing Research*, 57(1), 58-82.
- Malaysian Communications and Multimedia Commissions (2020). Internet Users Survey 2020 Report. Retrieved at <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020-Report.pdf>.
- Mat Nayan, L., Devarajoo, A.R., Othman, S.S., Lee, K.T., & Nik Hasan, N.N. 2016. Online newspaper uses among university students. *Journal of Human Capital Development*, 9(1).
- Mathew, J., Ogedede, P.M., & Adenji, S.B. 2013. Online newspaper readership in the North Eastern Nigeria. *Asian Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(2), 239-238.
- Maxwel, E.E. 2012. Motivation to tweet: A uses and gratification perspective of Twitter use during a natural disaster. (Master thesis, University of Alabama United States).
- Meri, A., & Lee, K.T. 2021. News portal usage among teenagers in Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 9(16-27).
- Meri, A., Lee, K.T., Yusoff, S.M. & Modili, C. 2020. Needs, uses and gratifications news portal among Kadazandusun teenagers in Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 26(1), 41-58.
- Michailina, S., Andreas, M., & Christos, P. 2015. Understanding online news sites and social media. *International Journal of Strategic Innovative Marketing*, 3, (2015).
- Ruggeiro, T.E. 2000. Uses and gratifications theory in the 21<sup>st</sup> century. *Mass Communication & Society*, 3(1): 3-37.
- Shim, H., You, K.H., Lee, J.K., & Go, E. 2015. Why do people access news via mobile devices? Exploring the role of suitability perception and motives on mobile news use. *Telematics Inform*, 32(1), 108-117.
- Tengku Siti Aisha, Wok, S., Manaf, A. & Ismail, R. 2015. Exploring the use of social media during the 2014 flood in Malaysia. *Procedia Social and Behavioural Science*, 211.
- Wang, X. 2021. The motivations and uses of mainstream and social media during the COVID-19 pandemic in China: A structural equation modelling approach. *Computers in Human Behaviour Reports*, 4(2021) 100098.
- Wimmer, R.D., & Dominick, J.R. 2010. *Mass media research: An introduction*. Belmont CA: Wadsworth.

- Wu, J.H., Wang, S.H., Tsai, H.H. 2010. Falling in love with online games: The uses and gratifications perspective. *Computers in Human Behaviour*, 26: 1862-1871.
- Yassin, M. (2020). Perutusan Khas Perdana Menteri (Special Message from The Prime Minister). Retrieved from <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perutusan-khas-covid-19-18-mac-2020/>.
- Zhu, N., Zhang, D., Wang, W., Li, X., Yang, B., Song, J. & Tan, W., & The China Novel Coronavirus Investigating and Research Team. (2020). A novel coronavirus from patients with pneumonia in China, 2019. *New England Journal of Medicine*, 383, 727-733.

# PENGURUSAN SET INDUKSI OLEH GURU PRAKTIKUM BAHASA MELAYU

Mohd Haidi Mohd Kasran<sup>1</sup>, Ph.D & Rozeha Harun<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Jabatan Persuratan Melayu, IPG Kampus Bahasa Melayu*

<sup>2</sup>*Jabatan Pengajian Melayu, IPG Kampus Bahasa Melayu*

[haidi@ipgkbm.edu.my](mailto:haidi@ipgkbm.edu.my); [rozeha@ipgkbm.edu.my](mailto:rozeha@ipgkbm.edu.my)

## Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk meneliti proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan persediaan pengajaran guru pelatih. Kajian ini juga untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berfokus kepada pengurusan set induksi dari segi pelaksanaan dan penggunaan bahan bantu belajar (BBB) yang digunakan oleh guru pelatih dalam memulakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas ketika pelaksanaan praktikum. Lima orang guru pelatih yang merupakan pelajar Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) Ambilan Jun 2021 dalam pengkhususan Bahasa Melayu dari Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur (IPGK Bahasa Melayu) yang diselia oleh pengkaji terlibat dalam kajian ini. Kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah pemerhatian, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen digunakan dalam memperoleh maklumat kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru pelatih berjaya merancang set induksi serta bahan bantu belajar yang sesuai dengan tahap murid. Guru juga berupaya meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran secara interaktif dan kreatif ketika musim pandemik.

**Kata kunci:** *guru pelatih; persediaan pengajaran; set induksi; interaktif; kreatif*

## PENGENALAN

Dalam pendidikan formal, proses pengajaran dan pembelajaran haruslah diberi penekanan yang sewajarnya. Proses yang disinonimkan dengan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah melibatkan guru dan pelajar ini sememangnya memerlukan suatu usaha berterusan ke arah menyediakan pendidikan komprehensif dan efektif terhadap segala isi pelajaran yang disampaikan. Proses pengajaran juga dikenali sebagai pedagogi dalam istilah pendidikan, iaitu merujuk kepada kajian tentang kaedah dan prinsip pengajaran. Oleh itu, proses pdp perlu diberi 'sentuhan' yang dapat menarik minat para pelajar agar setiap isi pelajaran yang disampaikan memberi input maksimum. terhadap kefahaman mereka (Abdul Said, 2013).

Set Induksi ialah daripada perkataan Inggeris “*Set Inductions*” yang bermaksud, satu kumpulan tindakan, atau aktiviti untuk memperkenalkan sesuatu. Dalam pengajaran, set induksi ialah “tindakan-tindakan dan pernyataan guru yang bertujuan menghubungkan pengalaman murid dengan objektif-objektif dalam sesuatu pelajaran”. Pengajaran guru berkesan akan bermula dengan pengenalan mengenai perkara-perkara yang hendak diajarnya.

Perkara-perkara pengenalan ini dihubungkan dengan objektif pelajaran, dan seterusnya dihubungkan dengan pengalaman muridnya (Sharifah Alwiah, 1984).

Set Induksi ini juga merupakan bahagian paling penting untuk menarik perhatian murid agar fokus mereka berkekalan, menimbulkan minat dan perasaan ingin tahu terhadap perkara yang disampaikan guru seperti pandangan Bentley Davies (2010); Esah (2004); Rosnaini, Maimun, & Mok Soon Sang (2011). Kaedah penggunaan set induksi perlu ada hubungan dengan objektif PdP, pernyataan mengenai tajuk lepas, berbentuk visual, beri peluang murid berfikir berbincang dengan kawan, arahan jelas dan mudah, dan tetapkan masa untuk dapatkan penyertaan keseluruhan murid.

Menurut Hunter & Russell (1976) terdapat pelbagai cara untuk guru melaksanakan set induksi ini. Antaranya dengan mengemukakan soalan provokatif, mengaitkan pengetahuan sedia ada atau isi pelajaran yang lepas dengan objektif PdP, gambar atau kartun, visual, grafik, peta pemikiran, cerita, dan mengejutkan dengan sesuatu atau kenyataan yang tidak dijangka. Bagi Esah (2004) pula, set induksi boleh dilaksanakan seperti menggunakan bahan bantu mengajar (BBM), bersoal jawab, mengaitkan pengetahuan sedia ada atau isi pelajaran lepas. Terdapat juga guru menceritakan peristiwa menarik berkaitan tajuk yang akan diajar, memberi persoalan penting agar menimbulkan rasa ingin tahu agar murid bermotivasi mengikuti pelajaran seterusnya.

Berdasarkan pendekatan mengajar seperti yang terkandung di dalam KSPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009b), persediaan pengajaran guru perlu merangkumi beberapa aspek penting seperti: i) persediaan rancangan pengajaran yang mengandungi kandungan pembelajaran, kaedah serta bahan pengajaran yang digunakan, ii) perancangan aktiviti pengajaran berdasarkan tunjang, dan iii) set induksi dan bahan pengajaran yang akan digunakan. Pemilihan BBM yang sesuai adalah sangat penting bagi menjamin kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran murid (Fadzilah, Abd. Rahman, dan Mahzan, 2011).

## **TUJUAN KAJIAN**

1. Mengetahui pasti proses pelaksanaan set induksi yang dilaksanakan oleh guru-guru praktikum Bahasa Melayu dalam permulaan proses pengajaran dan pembelajaran.

2. Mengetahui pasti bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan oleh guru-guru pelatih Bahasa Melayu semasa menjalankan set induksi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui pasti amalan pedagogi guru praktikum berdasarkan pengetahuan persediaan pengajaran mereka berfokus kepada pelaksanaan set induksi dan penggunaan bahan bantu belajar dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Reka Bentuk**

Kajian Reka bentuk merupakan satu proses perancangan melalui kaedah tertentu untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dinyatakan dalam kajian (Creswell, 2009). Melalui reka bentuk pendekatan kualitatif yang dipilih, pengkaji memperoleh maklumat bermakna yang melibatkan amalan pedagogi guru praktikum yang bersesuaian. Perancangan dalam kajian ini melibatkan beberapa aktiviti seperti pemilihan kaedah kajian, sampel kajian, pengumpulan dan penganalisan data serta penulisan laporan kajian. Reka bentuk kajian ini bersifat holistik dan dijalankan berdasarkan penerokaan amalan pedagogi melalui pengetahuan persediaan pengajaran dan kemahiran pelaksanaan pengajaran guru pelatih. Menurut Merriam (1998), pendekatan kualitatif merupakan satu konsep yang memayungi pelbagai bentuk penyelidikan, iaitu *“help us understand and explain the meaning of social phenomena with as little disruption to the natural setting as possible”*. Berdasarkan kepada pernyataan tersebut, dalam kajian ini, pemilihan pendekatan kualitatif yang mempunyai kelebihan secara mendalam dari segi pemahaman dan penerangan sesuatu fenomena yang berlaku secara semula jadi terhadap amalan pedagogi oleh guru pelatih. Sesuai dengan pendekatan kualitatif yang bersifat *emergent* dan fleksibel, kajian ini adalah bertindak balas terhadap perubahan (Merriam, 1988).

Oleh itu, soalan kajian dan soalan temu bual mungkin berubah apabila analisis dilakukan semasa dan selepas memungut data. Merriam (1998) juga telah menggariskan beberapa kelebihan pendekatan kualitatif yang bertepatan dengan kehendak kajian ini. Antara kelebihan pendekatan kualitatif ini adalah seperti, (i) pengkaji dapat memahami keinginan responden terhadap dunia dan pengalaman mereka, (ii) pengkaji menjadi instrumen utama

dalam pengumpulan dan analisis data berkenaan aktiviti pengajaran responden, (iii) kajian melibatkan aktiviti lapangan, (iv) hasil dapatan yang lebih banyak dan berkembang, dan (v) pembinaan deskripsi berkenaan sesuatu tema melalui dapatan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kajian kes sebagai penyelidikan kualitatif.

### **Sampel Kajian**

Dalam kajian ini, data utama dikutip daripada lima orang guru pelatih yang diselia oleh pengkaji dari IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur yang merupakan pelajar PDPP Ambilan Jun 2021. Berdasarkan pemilihan ciri-ciri yang dikehendaki dalam kajian ini, teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) kerana kesesuaian teknik ini dalam mengenal pasti sampel kajian (Merriam, 1998). Menurut Merriam (1998) lagi, pensampelan bertujuan dapat memberi manfaat kepada pengkaji untuk memilih sampel kajian yang mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki dengan memperoleh maklumat yang lebih mendalam. Selain itu, faktor pemilihan sampel kajian dipengaruhi oleh ciri-ciri seperti: i) terletak di sekolah jenis kebangsaan Cina, KPM; ii) pelajar dari Institut Pendidikan Guru (IPG); iii) guru praktikum (bakal guru). Memandangkan sampel kajian merupakan pelajar PDPP, dapatan kajian diharapkan dapat menjadi panduan terhadap tahap amalan pedagogi terbaik kepada pelajar-pelajar lain bagi semua kursus.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen utama yang digunakan untuk mendapatkan data kajian ini ialah pengkaji sendiri (Merriam, 1998). Ini adalah kerana pengkaji dapat memfokuskan kajian yang melibatkan proses, makna, dan pemahaman yang sangat deskriptif. Fokus kajian ini juga turut melibatkan kaedah seperti pemerhatian, temu bual dan dokumen. Data berkenaan amalan guru pelatih yang dikumpulkan melalui ketiga-tiga kaedah kajian ini bertujuan menjawab soalan kajian yang melibatkan amalan pedagogi berdasarkan pengetahuan persediaan pengajaran.

### **Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian berasal daripada kajian ethnografik yang bertujuan mempelajari perspektif populasi yang dikaji yang melibatkan konteks guru pelatih sendiri. Pemerhatian juga merupakan kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti, perlakuan serta komunikasi



antara guru pelatih dan murid sebagai pengalaman yang boleh dilihat (Creswell, 2009). Dalam kajian ini, pengkaji mengenal pasti perlakuan dan tindakan setiap guru pelatih yang mempunyai pelbagai perspektif berkenaan senario atau isu yang melibatkan amalan pedagogi mereka. Pengkaji telah menggunakan instrumen catatan pemerhatian pengajaran sebagai salah satu kaedah pemerhatian. Catatan pemerhatian pengajaran digunakan bagi melihat secara keseluruhan proses pelaksanaan pengajaran guru pelatih secara langsung. Oleh itu, dapatan kajian dapat diperoleh melalui pemerhatian pelaksanaan pengajaran guru pelatih dengan melibatkan tindakan dan kemahiran yang berbeza-beza antara satu sama lain.

### **Temu Bual**

Temu bual dalam kajian ini merupakan antara sumber penting dalam mendapatkan data yang mendalam berkenaan amalan guru pelatih. Melalui kaedah temu bual, pengkaji dapat memenuhi beberapa keperluan utama yang melibatkan pengetahuan persediaan pengajaran (Seidman, 1998). Kaedah temu bual juga dapat memudahkan pengkaji untuk meneroka dengan lebih mendalam disebabkan sesuatu maklumat baharu yang diperoleh hanya diketahui melalui pengalaman, pandangan, perasaan dan pemikiran guru pelatih terhadap amalan pedagogi seharian mereka. Selain itu, temu bual yang dijalankan dapat memberi maklumat baharu kepada pengkaji untuk mengetahui amalan pedagogi guru pelatih dengan lebih jelas walaupun hanya melibatkan empat orang dalam keseluruhan populasi (Patton, 1990). Berdasarkan cadangan Seidman (1998), pengkaji telah menyediakan protokol sebelum temu bual kepada guru pelatih. Protokol sebelum temu bual menjadi panduan kepada guru pelatih untuk memahami tujuan temu bual tersebut diadakan. Protokol temu bual mengandungi butiran seperti nama, tarikh, masa, tempat kajian dan langkah-langkah dalam temu bual.

### **Analisis Dokumen**

Dokumen merupakan simpanan maklumat responden kajian yang melibatkan rekod aktiviti pengajaran di dalam kelas (Creswell, 2009). Melalui analisis dokumen, pengkaji dapat mengenal pasti sejauh mana guru pelatih menggunakan pengetahuan persediaan pengajaran dalam mengurus rancangan pengajaran harian (RPH). Borang pemerhatian pengajaran yang telah diubah suai digunakan bagi memenuhi keperluan kajian ini dengan menghasilkan borang rancangan pengajaran harian guru pelatih. Analisis dapatan menggunakan borang RPH dapat

mengenal pasti proses persediaan pengajaran dan pelaksanaan pengajaran guru pelatih untuk aktiviti set induksi dan penggunaan BBM dalam set induksi tersebut.

## **Prosedur Kajian**

Prosedur Kajian melibatkan empat peringkat:

1. Perancangan
2. Pelaksanaan
3. Analisis Data
4. Laporan

Peringkat perancangan merangkumi perancangan bagi memperoleh kebenaran daripada pihak sekolah untuk proses pemantauan dan penyeliaan terhadap subjek kajian. Lima buah kelas daripada lima buah sekolah yang terlibat. Selepas mendapat kebenaran maka peringkat pelaksanaan dilaksana melalui proses penyeliaan terhadap guru-guru praktikum. Pelaksanaan PdP untuk minggu praktikum ini dilaksanakan secara PdPr (Pengajaran dan pembelajaran di rumah) dan PdP secara fizikal kerana negara masih lagi melalui fasa pandemik. Setiap guru praktikum ini melalui empat kali penyeliaan oleh pensyarah pembimbing sepanjang tempoh 12 minggu praktikum dijalankan di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang merupakan program PDPP khusus di SJKC. Data-data kajian dikutip melalui teknik pemerhatian, temu bual, penelitian buku rancangan mengajar serta borang penilaian pemantauan. Peringkat akhir merupakan peringkat menyediakan laporan. Laporan kajian dibuat mengikut kategori atau tema yang dibina berdasarkan analisis kandungan. Kategori yang dibina adalah bagi menjawab persoalan berkaitan dengan pelaksanaan dan penggunaan bahan bantu belajar dalam set induksi semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

## **PENEMUAN KAJIAN**

Data-data kajian dikumpul melalui kaedah pengumpulan data kualitatif iaitu teknik temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian dilaporkan mengikut kategori atau tema utama yang dibentuk berdasarkan analisis yang dibuat. Dapatan kajian dibincangkan secara individu dengan melihat secara terperinci kedua-dua aspek yang menjadi fokus kajian iaitu pelaksanaan set induksi dan penggunaan BBM dalam pelaksanaan set induksi semasa melaksanakan proses PdP dalam kelas untuk dua daripada empat penyeliaan. Kesemua nama

guru pelatih kajian yang digunakan dengan panggilan Guru A, Guru B, Guru C, Guru D dan Guru E.

## **1. Guru A**

### **Penyeliaan 1 (Tajuk: "Keluarga Ming Jun" /Tema: Keluarga Bahagia/Kemahiran Fokus: Kemahiran Mendengar dan Bertutur))**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Guru A telah melaksanakan set induksi dengan menggunakan video bertajuk "1 2 3 Sayang Semuanya" yang diperoleh daripada aplikasi *youtube*. Guru menayangkan video kepada murid-murid, seterusnya guru merangsang murid dengan teknik soal jawab berkaitan dengan maklumat yang terkandung dalam video tersebut. Kandungan dalam video dilihat sinonim dengan kehidupan murid-murid yang mempunyai keluarga. Justeru, didapati murid sangat teruja dan sangat berminat dengan kandungan video yang dipaparkan guru. Beberapa orang murid secara rawak telah dipilih oleh guru untuk menjawab soalan yang diajukan oleh guru. Kebanyakan jawapan yang berkaitan dengan kekeluargaan berupaya dijelaskan oleh murid kepada guru dan rakan-rakan lain. Pembelajaran kontekstual dapat dilihat dalam situasi ini, iaitu; menghubungkaitkan dengan pengalaman dalam kehidupan murid.

### **Penyeliaan 2 (Tajuk: "Prihatinnya Keluargaku" /Tema: Keluarga Bahagia/Kemahiran Fokus: Aspek Tatabahasa)**

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran ini, guru memaparkan sekuntum bunga dahlia secara maujud kepada murid-murid. Dapat dilihat, guru juga telah menampal gambar-gambar berserta perkataan di papan putih. Seterusnya, guru bersoal jawab dengan murid berkaitan bahan maujud gambar dan perkataan yang ditunjukkan kepada murid. Setelah itu, guru menghubungkaitkan maklumat yang diperoleh oleh murid-murid dengan Standard pembelajaran berkaitan dengan penjodoh bilangan. Dalam hal ini, dengan menggunakan bahan maujud sebagai BBM untuk pelaksanaan set induksi, murid masih berminat dan terangsang dengan bahan yang melibatkan bahan maujud (sensori) ini. Semua murid memberi perhatian terhadap soal jawab yang melibatkan bahan maujud dalam permulaan pengajaran, walaupun pelajar sering didedahkan oleh guru dengan bahan-bahan berunsur teknologi seperti video.

## 2. Guru B

### **Penyeliaan 1 (Tajuk: "Keluarga Tercinta" /Tema: Demi Keluarga Tercinta/Kemahiran Fokus: Seni Bahasa)**

Guru telah memaparkan gambar sebuah keluarga. Guru telah bersoal jawab dengan murid berdasarkan gambar. Murid-murid memberi sebab perlunya berkorban untuk keluarga dan mengaitkan dengan gambar yang dipaparkan. Terdapat pelbagai jawapan yang dijelaskan oleh murid-murid secara rawak mengikut pengetahuan sedia ada murid-murid. Gambar yang dilihat sebagai bahan maujud berupaya membuka minda murid untuk 'berbicara' tentang kandungan yang terdapat dalam gambar. Mungkin kebetulan ramai murid yang mempunyai ibu bapa dan keluarga, menyebabkan aktiviti soal jawab dapat dilaksanakan oleh guru dengan agak mudah dan mudah untuk mendapat maklumat daripada murid-murid.

### **Penyeliaan 2 (Tajuk: "Bersatu Teguh"/Tema: Perpaduan Tunjang Perpaduan/Kemahiran Fokus: Kemahiran Membaca)**

Penggunaan unsur teknologi maklumat dan komunikasi (TMK); video yang diperoleh melalui aplikasi Youtube. Persoalan yang diutarakan oleh guru kepada murid-murid adalah berkaitan dengan nilai dan rumusan melalui kandungan video tersebut. Guru berjaya mengaitkan kandungan video dengan tajuk dan objektif pelajaran dan pembelajaran. Lazimnya, teknik pembelajaran berasaskan bahan video ini berupaya untuk merangsang murid kerana melibatkan audio-visual, cuma tidak semua murid berasa teruja kerana mereka telah biasa didedahkan dengan set induksi melalui video ini. Diteliti, teknik soal jawab digunakan oleh guru untuk memastikan maklumat yang dikehendaki daripada murid-murid berdasarkan video yang dapat menjayakan pelaksanaan set induksi ini. Murid juga dilihat memberi respons yang baik untuk mengaitkan dengan tajuk pelajaran.

### 3. Guru C

#### **Penyeliaan 1 (Tajuk: "Enaknya Menjamu Selera"/Tema: Riangnya Keluargaku/Kemahiran Fokus: Tatabahasa)**

Dalam pelaksanaan set induksi ini, guru telah memaparkan beberapa gambar melalui Powerpoint tanpa perkataan yang disebut sebagai "ABC Brainstorming". Guru mengarahkan untuk murid meneliti gambar sebagai rangsangan. Seterusnya secara rawak, guru meminta murid untuk menyatakan Kata Nama Am dan Kata Nama Khas berdasarkan gambar-gambar yang diberikan seperti gambar kereta untuk Kata Nama Am dan Proton Saga untuk Kata nama Khas. Seterusnya aktiviti yang sama untuk gambar-gambar yang lain. Aktiviti ini dilihat dilihat selari dengan Kemahiran Fokus yang melibatkan tatabahasa. Murid berjaya memberi contoh berkemungkinan daripada pengalaman dan pengetahuan sedia ada mereka. Penggunaan gambar secara digital dilihat membantu guru dalam melaksanakan proses PdP dalam kelas.

#### **Penyeliaan 2 (Tajuk: "Bijaknya Adik"/Tema: Keluarga Tercinta/Kemahiran Fokus: Kemahiran Mendengar dan Bertutur)**

Dalam penyeliaan ini, didapati guru hanya mengguna soalan yang ditulis di papan putih. Guru dan murid bersoal jawab berkaitan soalan untuk mendapat maklumat dan jawapan yang sesuai. Antara soalan yang dikemukakan oleh guru kepada murid adalah; Apa khabar?; Sudah makan?; dan ucapan terima kasih. Jawapan yang sesuai akan dikaitkan guru dengan tajuk pelajaran "Bijaknya Adik". Murid memberi respons secara lisan kepada guru terhadap soalan dan pernyataan yang ditunjukkan. Pemilihan bahan dan aktiviti soal jawab yang sangat mudah telah memudahkan tugas guru untuk mendapatkan jawapan, namun rangsangan untuk aktiviti melalui set induksi dilihat sangat minimum.

### 4. Guru D

#### **Penyeliaan 1 (Tajuk: "Prihatinnya Keluargaku"/ Tema: Keluarga Bahagia/Kemahiran Fokus: Aspek Tatabahasa)**

Guru melaksanakan set induksi dengan menggunakan video "Lagu Penjodoh Bilangan" sebagai BBM. Guru telah menayangkan video kepada semua murid di hadapan kelas. Guru

melaksanakan aktiviti soal jawab dengan murid berkaitan dengan kandungan dalam video. Soalan-soalan yang dikemukakan dapat membantu murid mengaitkan dengan tajuk pelajaran. Antara soalan yang dikemukakan kepada murid adalah berkenaan kisah monyet dan durian yang diakutkan dengan penjodoh bilangan seperti yang dirancang dalam kemahiran fokus. Respons yang diberikan oleh murid secara rawak amat menggalakkan. Murid-murid berasa seronok dengan pelaksanaan aktiviti ini walaupun difikirkan bahawa penggunaan video amat biasa digunakan oleh guru sebelum ini.

**Penyeliaan 2 (Tajuk: "Haiwan Kesayangan Saya"/Tema: Hidup Sejahtera/Kemahiran Fokus: Kemahiran Membaca)**

Tajuk pelajaran "Haiwan Kesayangan Saya" mendedahkan kepada murid berkaitan dengan haiwan-haiwan yang dipelihara oleh manusia sebagai haiwan kesayangan. Aktiviti seperti memandikan kucing dan membersihkan akuarium kura-kura merupakan contoh aktiviti manusia yang memelihara haiwan kesayangan mereka. Dalam PdP ini, BBM yang digunakan oleh guru untuk tajuk ini ialah video yang bertajuk "Jenis Haiwan Peliharaan" melalui <https://www.youtube.com/watch?v=xkfwxA5JHPY>. Murid-murid sangat teruja dan aktif untuk memberi maklum balas apabila soalan diajukan oleh guru kepada mereka. Faktor pengalaman murid yang suka terhadap haiwan terutamanya haiwan peliharaan telah membantu kelancaran guru untuk merumuskan jawapan murid dengan tajuk pelajaran.

## **5. Guru E**

**Penyeliaan 1 (Tajuk: "Riangnya Keluargaku"/Tema: Keluarga Tercinta/Kemahiran Fokus: Aspek Seni Bahasa)**

Bagi memulakan pelajaran, Guru E telah menggunakan video lagu yang bertajuk "Ayam", nyanyian Jalil Hamid. Murid menonton tayangan video sambil menyanyi mengikut lirik yang terdapat dalam video lagu tersebut. Guru bersoal jawab dengan murid berkenaan tujuan lagu yang diputarkan melalui video tersebut. Murid secara rawak memberi pelbagai jawapan mengikut kefahaman mereka masing-masing. Antara jawapan murid ialah berkaitan dengan perihal ayam seperti lagu tentang ayam, berkaki ayam, telur ayam, ayam bandar, ayam kampung, tidur-tidur ayam, berkaki ayam dan sebagainya. Guru membuat kesimpulan kesemua respons yang diberi oleh murid bahawa lagu ayam ini banyak berkaitan dengan bahagian-

bahagian yang terdapat pada ayam dan dikaitkan dengan peribahasa yang diketahui oleh murid-murid. Murid-murid dilihat sangat seronok dengan lagu yang dipilih oleh guru ini.

**Penyeliaan 2 (Tajuk: "Bekerjasama di Dusun Datuk"/Tema: Keluarga Tercinta/Kemahiran Fokus: Aspek Tatabahasa)**

Dalam tema "Keluarga Tercinta", guru telah menggunakan "kotak beracun" untuk melaksana aktiviti set induksi bagi pelajaran bertajuk "Bekerjasama di Dusun Datuk". Aktiviti ini dilaksanakan dengan menghulurkan kotak beracun kepada murid-murid secara bergilir dengan diiringi lagu. Setelah lagu terhenti dan murid berkenaan perlu membuka kotak dan meneka barang yang dipegang melalui kotak tersebut. Guru melaksanakan aktiviti soal jawab dengan murid berkaitan barang yang dipegang oleh murid tersebut. Dapat diperhatikan murid-murid sangat teruja dan perasaan ingin tahu barang-barang yang berada dalam kotak. Berdasarkan soalan yang diaju kepada murid seperti, Apakah barang yang kamu pegang?; Berapakah bilangan benda yang kamu pegang?; dan bagaimanakah cara yang betul untuk menyebut barang yang kamu pegang itu?. Kebanyakan murid dapat menyebut barangan yang dipegang oleh mereka kerana pengalaman dan pengetahuan sedia ada mereka.

## **PERBINCANGAN**

Menurut Shahabuddin *et al.* (2007), set induksi adalah kaedah atau cara seorang guru memulakan pengajaran. Tindakan-tindakan dan pernyataan guru bertujuan menghubungkan pengalaman murid dengan objektif-objektif dalam sesuatu pelajaran (Sharifah Alwiyah 1984). Set induksi yang baik akan dapat menarik perhatian murid kepada pelajaran, bersedia menerima pelajaran baharu dan menggalakkan pembelajaran murid.

Berdasarkan pernyataan di atas, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru praktikum yang diselia mempunyai daya kreativiti yang tersendiri untuk memulakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Malaysia Sekolah Rendah terutama di SJKC. Dapat dilihat juga, apabila seseorang guru itu menggunakan bahan maujud dan bahan berunsur TMK seperti video, murid-murid akan berasa seronok dan teruja serta mendapat respons yang baik daripada murid-murid apabila sesi soal jawab dan perbincangan dilaksana oleh guru. Mewujudkan suasana bilik darjah yang menyeronokkan dan ceria perlu diambil berat oleh guru-guru bagi memastikan suasana pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan

kondusif. Hampir kesemua peserta kajian menggunakan kaedah bersoal jawab sama ada sebelum atau selepas set induksi dilaksanakan, membincangkan tajuk, mengaitkan dengan pelajaran lampau dan memastikan murid bersedia terlebih dahulu sebelum set induksi dilaksanakan.

Walaupun penggunaan unsur TMK amat diperlukan untuk masa kini, terutamanya pada musim pandemik dan kebanyakan guru pelatih kajian menggunakannya secara dominan, namun penggunaan kotak beracun, sekuntum bunga, lampiran peribahasa sebagai penggunaan bahan maujud melalui set induksi. Secara dasarnya, dapat diperhatikan bahawa terdapat murid-murid yang berasa bosan apabila guru yang sama sentiasa menggunakan video dan melaksanakan aktiviti yang sama hampir setiap kali proses PdP dilaksanakan dalam kelas. Ini dapat dilihat melalui Buku Rancangan Pelajaran Harian (RPH) yang perlu disediakan oleh guru-guru pelatih ini. Apabila terdapat guru yang menggunakan bahan maujud sebagai BBM dalam set induksi, dan memberi peluang kepada murid-murid untuk memegang, menyentuh dan menggunakan bahan tersebut menyebabkan murid akan merasai diri mereka dihargai dan seterusnya menjadikan sifat ingin tahu wujud dalam diri murid-murid. Melaluinya, rangsangan untuk meneruskan pelajaran akan terpancar dalam diri mereka.

Dapat dilihat, penggunaan bahan yang mempunyai unsur TMK juga memberi impak yang besar dalam pelaksanaan set induksi. Penggunaan bahan audio-visual seperti klip video, mampu untuk menarik minat murid belajar. Walau bagaimanapun, kandungan yang terdapat dalam video tersebut perlu sesuai dengan tahap murid-murid selari dengan kematangan, pengetahuan sedia ada dan pengalaman agar mereka dapat melibatkan diri dan diberi peranan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Pada zaman kini penggunaan komputer sebagai salah satu daripada alat untuk proses PdP yang sangat penting diterapkan kepada para guru dan murid-murid. Justeru, guru-guru perlu menggunakan peralatan ini dalam proses PdP mereka terutamanya apabila mengikuti program praktikum. Penggunaan carta dan gambar sekiranya diselangi dengan bahan-bahan daripada komputer akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran akan lebih menarik dan versatil. Justeru, guru-guru perlu memikirkan strategi untuk melaksanakan set induksi yang bersesuaian dengan bahan bantu yang digunakan. Jelaslah, dalam kajian ini, penggunaan unsur TMK lebih dominan digunakan oleh para guru praktikum kajian kerana lebih sesuai digunakan ketika musim pandemik. Penggunaan bahan maujud dapat dilihat setelah proses PdP dilonggarkan oleh pihak berwajib untuk kehadiran semua murid ke sekolah dilaksanakan.



Selain pengurusan set induksi yang berkaitan dengan pelaksanaan dan bahan bantu yang digunakan, aspek aktiviti soal jawab dilihat memberi impak yang besar kepada murid-murid. Menurut Zamri dan Nor Razah (2011), kepelbagaian teknik dan kaedah seseorang guru semasa mengemukakan soalan merupakan salah satu faktor yang penting bagi memastikan murid dapat memahami dan menerima isi pengajaran yang disampaikan di dalam bilik darjah. Di sini, kemahiran guru untuk mengemukakan soalan adalah penting untuk memastikan objektif pengajaran dapat dicapai dan proses pengajaran itu berjaya. Daripada catatan pemerhatian, jelas menunjukkan aktiviti soal jawab telah berlaku antara murid dengan guru semasa proses Pd berlangsung. Terdapat guru kajian yang menggunakan aktiviti soal jawab sebelum proses set induksi dijalankan. Kebiasaannya soalan akan mengaitkan pengalaman murid dengan isi pelajaran atau pengetahuan sedia ada murid. Aktiviti soal jawab selepas pelaksanaan set induksi dapat dilihat secara menyeluruh melalui RPH dan pelaksanaan sebenar.

Melalui Unit Praktikum dan Jabatan Pengajian Melayu sebagai *Program Owner* untuk kursus bahasa Melayu ini, para pelajar telah didedahkan dengan konsep pembinaan RPH yang standard dan keperluan yang seharusnya diamalkan oleh guru-guru pelatih ini semasa minggu praktikum dilaksanakan. Ternyata aktiviti soal jawab ini memang digunakan sepenuhnya oleh guru-guru pelatih dalam proses PdP mereka. Dalam konteks murid-murid pula, diteliti mereka lebih bersedia untuk mengikuti sesi pembelajaran. Hal ini dilihat kerana murid-murid berasa bimbang sekiranya mereka tidak bersedia, soalan yang diajukan kepada diri atau kumpulan tidak dapat dijawab. Kebanyakan murid telah biasa dengan aktiviti soal jawab ini kerana guru menyediakan soalan yang seimbang dengan aras pemikiran dan pengetahuan murid. Murid juga dilihat berusaha menjawab soalan-soalan mengikut kefahaman dan pengetahuan sedia ada mereka sama ada pengetahuan yang diperoleh di sekolah, rumah atau persekitaran kehidupan mereka.

## **KESIMPULAN**

Set induksi merupakan suatu perkara yang penting dalam proses PdP yang dilaksanakan oleh guru dalam kelas. Pelaksanaan set induksi ini penting untuk menarik perhatian murid-murid agar menumpukan perhatian terhadap topik atau perkara yang hendak dibincangkan oleh guru berdasarkan kepada tajuk pelajaran. Setiap guru perlu merancang set induksi yang menarik dan mempunyai kaitan dengan topik yang ingin diajar walaupun sekitar lima minit sahaja. Melalui set induksi juga, dapat memperlihatkan kemahiran guru untuk menyampaikan idea dan

menyerapkan bahan-bahan dan kandungan pelajaran yang hendak disampaikan kepada pelajar berdasarkan kesesuaian tahap dan kebolehan murid, berkait dengan pengetahuan sedia ada pelajar serta menjurus kepada objektif pengajaran dan pembelajaran. Bukan sahaja pelaksanaan, penggunaan bahan bantu belajar untuk set induksi ini perlu diambil perhatian yang khusus oleh guru-guru agar selari dan mempunyai kaitan dengan topik atau tajuk yang hendak diajar oleh guru kepada murid-murid. Penggunaan bahan-bahan bantu yang menarik seperti alatan yang berunsur TMK dan bahan maujud mampu untuk memberi impak yang baik dan berkesan dalam pelaksanaan set induksi. Bahan-bahan audio-visual dan berbentuk “*hands-on*” dapat dilihat sebagai bahan yang dapat merangsang murid-murid untuk terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana apabila emosi dan rasa ingin tahu murid dirangsang secara tidak langsung akan meningkatkan kehendak dan keinginan mereka untuk mempelajari sesuatu perkara yang baharu dan seterusnya menggalakkan berlakunya proses berfikir serta menjurus kepada pengajaran Abad 21.

## **RUJUKAN**

- Abdul Said Ambotang (2013). *Keberkesanan Pengajaran Guru* dlm Utusan Borneo.
- Bentley-Davies, C. (2010). *How to be an- Amazing Teacher*. Wales: Crown House Publishing Ltd UK.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: quantitative, qualitative, and mixed method* (3rd ed.). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Fadzilah Amzah, Abd. Rahman Abd. Aziz, & Mahzan Arshad. (2011). Analisis kesilapan dalam mengendalikan bahan-bahan pengajaran oleh guru-guru praktikum prasekolah. Pembentangan kertas kerja di seminar The International Conference on Early Childhood and Special Education (ICECSE) 2011, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Hunter, M., & Russell, D. (1976). *Planning For Effective Instruction: Lesson Design*. Los Angeles, California: Seeds Elementary School.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study application in education: Revised and expanded from case study research in education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Patton, M. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Rosnaini Sulaiman, Maimun Aziz, & Mok Soon Sang. (2011). *Kemahiran Berfikir*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia.

- Seidman, I. (1998). *Interviewing as Qualitative Research: A Guide for Researchers in Education and the Social Sciences* (2nd ed.). New York: Teachers College Press.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1984). *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad (2007). *Pedagogi, Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan Lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1) Mei, 51-65. ISSN: 2180-4842. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

# TINJAUAN TERHADAP MOTIVASI PENCAPAIAN DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI

Abdul Rashid Abdul Aziz<sup>1</sup>, Mohd Faizal Kasmani<sup>2</sup>, Mohamad Isa Amat<sup>3</sup>,  
Muhammad Asyraf Che Amat<sup>4</sup>, Shahirah Sulaiman

<sup>1,2,3</sup>*Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia*

<sup>4</sup>*Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia*

<sup>5</sup>*Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia*

[rashid@usim.edu.my](mailto:rashid@usim.edu.my); [faizalkasmani@usim.edu.my](mailto:faizalkasmani@usim.edu.my); [isaamat@usim.edu.my](mailto:isaamat@usim.edu.my); [mhdasyraf@upm.edu.my](mailto:mhdasyraf@upm.edu.my);

[rashid@usim.edu.my](mailto:rashid@usim.edu.my)

## Abstrak

Kehadiran motivasi boleh mendorong pelajar memperoleh kekuatan untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan kejayaan dalam hidup. Dewasa kini, para pelajar terpaksa berhadapan dengan pelbagai tekanan akademik yang wujud sama ada berpunca daripada sistem pembelajaran itu sendiri mahupun faktor sekeliling yang boleh membawa kepada kurangnya motivasi pencapaian pelajar. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat motivasi pencapaian terhadap empat aspek iaitu jantina, bangsa, lokasi tempat tinggal dan juga prestasi akademik (CGPA) dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan kaedah persampelan rawak mu-dah melibatkan subjek kajian yang terdiri daripada 200 orang pelajar ( $n=200$ ). Instrumen kajian yang digunakan ialah Ujian Motivasi Pencapaian (UMP) yang telah diperkenalkan oleh Abu Bakar Nordin (1995). Data dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 26. Analisis ujian-t sampel bebas digunakan untuk melihat perbezaan tahap motivasi pencapaian yang merangkumi empat aspek yang telah disebutkan. Secara keseluruhan, dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan terhadap tahap motivasi pelajar universiti mengikut jantina ( $t= 0.254, p> 0.05$ ), bangsa ( $t= 0.922, p> 0.05$ ), lokasi tempat tinggal ( $t=1.836, p> 0.05$ ), dan juga prestasi akademik ( $t=1.623, p> 0.05$ ). Namun begitu, dapatan juga menunjukkan masih terdapat perbezaan min motivasi pelajar antara pelajar yang mempunyai CGPA rendah ( $M = 2.8$ ) dan CGPA tinggi ( $M = 3.0$ ). Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap motivasi turut memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan dan kecemerlangan seseorang pelajar. Kajian ini diharapkan dapat menjadi katalis kepada pembentukan modul atau garis panduan di universiti awam dan kementerian pendidikan dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar.

***Kata kunci:*** *motivasi pencapaian, prestasi akademik, pelajar universiti.*

## 1. Pengenalan

Secara umumnya, motivasi adalah proses merangsang dan membangkitkan tingkah laku seseorang serta memberi arahan untuk kekal terhadap sesuatu tingkah laku. Perkataan motivasi kerap kali digunakan untuk menggambarkan sesetengah tingkah laku yang dilakukan oleh manusia. Motivasi juga merupakan

elemen yang akan mempengaruhi prestasi individu (Walters et al., 1990). Selain itu, motivasi turut diertikan sebagai dorongan atau tenaga dalaman diri ketika hendak melakukan sesuatu perkara bagi mencapai matlamat yang dikehendaki selain daripada proses menghasilkan tenaga yang diarahkan bagi mencapai matlamat atau impian yang ingin diperolehi. Umumnya, individu yang mempunyai motivasi mem-peroleh kekuatan untuk mencapai kecemerlangan da-lam pelajaran dan kejayaan dalam hidupnya (Yahya Don, 2006). Oleh itu, elemen motivasi telah mendapat perhatian yang luar biasa dalam kalangan pengkaji sejak awal kurun ke 20 lagi. Banyak kajian-kajian berkaitan dengan motivasi manusia telah dirungkai melibatkan pemboleh ubah yang pelbagai (Mary-Rose & Bruno, 2017).

Dalam aspek perkembangan pelajar, motivasi dilihat sebagai penentu utama terhadap kejayaan khususnya akademik. Dengan kehadiran motivasi, pelajar akan terdorong untuk bekerja keras bagi memenuhi matlamat yang ingin dicapai. Walau bagaimanapun, proses motivasi dipengaruhi oleh konsep-konsep lain seperti minat, nilai, sikap dan juga keinginan pelajar terhadap sesuatu tindakan (Sevil, 2017). Manakala, Mohammad Ikmal et al., (2020), pula menjelaskan kebanyakan pelajar dipengaruhi oleh dua jenis motivasi iaitu motivasi instrinsik dan juga ekstrinsik.

## **2. Pernyataan Masalah**

Istilah pelajar kurang motivasi belajar atau berjaya juga seringkali berkumandang di dada akhbar ma-hupun terdengar di ceramah-ceramah dan diskusi ilmu. Pelajar yang tidak dapat menghayati konsep matlamat dan hasrat mereka ke universiti sering terkandas dalam wabak sosial sekaligus gagal dalam peperiksaan yang diduduki. Kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai permasalahan yang memerlukan pemerhatian serius dalam meningkatkan sistem pendidikan sedia ada. Se-bagai contoh, masalah yang serius dinyatakan adalah menerusi sistem pendidikan yang membolehkan pela-jar terus ke peringkat yang lebih tinggi (automatic promotion) tanpa mengambil kira penguasaan 3M (membaca, mengira dan menulis) telah menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti perkembangan pelajaran, sekaligus tercicir (Faridah Abu Hassan et al., 2005). Situasi yang berlaku dalam sistem pendidikan ini membuatkan pelajar hilang minat serta kurang motiva-si untuk belajar (Faridah Abu Hassan et al., 2005).

Isu pencapaian akademik yang lemah di kalangan pela-jar merupakan polemik yang terus menjadi perbahasan yang tidak pernah berakhir. Hal ini kian meruncing saban tahun terutama menjelang sesi kemasukan pela-jar ke institusi pengajian tinggi. Terdapat kajian mendapati kepandaian bukan lah faktor

utama pen-capaian akademik pelajar. Faktor bukan kognitif juga perlu dikenalpasti dalam memahami faktor-faktor penyumbang kepada tahap pencapaian akademik (Kumar & Tankha, 2020). Motivasi pencapaian telah dikenal pasti salah satu elemen penting dalam menghasilkan pencapaian akademik yang cemerlang dalam kalangan pelajar (Kumar & Tankha, 2020, Steinmayr et al. 2019,).

Tekanan yang di hadapi oleh pelajar yang meliputi tekanan pembelajaran, kekeluargaan serta persekitaran boleh menggugat motivasi mereka. Terkini, bencana pandemik yang melanda dunia telah memberi cabaran yang sangat hebat kepada masyarakat termasuk para pelajar. Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) telah memaksa pelajar untuk menjalani sesi pembelajaran secara atas talian. Pelajar-pelajar terpaksa menempuh pelbagai cabaran pembelajaran di atas talian yang secara tidak langsung telah melemahkan motivasi mereka (Smith et al., 2021). Keadaan sebegini mencetuskan stres kepada pelajar dan hal ini memberi kesan kepada motivasi pelajar yang bergantung kepada kapasiti masing-masing untuk melahirkan dalam bentuk positif atau negatif.

Di samping itu, arus globalisasi yang berlaku seantero dunia telah mengubah landskap dan ekosistem institusi pendidikan. Hal ini telah menjana kepada revolusi pendidikan alaf baru di mana modal insan merupakan elemen utama yang menjadi tunjang kepada pem-bangunan sesebuah negara. Gelombang pendidikan ini telah membuatkan setiap negara di dunia meletakkan aspek pendidikan sebagai aspek terpenting dalam penentuan ekonomi berasaskan pengeluaran kepada berasaskan pengetahuan. Justeru revolusi ini telah memberi impak besar kepada persaingan dunia pen-didikan dalam melahirkan modal insan kelas pertama dalam usaha melestarikan kemajuan negara.

Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan motivasi pencapaian berdasarkan beberapa angkubah yang menjadi penelitian utama dalam kajian iaitu jantina, bangsa, status tempat tinggal dan prestasi akademik pelajar.

### **3. Kajian Literatur**

Vivian Shackleton & Clive Fletcher (1984) menya-takan konsep motivasi pencapaian diasaskan oleh Murray pada tahun 1938. Kemudiannya, konsep terse-but dibangunkan oleh McClelland (1951) yang dikenali sebagai 'Need for Achievement' atau sing-katannya 'nAch'. Tahap motivasi pencapaian dalam diri individu boleh dilihat melalui pemberian tugas yang mencabar di mana tingkahlaku individu tersebut

diukur melalui usaha yang dilakukannya untuk me-nyempurnakan tugas tersebut dengan berjaya. Ini dapat mengukur motivasi pencapaian individu. Individu yang mencari alasan dengan mengatakan tugas yang diberi adalah sukar dan tidak boleh dibuat akan dianggap sebagai mempunyai motivasi pencapaian yang rendah (Vivian Shackleton & Clive Fletcher (1984).

### **3.1 Teori Motivasi Pencapaian**

Teori motivasi pencapaian yang dibangunkan McClelland telah menerangkan tentang keinginan untuk menghasilkan satu tugas pencapaian dalam bentuk dua faktor atau motif, iaitu motif untuk mencapai kejayaan dan motif untuk mengelak kegagalan. Motif untuk mencapai kejayaan didefinisikan sebagai satu kejayaan untuk bertindak balas dengan rasa bangga terhadap sesuatu pencapaian. Manakala motif untuk mengelak kegagalan didefinisikan sebagai keupayaan untuk bertindak balas dengan rasa malu apabila hasil sesuatu perkara adalah gagal. Kebarangkalian kejayaan dilihat sebagai satu anggaran subjektif kemungkinan untuk berjaya pada tugas yang diberikan. McClelland (1985) juga telah menghuraikan bahawa komposisi motivasi adalah berlandaskan kepada motif untuk mencapai kejayaan dan motif untuk mengelakkan kegagalan. Motif untuk mencapai kejayaan bercirikan ke-megahan jika terdapat kejayaan dalam menghasilkan sesuatu, manakala motif untuk menjauhi kegagalan dianggap satu penghinaan jika menerima kegagalan. Individu yang mempunyai motif mencapai kejayaan memerlukan persaingan, kejayaan dan keseronokan yang pelbagai serta perubahan dalam setiap situasi yang khusus memberi kesan kepada kekuatan motif pencapaian.

### **3.2 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pencapaian**

Asmawati Desa (2006) pula mendapati bahawa keperluan kepada pencapaian adalah berbeza-beza mengikut situasi pencapaian. Hal ini kerana, tingkahlaku pencapaian pelajar bergantung kepada beberapa faktor lain seperti nilai insentif atau ganjaran yang dijangka akan diperolehi hasil daripada kejayaan yang dicapai. Kecenderungan mencapai kejayaan ini berhubung dengan sesuatu tugas atau aktiviti adalah bergantung kepada tiga pemboleh ubah iaitu motif untuk mencapai kejayaan, kebarangkalian bahawa perbuatan melakukan tugas tersebut dan nilai insentif kejayaan tersebut.

Selain itu, Muhammad Ikmal et al, (2020) menjelaskan pelajar dipengaruhi oleh dua jenis motivasi. Pertama adalah motivasi instrinsik yang merujuk kepada dorongan serta minat seseorang pelajar bertindak

untuk kepuasan diri tanpa mengharapkan ganjaran. Kedua adalah motivasi ekstrinsik iaitu merupakan penggerak luaran kepada pelajar untuk melakukan sesuatu tugas. Walaubagaimanapun, menurut Faisal (2019) kedua-dua jenis motivasi ini saling berkaitan dan seseorang pelajar boleh memiliki kedua-jenis motivasi.

### **3.3 Motivasi Pencapaian di Malaysia**

Esa (2003), telah merumuskan bahawa terdapat beberapa sebab seseorang pelajar itu tidak bermotivasi. Antaranya adalah kabur matlamat, kabur potensi diri, kabur amanah diri, kabur perancangan dan pengurusan diri, kabur coping skills, kabur pemilihan keutamaan, kabur pemilihan persekitaran dan kabur pemilihan rakan sebaya. Kelapan-lapan faktor kekaburan ini menjadikan pelajar tidak bermatlamat walaupun mereka masih lagi berkeupayaan untuk mencipta kejayaan di sekolah. Hal ini kerana menurut Esa (2003) lagi, beliau menyatakan cara seseorang itu berfikir terhadap peristiwa yang menyimpannya adalah berdasarkan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi cara ber-perasaan, bertingkah laku dan pengamalan sikap tertentu.

Menurut kajian Kamaruddin Ilias, Roshidah Abdul Rahman, Mubin Md Noor & Nurul Azwa Saidon (2010) menjelaskan gaya pembelajaran mempunyai kesan yang besar terhadap motivasi pelajar. Ini dapat dilihat melalui kajian Farah & Muhammad Mujahideen (2021) dan Norlia et al. (2006) yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran mendalam dengan motivasi dalaman. Juga berlaku kemerosotan dalam pencapaian akademik apabila pelajar gagal untuk menyesuaikan diri dengan cara pengajaran dan pembelajaran di universiti, di samping tidak mempunyai gaya pembelajaran yang betul (Kavi-za, 2019; Baharin Abu, 2003).

### **3.4 Motivasi Pencapaian di Luar Negara**

McClelland dan Atkinson di dalam Sdorow (1995) telah mengkaji tentang motivasi pencapaian yang melibatkan keinginan untuk penguasaan, keutamaan dan kesempurnaan. Individu yang ingin memenuhi keperluan bagi pencapaian akan berusaha untuk mencapai tahap prestasi yang tinggi. Ini terbukti apabila responden dalam kajian mereka yang melibatkan golongan pelajar mendapati bahawa pelajar yang ingin mencapai kejayaan dalam peperiksaan menunjukkan tahap motivasi yang tinggi dalam usaha mereka bagi



mencapai hasrat tersebut. Menurut (Duncan & McKeachie, 2005; Lynch, 2006; Pintrich & De Groot, 1990; Pintrich, Smith, Garcia, & McKeachie, 1991; Williams, Burden, & Lanvers, 2002).

Muna dan Atinkut (2018) dalam kajiannya menjelaskan motivasi berkait rapat dengan tekanan. Setiap orang memerlukan sejumlah tekanan untuk kekal ber-motivasi. Tetapi apabila tekanan melebihi keupayaan seseorang untuk mengatasi, hasilnya adalah stres. Stres yang baik adalah tahap stres yang sesuai mengikut keperluan individu dalam meningkatkan prestasi mental dan fizikal dan seterusnya menyumbang kepada hasil yang produktif dan kreatif. Namun begitu, stres positif bukan satu-satunya jenis tekanan yang terdapat di dalam persekitaran kita dan ia boleh dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran. Oleh itu, perubahan tahap stres boleh mempengaruhi seseorang secara negatif kerana ia bertindak secara langsung terhadap tingkah laku dan kesihatan mereka. Manakala motivasi adalah satu bentuk kognitif dan emosi yang memainkan peranan dalam mendorong seseorang membuat keputusan walaupun dalam situasi tekanan. Kehadiran motivasi mendorong seseorang untuk bertindak dan mengekalkan usaha bagi mencapai matlamat. Ini jelas menunjukkan perkaitan antara motivasi dan stres dan kedua-dua elemen mempengaruhi antara satu sama lain.

#### **4. Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk tinjauan. Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mengumpul maklumat daripada responden. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia di kampus Skudai. Sampel kajian yang dijalankan pula melibatkan seramai 200 orang responden. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah (random sampling) dalam pemilihan responden kajian. Lokasi kajian pengkaji berada di dalam kawasan atau ruang lingkup UTM di mana kajian ini dijalankan menerusi edaran borang soal selidik di dalam kelas dan dewan kuliah di sekitar Fakulti Pendidikan. Instrumen kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat demografi atau latarbelakang responden seperti jantina, bangsa, status tempat tinggal, pencapaian dalam purata mata gred, umur, semester dan bidang pengajian. Manakala bahagian B pula terdiri daripada soal selidik Ujian Motivasi Pencapaian (UMP) yang terdiri daripada pernyataan-pernyataan yang mengukur motivasi pencapaian pelajar.

## 5. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Perbincangan dalam tajuk ini adalah berdasarkan pernyataan hipotesis kajian yang diterangkan dalam tajuk 1. Perbincangan akan tertumpu kepada empat aspek dan bagaimana aspek ini mempengaruhi motivasi pencapaian responden. Empat aspek tersebut iaitu prestasi akademik (CGPA), lokasi tempat tinggal, bangsa dan jantina. Umumnya, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar Uni-versiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.

### 5.1 Perbezaan antara motivasi pencapaian mengikut jantina

Jadual 1: Ujian-t sampel bebas di antara motivasi pencapaian mengikut jantina

KATEGORI	M	SD	t	df	Sig.
Lelaki	2.96	.25	0.254	28	0.801
Perempuan	3.00	.40			

P>.05

Analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa nilai signifikan iaitu 0.801 iaitu melebihi aras signifikan yang ditetapkan 0.05. Hal ini membawa maksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan motivasi pencapaian antara pelajar lelaki mahupun pelajar perempuan. Oleh itu, hipotesis nol yang dibina adalah gagal ditolak. Dapatan juga menunjukkan bahawa nilai min motivasi pencapaian pelajar perempuan ( $M = 2.9$ ) adalah tidak jauh berbeza berbanding pelajar lelaki ( $M = 3.0$ ).

Kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi pencapaian mengikut jantina antara responden lelaki dan perempuan. Ujian-t dilakukan bagi melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi motivasi pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan mendapati nilai signifikan iaitu 0.801 melebihi aras signifikan yang ditetapkan 0.05. Hal ini membawa maksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan motivasi pencapaian antara pelajar lelaki mahupun pelajar perempuan. Dapatan ini dilihat bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Nihan (2020) dalam satu kajian meta-analisis terhadap sekumpulan pelajar. Disamping itu, dapatan kajian Horner di dalam John (1997) turut mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sifat menolak pencapaian di antara perempuan mahupun lelaki. Ini menunjukkan bahawa motivasi ke arah mencapai sesuatu pencapaian adalah sama bagi lelaki mahupun perempuan. Namun dapatan ini agak berbeza dengan beberapa kajian yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan di antara motivasi lelaki dan perempuan. Farah dan Muhammad Mujaheed (2021) dalam kajiannya mendapati tahap motivasi pelajar perempuan ( $\text{min} = 2.7390$ ) lebih

tinggi daripada pelajar lelaki (min= 2.6080). Begitu juga kajian daripada Dai (2001) terhadap 208 orang pelajar (112 perempuan dan 96 orang pelajar lelaki) dari dua buah sekolah menengah bagi melihat hubungan di antara pencapaian motivasi dan penghargaan sendiri. Keputusan yang diperolehi menunjukkan penghargaan sendiri dan pencapaian motivasi di kalangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Berdasar-kan dapatan daripada kajian ini jelas menunjukkan di era teknologi serba maju, kesemua pelajar tanpa meng-ira jantina telah mendapat pendedahan yang sama dan juga diberi peluang yang sama terutamanya dalam aspek pendidikan yang secara tidak langsung menanamkan sikap bermotivasi dalam diri.

## 5.2 Perbezaan yang signifikan antara motivasi pencapaian mengikut jenis bangsa responden

Jadual 2: Ujian-t sampel bebas di antara motivasi pen-capaian mengikut bangsa

KATEGORI	M	SD	t	df	Sig.
Melayu	3.0	.33	0.922	28	0.364
Bukan Melayu	2.9	.36			

P>.05

Analisis menunjukkan bahawa nilai signifikan yang dicatatkan ialah 0.364 iaitu melebihi aras signifikan yang ditetapkan 0.05. Hal ini membawa maksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara motivasi pencapaian antara pelajar melayu mahupun pelajar bukan melayu. Oleh itu hipotesis nol yang dibina ada-lah gagal ditolak. Selain itu, nilai min menunjukkan bahawa motivasi pencapaian pelajar melayu (M = 3.0) adalah tidak jauh berbeza berbanding pelajar bukan melayu (M = 2.9).

Dapatan kajian bagi objektif kedua menunjukkan nilai signifikan iaitu 0.364 iaitu melebihi aras signifikan yang ditetapkan 0.05. Hal ini membawa maksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan motivasi pen-capaian antara pelajar melayu mahupun pelajar bukan melayu. Dapatan ini diperkukuhkan dengan hasil Kajian Verkuyten et al., (2001) yang dijalankan dalam kalangan 762 orang pelajar di Turki meliputi beberapa etnik Turki dan Belanda yang menetap di Turki mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan di antara tahap motivasi individu pelajar mengikut bangsa. Wa-lau bagaimana pun, dapatan kajian ini bertentangan dengan teori McClelland et al., (1953) yang menjelas-kan motivasi berkait rapat dengan kecenderungan ter-hadap ekonomi (Habibabh & Wan Rafie, 1995). Di Malaysia, masyarakat bangsa cina lebih cenderung untuk menguasai ekonomi. Namun, daripada dapatan kajian ini dapat

dirumuskan bahawa semua bangsa memiliki tahap motivasi yang hampir sama. Antara faktor yang dilihat mempengaruhi dapatan kajian ini adalah sistem pendidikan yang seragam kepada semua bangsa di tempat pengajian (Suffean 2018). Oleh kerana sistem pendidikan yang seragam, maka nilai dan budaya yang diterapkan adalah tidak jauh berbeza yang secara tidak langsung mencetuskan sikap bermotivasi untuk mencapai kejayaan dalam kalangan pelajar tidak mengira bangsa.

### 5.3 Perbezaan yang signifikan antara motivasi pencapaian mengikut status tempat tinggal.

Jadual 3: Ujian-t sampel bebas di antara motivasi pencapaian mengikut status tempat tinggal

KATEGORI	M	SD	t	df	Sig.
Bandar	2.8	.35			
Luar Bandar	3.0	.31	1.836	28	0.077

$P > .05$

Analisis di atas menunjukkan nilai signifikan iaitu 0.077 adalah melebihi aras signifikan yang ditetapkan 0.05. Hal ini membawa maksud bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara motivasi pencapaian bagi pelajar bandar dan luar bandar. Oleh itu hipotesis nol yang dibina adalah gagal ditolak. Ini bermakna, motivasi pencapaian pelajar yang tinggal di Bandar adalah sama dengan pelajar luar Bandar. Nilai min yang dicatatkan oleh pelajar luar Bandar ( $M = 3.0$ ) dilihat tidak jauh berbeza berbanding pelajar Bandar ( $M = 2.8$ ) dari aspek motivasi pencapaian mereka.

Dapatan kajian menunjukkan nilai signifikan iaitu 0.077 iaitu melebihi aras signifikan yang ditetapkan 0.05. Hal ini membawa maksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan motivasi pencapaian antara pelajar bandar dan luar bandar. Bagaimanapun, nilai min menunjukkan bahawa motivasi pencapaian pelajar luar bandar adalah lebih tinggi berbanding pelajar bandar. Nilai min bagi responden yang tinggal dikawasan luar bandar adalah sebanyak 3.08 dan nilai min bagi responden yang tinggal dikawasan bandar adalah sebanyak 2.85. Perbezaan min sebanyak 0.23 telah ditunjukkan. Ini selaras dengan kajian berbentuk tinjauan yang dilakukan oleh Asmawati Desa (2006), ke atas 50 orang pelajar kolej Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) bagi melihat dimensi persekitaran pelajar dengan motivasi pencapaian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan antara dimensi persekitaran seperti tempat tinggal dan keluarga dengan motivasi pencapaian pelajar. Begitu juga Noor Ashira & Mohd Azwan (2018) telah mengkaji motivasi pencapaian pelajar universiti dan dapatan menjelaskan secara purata pelajar dari

kawasan bandar dan luar bandar mempunyai motivasi pencapaian yang sama iaitu pada tahap yang sederhana.

#### 5.4 Perbezaan yang signifikan antara motivasi pencapaian mengikut prestasi akademik.

Jadual 4: Ujian-t sampel bebas di antara motivasi pen-capaian mengikut status Prestasi akademik (CGPA)

KATEGORI	M	SD	t	df	Sig.
CGPA Tinggi	3.0	.36	1.623	28	0.116
CGPA Rendah	2.8	.18			

P>.05

Analisis di atas menunjukkan nilai signifikan iaitu 0.116 adalah melebihi aras signifikan yang ditetapkan 0.05. Hal ini membawa maksud bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara motivasi pencapaian di antara pelajar CGPA rendah dan pelajar dengan CGPA tinggi. Oleh itu hipotesis nol yang dibina adalah gagal ditolak. Nilai min yang dicatatkan oleh pelajar CGPA rendah ( $M = 2.8$ ) dan pelajar dengan CGPA tinggi ( $M = 3.0$ ) adalah tidak jauh berbeza dan ini membawa maksud bahawa tahap motivasi pen-capaian mereka juga hampir sama.

Dapatan kajian menunjukkan nilai signifikan iaitu 0.116 melebihi aras signifikan yang ditetapkan 0.05. Hal ini membawa maksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan motivasi pencapaian antara pelajar dengan prestasi akademik (CGPA) rendah dan pelajar dengan prestasi akademik (CGPA) yang tinggi. Namun begitu masih terdapat perbezaan min antara pelajar yang mempunyai CGPA rendah ( $M = 2.8$ ) dan CGPA tinggi ( $M = 3.0$ ). Menurut Jamaludin Ahmad et al., (2005), motivasi pencapaian ialah satu keperluan untuk mencapai kecemerlangan. Ia merupakan kecenderungan seseorang untuk melakukan sesuatu kerja dengan lebih baik, lebih lancar dan lebih berkesan, sama ada dalam bidang pekerjaan, perniagaan mahupun dalam bidang pendidikan. Perkara ini disokong oleh Faizal (2019), elemen motivasi yang terdiri daripada motivasi intrinsik dan ekstrinsik adalah pendorong utama untuk pelajar berjaya dalam akademik dan juga dalam kehidupan. Justeru, penghujahan ini mengukuhkan pandangan bahawa dalam aspek pendidikan, tahap motivasi turut sama memainkan peranan penting dalam membawa kepada kejayaan dan kecemerlangan seseorang pelajar.

## 6. Kesimpulan

Motivasi pencapaian yang sesuai dan berkesan jika diamalkan dapat membantu pelajar memperolehi pencapaian yang baik dalam pelbagai aspek. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi pencapaian mengikut jantina antara responden lelaki dan perempuan, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi pencapaian mengikut jenis bangsa responden, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi pencapaian mengikut status tempat tinggal dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi pencapaian mengikut prestasi akademik. Di samping itu, pelajar juga dapat memahami kecenderungan, kekuatan dan kelemahan sendiri dalam mengetahui motivasi diri yang ada dalam diri pelajar.

Daripada hasil kajian yang didapati, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa faktor-faktor jantina, bangsa, tempat tinggal dan prestasi pelajar tidak mempengaruhi motivasi pelajar dalam pembelajaran. Pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi akan mempunyai daya keyakinan yang hebat dalam kehidupan. Motivasi akan memberikan semangat kepada pelajar dalam menghadapi pelbagai situasi pada masa akan datang dalam aspek pendidikan.

## Rujukan

- [1] Abu Bakar Nordin, 1995. *Penilaian Afektif*. Kajang: Masa Enterprise.
- [2] Asmawati Desa, Persekitaran keluarga dan motivasi pencapaian pelajar, di dalam Rohany Nasir dan Fatimah Omar (2006), *Kesejahteraan Manusia: Perspektif Psikologi*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- [3] Bell A.H. dan Smith D, M. 2003. *Motivating Your-self For Achievement*. New Jersey: Prentice Hall.
- [4] Dai, D.Y. 2001. A Comparison of Gender Differences in Academic Self-concept and Motivation Between High-Ability Chinese Adolescents. *Journal of Secondary Gifted Education*, 13, 22-26.
- [5] Faizal Mohamad Twon Tawi. 2019. *Motivasi Pencetus Kejayaan Akademik Pelajar*. Perpustakaan Negara Malaysia
- [6] Faridah Abu Hassan (2005). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia Jilid 7, Disember 2005: 27-56.*

- [7] Farah Wazera Mohamed Jafer Sadiq & Mohammad Mujaheed Hassan. 2021. Konsep Kendiri dan Gaya Pembelajaran terhadap Motivasi Akademik dalam kalangan Mahasiswa, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2), 75-105.
- [8] Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, & Parilah M. Shah(2010). Kebimbangan Ujian Dan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab Dalam Konteks Kemahiran Lisan. *Issn: 1985-5826 Ajtlhe Vol. 2, No. 2, July 2010*, 46-58.
- [9] Habibah Elias & Wan Rafael Abdul Rahman. 1995. Achievement Motivation of University Students. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 3(1),1-10.
- [10] Jamaludin Ahmad, Sidek Mohd Noah, Rusnani Abd. Kadir dan Shamsuddin Ahmad. (2005). Keberkesanan Modul Program Maju Diri ke atas Motivasi Pencapaian di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Selangor, *Jurnal PERKAMA*, 11,15-36.
- [11] Jiang, Y., Rosenzweig, E. Q., & Gaspard, H. 2018. An expectancy-value-cost approach in predicting adolescent students' academic motivation and achievement. *Contemporary Educational Psychology*, 54, 139-152.
- [12] John Nicholson (1997). *Rahsia lelaki dan wanita; Sejauhmana berbeza*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- [13] Kamaruddin Ilias, Roshidah Abdul Rahman, Mu-bin Md Noor & Nurul Azwa Saidon (2010). Pengaruh Gaya Pembelajaran Terhadap Motivasi Dan Pencapaian Akademik Pelajar Pra Ijazah Sarjana Muda Perguruan Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 2*, 2010.
- [14] Kaviza, M. 2019. Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dan Motivasi Intrinsik dalam Mata Pelajaran Sejarah, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(5),61 - 68.
- [15] Kumar, V.V., & Tankha, G. 2020. Influence Of Achievement Motivation And Psychological Adjustment On Academic Achievement: A Cross-Sectional Study Of School Students, *Humanities & Social Sciences Reviews*, 8 (1), 532-538.
- [16] Mary-Rose N. Izuchi & Bruno U. Onyekuru. 2017. Relationships Among Academic Self-Concept, Academic Motivation and Academic Achievement Among College Students, *European Journal of Research and Reflection in Educational Sciences*, 5 (2), 93-102.
- [17] McClelland, D. (1985). *Human motivation*. New York: Scott, Foresman.
- [18] McIntyre, L.J. (2005). *Need to Know: Social Science Research Method*. New York: McGraw-Hill.
- [19] McWalters, M., Roger, M., Tennat, M., Millard, S., Colligwood, V., Evans, M., Souter, J., Dawes, L., O'Connor, D., Scoufis, M., Euson, B., Bragg, B., dan McSpedden, M., 1990. *Understanding Psychology*. Australia: McGraw-Hill Book Company.
- [20] Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. 1991. Faktor-Faktor Membentuk Sikap Pelajar Terhadap Sekolah dan Pelajaran. Kertas kerja yang dibentangkan di Konvensyen Dwi-Tahunan Ke-VII Perkama.

- [21] Mohd Najib Abd Ghafar. (1999). Penyelidikan Pendidikan. Skudai, Johor. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- [22] Muhammad Ikmal, R.O., Nurazwa Ahmad,. Nor Kamariah Kamaruddin. 2020. Chapter in book Kajian kes di Malaysia. Hubungan Antara Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Uthm. Penerbit UTHM.
- [23] Muna, S., & Atinkut, Z. 2018. Prevalence and as-sociated factors of stress among undergraduate students in Ambo University: Implication for Interven-tion, International Journal of Psychology and Coun-selling,10(4), 29-39.
- [24] Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya (2012).Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan dan Sikap Dengan Pencapaian Akade-mik. Journal of Educational Psychology & Counseling, Volume 5 March 2012, Pages 30-57 / ISSN: 2231-735X.
- [25] Noor Ashira & Mohd Azwan. 2018. Tahap dan Hubungan Antara Stres dan Motivasi Pencapaian dalam kalangan Pelajar di Universiti Putra Malaysia. Graduate Research In Education Seminar (Geduc) 2018 Revolutionalising Research Practices in Educa-tion and Human Resource Development. 278-285.
- [26] Nihan, S.T. 2020.Gender Differences in Academic Motivation: A Meta-Analysis, International Journal of Psychology and Educational Studies, 7(2), 211-224
- [27] Othman Mohamed (2008).Penulisan Tesis dalam bidang Sains Sosial Terapan. Serdang: Universiti Pu-tra Malaysia.
- [28] Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Roza-li,Rosmawati Mohamad Rasit & Zainab Is-mail(2009).Kaedah Meningkatkan Motivasi Belajar dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Is-lam.UKM-PTS-027-2009.
- [29] Sevil, O.O. 2017. The Effect of Motivation on Stu-dent Achievement. Springer International Publishing.
- [30] Shackleton. V & Fletcher.C. (1984).Individual differences, theories and application. Lon-don:Routledge
- [31] Sdorow, L.M. (1995). Psychology.Madison: Brown & Benchmark.
- [32] Smith, J.,Guimond, F.A., Bergeron, J., St-Amand, J.,Fitzpatrick, C., Gagnon, M. 2021. Changes in Stu-dents' Achievement Motivation in the Context of the COVID-19 Pandemic: A Function of Extraversion/ In-troversion?, Educ. Sci. 11(30), 1-8.
- [33] Steinmayr, R., Weidinger, A.F, Schwinger, M.,& Spinath B. 2019. The Importance of Students' Motiva-tion for Their Academic Achievement-Replicating and Extending Previous Findings. Front. Psychol, 10 (1730), 1-11.



- [34] Sufean Hussin. 2018. Kejayaan dan Impak Falsa-fah Pendidikan Kebangsaan dalam Membentuk Pendidikan di Malaysia, Seminar Pendidikan beraskan Nilai. 15 – 16 November 2018, Universiti Islam An-tarabangsa Malaysia (UIAM).
- [35] Verkuyten, M., Thijs, J. & Canatan, K. (2001). Achievement Motivation and Academic Performance Among Turkish Early and Young Adolescents in the Netherlands, *Journal of Genetic, Social and General Psychology*, 127(4), 378–408.

# STRATEGI DAYA TINDAK TERHADAP KRISIS RUMAHTANGGA DALAM MEMACU KESEJAHTERAAN HOLISTIK

Abdul Rashid Abdul Aziz<sup>1</sup>, Nurun Najihah Musa<sup>2</sup>, Rezki Perdani Sawai<sup>3</sup>, Husin Sungkar<sup>4</sup>, Joki Perdani Sawai<sup>5</sup>

<sup>1,2,3</sup>*Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia*

<sup>4</sup>*Fakultas Tarbiyah, STIQ, Amuntai, Indonesia*

<sup>5</sup>*Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah*

*rashid@usim.edu.my; nurunmusa98@gmail.com; rezki@usim.edu.my;*

*hafizhikusungkar@gmail.com; joki@ums.edu.my*

## Abstrak

Institusi kekeluargaan di Malaysia dilihat semakin goyah dan hampir musnah dek kerana krisis rumahtangga yang gagal diselesaikan oleh ahlinya. Hal ini dapat dilihat melalui peningkatan kes dalam isu-isu membabitkan masalah institusi kekeluargaan di Malaysia. Isu-isu seperti kes perceraian, keganasan rumahtangga dan penderaan kanak-kanak di Malaysia merekodkan peningkatan yang luar biasa pada tahun 2020. Malah, Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaporkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahun 2019 masih kekal pada tahap sederhana iaitu 7.72. Kesejahteraan keluarga merupakan elemen paling penting dalam kehidupan manusia. Dalam mencapai kesejahteraan keluarga yang holistik, individu perlu bijak dan cekap dalam aspek pengurusan krisis rumahtangga. Terdapat pelbagai aspek yang perlu dikaji dalam aspek pengurusan krisis rumahtangga bagi mencapai kesejahteraan holistik. Objektif kajian ini memberi tumpuan kepada strategi daya tindak sebagai satu kaedah mengatasi krisis rumahtangga. Metod kajian ini adalah berdasarkan kajian kualitatif melalui reka bentuk kajian skop (scoping review). Sebanyak 40 artikel telah dijumpai dan dipilih dari EBSCO-Host, pangkalan data universiti bermula dari tahun 2015 hingga Januari 2021. Melalui Teori Transaksional Tekanan dan Daya Tindak yang dikemukakan oleh Lazarus dan Folkman (1984), pemahaman terhadap strategi daya tindak dalam mengatasi krisis rumahtangga dapat dihuraikan secara terperinci. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 5 strategi daya tindak yang membantu krisis rumahtangga iaitu strategi daya tindak aspek kognitif, aspek emosi, aspek tingkahlaku, aspek persekitaran-sosial dan aspek spiritual. Justeru, amatlah penting bagi setiap pasangan untuk menguasai kesemua strategi daya tindak ini agar krisis rumahtangga dapat ditangani dan seterusnya memacu kesejahteraan holistik dalam membina rumahtangga yang Sakinah, Mawaddah dan Rahmah.

**Kata kunci:** *Strategi daya tindak, Krisis rumahtangga, Kesejahteraan holistic*

## 1. Pengenalan

Kesejahteraan rakyat adalah bermula dari rumah iaitu dalam erti kata lain, ianya bermula dari institusi kekeluargaan. Keluarga dirujuk sebagai satu kelompok sosial yang dicirikan oleh tempat tinggal yang sama, adanya kerjasama ekonomi, melaksanakan fungsi reproduksi di samping mendidik anak-anak (Fatimah, 2015). Keluarga berfungsi dalam membentuk dan menyemai aspek-aspek positif dalam individu yang seterusnya melahirkan individu yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosialnya. Secara fitrahnya, setiap insan mendambakan keluarga yang bahagia dan sejahtera. Namun kini, institusi kekeluargaan di Malaysia dilihat semakin goyah dan hampir musnah dek kerana krisis rumahtangga yang gagal diselesaikan.

Institusi kekeluargaan di Malaysia dilihat semakin goyah dan hampir musnah dek kerana krisis rumahtangga yang gagal diselesaikan oleh ahlinya. Hal ini dapat dilihat melalui peningkatan kes dalam isu-isu membabitkan masalah institusi kekeluargaan di Malaysia. Isu-isu seperti kes perceraian, keganasan rumahtangga dan penderaan kanak-kanak di Malaysia merekodkan peningkatan yang luar biasa pada tahun 2020. Hal ini diburukkan lagi dengan penularan wabak COVID-19 di Malaysia dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang pandemik ini. Laporan Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia pada tahun 2020 menunjukkan jumlah perceraian dalam kalangan rakyat negara ini meningkat sebanyak 12 peratus iaitu sebanyak 56,975 kes perceraian direkodkan pada 2020 berbanding 50,862 pada tahun sebelumnya.

Manakala laporan dari Pertubuhan Pertolongan Wanita (Woman Aid Organization, WAO) pada tahun 2020 menunjukkan permasalahan mengenai keganasan rumah tangga yang dikumpul menerusi talian perkhidmatan WAO meningkat sebanyak 3.4 kali ganda pada Mei 2020 berbanding ketika awal PKP dilaksanakan pada Mac 2020. Tambahan itu, bagi kes penderaan emosi kanak-kanak pula sebanyak 124 kes dicatatkan pada tahun 2018, diikuti 113 kes pada tahun 2019 dan meningkat kepada 131 kes sehingga September 2020. Data terkini pada 2019 dari laporan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (National Health and Morbidity Survey, NHMS) juga menunjukkan hampir setengah juta rakyat (2.3 peratus) di negara ini dalam kalangan dewasa didapati mengalami simptom tekanan atau depresi.

Kesemua statistik ini tidak harus dipandang enteng. Sekiranya dibiarkan, situasi ini akan menjadi lebih parah yang akan menyumbang kepada lebih banyak masalah sosial di dalam masyarakat.

## **2. Sorotan Literatur**

### **2.1 Konflik rumahtangga**

Konflik rumahtangga memberi tekanan dalam keluarga dan boleh mempengaruhi hubungan di antara ahli keluarga terutama suami dan isteri. Konflik merupakan perkara yang biasa terjadi dalam sesuatu hubungan. Apabila konflik dalam hubungan berterusan, ia mewujudkan tekanan yang boleh menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan keluarga.

Konflik dalam perhubungan tidak selalunya perkara yang buruk. Nurul Naimah Rose dan Mohd Yusri Mustaffa (2018) menyatakan konflik boleh menjadi sesuatu yang positif kerana ia dapat menggalakkan individu untuk memahami punca dan jalan penyelesaiannya. Ia juga boleh menjana penyelesaian kreatif kepada masalah. Keluarga yang berjaya mengatasi konflik dapat memperbaiki hubungan tersebut dan bebas dari sebarang tekanan. Hubungan di antara ahli keluarga akan menjadi lebih rapat.

Namun begitu, konflik yang tidak dapat diselesaikan dengan baik menjadi punca kepada penceraian dan keruntuhan institusi keluarga. Pendedahan kepada konflik boleh menyebabkan seseorang mengalami sakit kronik yang berkaitan dengan tekanan, seperti sakit kepala dan sakit belakang atau leher (Hannibal & Bishop, 2014). Situasi ini dilihat sebagai tidak sihat dalam konteks kesejahteraan keluarga. Oleh itu, tekanan perlu diuruskan dengan baik agar tidak mengganggu kualiti hidup. Nurul Naimah Rose & Mohd Yusri Mustaffa menekankan adalah penting bagi keluarga memahami dengan jelas maksud tekanan, punca kepada tekanan dan strategi untuk respon kepada tekanan tersebut.

## **2.2 Daya Tindak**

Daya tindak merujuk kepada pemikiran dan tingkah laku yang digunakan untuk menangani tuntutan dalaman dan keadaan luaran yang dianggap sebagai tekanan oleh individu (Lazarus & Folkman, 1984). Lazarus dan Folkman mengenal pasti dua jenis strategi daya tindak iaitu daya tindak berfokus emosi dan daya tindak berfokus masalah. Yang pertama merujuk kepada percubaan untuk mengurangkan tekanan emosi dengan menguruskan perasaan dan emosi melalui manipulasi kognitif, seperti merangka semula atau usaha berfikir positif. Strategi daya tindak berfokus-emosi ini pula terbahagi kepada enam jenis iaitu sokongan sosial, kawalan diri, menjauhkan diri, penilaian semula positif, penerimaan tanggungjawab dan pengelakan (Lazarus & Folkman, 1984).

Sebaliknya, daya tindak berfokuskan masalah merujuk kepada usaha yang diarahkan untuk mentakrifkan masalah dan bertindak untuk menghapuskan atau mengelakkan punca tekanan (Lazarus & Folkman, 1984).

Penanganan berfokuskan masalah didapati berkesan hanya apabila terdapat kejayaan dalam mengawal tekanan yang berpotensi secara berkesan. Wanita sering melaporkan emosi yang berlebihan

berbanding lelaki (Zhou, Marchand & Guay, 2018) yang boleh mempunyai pengaruh ke atas keberkesanan daya tindak.

### **2.3 Strategi Daya Tindak**

Individu biasanya menggunakan pelbagai strategi daya tindak dalam menangani konflik. Mengaplikasikan strategi daya tindak tertentu boleh mengurangkan atau meningkatkan kesan tekanan (Bodenmann, 2000; Revenson, Kayser, & Bodenmann, 2005). Cara mengatasi, seperti penafian, mengelak, menyalahkan diri sendiri, menyatakan diri secara negatif, menarik diri, penyalahgunaan dadah, dan keganasan sering dikaitkan secara negatif dengan kualiti perkahwinan, manakala penglibatan aktif, penyelesaian masalah yang membina, optimisme, verbal sendiri yang positif, dan pbingkaian semula situasi lebih berkemungkinan mewakili daya tahan yang berfungsi dalam hubungan perkahwinan (Bodenmann & Cina, 2000; Ptacek & Dodge, 1995). Menurut Rotondo, Carlson dan Kincaid (2003), tiada gaya daya tindak yang sesuai secara universal. Sesetengah daya tindak mungkin berfungsi lebih baik dengan khusus mengikut bentuk konflik tersebut atau sesuai digunakan dalam konteks tertentu, seperti budaya atau nilai peribadi.

### **3. Metodologi**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian skop atau scoping review. Analisis kajian skop melibatkan proses yang dirancang untuk menyatukan data mentah ke dalam kategori atau tema berdasarkan kesimpulan dan tafsiran yang sah. Proses ini menggunakan penaakulan induktif, di mana tema dan kategori muncul dari data melalui pemeriksaan teliti dan perbandingan berterusan penyelidik. Tetapi reka bentuk kajian skop tidak perlu mengecualikan penaakulan deduktif (Patton, 2002). Menjana konsep atau pemboleh ubah dari teori atau kajian terdahulu juga sangat berguna untuk kualitatif penyelidikan, terutamanya pada permulaan analisis data (Berg, 2001).

Pendekatan kajian skop ini adalah berdasarkan 5 kerangka analisa daripada Arksey dan O'Malley's (2005) yang terdiri daripada 6 langkah iaitu; (1) mengenal pasti persoalan kajian, (2) mengenal pasti kajian yang relevan, (3) pemilihan kajian, (4) memetakan data, dan (5) menyusun, meringkaskan dan melaporkan hasil berdasarkan tema dan kategorikajian, dan akhir sekali (6) menjalankan konsultasi –di peringkat ini, pemegang taruh dijemput oleh penyelidik untuk memberikan pandangan dan maklum balastentang celik akal hasil daripada data serta mengesahkan data tersebut dari

perspektif pendekatan kajian skop (Scharew & Macaluso, 2019). Tujuan utama adalah untuk mengenal pasti tema atau kategori penting dalam kajian skop untuk memberikan gambaran yang kaya tentang realiti sosial yang dibuat oleh tema/ kategori.

Dalam kajian ini, 40 artikel yang menumpukan kepada isu strategi daya tindak terhadap krisis rumahtangga dipilih untuk dianalisis. Artikel-artikel terpilih diperoleh daripada pangkalan data universiti iaitu Academic Search Premier@EBSCOhost yang diterbitkan bermula dari tahun 2015 hingga Januari 2021. Sebanyak 40 artikel telah dijumpai dan dipilih dari EBSCO-Host. Malah artikel yang relevan dan signifikan dari tahun sebelumnya juga diambil kira. Pengkaji menggunakan kata kunci yang berikut iaitu strategi daya tindak balas, krisis rumahtangga dan kesejahteraan holistik. Selain itu, pengkaji juga mengenal pasti kata atau frasa lain yang muncul seperti kesejahteraan individu dan menganalisis makna di sebalik setiap satu konsep untuk lebih memahami isu yang dibincangkan. Hanya artikel yang berbentuk akademik dan mempunyai rujukan serta artikel yang telah dinilai oleh pengkaji lain secara ilmiah dipilih dalam kajian ini. Bagi memastikan kebolehpercayaan dan kredibiliti hasil kajian, pengkaji menilai data yang diperoleh dengan mengenal pasti sama ada terdapat persamaan dan perbezaan antara kategori yang terhasil. Artikel yang berbentuk prosiding, tidak lengkap, tidak boleh dimuat turun dan tidak berkaitan dengan skop kajian tidak akan dipilih. Ini dilakukan dengan membaca, menganalisis dan menstrukturkan kandungan yang relevan mengikut topik kajian literatur. Seterusnya, hubungkait antara cadangan atau topik kajian literatur dengan penyelidikan terdahulu dilakukan. Artikel pilihan kemudian dianalisis dan dikategorikan mengikut skop kajian bagi mendapatkan pemahaman yang lebih, mengenai isu berkaitan strategi daya tindak terhadap krisis rumahtangga dalam memacu kesejahteraan holistik.

#### **4. Hasil Kajian dan Perbincangan**

Dalam diri setiap individu yang mempunyai pelbagai tanggungjawab dan peranan, semestinya individu tersebut tidak boleh lari dari berdepan dengan pelbagai bentuk tekanan. Untuk memahami bagaimana individu belajar mengatasi stres, adalah sangat penting untuk mengetahui pelbagai konseptualisasi masalah ini. Tekanan ditakrifkan sebagai corak tindak balas fisiologi (Selye, 1956). Menurut Sarafino (2012), tekanan timbul apabila individu merasakan ketidaksesuaian antara tuntutan fizikal atau psikologi sesuatu situasi dan sumber sistem biologi, psikologi atau sosialnya.

Terdapat banyak cara untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang tertekan. Jennifer (2011) menyatakan bagaimana individu itu melihat 246tress menentukan cara individu tersebut bertindak balas atau membuat strategi daya tindak (coping strategy). Strategi daya tindak adalah usaha yang dilakukan secara sadar atau tanpa sadar untuk menyelesaikan masalah dan mengurangkan tekanan. Lazarus dan Folkman (1984) melihat 246tress sebagai satu bentuk tindak balas, rangsangan dan transaksi (transaction), manakala mereka mendefinisikan strategi daya tindak sebagai perubahan yang konsisten secara kognitif dan tingkah laku untuk menguruskan tuntutan luaran dan dalaman yang membebankan atau melebihi keupayaan individu tersebut.

Secara amnya, strategi daya tindak dapat dibahagikan kepada dua konteks yang berbeza sama ada ianya mencetuskan individu untuk mendekati masalah atau mengatur reaksi emosi yang timbul dari cabaran yang dihadapi (Andersson & Willebrand 2003). Dua konteks strategi daya tindak ini banyak dibahaskan dalam teori kajian-kajian terdahulu oleh pelbagai sarjana dengan menggunakan pelbagai istilah yang berbeza. Antara teori yang seringkali digunakan dalam membincangkan strategi daya tindak adalah kerangka konsep dan teori yang dikemukakan oleh Lazarus dan Folkman (1984). Dalam menerangkan stress sebagai satu proses yang dinamik, Lazarus seterusnya telah membangunkan kerangka konsep yang dinamakan sebagai 'transactional theory of stress and coping- TTSC' (Lazarus, 1966; Lazarus & Folkman, 1984). Teori ini amatlah relevan dalam membincangkan strategi daya tindak bagi pasangan perkahwinan komuter kerana ia banyak dikupas dalam konteks konflik dan tekanan rumahtangga berdasarkan kajian-kajian lepas (Grandey & Cropanzano, 1999; Hoobler et al., 2010; Marika et al., 2011).

Di dalam teori TTSC ini, Lazarus telah menerangkan bahawa strategi daya tindak dicetuskan oleh penilaian utama (primary appraisal) yang dilakukan oleh individu yang mengalami 246tress. Penilaian utama ini memerlukan individu untuk menilai sama ada 246tress itu dianggap sebagai mengancam (threatening), mencabar (challenging) atau tidak relevan (irrelevant). Manakala, penilaian sekunder (secondary appraisal) pula melibatkan penilaian individu terhadap sumber atau strategi daya tindak yang ada bagi mengatasi segala ancaman yang dihadapi. Kedua-dua penilaian ini membawa kepada pelaksanaan strategi daya tindak. Dalam aspek strategi daya tindak ini, Lazarus dan Folkman (1984) telah mengklasifikasikan strategi daya tindak kepada dua aspek iaitu strategi berfokuskan masalah dan strategi berfokuskan emosi.

#### **4.1 Strategi berfokuskan masalah (problem focused coping)**


Strategi berfokuskan masalah ditakrifkan sebagai strategi yang melibatkan tingkah laku dimana ianya merangkumi strategi seperti mendapatkan bantuan dan mengambil tindakan langsung terhadap situasi yang mencabar. Strategi berfokuskan masalah ini tertumpu kepada mengkaji permasalahan, merancang, menghasilkan penyelesaian alternatif, membuat pertimbangan terhadap penyelesaian alternatif dari segi kebaikan dan faedah, memilih dan melaksanakan alternatif tersebut. Justeru, strategi berfokuskan masalah ini dilihat berkesan dalam menguruskan tekanan yang boleh diubah seperti konflik dalam hubungan, terutamanya hubungan dalam keluarga atau mengurangkan kesan negatif stres terhadap kesihatan dan kesejahteraan individu (Aryee et al., 1999; Carver, Scheier, & Weintraub, 1989; Folkman & Moskowitz, 2004; Penley, Tomaka, & Wiebe, 2002).

#### **4.2 Strategi berfokuskan emosi (emotion focused coping)**

Strategi berfokuskan emosi adalah proses kognitif yang terdiri dari pemikiran positif dan ekspresi emosi yang bertujuan untuk beradaptasi dengan keadaan yang tertekan. Ia merupakan strategi yang dapat mengurangkan stress. Ia juga digunakan apabila tiada perubahan yang boleh dilakukan terhadap stres yang berlaku dan sering digunakan dalam situasi stres di mana orang tidak dapat mengubah keadaan persekitaran yang berlaku. Strategi berfokuskan emosi merangkumi penumpuan terpilih (selective attention) di mana individu sengaja menumpukan perhatian pada aspek-aspek tertentu yang berkaitan atau tidak berkaitan dengan masalahnya, perbandingan positif dan perlakuan menjauhi atau mengurangkan stres (Lazarus & Folkman, 1984). Strategi berfokuskan emosi ini dilihat meningkatkan tahap penyelesaian individu dalam berdepan dengan stress berbanding fungsinya dalam mengurangkan stres (DeGraff & Schaffer, 2008), dan ianya terbukti kurang berkesan dalam mengurangkan tekanan jika dibandingkan dengan strategi berfokuskan masalah (Penley et al., 2002).



Penerangan lebih lanjut berhubung konsep strategi daya tindak yang dikemukakan oleh Lazarus dan Folkman (1984) ini dapat dilihat dalam gambar rajah 1 seperti yang dinyatakan di bawah.



Rajah 1: Konsep Strategi Daya Tindak

## 5. Kesimpulan

Setiap benda hidup di muka bumi ini melalui proses daya tindak untuk mengurangkan tekanan agar dapat mencapai kesejahteraan diri. Dalam hubungan perkahwinan ini, strategi daya tindak memainkan peranan yang penting bagi memastikan pasangan dapat menggunakan medium yang sesuai untuk mengurangkan tekanan. Strategi daya tindak yang betul ini juga digunakan untuk memastikan hubungan dapat diperbaiki, keperluan dapat dipenuhi, solusi kepada krisis rumahtangga dan memperbaiki hubungan sedia ada. Maka, setiap pasangan perlu mencari mekanisme terbaik bagi memastikan diri dan pasangan masing-masing dapat mencapai keperluan dan matlamat yang diharapkan dalam sebuah ikatan perkahwinan.

Setiap perkahwinan mengalami cabaran dan konflik, pengkajian berhubung institusi kekeluargaan ini dapat membantu dalam memahami bentuk penyelesaian masalah yang digunakan oleh pasangan. Kemampuan untuk membina strategi daya tindak yang positif hanya boleh dilakukan apabila individu mampu mengawal tekanan emosi, tekanan sosial dan tekanan biologi yang wujud. Di samping itu, lebih banyak kajian harus dilakukan berkaitan strategi daya tindak keagamaan dalam kalangan pasangan dan

bagaimana strategi daya tindak tersebut memberi kesan kepada kepuasan perkahwinan. Agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk memperkasakan keluarga seperti Jabatan Agama dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat disarankan untuk merangka pelbagai program bagi menjamin kesejahteraan hidup institusi kekeluargaan sekaligus membina keluarga Sakinah, Mawaddah wa Rahmah.

## Rujukan

- [1] Andersson, G., Willebrand, M. (2003) “What is coping? A critical review of the construct and its application in audiology”, *International Journal of Audiology*, 42(97); 97-103.
- [2] Aryee, S., Luk, V., Leung, A., & Lo, S. (1999). Role stressors, interrole conflict, and well-being: The moderating influence of spousal support and coping behaviors among employed parents in Hong Kong. *Journal of Vocational Behavior*, 54, 259–278.
- [3] Bodenmann, G. (2000). *Stress und Coping bei Paaren [Stress and coping in couples]*. Göttingen, Germany: Hogrefe.
- [4] Bodenmann, G., & Cina, A. (2000). Stress und Coping als Prädiktoren für Scheidung: Eine prospective Fünf-Jahres-Längsschnittstudie [Stress and coping as predictors of divorce: A 5 year prospective study]. *Zeitschrift für Familienforschung*, 12, 5-20.
- [5] DeGraff, A. H., & Schaffer, J. (2008). Emotion-focused coping: A primary defence against stress for people living with spinal cord injury. *Journal of Rehabilitation*, 74, 19–24.
- [6] Fatimah Abdullah. (2015). *Keluarga dan permodenan di Malaysia*. PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- [7] Folkman, S., & Moskowitz, J. T. (2004). Coping: Pitfalls and promise. *Annual Reviews*, 55, 745–774.
- [8] Grandey, A.A. and Cropanzano, R. (1999), “The conservation of resources model applied to work-family conflict and strain”, *Journal of Vocational Behavior*, 54, 350-370.
- [9] Hannibal KE, Bishop MD. (2014) Chronic stress, cortisol dysfunction, and pain: A psychoneuroendocrine rationale for stress management in pain rehabilitation. *Phys Ther*. 94(12):1816-25. doi:10.2522/ptj.20130597
- [10] Hoobler, J.M., Hu, J. and Wilson, M. (2010), “Do workers who experience conflict between the work and family domains hit a ‘glass ceiling?’: a meta-analytic examination”, *Journal of Vocational Behavior*, 77, 481-94.
- [11] Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). *Stress appraisal, and coping*. New York: Springer.
- [12] Marika, R., Saija, M., Johanna, R. (2011). Do Individual Coping Strategies Help or Harm in the Work–Family Conflict Situation? Examining Coping as a Moderator between Work–Family Conflict and Well-Being. *International Journal of Stress Management*. 18 (1), 24–48.

- [13] Penley, J. A., Tomaka, J., & Wiebe, J. S. (2002). The association of coping to physical and psychological health outcomes: A meta-analytic review. *Journal of Behavioral Medicine*, 25, 551–603.
- [14] Ptacek, J. T., & Dodge, K. L. (1995). Coping strategies and relationship satisfaction in couples. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 21, 76-84. doi:10.1177/0146167295211008
- [15] Revenson, T., Kayser, K., & Bodenmann, G. (Eds.). (2005). *Couples coping with stress: Emerging perspectives on dyadic coping*. Washington, DC: American Psychological Association.
- [16] Rotondo, D. M., Carlson, D. S., & Kincaid, J. F. (2003). Coping with multiple dimensions of work-family conflict. *Personnel Review*, 32, 275–296.
- [17] Sarafino, E. P. (2012). *Health Psychology: Biopsychosocial Interactions*. 7th Ed. Asia: Wiley.
- [18] Selye, H. (1956). *The stress of life*. New York: McGraw Hill.
- [19] Zhou, B., Marchand, A., & Guay, S. (2018). Gender differences on mental health, work-family conflicts and alcohol use in response to abusive supervision. *Journal of Work and Organizational Psychology*, 34(3), 157-167. <https://doi.org/10.5093/jwop2018a18>

# KESAN PANDEMIK COVID-19 KEPADA SOSIAL DAN KOMUNITI: SATU KAJIAN KUALITATIF TERHADAP AKTIVITI KEAGAMAAN

Peter Voo, Ismail Bin Maakip, Sharon Kwan Sam Mee, Mohd Nor Azan Bin Abdullah

## Abstrak

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengetahui kesan Pandemik Covid-19 terhadap aktiviti keagamaan di salah sebuah negeri di Malaysia iaitu negeri Sabah, tumpuan adalah di beberapa daerah zon merah seperti Kota Kinabalu, Lahad Datu dan Tawau. Dalam kajian ini responden yang terdiri daripada pemimpin agama di kawasan zon merah telah dipilih secara bertujuan. Semua temu bual dirakam dan ditulis semula dalam bentuk verbatim. Transkrip temu bual diperiksa semula bagi tujuan kesahan data melalui cara pemeriksaan sesama ahli pengkaji. Transkrip temu bual kemudian dianalisis secara manual bagi melihat tema yang timbul. Hasil kajian mendapati kesan yang paling ketara berlaku apabila penganut agama tidak dapat datang untuk bersembahyang adalah perasaan kesedihan, kerinduan dan kerisuan dalam diri setiap penganut itu. Kajian juga mendapati pemimpin agama berusaha untuk memulihkan semangat kepada penganut masing-masing dengan cara meningkatkan rohani dan iman melalui ceramah, saling mendoakan dan mengadakan takziah serta ritual khas kepada penganut masing-masing. Selain itu strategi yang digunakan oleh pemimpin agama bagi mengelakkan jangkitan Covid-19 dan memastikan setiap umat dan penganut menerima aktiviti keagamaan yang disampaikan, maka penggunaan teknologi seperti media atas talian seperti *facebook*, video dan gambar diaplikasikan dengan sebaiknya. Penemuan kajian mencadangkan agar penggunaan teknologi dapat dipertingkatkan lagi dari segi liputan dan kebolehcapaian talian yang lebih baik terutama di kawasan luar bandar, serta cadangan untuk melantik wakil-wakil agama yang bertauliah dan terlatih untuk pergi ke kawasan luar bandar yang jauh bagi menyampaikan acara keagamaan.

**Kata kunci:** *Pemimpin Agama, Covid-19 dan Penganut*

## PENGENALAN

Pandemik Coronavirus Covid-19 yang disebabkan oleh virus SARS-CoV-2 bukan saja satu ancaman terbesar kepada kesihatan secara global tetapi telah membawa kesan kepada sosioekonomi yang melibatkan semua negara di dunia. Menurut Rampal & Seng (2020), 4 kes pertama yang berpunca daripada Covid-19 pertama kali dilaporkan pada 29 Disember 2019, semuanya dihubungkan dengan pasar borong makanan laut Huanan (China Selatan). World Health Organization (WHO) telah dimaklumkan tentang radang paru-paru yang tidak diketahui punca dan ia telah dikesan di bandar Wuhan di wilayah Hubei, China pada 31 Disember 2019. Pada 31 Mac 2020, berdasarkan laporan World Health Organization (WHO), 693 224 kes telah disahkan di seluruh dunia dengan 33,106 kematian, dengan pecahan seperti berikut: Wilayah Pasifik Barat 103 775 kes dan 3 649 kematian, kawasan Eropah 392,757 kes dan 29,962 kematian, kawasan Asia Tenggara 4,084 kes dan 158 kematian, kawasan Mediterranean Timur 46,329 kes

dan 2,813 kematian, Amerika Syarikat 142,081 kes dan 2,457 kematian dan di Afrika 3,486 kes dan 60 kematian (WHO,2020).

Di Malaysia, ancaman Covid-19 bermula apabila negara jiran Singapura melaporkan kes import pertama Covid-19 dari Wuhan, China pada 23 Januari 2020, yang juga kes positif pertama di republik itu. Dari sini kes pertama, lapan kenalan rapat dikenal pasti berada di Johor, Malaysia (Abdullah, 2020). Jumlah kes positif meningkat melebihi 553 kes pada 16 Mac 2020, dan Perdana Menteri Malaysia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (MCO). Jarak sosial harus dilaksanakan selama 14 hari (18 Mac hingga 31 Mac 2020) untuk mengurangkan penyebaran Covid-19 yang cepat. Sejak 18 Mac 2020, pemerintah melarang orang untuk pergi ke negeri lain atau kawasan yang terkena Covid-19. Hanya 1 orang dari 1 keluarga yang dapat meninggalkan rumah dan keluar untuk membeli barang keperluan (Sukumaran, 2020).

Pandemik Covid-19 yang melanda bukan hanya melibatkan implikasi dari segi kesihatan dan ekonomi, namun masalah ini juga banyak membawa implikasi kepada sosial dan psikologikal individu dan masyarakat (Galea et al., 2020). Jelas, bahawa sesuatu Pandemik yang mempunyai kesan yang mendalam seperti COVID19 ini melangkaui bukan sahaja pada ketika ianya berlaku tetapi kesan jangka masa akan datang yang akan membawa kepada permasalahan lebih besar jika tidak ditangani dengan baik (WHO, 2020). Saban hari kes demi kes dilaporkan dan kematian demi kematian akibat daripada Covid-19 semakin. Ini menunjukkan bahawa Pandemik Covid-19 telah membawa pelbagai implikasi. Namun apa yang penting ialah bagaimana kita memahami dan menangani masalah ini supaya Pandemik Covid-19 ini dapat di atasi pada masa ianya berlaku dan pada masa akan datang terutama pasca Covid-19 yang sudah tentunya mempunyai kesan yang mendalam kepada diri individu, masyarakat dan sesebuah negara seperti Malaysia.

### **Kesan Pandemik Covid-19 Kepada Komuniti**

Wabak Covid-19 yang melanda juga telah memberikan kesan kepada komuniti terutama akses mendapatkan bekalan makanan. Bagi rakyat Malaysia ramai yang menghadapi kekangan untuk mendapatkan sumber bekalan makanan akibat kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Perintah tersebut bertujuan untuk memutuskan rantaian jangkitan

wabak Covid-19 melalui manusia kepada manusia. Wabak yang melanda telah menyebabkan ramai komuniti mengalami kesukaran untuk mendapatkan sumber makanan yang cukup. Keadaan ini amat dirasakan terutamanya oleh penduduk yang tinggal di bandar dan luar bandar. Ini kerana, mereka tidak dapat keluar untuk membeli dan mendapatkan bekalan makanan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan terutamanya di negara Malaysia. Bagi sesetengah negara, terdapat negara yang melaksanakan perintah berkurung atau dikenali sebagai *Lockdown Order*. Keadaan ini telah menyebabkan ramai individu dan keluarga terjejas dari segi jaminan mendapatkan sumber makanan (Devereux, Bene & Hoddinott, 2020).

### **Kesan Pandemik Covid-19 kepada Aktiviti Keagamaan**

Satu daripada kesan Pandemik Covid-19 ini adalah penutupan semua jenis aktiviti keagamaan. Ini mengakibatkan kebanyakan pemimpin agama mengubahsuai ritual keagamaan mereka, dengan harapan dapat menahan penyebaran virus Covid-19 dengan mengambil langkah lebih drastik, membatalkan ibadah, menutup sekolah agama dan menutup tempat-tempat suci. Seperti juga kejohanan liga bola sepak dan sukan olimpik yang terpaksa ditangguh dan banyak muzium dan institusi kebudayaan yang ditutup. Di seluruh dunia berjuta-juta gereja dan masjid, rumah ibadat dan kuil ditutup bagi mencegah penyebaran virus Covid-19 (Qualls, et al., 2017).

Sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP), bagi umat beragama Islam, tidak dibenarkan sembahyang berjemaah dan solat jumaat di masjid dan surau (Ismail, 2020). Manakala bagi umat beragama Kristian, umat tidak dibenarkan pergi ke gereja seperti sedia kala untuk bersembahyang. Justeru, fenomena ini memberi peluang kepada penduduk untuk beribadah dari rumah bersama-sama dengan keluarga. Aktiviti keagamaan kebanyakan dilakukan secara dalam talian sahaja. Amalan menunaikan tanggungjawab beribadah dari rumah telah menjadi satu amalan semasa Pandemik ini (Gatwood et al., 2012).

Bagi kebanyakan pemimpin agama, keputusan untuk menutup pintu adalah sukar. Ritual keagamaan tidak dapat dilaksanakan, Tetapi bahaya virus Covid-19 adalah terlalu bahaya untuk diabaikan, banyak pertubuhan dan agama telah memutuskan pembatalan acara keagamaan di seluruh dunia akhirnya (Russell, et all., 2016).

## METODOLOGI

Pendekatan kualitatif telah digunakan bagi menjalankan kajian ini. Manakala persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan bertujuan atau *purposive sampling*. Ini bermakna penyelidik tidak semestinya mempunyai kuota yang harus dipenuhi. Pemilihan responden biasanya adalah berdasarkan faktor batasan masa, kewangan dan sumber-sumber yang ada. Menurut Bernard (2000), persampelan bertujuan diperolehi daripada hasil pertimbangan pengkaji terhadap jenis dan ciri-ciri sampel yang ingin di perolehi bagi memenuhi kehendak atau tujuan penyelidikan. Manakala Creswell (2008) pula menyatakan pemilihan responden kajian dan tempat yang sesuai untuk mendapatkan hasil kajian yang baik.

Justeru dalam kajian ini, sampel berbentuk *purposive* yang dipilih merupakan pemimpin agama di daerah zon merah iaitu Kota Kinabalu, Tawau dan Lahad Datu yang telah berkhidmat lebih 5 tahun dan mempunyai pengalaman yang luas dalam hal ehwal keagamaan di daerah masing-masing. Untuk kajian ini, pengkaji tidak menetapkan jumlah responden untuk ditemu bual, namun pengkaji telah menjalankan temu bual kepada responden yang sudi dan sukarela untuk dirakam percakapan mereka sahaja.

Terdapat 6 orang responden yang sukarela ditemubual dalam kajian ini dan pengkaji telah menggunakan teknik pengumpulan data secara temubual dengan menggunakan panggilan telephone dan menggunakan aplikasi Video *Whatsapp* bagi membantu dalam temubual ini memandangkan ketika itu merupakan tempoh PKP yang ketat dan sebarang pergerakan dan pertemuan secara bersemuka adalah amat terhad dan sangat tidak digalakan bagi mengelak jangkitan Pandemik Covid-19 merebak. Semua temubual dirakam dengan alat perakam dan ditulis semula dalam bentuk verbatim. Transkrip temu bual kemudian dianalisis secara manual bagi melihat tema yang sesuai dan interpretasi tentang apa responden kata. (Meriam, 2001).

**Jadual 1 : Profil Responden**

<b>Responden khidmat</b>	<b>Jantina</b>	<b>Umur</b>	<b>Status</b>	<b>Perkerjaan</b>	<b>Tempoh</b>
1	Lelaki	41	Berkahwin	Imam	10 tahun ke atas
2	Lelaki	47	Berkahwin	Imam	17 tahun ke atas
3	Lelaki	50	Berkahwin	Pastor	18 tahun ke atas
4	Lelaki	48	Berkahwin	Imam	20 tahun ke atas
5	Lelaki	52	Bujang	Paderi	25 tahun ke atas
6	Lelaki	58	Bujang	Paderi	30 tahun ke atas

## **KEPUTUSAN**

### **Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Aktiviti Keagamaan**

Bahagian ini meneliti persepsi pemimpin agama yang dikaji berkaitan dengan kesan pandemik Covid-19 terhadap aktiviti keagamaan oleh pemimpin agama ketika menghadapi situasi ini semasa PKP dan apabila PKP tamat kelak. Dan apakah tindakan dan usaha pemimpin agama di Sabah untuk memulihkan semangat dari segi rohani dan strategi mengelakan jangkitan kepada pengikut dan penganut masing-masing serta amalan yang betul dan berkesan.

Hasil kajian daripada responden yang menyertai kajian ini secara panggilan telefon dan melalui Video *whatsapp* telah menghasilkan tiga (3) tema utama kajian kesan pandemik Covid-19 terhadap aktiviti keagamaan di negeri Sabah terutama 3 daerah Zon merah iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Antara tema tersebut ialah *kesan kepada rohani dan emosi, usaha untuk memulihkan semangat setiap penganut* dan *strategi atau mitigasi menyampaikan acara keagamaan kepada penganut masing-masing*.

#### ***Kesan kepada rohani dan emosi***

Hasil temubual mendapati kesan yang paling ketara berlaku apabila penganut agama tidak dapat datang untuk bersembahyang adalah perasaan kesedihan, kerinduan dan kerisauan dalam diri setiap penganut itu. Terutama yang tidak dapat datang ke masjid dan gereja akibat penularan virus Covid-19. Seperti yang diluahkan oleh responden di bawah:-

“...mendirikan Solat itu adalah wajib dan semasa pandemik covid-19 ini kesan besar umat Islam ialah kesedihan kerana tidak dapat datang ke Masjid...ini mungkin ujian daripada Allah SWT berikan ...umat melaksanakan solat di rumah...”(Responden 2).



*“...umat Islam terutamanya susah hati kerana banyak aktiviti tidak dapat dilakukan di masjid seperti bersedekah dan ibadah lain yang biasa di laksanakan di masjid..”* (Responden 4).

*“...ramai umat yang sedih bah...kerana kerana mereka rindu kepada Tuhan ...rindu ke gereja dan ramai yang risau bilakah penyakit ini akan berakhir... kami rindu mau ke gereja ...”*(Responden 3).

#### ***Usaha untuk memulihkan semangat setiap penganut***

Kajian juga mendapati pemimpin agama di Sabah telah berusaha untuk memulihkan semangat dari segi rohani kepada setiap penganut masing-masing ketika penularan Covid-19 ini dan sepanjang pelaksanaan PKP dengan cara meningkatkan kerohanian dan iman melalui ceramah, serta mengadakan takzilah dan ritual khas saling mendoakan kepada penganut masing-masing. Seperti yang diluahkan oleh responden di bawah:-

*“...diantaranya pemimpin agama bersama-sama dengan pihak kepimpinan di masjid perbanyakkan ceramah takzilah kepada umat Islam...”* (Responden 4).

*“ ... pihak masjid ada menjemput penceramah untuk bagi ceramah dan tips bagi menguatkan kerohanian umat Islam itu sendiri...”*(Responden 1).

*“...pihak gereja ada mengadakan ritual khas sembahyang khas bagi mendoakan seluruh umat Kristian di seluruh Sabah...”* ( Responden 5).

#### ***Strategi atau mitigasi menyampaikan acara keagamaan kepada penganut masing-masing.***

Beberapa strategi telah digunakan oleh pemimpin agama bagi mengelakkan jangkitan Covid-19 dan memastikan setiap umat dan penganut menerima aktiviti keagamaan yang disampaikan, maka penggunaan teknologi seperti media atas talian seperti Facebook, video dan gambar diaplikasikan dengan sebaiknya. Seperti yang diluahkan oleh responden di bawah:-

*“...semasa tempoh PKP ini bagi mengelak jangkitan, dalam masa sama kita masih dapat sampaikan dakwah dengan menggunakan teknologi..melalui halaman laman FB Masjid negeri Sabah dengan memasukan elemen takzilah dan ceramah dalam bentuk video dan gambar...”* (Responden 2).

*“... ceramah online dengan menjurus kepada SOP kepada umat Islam untuk menjaga agama dan menjaga diri sendiri sebagai sebahagian daripada iman ..kalau kita abaikan maknanya kita abaikan iman...menjaga diri ..menjaga iman kita ...”* (Responden 4).

*“...semasa pandemik ini pihak gereja masih meneruskan Misa kudus setiap ahad secara atas talian melalui Youtube di mana seluruh umat gereja dapat mengikutinya secara live di mana saja mereka berada...”* (Responden 6).

## **PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Hasil kajian menunjukkan hampir semua pemimpin agama di negeri Sabah telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan tanggungjawab mereka, meskipun semasa pandemik ini mereka juga di letakan dalam keadaan larangan pergerakan. Para pemimpin agama sentiasa mahu memastikan mereka dapat sampaikan segala ajaran mengikut agama masing kepada penganut mereka agar setiap umat mereka dapat mengikuti segala ajaran agama walaupun dengan keadaan tanpa kehadiran ke masjid atau gereja. Ini dapat dilihat melalui inisiatif menggunakan teknologi komunikasi bagi tujuan penyampaian maklumat serta sesi agama menurut masa dan jadual yang telah ditetapkan.

Semasa kajian ini, pengkaji mendapati terdapat kesukaran kepada pemimpin agama untuk mendapatkan bantuan dari segi kewangan dan makanan dan di sebaliknya kesukaran untuk memberi bantuan kepada golongan memerlukan seperti golongan fakir miskin. Pihak masjid juga biasa memberikan derma kepada golongan asnaf dan lawatan kebajikan juga tidak dapat dilakukan. Terdapat fasiliti di kawasan gereja yang mengalami kekurangan bahan makanan, namun ini dapat di atasi dengan adanya bantuan yang di hantar oleh pihak NGO. Begitu juga golongan miskin di luar bandar yang biasa dilawati oleh pihak gereja tidak mendapat bantuan akibat PKP. Kesan pandemik Covid-19 ini telah memberikan implikasi begitu besar baik kepada pemimpin agama dan juga penganut mereka.

Penemuan kajian mencadangkan agar penggunaan teknologi dapat dipertingkatkan lagi dari segi liputan dan kebolehcapaian talian yang lebih baik terutama di kawasan luar bandar, serta cadangan untuk melantik wakil-wakil agama yang bertauliah dan terlatih untuk pergi ke kawasan luar bandar yang jauh bagi menyampaikan acara keagamaan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji berharap kajian ini dapat memberi sedikit sebanyak pengetahuan dan maklumat berkaitan kepada pemimpin agama di negeri Sabah, keputusan untuk menutup pintu adalah sukar kerana aktiviti keagamaan tidak dapat dilaksanakan. Tetapi penyakit Covid-19 adalah sangat bahaya dan mengancam nyawa, justeru banyak aktiviti keagamaan telah ditutup di seluruh dunia. Kajian ini juga melihat bagaimana mitigasi dan strategi oleh pemimpin agama untuk menghadapi situasi ini apabila PKP tamat kelak dan bagaimana mitigasi ini dapat memberikan keputusan yang boleh diterima secara positif oleh setiap penganut agama.

## RUJUKAN

- Abdullah, J. M., Ismail, W. F. N. M. W., Mohamad, I., Ab Razak, A., Harun, A., Musa, K. I., & Lee, Y. Y. (2020). *A Critical Appraisal of Covid-19 in Malaysia and Beyond. The Malaysian journal of medical sciences: MJMS*, 27(2), 1.
- Bernard, H.R., (2000) *Social Research Method: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, California: Sage Publication, Inc
- Creswell, J. W. 2008. *Educational Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 3th Edition. New: Pearson Education International.
- Devereux, S., Béné, C., & Hoddinott, J. (2020). *Conceptualising Covid-19's impacts on household food security*. Food Security, 1-4.
- Galea, S., Merchant, R. M., & Lurie, N. (2020). *The mental health consequences of Covid-19 and physical distancing: the need for prevention and early intervention*. JAMA internal medicine, 180(6), 817-818.
- Gatwood, J., Meltzer, M. I., Messonnier, M., Ortega-Sanchez, I. R., Balkrishnan, R., & Prosser, L. A. (2012). Seasonal influenza vaccination of healthy working-age adults. *Drugs*, 72(1), 35-48.
- Ismail Sualman. (2020, Mei 11). Normal baharu lebih kreatif. Sinar Harian. Diperoleh daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/82922/KOLUMNIS/Normal-baharu-lebih-kreatif>
- Meriam, S.B., (2001). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey- Bass Pub.
- Qualls, N., Levitt, A., Kanade, N., Wright-Jegede, N., Dopson, S., Biggerstaff, M., ... & Levitt, A. (2017). Community mitigation guidelines to prevent pandemic influenza—United States, 2017. *MMWR Recommendations and Reports*, 66(1), 1.

- Rampal, L., & Seng, L. B. (2020, March 2). Coronavirus disease Covid-19 pandemic. Retrieved July 30, 2020, from <http://www.e-mjm.org/2020/v75n2/coronavirus-dise>
- Russell, E. S., Zheteyeva, Y., Gao, H., Shi, J., Rainey, J. J., Thoroughman, D., & Uzicanin, A. (2016). *Reactive school closure during increased influenza-like illness (ILI) activity in Western Kentucky, 2013: a field evaluation of effect on ILI incidence and economic and social consequences for families*. In *Open forum infectious diseases* (Vol. 3, No. 3). Oxford University Press.
- Sukumaran, T. (2020, March 16). Coronavirus: Malaysia in partial lockdown from March 18 to limit outbreak. *This Week in Asia*. Retrieved July 31, 2020, from <https://www.scmp.com/week-asia/health-environment/article/3075456/coronavirus-malaysia-prime-minister-muhyiddin-yassin>
- World Health Organization. Coronavirus disease 2019 Covid-19 Situation Report – 70 (2020, March 31). Retrieved July 30, 2020, from [https://www.who.int/docs/default-source/coronaviruse/situation-reports/20200330-sitrep-70-Covid-19.pdf?sfvrsn=7e0fe3f8\\_2](https://www.who.int/docs/default-source/coronaviruse/situation-reports/20200330-sitrep-70-Covid-19.pdf?sfvrsn=7e0fe3f8_2)
- WHO (2020). *Infection prevention and control of epidemic- and pandemic-prone acute respiratory infections in health care. Infection Prevention and Control of Epidemic- and Pandemic-Prone Acute Respiratory Infections in Health Care*.

# KADAR PREVALENS KETIDAKSELESAAN MUSKULOSKELETAL DALAM KALANGAN ANGGOTA POLIS TRAFIK

Bernadette Thien, Getrude C. Ah Gang @ Grace, Peter Voo, Ismail Maakip

## Abstrak

Kerjaya kepolisan merupakan salah satu pekerjaan yang terdedah kepada risiko ketidakselesaan muskuloskeletal (MSD). Kajian mengenai kadar prevalens MSD masih kurang dijalankan di Malaysia oleh itu kesedaran tentang kesan dan akibat MSD kurang diketahui umum. Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan reka bentuk keratan rentas melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik di kalangan anggota polis trafik (N=260). Kadar prevalens MSD bagi anggota trafik dalam tempoh 6 bulan yang lepas adalah 96.9% dengan 83.8% adalah anggota polis trafik lelaki dan 13.1% bagi anggota polis wanita. Dapatan kajian mendapati tiada hubungan yang signifikan ( $p > .05$ ) antara kadar prevalens MSD dan jantina. Tahap prevalens bagi kesakitan di bahagian badan adalah 26.3% (N=69) di bahagian leher/bahu, 14.5% (N=38) di bahagian tangan/jari, 16.8% (N=44) di lengan, 30.1% (N=79) di pertengahan hingga bawah bahagian belakang dan 29% (N=76) di bahagian pinggul/punggung, betis/kaki. Oleh yang demikian, kajian ini di harap dapat memberikan informasi ke atas kadar prevalens MSD di kalangan anggota polis trafik sebagai rujukan untuk meningkatkan tahap kesihatan dalam pekerjaan mereka.

**Kata kunci:** ketidakselesaan muskuloskeletal, anggota polis trafik, prevalens

## PENGENALAN

Ketidakselesaan muskuloskeletal (MSD) adalah salah satu konsep umum yang merujuk kepada bahagian pada sistem muskuloskeletal mengalami kecederaan yang melintasi masa, iaitu kecederaan atau ketidakfungsian yang mempengaruhi otot, tulang, saraf, tendon, ligamen, sendi, rawan dan spina (Ismail, Peter, Alfred dan Ng, 2010). Jika dikaitkan dengan pekerjaan, aspek tugas atau kerja mempunyai perkaitan dengan kewujudan MSD hasil daripada aktiviti kerja seperti membengkokkan badan, mencapai atau memusingkan badan dan pergerakan yang janggal, berlebihan dan berulang (Bernard, 1997). Punnett dan Wegman (2004) menerangkan MSD adalah kecederaan atau kesakitan pada sendi, ligamen, otot, saraf, tendon, dan struktur yang menyokong anggota badan, leher dan bahagian bawah badan.

MSD merupakan salah satu masalah kesihatan berkaitan dengan pekerjaan yang kini menunjukkan peningkatan dan dilihat semakin berleluasa dalam semua profesion pekerjaan. Shweta, Rajak dan Rauf, (2015) menyatakan bidang kepolisan merupakan salah satu pekerjaan yang terdedah kepada risiko muskuloskeletal. Pegawai polis dan tentera adalah pekerjaan yang diandaikan menunjukkan peningkatan risiko masalah muskuloskeletal (Gyi dan Porter, 1998; Seyed, Mohammad dan Ali, 2002). Berdasarkan kepada dapatan kajian-kajian yang terdahulu, jelas menunjukkan bahawa MSD adalah masalah utama

dalam populasi pekerjaan yang umum, membawa kepada ketidakhadiran tugas dan kemampuan kerja terhad (Bevan et al., 2015).

Memandangkan kajian mengenai kadar prevalens amat kurang di negara sedang membangun (Ranasinghe et al., 2011; Mahmud et al., 2015); adalah amat penting untuk mengkaji kadar prevalens yang berkaitan dengan MSD. Walau bagaimanapun, beberapa kajian mengenai prevalens ketidakselesaan muskuloskeletal di kalangan pasukan polis seperti yang dijalankan oleh Rhee et al., (2015) menunjukkan bahagian leher, bahu, pinggang, bahagian atas atau bawah hujung kaki, tisu bersebelahan disebabkan faktor yang bahaya seperti pergerakan yang berulang. Dapatan Shweta, Rajak dan Rauf (2015) mendapati kes MSD di kalangan polis trafik menunjukkan kawasan yang mengalami sakit kronik adalah 38% di bahagian bawah belakang, 36% di bahagian atas belakang dan kesakitan yang teruk menjadi 15% dan 13% masing-masing di bahagian atas dan bawah belakang serta 11% di bahagian leher. Manakala Waqas et al., (2018) mendapati jumlah pegawai polis trafik yang mengalami MSD di Lahore, Pakistan adalah sebanyak 65.7%.

## **METODOLOGI**

Kaedah kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk keratan rentas (*cross-sectional*) melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Pemilihan subjek kajian dipilih daripada kalangan anggota polis trafik di seluruh Sabah. Pemilihan subjek dibuat secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Seramai 260 orang responden telah menyertai kajian ini dalam kalangan pegawai dan anggota polis trafik yang menjalankan tugas-tugas kawalan lalulintas. Kajian dijalankan setelah mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Polis Diraja Malaysia. Data yang telah dikumpulkan daripada responden dianalisis dengan menggunakan *The Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23.

## **KEPUTUSAN**

Kadar prevalens MSD bagi anggota trafik dalam tempoh 6 bulan yang lepas adalah 96.9% dengan 83.8% adalah anggota polis trafik lelaki dan 13.1% bagi anggota polis wanita (Jadual 1). Dapatan kajian mendapati tiada hubungan yang signifikan ( $p > .05$ ) antara kadar prevalens MSD dan jantina. Tahap prevalens bagi kesakitan di bahagian badan adalah 26.3% (N=69) di bahagian leher/bahu, 14.5% (N=38)

di bahagian tangan/jari, 16.8% (N=44) di lengan, 30.1% (N=79) di pertengahan hingga bawah bahagian belakang dan 29% (N=76) di bahagian pinggul/punggung, betis/kaki (Jadual 2).

**Jadual 1 : Kadar prevalens ketidakselesaan muskuloskeletal**

	<b>Lelaki N (%)</b>	<b>Wanita N (%)</b>	<b>Jumlah N (%)</b>
<b>Kadar prevalens MSD dalam tempoh 6 bulan yang lepas</b>			
<b>Wujud MSD</b>	218 (83.8%)	34 (13.1%)	252 (96.9%)
<b>Tiada</b>	8(3.1%)	0	8 (3.1%)

**Jadual 2 : Tahap prevalens bagi kesakitan di bahagian badan**

<b>Bahagian badan</b>	<b>Kekerapan N (%)</b>
Leher/bahu	69 (26.3%)
Tangan/jari	38 (14.5%)
Lengan	44 (16.8%)
Pertengahan hingga bawah bahagian belakang	79 (30.1%)
Pinggul/punggung, betis/kaki.	76 (29%)

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan kepada keputusan kajian yang dijalankan ini mendapati bahagian badan yang mengalami kekerapan ketidakselesaan muskuloskeletal tinggi adalah di bahagian pertengahan hingga bawah bahagian belakang diikuti dengan bahagian pinggul/punggung, betis/kaki. Dapatan dalam kajian ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang dijalankan ke atas anggota polis trafik di Mumbai (Shweta, Rajak dan Rauf, 2015) dan Lahore, Pakistan (Waqas et al., 2018).

Salah satu punca bahagian ini mengalami kekerapan ketidakselesaan muskuloskeletal yang tinggi adalah disebabkan postur badan yang berdiri semasa bertugas di kalangan anggota polis trafik. Pusat graviti semasa dalam kedudukan berdiri adalah di pinggul dan bahagian pinggang yang menyokong sebahagian besar berat badan, menyebabkan boleh keletihan jika berdiri yang tempoh masa yang lama (Shweta, Rajak dan Rauf, 2015).

Selain itu, anggota polis trafik juga sering dikaitan dengan pemanduan motosikal yang boleh menyebabkan ketidakselesaan di bahagian pertengahan hingga bawah bahagian belakang. Kajian yang dijalankan oleh Kelsey et al., (1975), Frymoyer et al., (1983), dan Gyi & Porter (1998) mendapati wujudkan hubungan di antara pemanduan yang dilakukan oleh anggota polis terutama trafik dengan masalah ketidakselesaan muskuloskeletal (*low back pain*). Selain itu, Diyana et al., (2017) juga menyatakan anggota polis yang menunggang motorsikal (iaitu polis trafik) mempunyai risiko tinggi untuk mendapat ketidakselesaan muskuloskeletal.

## **KESIMPULAN**

Kadar prevalens MSD bagi anggota trafik dalam tempoh 6 bulan yang lepas adalah 96.9% dengan 83.8% adalah anggota polis trafik lelaki dan 13.1% bagi anggota polis wanita. Dapatan kajian mendapati tiada hubungan yang signifikan ( $p > .05$ ) antara kadar prevalens MSD dan jantina. Tahap prevalens bagi kesakitan di bahagian badan adalah 26.3% (N=69) di bahagian leher/bahu, 14.5% (N=38) di bahagian tangan/jari, 16.8% (N=44) di lengan, 30.1% (N=79) di pertengahan hingga bawah bahagian belakang dan 29% (N=76) di bahagian pinggul/punggung, betis/kaki. Oleh yang demikian, kajian ini di harap dapat memberikan informasi ke atas kadar prevalens MSD di kalangan anggota polis trafik sebagai rujukan untuk meningkatkan tahap kesihatan dalam pekerjaan mereka.

## **RUJUKAN**

- Bernard, B. P. (1997). *Musculoskeletal Disorders and Workplace Factors: A critical review of epidemiologic evidence for work-related musculoskeletal disorders of the neck, upper extremity, and low back*. Cincinnati, OH: National Institute for Occupational Safety and Health.
- Bevan S, Quadrello T, McGee R, Mahdon M, Vavrovsky A, Barham L (2015). Fit for work? Musculoskeletal disorders in the European workforce. The Work Foundation, 2009



- Diyana, N.R., Karupiah, K., Rasdi, I., Sambasivam, S., Tamrin, S.B.M., Kulanthayan, K.C.M., Syahira, P.A., Azmi, I. (2017). Vibration exposure and work-musculoskeletal disorders among traffic police riders in Malaysia: A review. *Annals of Tropical Medicine and Public Health*, 10(2): 334-340
- Frymoyer, J.W., Pope, M.G., Clements, J.H. (1983). Risk factors in low back pain. An epidemiological study. *Journal of Bone, Joint and Surgery American*, 65: 213.
- Gyi, D.E., Porter, J.M. (1998). Musculoskeletal problems and driving in police officers. *Occupational Medicine*, 48(3): 153-160.
- Ismail, M., Peter, S.K. Voo, Alfred C.H.Z., Ng, F. E. (2010). Kecelaruhan muskuloskeletal dalam kalangan pengguna komputer: Satu kajian penerokaan di Universiti Malaysia Sabah. *Jurnal Psikologi & Kaunseling Pekhidmatan Awam Malaysia*, 5, 21-40.
- Kelsey, J.L., Hardy, J. (1975). Driving of motor vehicles as a risk factor for acute herniated lumbar intervertebral disc. *American Journal of Epidemiology*, 102: 63-73.
- Mahmud, N., Kenny, D., MD Zein, R., Hassan, S.N. (2015). The effects of office ergonomic training on musculoskeletal complaints, sickness absence and psychological well-being: a cluster randomized control trial. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 27(2), 1652-1658.
- Punnett, L., & Wegman, D. H. (2004). Work-related musculoskeletal disorders: the epidemiologic evidence and the debate. *Journal of Electromyography and Kinesiology*, 13–23.
- Ranasinghe, P., Perera, Y., Lamabadusuriya, D., Kulatunga, S., Jayawardana, N., Rajapakse, S., Katulanda, P. (2011). Work related complaints of neck, shoulder and arm among computer office workers: a cross-sectional evaluation of prevalence and risk factors in a developing country. *Environmental Health*, 10, 70.
- Rhee H, Cho JH, Seok JM, Cho TS, Jeon WJ, Lee JG. Prevalence of musculoskeletal disorders among Korean police officers. *Arch Environ Occup Health* 2013;26:925-30.
- Seyed Abbas , MR Jahani & AR Asgari. (2002). Musculoskeletal Disabilities among Police Force Personnel of the Islamic Republic of Iran. *Military Medicine*, 167,10:85.
- Shweta DP, Rajak R, Rauf I. (2015). Work-related musculoskeletal symptoms among traffic police. *International Journal of Recent Research in Interdisciplinary Sciences*. 2:26-29.
- Waqas M, Ahmad A, Munawar A, Rabia K dan Fatima M. Prevalence of musculoskeletal pain in traffic police wardens of Lahore, Pakistan. *Rawal Medical Journal* 2018;43:61 – 63

# LIMITASI KEBEBASAN BERSUARA DALAM FACEBOOK, INSTAGRAM DAN WHATSAPP

Keshava Rao Tharma Raja & Hazlina Shaik Md Noor Alam

## Abstrak

Sejak kebelakangan ini, media sosial memainkan satu peranan yang amat penting dalam komunikasi bagi kehidupan seharian seseorang. Hal ini kerana ianya mudah digunakan untuk menyampaikan mesej kepada individu-individu lain dan kebanyakan aplikasinya adalah amat mesra pengguna kerana ianya boleh digunakan secara percuma sahaja seperti Twitter, Telegram, WhatsApp, Facebook, Instagram dan sebagainya. Sesungguhnya media sosial memudahkan komunikasi kehidupan seharian kita, namun terdapat juga beberapa individu mahupun sesebuah organisasi yang menggunakan media sosial sebagai suatu tapak untuk menyatakan pendapat atau komen yang buruk dan negatif mengenai orang lain ataupun organisasi lain ataupun terutamanya, pihak kerajaan. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa setiap orang warganegara Malaysia adalah berhak untuk bercakap dan bersuara. Hal ini secara lazimnya bermakna setiap orang mempunyai kebebasan untuk memberikan pendapat masing-masing, tidak kira sesuatu yang baik atau buruk secara lisan. Walaubagaimanapun, Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa jika sesuatu yang disuarakan itu berkemungkinan untuk menjejaskan ketenteraman awam atau keselamatan negara atau hubungan baik dengan negara-negara lain atau prinsip moral sekelompok masyarakat atau menghina kepada mahkamah, maka Parlimen melalui undang-undang mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan apa-apa sekatan terhadap pihak yang bersuara. Justeru, jelaslah bahawa adanya satu limitasi yang menyekatkan beberapa isu yang tidak boleh disentuh untuk tujuan kepentingan bersama. Tetapi, persoalannya pada zaman ini adalah, adakah limitasi kebebasan bersuara terpakai dalam penggunaan media sosial? Hal ini demikian kerana Malaysia merupakan salah satu negara daripada sepuluh teratas yang merekodkan kes buli siber di seluruh dunia. Hal ini menunjukkan ramai orang terutamanya remaja terlibat dalam kegiatan buli siber menggunakan media sosial untuk bercakap buruk, menyebarkan fitnah, mengugut ataupun memalukan pihak lain. Perkara ini secara langsungnya bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan di samping juga adalah sesuatu yang tidak bermoral kerana platform media sosial adalah suatu yang boleh diakses oleh orang ramai pada setiap masa.

## 1.0 PENGENALAN

Berita palsu atau fitnah melalui media sosial isu-isu yang sensitif melibatkan keagamaan, provokasi dan kerajaan boleh menimbulkan suasana huru-hara dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, saya memilih tajuk ini untuk mengkaji limitasi kebebasan bersuara yang dikuatkuasakan dalam aplikasi Facebook, WhatsApp serta Instagram di Malaysia dengan mengaitkan kes-kes berkaitan tajuk ini bagi menilai cara sistem perundangan negara mengatasi masalah-masalah ini. Aplikasi-aplikasi ini telah dipilih kerana WhatsApp dan Instagram merupakan syarikat subsidiari kepada syarikat induk, Facebook, yang kini telah berubah kepada Meta yang dapat memudahkan kerja-kerja penyelidikan ini kerana sistem pengaplikasiannya adalah berasal daripada satu syarikat sahaja di samping paling banyak digunakan dalam kategori media sosial.

## 2.0 MASALAH BULI SIBER DAN MEDIA SOSIAL

Di Malaysia, sememangnya setiap orang wargenegara mempunyai hak untuk bebas bersuara, namun sejauh manakah kebebasan tersebut boleh digunakan oleh masyarakat? Adakah pihak-pihak yang bercakap negatif dan buruk akan pihak lain sedar akan kesalahan mereka dan adakah ianya sah di sisi undang-undang? Persoalan-persoalan ini seharusnya difikirkan oleh setiap orang yang menggunakan media sosial sebelum hendak mengutuk dan bercakap buruk akan pihak lain. Hal ini secara ringkasnya kerana media sosial adalah suatu yang digunakan oleh bukan sahaja masyarakat tempatan, malah juga masyarakat luar negara. Perkara-perkara yang buruk dipaparkankan dalam media sosial secara tidak langsungnya akan menyebabkan pandangan negatif oleh masyarakat negara asing terhadap negara kita. Oleh itu, kajian ini akan menumpukan terhadap undang-undang berkaitan hak bersuara dengan menggunakan media di samping mendidik masyarakat serba sedikit mengenainya undang-undang tersebut.

Kegiatan buli siber seperti bercakap buruk, mengugut, memalukan orang lain dalam media sosial telah meningkat di Malaysia sejak kebelakangan ini. Tambahan lagi, sikap suka menviralkan sesuatu video atau gambar merupakan satu trend pada masa sekarang di mana ramai orang suka untuk menghantar apa yang diterima kepada keluarga dan rakan-rakannya tanpa mengetahui apa yang sebenarnya berlaku. (Prof Dr Ali Salman, 2017) Sikap ini amat menyukarkan pihak-pihak berkuasa untuk mengambil tindakan kerana orang pertama yang memulakan penghantaran sesuatu video atau gambar adalah sukar untuk ditemui kerana begitu banyaknya orang yang menggunakan media sosial. Sehubungan itu, walaupun pihak yang bersalah itu dapat dikenal pasti, persoalan lain pula timbul di mana siapakah pihak yang bertanggungjawab dan bagaimanakah situasi mangsa? Pihak yang memaparkan atau halaman yang digunakan oleh pihak bersalah itu ataupun pihak-pihak yang membuat komen juga? Justeru, setiap orang perlu mengkaji dahulu sebelum menularkan sesuatu dalam media sosial. (Firkhan Ali Hamid Ali, 2021) Sehubungan dengan itu, pada waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini yang akibat daripada penularan wabak Covid-19, terdapat banyak lagi berita palsu mengenai informasi terkini daripada pihak kerajaan. Hal ini tidak sama sekali boleh dipandang remeh kerana kesihatan dan nyawa orang ramai akan terancam disebabkan oleh berita-berita palsu tersebut. Oleh itu, kerajaan telah menghasilkan suatu laman web yang membezakan berita palsu dengan yang benar. Walaubagaimanapun, ada juga ramai orang rakyat yang tidak lagi tahu akan laman ini dan masih lagi terpedaya dengan berita-berita ditularkan dalam media

sosial. Oleh itu, ia bertujuan untuk mengkaji tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi membendung masalah sebegini.

Akhir sekali, media sosial telah menjadi satu pelabuhan yang sangat luas untuk kegiatan buli siber yang menimbulkan banyak masalah sosial dalam kalangan penduduk Malaysia. Walaupun Malaysia berada dalam sepuluh negara teratas di dunia yang mempunyai peratus kes buli siber yang tinggi, namun masih lagi banyak kes yang belum dilaporkan lagi sehingga kini. Oleh itu, artikel ini akan memfokuskan arah tuju kajian ini terhadap had penggunaan kebebasan bersuara yang telah dan masih lagi perlu digariskan dalam aplikasi Facebook, WhatsApp serta Instagram, dan juga mencadangkan cara penggunaan hak bersuara dalam Facebook, WhatsApp dan Instagram secara rasional dan berhemah untuk mengelakkan masalah sosial di negara kita yang berbilang kaum.

### **3.0 KAJIAN DAN DAPATAN**

Penyelidikan secara atas talian dengan mencari dan meneliti artikel, laman web yang berkaitan serta mengkaji terma dan syarat yang wujud dalam aplikasi-aplikasi yang dikaji. Membuat analisis kes-kes yang berkaitan dengan undang-undang media, komunikasi, fitnah, hak bersuara dan lain-lain di samping membandingkan dengan terma dan syarat yang dikaji. Mendapatkan temu janji dengan pegawai-pegawai yang terlibat dalam bidang komunikasi untuk mendapatkan data dan juga pendapat mereka dalam isu-isu sosial yang timbul akibat daripada penyalahgunaan kebebasan bersuara dalam aplikasi Facebook, WhatsApp serta Instagram. Ini akan membantu untuk melihat betapa seriusnya akibat yang boleh berlaku jika tiada pembendungan terhadap penggunaan negatif di media sosial.

### **4.0 RUMUSAN**

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, undang-undang Malaysia terhadap hak kebebasan bersuara adalah secara terangnya dijelaskan dalam Artikel 10, Perlembagaan Persekutuan. Ingin menegaskan di sini bahawa walaupun kebebasan bersuara merupakan suatu hak asasi yang wajib diamanahkan kepada semua orang rakyat, namun ianya bukan secara mutlak, di mana masing-masing perlu menitikberatkan serta menanamkan sikap rasional dalam diri masing-masing supaya hak ini tidak digunakan secara salah, terutamanya dalam konteks media sosial seperti Facebook, Instagram, WhatsApp dan sebagainya. Hal ini demikian kerana keupayaan bersuara adalah suatu cara ataupun medium untuk kita bergaul dengan orang

lain dan sekiranya ia salah digunakan, seperti menyebarkan berita palsu atau bercakap atau memaparkan kata-kata lucah serta kesat, bukan sahaja lisan, malahan bertulis juga akan menunjukkan sikap buruk tentang kedua-dua belah pihak, yang mana akhirnya mendorong kepada pandangan negative daripada pelbagai pihak luar.

